

# **PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN**



# **PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN**

## **Editor**

Mohd Azhar Abd Hamid  
Faizah Mohd Fakhruddin  
Rozeyta Omar  
Fadilah Zaini  
Mohd Koharuddin Mohd Balwi

Cetakan Pertama 2020

© Mohd Azhar Abdul Hamid, Faizah Mohd Fakhruddin, Rozeyta Omar,  
Fadilah Zaini, Mohd Koharuddin Mohd Balwi, 2020

Hak cipta terpelihara. Tiada dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan cara apa jua sama ada dengan cara elektronik, fotokopi, mekanik, atau cara lain kecuali dengan keizinan daripada Fakulti Pengurusan, Universiti Teknologi Malaysia.

eISBN 978-967-2401-15-5

Perpustakaan Negara Malaysia  
Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Editor: Mohd Azhar Abdul Hamid, Faizah Mohd Fakhruddin,  
Rozeyta Omar, Fadilah Zaini, Mohd Koharuddin Mohd  
Balwi,

Reka Bentuk & Reka Letak: Amira Wardiah Binti Hasanudin

Diterbitkan di Malaysia oleh  
FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN,  
81310 UTM Johor Bahru,  
Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim, MALAYSIA.

Tel.: 07-561 0006

Dicetak di Malaysia oleh  
FIRDAUS PRESS SDN. BHD.  
No. 26 & 28, Jalan PBS 14/4,  
Taman Perindustrian Bukit Serdang,  
43300 Sri Kembangan, Selangor, MALAYSIA.


# Kandungan

<i>Pengantar</i>	<i>ix</i>
<b>Bab 1 Pengenalan Ilmu Etika dan Peradaban</b> <i>Suaibah Abu Bakar</i>	<b>1</b>
<b>Bab 2 Teori-teori Etika</b> <i>Suaibah Abu Bakar</i>	<b>17</b>
<b>Bab 3 Etika dan Peradaban Dalam Kepelbagaiannya</b> <b>Tamadun: Islam dan Melayu</b> <i>Faizah Mohd Fakhruddin</i> <i>Muhamed Fauzi Othman</i>	<b>37</b>
<b>Bab 4 Etika dan Peradaban Dalam Kepelbagaiannya</b> <b>Tamadun: China, India dan Barat</b> <i>Faizah Mohd Fakhruddin</i> <i>Rozeyta Omar</i> <i>Muhamed Fauzi Othman</i> <i>Ana Haziqah A. Rashid</i>	<b>64</b>
<b>Bab 5 Pemantapan Kesepaduan Nasional</b> <b>Menerusi Etika dan Peradaban</b> <i>Norhani Bakri</i> <i>Rozeyta Omar</i>	<b>88</b>
<b>Bab 6 Perlembagaan Persekutuan Tiang Seri Etika</b> <b>dan Peradaaban Di Malaysia</b> <i>Fadilah Zaini</i>	<b>108</b>
<b>Bab 7 Penerapan Etika dan Peradaban Dalam</b> <b>Budaya dan Komunikasi Kontemporari</b> <i>Suaibah Abu Bakar</i>	<b>131</b>
<b>Bab 8 Peranan Etika dan Peradaban Dalam</b> <b>Mendokong Tanggungjawab Sosial</b> <i>Mohd Koharuddin Mohd Balwi</i>	<b>148</b>
<b>Bab 9 Cabaran Keterlestarian Etika dan</b> <b>Peradaban</b> <i>Mohd Azhar Abd Hamid</i>	<b>173</b>



# Pengantar

**“Melentur Buluh Biarlah Daripada Rebungnya”**  
*Pepatah Melayu*



Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang, dan segala selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

Buku ini bertajuk **PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN** dan ia akan membincang dan menjelaskan kepada pembaca tentang **ETIKA DAN PERADABAN** dalam perspektif silam dan kontemporari khususnya dalam perspektif Malaysia. Buku ini digarap sebagai kursus wajib universiti yang baru iaitu menggantikan kursus wajib universiti sebelum ini iaitu **HUBUNGAN ETNIK (DINAMIKA MALAYSIA)**.

Secara umumnya, kandungan buku ini menghurai dan membahaskan dua tema penting iaitu etika dan peradaban dalam perspektif global dan lokal. Kedua-dua tema ini bersifat pelengkap dan penting dalam membangunkan sebuah masyarakat yang beretika dan berperadaban khususnya di Malaysia. Kandungan buku ini disusun berdasarkan konsep deduktif iaitu ia bermula dengan penjelasan dan penghuraian secara umum iaitu berkaitan dengan teori, model dan konsep. Penghuraian umum ini kemudiannya disinergikan dengan amalan dan praktis dalam konteks global dan lokal. Topik **PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN** dalam buku ini dihuraikan dengan menggunakan beberapa pendekatan seperti etika-moral-akhlak, sejarah, politik, tamadun dan sosiologi bagi memahami **ETIKA DAN PERADABAN** dalam perspektif yang lebih holistik dan komprehensif.

## Pengantar

**Bab 1: Pengenalan Ilmu Etika dan Peradaban** adalah topik pengenalan yang bertujuan membuka pemahaman dan perspektif pembaca tentang konsep etika dan peradaban secara umum dan khusus. **Bab 2: Teori-teori Etika** pula adalah bab asas bagi pembaca memahami secara ilmiah tentang teori-teori etika. Pembaca akan disajikan dengan teori etika dan peradaban dalam perspektif Barat dan Islam. **Bab 3: Etika dan Peradaban Dalam Kepelbagai Tamadun: Islam dan Melayu** menghuraikan etika dan peradaban dalam perspektif Islam dan Melayu. **Bab 4: Etika dan Peradaban Dalam Kepelbagai Tamadun: Cina, India dan Barat** akan membawa pembaca menyorot etika dan peradaban dalam pelbagai tamadun di dunia khususnya dalam konteks Global pada hari ini. **Bab 5: Pemantapan Kesepaduan Nasional Melalui Etika dan Peradaban** akan membincangkan isu-isu Kesepaduan Nasional menerusi etika dan peradaban. Kedua-dua pembolehubah ini penting dalam memahami dan amalan dalam kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa, agama dan keturunan. **Bab 6: Perlembagaan Persekutuan Tiang Seri Etika dan Peradaban Di Malaysia** akan membawa pembaca memahami secara tuntas akan peranan Perlembagaan Persekutuan dalam pembangunan etika dan peradaban. Dengan kata lain, pembaca akan lebih jelas apabila tiang seri iaitu Perlembagaan Persekutuan sebagai pemain utama pembangunan etika dan peradaban dalam konteks Malaysia pada hari ini. **Bab 7: Penerapan Etika dan Peradaban Dalam Budaya dan Komunikasi Kontemporari** akan menawarkan pembaca dengan tata cara, pendekatan dan kaedah yang fungsional bagaimana etika dan peradaban dapat diamalkan dalam konteks komunikasi dan budaya kontemporari. **Bab 8: Peranan Etika dan Peradaban Dalam Mendokong Tanggungjawab Sosial** pula akan menghidangkan pembaca dengan peranan penting yang perlu dimainkan oleh etika dan peradaban dalam mendokong tanggungjawab sosial. Dengan kata lain, setiap individu berperanan membangunkan etika dan peradaban demi kesejahteraan dan kesepaduan sosial. Terakhir, **Bab 9: Cabaran Keterlestarian Etika dan Peradaban** akan menjelaskan celik akal kepada pembaca bahawa etika dan peradaban adalah suatu nilai yang perlu dipertahankan oleh setiap individu di Malaysia. Pelbagai cabaran dan strategi ke arah keterlestarian etika dan peradaban turut dimuatkan dalam bab ini.

## Pengantar

Berdasarkan sinopsis ringkas sembilan bab yang terdapat dalam buku **PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN** ini, ia diharapkan akan dapat memberi manfaat dan sumbangan ke arah membangunkan sebuah negara yang beretika dan berperadaban. Buku ini adalah sebahagian daripada inisiatif dan strategi kerajaan dan akademia membangunkan minda etika dan beradab dalam kalangan mahasiswa. Dengan memiliki minda dan penghayatan etika dan peradaban ini akan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang memiliki watak atau karakter beretika dan beradab seperti mana Jepun, negara-negara Scandinavia pada zaman kontemporari ini, atau pun seperti mana yang terdapat pada zaman keemasan Islam di Andalusia dan Abbasiyyah suatu ketika dahulu. Justeru, seperti mana yang dinukilkannya dipermulaan kata pengantar ini iaitu “**Melentur Buluh Biarlah Daripada Rebungnya**”, maka buku **PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN** ini adalah antara inisiatif dan strategi awal dalam pendidikan tinggi yang para akademia usahakan secara kolektif ke arah menjadikan mahasiswa sebagai modal insan seperti ‘buluh yang boleh dilentur’.

**Mohd Azhar Abd Hamid**  
**Faizah Mohd Fakhruddin**  
**Rozeyta Omar**  
**Fadilah Zaini**  
**Mohd Koharuddin Mohd Balwi**

*Sekolah Pembangunan Sumber Manusia & Psikologi  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Teknologi Malaysia  
2020*

## KONSEP PENGHAYATAN NILAI

Menurut Kamus Dewan, **penghayatan** adalah kata terbitan yang berasal dari kata **hayat**. Ia menjelaskan perihal atau proses menghayati, mendalamai dan membatini sesuatu hal yang dianggap sebagai penting dan dapat memberi kesan dalam jangka pendek atau panjang kepada individu, komuniti atau masyarakat. Hanya manusia yang memiliki sifat penghayatan ini yang mana manusia dapat menjiwai sesuatu sama ada melalui panca inderanya. Melalui penghayatan, seseorang itu dapat merealisasikan sesuatu yang ditanggapinya dalam kehidupan sama ada secara individu maupun masyarakat (Kamus Dewan 1994: 447).

Mohd Salleh (1998) menyatakan **nilai** merupakan komponen penting bagi setiap budaya sesuatu masyarakat. Nilai menurutnya adalah idea-idea yang dikongsi oleh masyarakat tentang apa yang baik dan tidak baik. Nilai juga bermaksud suatu tanggapan mengenai apa yang baik atau buruk dalam sesuatu kebudayaan yang dibentuk secara konsesus oleh ahli-ahli masyarakat. Justeru, setiap tindakan dan perbuatan manusia mengandungi nilai yang berasaskan kepada sistem nilai yang dipegangnya samada berdasarkan ciptaan manusia seperti norma (resam), *mores*, *folkways* mahu pun ciptaan Tuhan (Sidi Gazalba, 1978). Justeru, tindakan dan perbuatan tanpa berasaskan penghayatan nilai akan hanya sia-sia (*value free*), tidak mendatangkan manfaat kepada diri seseorang maupun pihak lain serta boleh menjadikan kehidupan kacau bilau (chaos). Sehubungan itu, dalam konteks subjek ini, **penghayatan nilai** membawa maksud pelajar akan;

- mengenalpasti perbezaan antara nilai-nilai baik dan buruk dalam pelbagai konteks etika dan peradaban, dan dalam masa yang sama dapat menterjemahkannya dalam konteks di Malaysia.
- memiliki kesedaran dalaman untuk memahami, menghayati dan mengamalkan nilai-nilai baik yang terdapat dalam etika dan peradaban dan sekali gus menjadi warganegara yang terdidik dan bertanggungjawab.
- bertanggungjawab sebagai peneraju utama penghayatan nilai-nilai etika dan peradaban ke arah membina hubungan positif dan berkekalan sesama manusia, alam sekitar dan penciptanya.
- berperanan sebagai agen perubahan masyarakat yang mampu menjadikan penghayatan nilai yang baik dan positif sebagai cara hidup yang dapat membina sebuah masyarakat yang beretika dan berperadaban dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual.

## BAB 1

# PENGENALAN ILMU ETIKA DAN PERADABAN

Suaibah Abu Bakar

### **Objektif Pembelajaran:**

Di akhir bab ini, pelajar akan dapat;

1. Menerangkan latar belakang ilmu etika dan peradaban.
2. Menjelaskan definisi dan konsep etika dari peradaban yang berbeza.
3. Membuat perbandingan konsep etika berdasarkan kepada individu, masyarakat, negara dan sejagat.
4. Menghuraikan prinsip-prinsip asas etika yang menjadi panduan dan amalan dalam kehidupan seharian.
5. Mengaplikasikan konsep etika dan prinsip-prinsip asas etika dalam melaksanakan tanggungjawabnya terhadap diri sendiri, dalam keluarga, masyarakat, negara dan di peringkat antarabangsa.

## **1.0 PENGENALAN**

Amalan etika yang baik merupakan satu tuntutan dan keperluan dalam konteks kehidupan seseorang individu dan masyarakat. Dalam memahami konsep etika, terdapat pelbagai latar belakang ilmu etika dan peradaban yang merangkumi definisi etika berdasarkan kepada peradaban Barat, India, China dan Arab, konsep etika daripada perspektif individu, masyarakat, negara dan global atau sejagat serta lima prinsip asas etika yang sering menjadi amalan di seluruh dunia.

## **1.1 LATAR BELAKANG ILMU ETIKA DAN PERADABAN**

Etika dan peradaban adalah dua konsep yang bergerak seiring. Di mana ada etika, di situ ada peradaban dan di mana ada peradaban maka di situ juga akan ada etika. Tokoh-tokoh falsafah awal dunia seperti Socrates, Plato dan Aristotle telah membicarakan dua konsep etika dan peradaban ini semenjak tahun 470-300 SM dan karya Plato yang paling popular iaitu ‘Republic’ sekitar tahun 380 SM telah menyentuh secara langsung tentang dua konsep etika dan peradaban ini. Oleh kerana falsafah Socrates tidak ditulis oleh beliau sendiri tetapi oleh sarjana-sarjana terkemudian maka karya Plato ini menjadi rujukan bertulis yang terkenal dalam proses memahami dua konsep etika dan peradaban sejak zaman dahulu sehingga kini. Karya ‘Republic’ ini berdasarkan kepada falsafah Socrates yang membicarakan konsep teras utama etika iaitu keadilan dengan fokus kepada pembentukan negara dan manusia yang adil.

Socrates telah menerangkan tentang konsep keadilan dan sama ada manusia yang adil lebih bahagia berbanding dengan manusia yang tidak berlaku adil. Daripada konsep keadilan manusia ini, ianya telah berkembang dalam pelbagai dimensi kehidupan dan membentuk peradaban manusia dan seterusnya ke arah pembinaan negara bangsa. Socrates berpendapat, manusia yang baik akan melakukan kurang masalah atau kemudaratannya kepada manusia yang lain walaupun kepada musuh mereka sendiri. Begitu juga dengan pemerintah, di mana Socrates menyatakan mana-mana pemerintah yang tidak melaksanakan prinsip yang adil dalam sistem pentadbirannya akan dianggap sebagai pemerintah yang gagal sama seperti seorang lelaki yang gagah tetapi sering melakukan kesilapan akan dianggap sebagai seorang lelaki yang lemah dan gagal dalam kehidupannya. Untuk menjadi pemerintah yang adil, memiliki ilmu pengetahuan adalah kunci utama, amat penting dan perlu ada pada diri seorang pemimpin.

Aristotle (384 – 322SM) dalam karyanya ‘*Magna Moralia*’ (etika teragung) menjelaskan falsafah asal etika mengenai konsep ‘kebaikan adalah pengetahuan’ sebenarnya dipelopori oleh Socrates. Socrates juga dikatakan sebagai pelopor kepada konsep ‘kebaikan moral’ dan individu yang bertanggungjawab memberi makna kebaikan moral dan menyebarkannya ke seluruh dunia. Pengaruh falsafah etika Socrates ini dihuraikan dengan lebih terperinci dalam karya Aristotle iaitu ‘Nicomachean Ethics’ yang akan diterangkan dengan lebih lanjut dalam bahagian teori etika klasik yang berkaitan dengan Teori Kebaikan oleh Aristotle.

Sementara itu, falsafah Socrates yang menyentuh secara langsung mengenai pembinaan peradaban manusia yang dihuraikan oleh Plato dalam karyanya ‘*Republic*’ secara jelas membahagikan manusia kepada tiga kelas sosial iaitu pekerja, tentera dan pemerintah. Setiap kelas masyarakat ini mempunyai nilai moral atau etika yang harus dipegang dan dilaksanakan. Untuk menjadi kelas pekerja, seseorang itu mestilah mempunyai kemahiran-kemahiran tertentu misalnya ilmu pertukangan, pertanian, penternakan. Jika dalam kelas tentera pula, seseorang itu harus mempunyai sifat keberanian, gagah dan sanggup mengembara. Sementara untuk menjadi pemerintah seseorang itu perlu memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi, rasional, kawalan kendiri, mencintai kebijaksanaan dan boleh membuat keputusan yang baik dan tepat untuk masyarakat. Semua nilai yang perlu ada pada tiga kelas masyarakat berdasarkan falsafah peradaban manusia oleh Socrates ini telah berkembang kemudiannya menjadi falsafah kepada konsep moral atau etika sejagat yang digunakan sehingga ke hari ini.

## **1.2 DEFINISI ETIKA BERDASARKAN KEPADA PERADABAN BARAT, INDIA, CHINA DAN ARAB**

Definisi etika adalah berbeza-beza mengikut peradaban di sesebuah negara atau tempat. Bahagian ini akan menerangkan beberapa definisi etika berdasarkan kepada peradaban utama dunia iaitu Barat, India, China dan Arab.

Dalam peradaban Barat, etika berasal daripada perkataan Greek iaitu ‘*ethos*’ yang bermaksud sikap dan adat yang menentukan tingkahlaku sesebuah masyarakat. Etika juga ditakrifkan sebagai satu set prinsip-prinsip moral yang menentukan sesuatu tindakan adalah betul atau salah. Prinsip-prinsip moral ini sebagai panduan kepada kelakuan manusia sama ada menjadi baik atau buruk. Selain daripada etika, satu lagi perkataan yang sinonim dengannya ialah moral. Berasal daripada perkataan Greek iaitu ‘*moras*’ yang bermaksud adat dan kebiasaan yang diamalkan dalam sesebuah masyarakat. Moral ialah konsep atau idea umum yang diterima oleh sesebuah

masyarakat mengenai sesuatu perbuatan baik atau buruk yang dilakukan oleh manusia. Etika dan moral berbeza daripada segi sebutan tetapi membawa maksud yang hampir sama, cuma etika lebih kepada teori atau konsep sementara moral pula lebih kepada perbuatan.

Konsep etika juga ditemui dalam peradaban India. Etika dalam masyarakat India dikenali sebagai ‘*nitisastro*’ (Bahasa Sanskrit) iaitu sebahagian daripada konsep ‘*Rta*’. Dalam kitab Veda, konsep ‘*rta*’ ditakrifkan sebagai perintah, peraturan dan kebenaran yang dianggap sebagai prinsip peraturan semulajadi yang diamalkan dalam sistem alam semesta. *Rta* juga dianggap sebagai tanggungjawab utama dalam memastikan perintah semulajadi, moral dan pengorbanan dapat berfungsi dan dilaksanakan oleh manusia. Secara konseptualnya, *rta* juga dikaitkan dengan konsep melaksanakan perintah dan peraturan yang dikenali sebagai ‘*dharma*’ dan konsep tindakan manusia yang menuruti perintah tersebut yang dipanggil sebagai ‘*karma*’. Kedua-dua konsep ini iaitu *dharma* dan *karma* akhirnya menaungi konsep *rta* yang berkembang sebagai prinsip moral, agama dan semulajadi yang kemudiannya menjadi asas utama kepada kepercayaan ‘Hinduisme’ dalam masyarakat India.

Selain peradaban Barat dan India, konsep etika juga ditemui dalam peradaban awal masyarakat di China. Dalam peradaban China, Confucius (551-479 SM) ialah seorang ahli falsafah yang terkenal dengan ‘Confucianisme’ adalah pelopor kepada konsep ‘Ruisme’ yang ditakrifkan sebagai tradisi, falsafah, kemanusiaan atau kepercayaan yang rasional dalam sistem pentadbiran dan merupakan satu cara hidup. Confucius beranggapan bahawa etika amat berkait rapat dengan nilai kemanusiaan. Etika berdasarkan kepada takrifan Confucius ialah nilai-nilai kebaikan berasaskan kepada lima prinsip utama ‘*wuchang*’ iaitu ‘*ren*’ (kebijakan dan kemanusiaan), ‘*yi*’ (kebenaran atau keadilan), ‘*li*’ (cara yang betul), ‘*zhi*’ (pengetahuan) dan ‘*xin*’ (integriti). Lima prinsip ‘*wuchang*’ ini adalah selari dengan nilai kebaikan di dalam syurga dan harus diamalkan dan dilaksanakan dalam kehidupan di dunia ini sama ada dalam sistem pentadbiran atau cara hidup manusia.

Di dalam peradaban Arab terutama selepas kedatangan agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w, konsep etika ini ditemui dalam pengertian akhlak (Bahasa Arab ialah ‘*khuluqun*’) iaitu budi pekerti, tabiat atau tingkah laku. Etika atau akhlak ini ialah tingkah laku manusia yang menggambarkan sifat dan budi pekerti mereka dalam melakukan sesuatu perkara dan sentiasa berasaskan kepada ajaran Islam berdasarkan kepada Al-Quran dan hadith. Konsep akhlak ini berteraskan kepada tiga prinsip utama iaitu fitrah (keadaan semulajadi seseorang individu), tabiat (tingkah laku yang berulang-ulang sehingga menjadi sikap seseorang individu) dan amalan (perbuatan yang dilakukan oleh seseorang individu dan menjadi kebiasaannya).

Walaupun fitrah ialah sifat tertentu atau khusus seseorang individu, namun individu berkenaan boleh mengubah fitrah semulajadinya menerusi usaha dan keazaman yang dilakukan untuk mengubahnya. Kelakuan manusia yang dipengaruhi oleh keadaan mentalnya dari segi kecerdasan dan daya ingatan yang dimiliki, bukanlah sesuatu yang tidak boleh diubah. Mengubah kelakuan manusia bukanlah bermaksud memusnahkan jiwa dan hati nurani mereka tetapi sebenarnya sebagai suatu usaha menjadikan mereka seorang individu yang berkelakuan secara waras, tidak ekstrim dan dapat berfungsi sebagai manusia yang normal.

### **1.3 ETIKA DARIPADA PERSPEKTIF INDIVIDU, MASYARAKAT, NEGARA DAN SEJAGAT**

Pengertian dan kefahaman serta amalan etika juga berbeza-beza berdasarkan perspektif individu, masyarakat, sesebuah negara atau di peringkat sejagat. Daripada perspektif individu, pengertian etika adalah berbeza-beza dan kebiasaannya bergantung kepada prinsip-prinsip asas dan nilai yang dipegang oleh seseorang individu. Prinsip-prinsip asas dan nilai yang dipegang ini menjadi panduan kepada gaya berfikir, bercakap dan kelakuan individu berkenaan. Etika individu ini menjadi kawalan kepada tindakan seseorang apabila berurusan dengan pihak lain sama ada individu, masyarakat, haiwan, alam sekitar atau hubungannya dengan Tuhan. Malah etika individu ini juga penting apabila mereka cuba menguruskan diri mereka sendiri contohnya wajarkan seseorang itu mengambil dadah untuk menghilangkan kemurungan yang dialaminya.

*Etika individu* dikategorikan sebagai falsafah atau gaya pemikiran yang dipegang oleh seseorang individu mengenai kepercayaannya terhadap prinsip-prinsip moral seperti prinsip betul atau salah. Etika individu boleh mempengaruhi semua ruang kehidupan individu berkenaan sama ada terhadap dirinya sendiri, dengan keluarga, rakan dan masyarakat. Walaupun etika individu ini jarang dikenali sebagai suatu konsep falsafah etika yang jelas, namun dalam peradaban barat atau timur, pegangan seseorang individu terhadap konsep baik atau buruk, betul atau salah menjadi panduan kepada mereka untuk melakukan sesuatu tindakan dalam urusan kehidupan seharian. Kajian kebanyakan sarjana menunjukkan etika individu ini mempengaruhi pemikiran dan tindakan manusia dalam semua bidang seperti budaya, politik, agama, ekonomi dan pelbagai aspek kehidupan bermasyarakat yang lain termasuk dalam hal-hal yang dianggap rutin biasa seperti bagaimana untuk makan dan berapa banyak yang harus dimakan.

Pada hari ini mungkin ramai yang beranggapan etika individu ini terlalu fokus kepada nilai yang dipegang oleh seseorang individu tetapi dalam dunia sebenar, etika individu ini amat penting sebagai panduan hidup manusia demi mencapai matlamat masing-masing.

Contohnya, dalam hal memilih jodoh perkahwinan (memilih pasangan lelaki atau perempuan yang betul sebagai bakal suami atau isteri). Daripada zaman dahulu hingga sekarang, etika individu ini wujud dan berkembang selaras dengan peredaran masa dan zaman. Jika dahulu, mungkin pasangan hidup yang baik dan berakhhlak menjadi pilihan tetapi kini bukan setakat baik atau berakhhlak sahaja, malah perlu pasangan hidup yang mampu membayai kos kehidupan seperti perumahan, pendidikan anak, kesihatan keluarga dan banyak lagi komitmen yang lain. Oleh kerana itu, etika individu kini telah berkembang bukan setakat berorientasikan kepada nilai peribadi seperti bagaimana kita hidup, bertindak dan mempunyai perasaan tetapi juga bagaimana kita harus hidup, bertindak dan respon terhadap keadaan dalam situasi yang berbeza-beza. Etika individu ini menjadi asas yang penting dan utama kepada pembentukan etika sekelompok individu yang dipanggil masyarakat.

*Etika masyarakat* pula dirujuk sebagai panduan dan prinsip-prinsip moral yang dipersetujui dan diterima oleh sesebuah masyarakat. Etika masyarakat ini penting untuk dipatuhi dan diamalkan oleh seseorang individu dalam sesebuah masyarakat. Sesuatu nilai yang diterima dalam sesebuah masyarakat harus diamalkan oleh masyarakat berkenaan. Namun nilai ini berbeza-beza mengikut amalan, budaya, agama yang terdapat dalam sesebuah masyarakat. Jika suatu nilai itu diterima oleh sesebuah masyarakat, ini tidak bermakna akan diterima oleh masyarakat lain. Oleh yang demikian, definisi etika juga adalah berbeza-beza mengikut masyarakat yang disebabkan oleh perbezaan nilai yang diterima ini. Contohnya dalam masyarakat barat, masuk ke dalam rumah dengan memakai kasut adalah nilai yang diterima dan menjadi amalan sama ada oleh tuan rumah atau tetamu yang datang. Namun nilai ini tidak diterima dalam masyarakat timur. Kebanyakan masyarakat di timur akan masuk ke dalam rumah dengan menanggalkan kasut di luar rumah sama ada oleh tuan rumah atau tetamu yang datang. Jika tuan rumah atau tetamu yang datang, masuk ke dalam rumah dengan memakai kasut, maka mereka dianggap melanggar batas susila masyarakat timur, tidak beradab dan tidak beretika.

Etika dalam masyarakat ini memainkan peranan yang penting sebagai panduan dalam membentuk tingkahlaku individu dalam masyarakat berkenaan. Sesuatu nilai yang diterima oleh masyarakat berkenaan harus dipatuhi dan diamalkan oleh individu yang berada dalam masyarakat tersebut. Tiada individu yang terkecuali daripada kepelbagaiannya kaum, budaya dan agama dalam sesebuah masyarakat yang majmuk seperti ini maka nilai-nilai etika yang umum merentasi

nilai dan etika yang diamalkan dalam sesebuah masyarakat selagi mereka tinggal dan hidup secara berkomuniti. Persoalan yang timbul ialah bagaimana dalam sesebuah masyarakat itu terdapat pelbagai kaum, budaya dan agama? Dalam konteks ini, walaupun terdapat kepelbagaian ini harus diterima oleh masyarakat majmuk sedemikian.

Misalnya nilai kebaikan, keadilan, kesaksamaan, kehidupan, kebahagiaan dan sebagainya yang terdapat dalam semua kaum, budaya dan agama menjadi panduan, diterima secara umum dan diamalkan dalam masyarakat yang majmuk dengan sikap saling hormat-menghormati nilai etika yang dipegang di samping meraikan kepelbagaian dalam masyarakat. Namun jika terdapat percanggahan antara nilai etika yang diamalkan dalam masyarakat majmuk ini maka dalam konteks sebuah negara yang dibina di atas keluhuran perlembagaan dan kedaulatan undang-undang, masyarakat majmuk dalam sesebuah negara perlu akur dan patuh kepada nilai etika yang diamalkan oleh sesebuah kerajaan atau dikenali sebagai etika peringkat negara atau etika nasional.

*Etika negara* atau nasional ialah nilai-nilai etika dan moral yang harus ada dan diamalkan oleh setiap rakyat dalam sesebuah negara dan pelanggaran terhadap nilai etika dan moral berkenaan akan berhadapan dengan tindakan undang-undang yang berkaitan dalam negara berkenaan. Bello (1995) menyatakan etika negara ini didefinisikan sebagai sistem moral, peraturan dan tingkah laku di mana setiap komuniti dalam negara berkenaan adalah terikat dengannya dan sebarang pelanggaran terhadapnya akan berhadapan dengan hukuman undang-undang sedia ada di negara berkenaan. Etika negara kebiasaannya ada dalam perlembagaan sesebuah negara sebagai panduan kepada kelakuan dan tindakan rakyat dalam sesebuah negara misalnya dalam hal-hal yang berkaitan dengan disiplin, integriti, maruah, keadilan sosial, toleransi agama dan patriotisme.

Keperluan dan kepentingan etika negara ini dapat dilihat di negara sedang membangun atau negara maju sebagai indikator atau petunjuk kepada kematangan rakyat negara berkenaan dalam menguruskan kehidupan sehari-hari daripada peringkat rakyat bawah mahupun pemimpin atasaran. Pentadbiran dan pembangunan dalam sesebuah negara boleh berjalan lancar apabila terdapatnya nilai etika nasional ini kerana ianya boleh membawa rakyat kepada kehidupan bermasyarakat yang saling bertoleransi, berkelakuan secara beretika dan menuju kepada matlamat yang sama di peringkat negara; keadilan di kalangan rakyat kerana golongan kaya dan miskin boleh hidup dan berperanan membantu di antara satu sama lain; mengelak daripada ketegangan kaum dan agama kerana saling memahami dan menghormati kepelbagaian di antara mereka; menjadikan rakyat sebagai warganegara yang bangga dengan sistem hidup dan nilai yang dipegang dalam negara berkenaan; mampu menjadikan setiap

individu sebagai warganegara yang baik dan contoh yang boleh diteladani di peringkat antarabangsa; memastikan sistem urus tadbir kerajaan yang cekap, berkesan dan berintegriti. Walau bagaimanapun etika nasional adalah berbeza-beza mengikut negara. Oleh yang demikian, terdapat satu lagi peringkat etika yang harus dilihat dan merentasi sesebuah negara yang dikenali sebagai etika sejagat.

*Etika sejagat* ialah etika yang diterima dan diamalkan di peringkat antarabangsa. Menurut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), pada tahun 2019, terdapat sebanyak 195 buah negara yang berdaulat di dunia ini. Ini bermakna terdapat sekurang-kurangnya 195 jenis etika nasional mengikut negara berkenaan. Bagaimana di kalangan semua negara ini boleh berurusan di antara satu dengan yang lain jika terdapat begitu banyak jenis etika nasional? Di sinilah wujudnya satu lagi peringkat etika yang merentasi sempadan sesebuah negara yang dikenali sebagai etika sejagat. Etika sejagat ini mengandungi pelbagai standard etika yang dianggap berdiri dengan sendiri dan boleh diaplikasikan kepada semua manusia tanpa mengira kaum, budaya, agama, jantina, kumpulan umur, politik, kelas sosial atau ekonomi. Semua prinsip atau nilai etika yang tidak dianggap sebagai agresif, mencegah penggunaan kekerasan atau menghalang keganasan di antara manusia dianggap sebagai prinsip etika sejagat. Di antara contoh kekerasan atau keganasan ini ialah pembunuhan, rogol, penculikan, mencederakan, mencuri, merompak dan tingkahlaku musnah atau vandalisme. Sebaliknya, sebarang tindakan yang diambil sebagai tindakbalas ke atas kekerasan dan keganasan tersebut dianggap sebagai tindakan yang tidak melanggar etika sejagat. Ramai sarjana etika percaya punca yang mewujudkan masalah kepada kelakuan beretika seseorang individu ialah dua sifat semulajadi yang sentiasa ada dalam diri manusia iaitu sifat baik dan sifat jahat. Oleh kerana manusia selalunya ada sifat yang munasabah dan daya intelektual, pada masa tertentu ter dorong untuk melakukan sesuatu perkara maka mereka mestilah dipandu oleh nilai etika dan peraturan yang boleh mengimbangi sifat baik dan jahat itu tadi. Manusia seharusnya memilih di antara tingkahlaku baik atau jahat berdasarkan kepada akibat daripada tindakan yang diambil berbanding dengan tindakan itu sendiri. Dalam proses membuat pilihan di antara tingkahlaku bermoral atau sebaliknya, seseorang individu harus mempertimbangkan apakah kebaikan atau keburukan sejagat yang terjadi kesan daripada sesuatu tindakan yang diambil. Contohnya, jika semua orang mencuri maka kesannya akan berlaku huru hara dan banyak kejadian keganasan di dunia ini. Lantaran itu, nilai etika seseorang individu akan mempertimbangkan bahawa adalah tidak bermoral jika kita ingin mencuri atau menjadi seorang pencuri.

Berdasarkan kepada justifikasi nilai seperti ini maka peraturan dan undang-undang yang berkaitan dengan tindakan mencuri akan dicipta dan dikuatkuasakan, yang akhirnya berkembang menjadi satu nilai etika dan undang-undang yang diterima sejagat.

## 1.4 PRINSIP-PRINSIP ASAS ETIKA

Terdapat lima prinsip asas etika iaitu prinsip nilai hidup manusia, prinsip kebaikan dan keburukan, prinsip keadilan dan saksama, prinsip kejujuran dan prinsip kebebasan.

### 1.4.1 Prinsip nilai hidup manusia

Tiada yang paling berharga dalam diri manusia melainkan nyawa mereka sendiri. Prinsip asas etika ini diterima oleh semua manusia di seluruh dunia. Justeru, tanggungjawab manusia ialah menjaga sebaik yang mungkin nyawa mereka dan juga nyawa pihak lain. Menjaga nyawa diri sendiri dan juga nyawa pihak lain menjadi prinsip etika yang paling utama untuk diamalkan tanpa mengira tempat dan masa. Manusia tidak dibenarkan melakukan sesuatu perbuatan yang boleh mengancam nyawa mereka dan nyawa pihak lain tanpa sebab yang dibenarkan oleh undang-undang dan pegangan agama masing-masing. Dalam sesetengah keadaan misalnya peperangan atau mempertahankan diri daripada serangan pihak musuh, mungkin akan ada nyawa yang terpaksa dikorbankan.

Begitu juga dalam melaksanakan sesuatu hukuman berdasarkan kepada undang-undang di sesebuah negara, dari zaman dahulu sehingga zaman sekarang, hukuman mati adalah hukuman yang paling berat untuk kesalahan yang paling berat dilaksanakan terhadap penjenayah yang didapati bersalah oleh mahkamah. Namun pada masa sekarang, semakin banyak gerakan sivil yang menentang hukuman mati dan mendesak hukuman maksimum yang boleh dilaksanakan di sesebuah negara ialah hukuman penjara seumur hidup sahaja. Alasan yang digunakan oleh gerakan sivil ini ialah tidak wajar manusia mengambil nyawa manusia lain walaupun ianya satu bentuk hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah. Nyawa itu adalah anugerah Tuhan yang paling bernilai dan berharga bagi setiap manusia yang masih hidup di muka bumi ini.

### **1.4.2 Prinsip kebaikan dan keburukan**

Setiap manusia yang rasional suka kepada kebaikan dan benci kepada keburukan. Manusia juga digalakkan untuk membuat kebaikan dan meninggalkan segala perbuatan yang mendatangkan keburukan. Kebaikan itu bersifat subjektif. Kebaikan boleh bermaksud kehidupan, kebahagiaan, kesedaran, keseronokan, kebenaran dan pelbagai nilai baik yang lain. Keburukan juga bersifat subjektif. Keburukan boleh bermaksud kematian, penderitaan, kesilapan, kedukaan, kepalsuan dan pelbagai nilai buruk yang lain. Sebagai manusia yang menjalani kehidupan sehari-hari, prinsip kebaikan dan keburukan ini sentiasa ada di sekitar mereka. Kadang-kala mereka sendiri yang melakukan kebaikan dan keburukan ini dan dalam sesetengah keadaan yang lain, kebaikan dan keburukan itu dilakukan oleh pihak lain.

Kebaikan dan keburukan ini apabila berlaku, ianya boleh mendatangkan kesan kepada pelaku perbuatan tersebut dan juga kepada pihak lain sama ada secara langsung atau tidak langsung. Contohnya, pemimpin yang baik, adil, amanah, dan cekap akan dapat melaksanakan tanggungjawabnya sebagai pemimpin yang boleh diteladani dan kesan daripada kebaikan yang dilakukannya maka rakyat akan mendapat manfaat daripadanya misalnya negara yang aman dan makmur, ekonomi yang mapan dan berdaya saing, persekitaran sosial yang harmoni dan bersatu padu. Sebaliknya jika pemimpin yang korup, menyalahgunakan kuasa, menyeleweng dan sering bermain retorik serta sentimen agama dan perkauman, maka rakyat akan hidup dalam kesusahan, ditindas, berperangsangka sesama sendiri, tidak bersatu padu dan menjadikan negaranya sebuah negara yang gagal.

### **1.4.3 Prinsip keadilan dan saksama**

Keadilan itu bermaksud meletakkan sesuatu di tempat yang sepatutnya. Saksama pula adalah keseimbangan yang wujud natijah atau kesan daripada keadilan yang berlaku itu tadi. Dua prinsip etika ini bergerak seiring. Keadilan akan membawa kesaksamaan dan kesaksamaan berlaku selepas wujudnya keadilan. Walau bagaimana pun, untuk berlaku adil bukanlah satu tugas yang mudah terutama jika melibatkan banyak pihak atau sekumpulan manusia yang berbeza kehendak dan kepentingan mereka. Namun ini bukan alasan untuk tidak berlaku adil. Yang penting ialah pertimbangan yang wajar diberikan walaupun mungkin ada sebilangan kecil yang akan beranggapan mereka telah tidak diberikan keadilan yang sewajarnya.

Contoh yang klasik ialah seorang doktor dengan sepuluh pesakit. Doktor ini hanya mempunyai sembilan pain darah dalam stok simpanannya. Seorang pesakit memerlukan minimum satu pain darah. Ini bermakna hanya sembilan pesakit yang mempunyai peluang mendapat sekurang-kurangnya satu pain darah dan pesakit yang ke-sepuluh agak tidak bernesib baik kerana tiada bekalan darah untuknya. Doktor berkenaan tidak boleh mengurangkan setiap pain darah untuk diberikan kepada seorang pesakit demi untuk menyelamatkan pesakit yang ke-sepuluh kerana ini akan mengancam nyawa sembilan pesakit yang awal itu tadi. Secara umumnya, kelihatan pesakit yang ke-sepuluh itu tidak mendapat keadilan kerana tiada bekalan darah untuknya, tetapi sebenarnya doktor berkenaan telah membuat pertimbangan yang wajar dan profesional iaitu membuat keputusan berdasarkan kepada prosedur amalan etika perubatan yang membolehkannya memberikan setiap satu pain darah kepada setiap seorang pesakitnya dan hanya sembilan orang sahaja yang bernesib baik mendapat stok darah berkenaan.

#### **1.4.4 Prinsip kejujuran**

Kejujuran ialah salah satu prinsip etika yang utama. Menjadi seseorang yang jujur bermaksud memiliki kelakuan yang beretika, seorang yang tulen iaitu mempunyai niat, pertuturan dan perbuatan yang selari di antara satu dengan yang lain. Kejujuran menunjukkan nilai manusia dalam menghormati diri sendiri dan orang lain iaitu kualiti sebagai manusia yang berkelakuan secara sopan, percakapan dan perbuatan yang konsisten dan lahir daripada ketulusan berdasarkan kepada nilai-nilai keadilan dan kebenaran. Dalam konteks yang lain, kejujuran ialah sikap menghormati nilai-nilai kebaikan dan kebenaran tentang semua aspek kehidupan di dunia ini. Contohnya, seseorang yang memiliki sifat atau prinsip kejujuran ini kebiasaannya ialah seorang yang boleh dipercayai oleh pihak lain dan disandarkan tanggungjawab serta harapan ke atasnya. Berlainan pula dengan seseorang yang dikenali sebagai tidak jujur selalunya akan dipinggirkan oleh masyarakat dan pihak lain sentiasa bimbang dengan penipuan, kepalsuan dan sikap keji yang mungkin lahir atau dicetuskan oleh orang berkenaan. Kejujuran ini penting dalam melahirkan manusia yang berintegriti. Manusia yang jujur kebiasaannya ialah seorang manusia yang berintegriti. Individu yang memiliki sifat jujur ini akan sentiasa mengutamakan nilai-nilai dan

prinsip etika dan tidak berkompromi untuk mengabaikannya. Individu yang jujur dan berintegriti ini adalah bertentangan dengan individu yang bersifat hipokrit. Manusia yang hipokrit ialah seseorang yang percakapannya tidak sama dengan perbuatannya. Individu yang tidak jujur atau hipokrit ini mungkin sedang bercakap tentang ketelusan dan kepentingan sistem urus tadbir yang baik, tetapi dalam masa yang sama sedang melakukan penyelewengan, pecah amanah dan rasuah.

#### **1.4.5 Prinsip kebebasan**

Kebebasan juga merupakan salah satu prinsip utama etika. Kebiasaannya, kebebasan ini sering dikaitkan dengan etika hak asasi manusia. Ianya berkaitan dengan teras peraturan dan undang-undang tentang apa yang boleh dan tidak boleh dibuat oleh manusia. Manusia yang lahir dan hidup di atas muka bumi ini adalah dianggap sebagai seorang yang bebas, boleh menentukan gaya pemikiran, amalan kehidupan yang difikirkan sesuai dengan dirinya dan tidak terikat dengan gaya pemikiran dan cara hidup orang lain. Namun, kebebasan ini bukanlah suatu nilai yang bersifat mutlak. Ada garis panduan dan undang-undang yang berkaitan dengannya dan mesti dipatuhi. Contohnya kebebasan untuk bersuara, berpakaian dan memiliki kekayaan.

#### **1.4.5 Prinsip kebebasan**

Kebebasan juga merupakan salah satu prinsip utama etika. Kebiasaannya, kebebasan ini sering dikaitkan dengan etika hak asasi manusia. Ianya berkaitan dengan teras peraturan dan undang-undang tentang apa yang boleh dan tidak boleh dibuat oleh manusia. Manusia yang lahir dan hidup di atas muka bumi ini adalah dianggap sebagai seorang yang bebas, boleh menentukan gaya pemikiran, amalan kehidupan yang difikirkan sesuai dengan dirinya dan tidak terikat dengan gaya pemikiran dan cara hidup orang lain. Namun, kebebasan ini bukanlah suatu nilai yang bersifat mutlak. Ada garis panduan dan undang-undang yang berkaitan dengannya dan mesti dipatuhi. Contohnya kebebasan untuk bersuara, berpakaian dan memiliki kekayaan.

Manusia masih lagi terikat dengan undang-undang dan peraturan yang ada di mana mereka tidak boleh terlalu bebas bersuara sehingga menyentuh sensitiviti kaum, budaya dan agama yang boleh menimbulkan kegelisahan di kalangan masyarakat majmuk. Manusia tidak boleh berpakaian yang menjolok mata atau yang bertentangan dengan etika pakaian atau budaya pakaian sesuatu kaum misalnya memakai tudung kepala tetapi sedang berseluar pendek dan berjalan di khalayak ramai. Muhi memiliki kekayaan tetapi tidak boleh dengan cara menipu dalam perniagaan, mengamalkan rasuah atau terlibat dalam aktiviti haram seperti menjual dadah, judi haram, rumah pelacuran, pinjaman ‘Along’, penyeludupan manusia, sindiket ‘scam’ di internet dan pelbagai kesalahan jenayah yang lain. Kebebasan sebegini dibatasi oleh peraturan dan undang-undang yang ada dan dikuatkuasakan di sebuah negara.

## 1.5 PENGHAYATAN NILAI

Berdasarkan kepada konsep etika dan peradaban yang berbeza sama ada Barat, China, India dan Arab serta perbezaan dari segi individu, masyarakat, negara dan sejagat, beberapa pengajaran dan nilai yang boleh diperolehi dan dipelajari iaitu:

1. Setiap tamadun mempunyai maksud dan interpretasi etika yang tersendiri. Namun terdapat persamaan di antara semua tamadun tersebut ialah etika sebagai panduan hidup manusia untuk berkelakuan secara baik dan selaras dengan nilai kemanusiaan yang tinggi.
2. Setiap tamadun mempunyai maksud dan interpretasi etika yang tersendiri. Namun terdapat persamaan di antara semua tamadun tersebut ialah etika sebagai panduan hidup manusia untuk berkelakuan secara baik dan selaras dengan nilai kemanusiaan yang tinggi.
3. Etika dalam setiap tamadun ini mementingkan tingkah laku dan pemikiran manusia untuk membezakan sesuatu perkara sama ada baik atau buruk dan boleh dilakukan atau perlu dihindari berdasarkan kepada nilai yang diterima oleh masyarakat di sebuah negara atau tamadun.
4. Sebagai individu, etika itu menjadi panduan hidup mereka ketika berada dalam keluarga, organisasi dan masyarakat.
5. Sebagai masyarakat, etika menjadi panduan kepada masyarakat berkenaan untuk diuruskan secara baik, harmoni, menyantuni setiap pihak dan meraikan kepelbagaiannya.

6. Sebagai sebuah negara, etika itu menjadi nilai yang harus diamalkan dan dipatuhi selaras dengan undang-undang yang ada dalam negara berkenaan.
7. Sebagai sebuah dunia yang sejagat, etika itu adalah nilai yang diterima dan boleh diamalkan merentasi sempadan geopolitik serta mempunyai standard yang boleh menjadi rujukan di peringkat antarabangsa.
8. Prinsip nilai hidup manusia, prinsip kebaikan dan keburukan, prinsip keadilan dan saksama, prinsip kejujuran dan prinsip kebebasan ialah prinsip-prinsip asas etika yang seharusnya diamalkan oleh setiap manusia kerana semua prinsip tersebut adalah prinsip teras yang sangat relevan dalam urusan kehidupan seharian untuk menjadi manusia yang beretika atau berakhhlak mulia.

## 1.6 KESIMPULAN

Kefahaman mengenai konsep etika berasaskan kepada peradaban utama dunia seperti Barat, India, China dan Arab serta perbandingan mengenai pengertian etika berdasarkan kepada konteks individu, masyarakat, negara dan sejagat membolehkan kita memahami konsep etika dengan lebih jelas, terperinci dan menyeluruh. Pemahaman ini diperkuatkan lagi dengan adanya perbincangan, huraian dan contoh mengenai prinsip-prinsip asas etika yang diamalkan di seluruh dunia supaya menjadi panduan yang dapat membantu kita melaksanakan tanggungjawab masing-masing secara beretika dan bermoral.

## RUJUKAN

- Ashcraft, R. (1986). *Revolutionary Politics & Locke's Two Treatises of Government*. Princeton: Princeton University Press.
- Bostock, D. (2000). *Aristotle's Ethics*. New York: Oxford University Press.
- Broadie, S. and Rowe, C. (2002). *Aristotle Nicomachean Ethics: Translation, Introduction, and Commentary*. Oxford: Oxford University Press.
- Fitzpatrick, J. R. (2006). *John Stuart Mill's Political Philosophy*. *Continuum Studies in British Philosophy*. Bloomsbury Publishing.

- Hale, J. L., Householder, B. J. dan Greene, K. L. (2002). *The Theory of Reasoned Action in J. P. Dillard & M. W. Pfau (eds.)*. The Persuasion Handbook: Developments in Theory And Practice. Thousand Oaks, CA: Sage. Pp. 259-286.
- Kircher, P., Luding, S. dan Sandroni, A. (2009). *Fairness: A Critique to the Utilitarian Approach*. Unpublished Working Paper. Northwestern University: Evanston, IL.
- Mackinnon, B. (2009). *Ethics Theory and Contemporary Issues*. 6th ed. Belmont, CA: Wadsworth.
- Plinio, A. J., Young, J. M. dan Lavery, L. M. (2010). The State of Ethics in Our Society: A Clear Call for Action. *International Journal of Disclosure and Governance*. 7: 172-197.
- Rawls, J. (1971). *A theory of justice*. Cambridge, MT: Belknap Press.
- Schofield, P. (2006). *Utility and Democracy: The Political Thought of Jeremy Bentham*. Oxford: Oxford University Press.
- Sheppard, B. H., Hartwick, J. dan Warshaw, P. R. (1988). The Theory of Reasoned Action: A Meta-Analysis of Past Research With Recommendations for Modifications and Future Research. *Journal of Consumer Research*. 15(3): 325-343.
- Thiroux, J. (1998). *Ethics: Theory and practice (6th ed.)*. Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.
- Mackinnon, B. (2009). *Ethics Theory and Contemporary Issues*. 6th ed. Belmont, CA: Wadsworth.
- Plinio, A. J., Young, J. M. dan Lavery, L. M. (2010). The State of Ethics in Our Society: A Clear Call for Action. *International Journal of Disclosure and Governance*. 7: 172-197.
- Rawls, J. (1971). *A theory of justice*. Cambridge, MT: Belknap Press.
- Schofield, P. (2006). *Utility and Democracy: The Political Thought of Jeremy Bentham*. Oxford: Oxford University Press.
- Sheppard, B. H., Hartwick, J. dan Warshaw, P. R. (1988). The Theory of Reasoned Action: A Meta-Analysis of Past Research With Recommendations for Modifications and Future Research. *Journal of Consumer Research*. 15(3): 325-343.

- Thiroux, J. (1998). *Ethics: Theory and practice (6th ed.)*. Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.
- Thiroux, J. P. (2001) Ethics Theory and Practice, Seventh Edition. New Jersey: Prentice-Hall, Inc. Pp. 1-2.
- Uleman, J. (2010). *An Introduction to Kant's Moral Philosophy*. Cambridge University Press.
- Velasquez, M. dan Rostankowski, C. (1985). Ethics: Theory and Practice. Englewood Cliffs, NJ. Prentice-Hall, Inc.
- Weber, M. (1947). *The Theory of Social and Economic Organization*. Edited By T. Parsons. Glencoe, III: Free Press.
- Weymark. J. A. (2005). Measurement Theory and the Foundations of Utilitarianism. *Social Choice and Welfare*. 25: 527-555.
- Wong-Mcdonald. A. dan Gorsuch. R. L. (2004). A Multivariate Theory of God Concept, Religious Motivation, Locus of Control, Coping, and Spiritual Wellbeing. *Journal of Psychology and Theology*. 32(4): 318-334.
- Yolton, J.W. (1969). *John Locke: Problems and Perspectives*. Cambridge Uniniversity Press.

**Soalan Perbincangan:**

1. Terangkan persamaan dan perbezaan definisi dan konsep etika berdasarkan kepada peradaban Barat, India, China dan Arab.
2. Bincangkan pengertian etika menurut perspektif individu, masyarakat, negara dan sejagat.
3. Berdasarkan kepada lima prinsip asas etika, bincangkan bagaimana ianya boleh membantu setiap individu melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya sehari-hari.

## BAB 2

# TEORI-TEORI ETIKA

Suaibah Abu Bakar

### **Objektif Pengajaran:**

Di akhir bab ini, pelajar akan dapat;

1. Menerangkan latar belakang kepada pengenalan teori-teori etika dan jenis-jenis teori etika klasik dan teori etika moden.
2. Menjelaskan teori etika klasik yang utama iaitu Teori Kebaikan dan Teori Teleologi.
3. Menghuraikan teori etika moden yang utama iaitu Teori Deontologi, Teori Keadilan dan Teori Hak Asasi.
4. Membincangkan kegunaan teori-teori etika dalam kehidupan manusia.
5. Mengaplikasikan teori etika klasik, teori etika moden dan kegunaan teori-teori etika klasik dan moden ini ke dalam kehidupan seharian.

## 2.0 PENGENALAN

Terdapat pelbagai teori-teori etika, seperti teori etika klasik iaitu Teori Kebaikan dan Teori Teleologi, teori etika moden iaitu Teori Deontologi, Teori Keadilan dan Teori Hak Asasi. Teori-teori etika ini boleh diaplikasikan dalam konteks melaksanakan peranan dan tanggungjawab sebagai seorang individu semasa menjalani kehidupan sehari-hari.

## 2.1 PENGENALAN KEPADA TEORI-TEORI ETIKA

Teori-teori etika berasal daripada falsafah. Falsafah dalam bahasa Inggeris iaitu ‘*philosophy*’ yang berasal daripada gabungan perkataan Greek ‘*philia*’ iaitu bermaksud ‘cinta atau persahabatan’ dan ‘*sophia*’ yang bermaksud ‘kebijaksanaan’. Dari segi bahasa, falsafah membawa maksud ‘cinta dan kebijaksanaan’. Terdapat tiga bidang utama kajian falsafah iaitu metafizik, epistemologi dan etika. Etika pula berasal daripada perkataan Greek iaitu ‘*ethos*’ yang bermaksud ‘watak’ dan selalu didefinisikan sebagai kajian mengenai moral manusia (Thiroux, 1991).

Falsafah moral pula sering kali membahagikan kajian mengenai etika kepada metaetika dan etika normatif. Metaetika adalah suatu konsep yang agak abstrak dan memberi tumpuan kepada makna dan asal usul konsep etika. Kita selalu bertanya ‘apakah yang dimaksudkan sebagai betul dan salah, baik dan buruk?’ Persoalan ini adalah kesan daripada tumpuan kepada metaetika.

Teori-teori etika normatif ialah cabang kepada teori-teori falsafah yang menetapkan apa yang sepatutnya dilakukan atau suatu standard yang sesuai untuk dicapai. Teori etika normatif adalah teori yang sering digunakan dalam kehidupan dan sangat signifikan dengan kehidupan bermasyarakat, psikologi manusia dan juga dalam dunia pekerjaan. Teori-teori etika ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu Teori Etika Klasik dan Teori Etika Moden. Oleh kerana kebanyakan kajian mengenai etika yang dijalankan di seluruh dunia menggunakan beberapa teori etika klasik dan teori etika moden yang terkenal sahaja, maka bahagian berikutnya akan membincangkan teori-teori etika yang berkaitan iaitu Teori Etika Klasik (Teori Kebaikan dan Teori Teleologi) dan Teori Etika Moden (Teori Deontologi, Teori Keadilan dan Teori Hak Asasi).

## 2.2 TEORI ETIKA KLASIK

Teori-teori etika klasik yang akan dibincangkan dalam bahagian ini ialah Teori Kebaikan dan Teori Teleologi.

### 2.2.1 Teori Kebaikan

Aristotle (384 – 322SM) yang terkenal dalam zaman falsafah etika awal atau klasik telah menggunakan falsafah yang dibangunkan oleh Socrates dan Plato dalam menghasilkan pemikiran dan falsafah awal mengenai etika. Aristotle cuba menghuraikan bagaimana manusia boleh menjalankan kehidupan sebaiknya dan menganggap etika dan politik sebagai saling berkaitan di mana etika adalah mengenai kebaikan individu sementara politik pula lebih kepada penumpuan hal-hal kebaikan dan kecekapan pentadbiran sesebuah negara.

Tulisan-tulisan Aristotle telah dibaca secara berterusan sejak zaman purba, sehingga mempengaruhi gaya pemikiran ramai ahli falsafah dan etika kemudiannya. Beliau menekankan kepada kepentingan membangunkan kecemerlangan (kebaikan) sebagai satu cara untuk mewujudkan kelakuan yang beretika. Di dalam karyanya '*Nicomachean Ethics*', Aristotle menyatakan seseorang yang memiliki watak yang baik dan cemerlang, kebiasaannya boleh melakukan sesuatu perkara yang betul, pada masa yang sesuai dan dengan cara yang dibenarkan. Tambahnya lagi, nafri seseorang untuk berani melakukan sesuatu yang mengikut lunas peraturan adalah contoh watak yang baik dan cemerlang itu tadi. Kemuncak matlamat kehidupan manusia ialah mencapai kesejahteraan, kebahagiaan dan kehidupan yang semakin berkembang.

Aristotle menegaskan bahawa kebaikan adalah sesuatu yang praktikal untuk dilakukan dan diamalkan oleh manusia dan etika pula untuk menjadikan manusia lebih baik. Namun etika bukan setakat dalam bentuk kefahaman seseorang tetapi yang lebih penting ialah diamalkan dalam konteks kehidupan harian. Sesuatu tindakan yang dianggap betul meliputi semua aspek kehidupan dan tidak terhad dalam konteks peraturan dan undang-undang sahaja. Untuk menjayakan prinsip asas etika ini, seseorang itu memerlukan sifat berhemah atau kebijaksanaan. Falsafah etika Aristotle ini berkembang kepada empat perspektif yang dikenali sebagai kebaikan moral, empat kebaikan utama, keadilan dan kemuncak kebaikan.

## 1. Kebaikan Moral

Kebaikan moral atau kecemerlangan perwatakan terhasil daripada sikap seseorang untuk berkelakuan secara baik sama ada kesan daripada pendidikan yang diterima atau perlakuannya secara semula jadi. Misalnya kemahiran bermain alat muzik. Terdapat individu yang menjadi mahir selepas belajar daripada guru muzik dan terdapat juga individu yang mempunyai kemahiran semulajadi untuk bermain alat muzik tersebut. Dalam sesuatu keadaan, manusia boleh berada di antara dua persimpangan iaitu sama ada untuk memilih berkelakuan secara baik atau sebaliknya. Pilihan itu berada di tangan mereka sendiri. Jika pertimbangan telah diberikan dan mereka memilih untuk berkelakuan secara baik atau sebaliknya maka mereka sepatutnya tidak boleh menyalahkan kesan daripada pilihan tindakan yang diambil oleh mereka itu tadi.

## 2. Empat Kebaikan Utama

Aristotle telah mengenalpasti empat jenis kebaikan yang dianggap sebagai kebaikan utama dalam diri seseorang iaitu:

- a) Kebijaksanaan: iaitu elemen kebaikan yang paling penting menurut Aristotle. Misalnya dalam perperangan, seseorang askar mesti bertempur dengan bijaksana dengan membuat pertimbangan yang munasabah iaitu menewaskan musuh untuk mencapai kemenangan dan dalam masa yang sama dapat mengurangkan risiko kehilangan nyawa anggota tentera dalam pasukannya.
- b) Kawalan kendiri: iaitu mengamalkan kesederhanaan. Misalnya dalam perperangan, seseorang askar mesti mengamalkan kesederhanaan meskipun sedang fokus kepada pertempuran atau merasa seronok untuk melakukan aktiviti ganas dalam pertempuran tersebut. Kawalan kendiri ini menjadikan askar berkenaan bertindak dalam norma pertempuran dan tidak bertindak melampau batas misalnya mencincang mayat musuh dan bangga dengan perlakuan ganas sedemikian. Kawalan kendiri penting dalam mewujudkan sifat kesederhanaan kepada diri sendiri yang akhirnya membentuk sifat yang sama ketika berada dalam masyarakat.

- c) Keberanian: iaitu ‘sikap yang sederhana atau patuh kepada undang-undang’. Keberanian dianggap sebagai sikap seseorang yang mematuhi undang-undang untuk mencapai sesuatu matlamat. Sikap sebegini boleh mewujudkan perasaan yakin atau takut dalam keadaan-keadaan tertentu sama ada wajar untuk melakukan sesuatu perkara atau sebaliknya. Misalnya dalam peperangan, askar secara moralnya dianggap sebagai hero. Peperangan adalah medan di mana seseorang askar menunjukkan sikap berani dan dibenarkan untuk beraksi ganas bagi menunjukkan sikap berani tersebut. Tetapi dalam keadaan takut dalam keadaan-keadaan tertentu sama ada wajar untuk melakukan sesuatu perkara atau sebaliknya. Misalnya dalam peperangan, askar secara moralnya dianggap sebagai hero. Peperangan adalah medan di mana seseorang askar menunjukkan sikap berani dan dibenarkan untuk beraksi ganas bagi menunjukkan sikap berani tersebut. Peperangan adalah medan di mana seseorang askar menunjukkan sikap berani dan dibenarkan untuk beraksi ganas bagi menunjukkan sikap berani tersebut. Tetapi dalam keadaan yang lain, jika orang awam beraksi ganas seperti askar di medan tempur, maka tindakan individu berkenaan tidak dianggap sebagai menunjukkan keberanian tetapi sebenarnya sedang menunjukkan perlakuan sikap ganas dirinya.
- d) Keadilan: bermaksud memberikan musuh apa yang sepatutnya diberikan kepada mereka dan hendaklah diberikan dengan cara yang betul. Maknanya, seseorang individu itu harus berupaya mengenalpasti apakah yang baik dan bagus untuk diberikan kepada masyarakat dan individu tersebut mesti melakukan sesuatu yang baik dan bagus untuk masyarakat berkenaan.

### 3. Keadilan

Dalam Buku V ‘*Nicomachean Ethics*’, Aristotle memberi definisi keadilan kepada dua komponen iaitu keadilan umum dan keadilan khusus. Keadilan umum ialah kebaikan yang dinyatakan dalam konteks hubungan dengan orang lain. Seseorang yang adil dalam definisi keadilan umum ini ialah mereka yang berurusan secara baik, berhemah dan adil dengan orang lain dan menunjukkan kebaikannya dengan tidak menipu atau mengambil sesuatu yang bukan milik mereka.

Keadilan khusus ditakrifkan sebagai berlaku adil terhadap sesuatu yang dilakukan oleh seseorang misalnya jika individu itu melakukan sesuatu perbuatan jenayah maka beliau wajar menerima hukuman terhadap apa yang telah dilakukannya itu. Seorang hakim yang berpendidikan tinggi dan mahir dalam bidangnya diperlukan untuk memberi keadilan khusus ini berdasarkan kepada sesuatu kes. Di sinilah kita akan dapat melihat sejauh mana tahap keadilan sama ada ianya dilaksanakan seperti yang sepatutnya berdasarkan kepada bukti-bukti yang ada dan dapat menangani kes-kes khusus seseorang individu tertentu secara adil dan saksama.

#### **4. Kemuncak Kebaikan**

Aristotle juga memperkenalkan konsep ‘*eudaimonia*’ iaitu pencapaian terbaik sebagai manusia dalam pelbagai aspek seperti kebaikan, kebahagiaan, beretika dan kehidupan yang bermakna kepada diri sendiri, masyarakat, makhluk ciptaan Tuhan yang lain dan alam semesta. Beliau telah membahagikan kategori lima jenis manusia yang mulia dan mempunyai semua kebaikan moral dan kecemerlangan perwatakan iaitu:

- a) Menjadi seorang yang berjiwa hebat dan mempunyai ciri-ciri kebaikan di mana seseorang itu benar-benar layak mendapat pujian dan pengiktirafan yang tertinggi, mempunyai sikap dan sahsiah yang terpuji dan sentiasa berkelakuan sedemikian.
- b) Berlaku adil dalam ertikata yang sebenar. Inilah di antara jenis keadilan dan kesaksamaan yang sepatutnya ada pada diri pemerintah dalam melaksanakan tanggungjawabnya terhadap rakyat.
- c) Kebijaksanaan yang munasabah dan praktikal seperti mana yang ditunjukkan oleh seorang pemimpin yang baik dan berkarisma tinggi.
- d) Nilai-nilai kebaikan dan kemuliaan untuk menjadi seorang sahabat yang baik.
- e) Mempunyai ciri-ciri dan nilai-nilai seorang yang mulia, memiliki sahsiah yang terpuji dan menjadi seorang manusia yang budiman.

## 2.2.2 Teori Teleologi

Teori Teleologi berasal daripada perkataan Greek iaitu ‘*Telos*’ yang membawa maksud tujuan atau akibat, sementara ‘*Logos*’ pula bermaksud sebab, keterangan atau penjelasan.

Teori Teleologi ini menekankan hasil atau kesan daripada tindakan yang dilakukan oleh seseorang. Jika tindakan seseorang itu membawa kesan yang baik atau yang dihajati, maka tindakan itu dibenarkan dan dianggap sebagai betul dan bermoral. Nilai betul atau salah pula bergantung kepada penerimaan sesebuah masyarakat. Jika sesuatu tindakan itu diterima oleh sesebuah masyarakat maka ianya dianggap sebagai betul dan bermoral. Misalnya membantu orang buta melintas jalan dianggap sebagai tindakan yang bermoral dan terpuji kerana dapat membantu orang berkenaan melintas jalan dengan selamat. Kesan daripada perbuatan membantu orang buta tersebut melintas jalan ialah dapat menyelamatkan dirinya daripada dilanggar oleh kenderaan yang mungkin boleh mendatangkan kecederaan kepada dirinya atau mengancam nyawa orang buta berkenaan.

Berdasarkan kepada Teori Teleologi ini, seseorang itu seharusnya menilai hasil atau kesan daripada sesuatu tindakan yang dilakukan sama ada boleh mendatangkan kesan baik atau buruk kepada diri sendiri atau pihak lain. Tindakan itu dianggap beretika jika akibatnya lebih mendatangkan kesan baik berbanding kesan buruk. Misalnya memberi derma kepada peminta sedekah. Jika derma yang diberikan itu boleh membantu peminta sedekah berkenaan untuk mendapatkan sumber kewangan untuk beliau mendapatkan makanan dan minuman serta keperluan kehidupan asas yang lain maka tindakan memberi derma itu dianggap sebagai bermoral dan betul. Tetapi jika memberi derma kepada peminta sedekah itu boleh menyebabkan beliau menjadi seorang yang pemalas, tidak mahu bekerja dan hidup di atas bantuan ihsan pihak lain serta menjadi contoh kepada individu-individu yang lain meniru amalan peminta sedekah itu sebagai jalan pintas untuk memperolehi sumber kewangan, maka kesan buruk lebih besar daripada kesan baik dan tindakan memberi derma itu dianggap sebagai tidak betul dan bukanlah sesuatu yang dianggap sebagai bermoral dalam erti kata yang sebenar.

Terdapat dua aliran pemikiran Teori Teleologi ini iaitu aliran ‘egoisme’ dan aliran ‘utilitarianisme’. Aliran egoisme berpendapat seseorang individu harus melakukan sesuatu tindakan yang boleh memberikan kesan maksimum kepada kebahagian dirinya. Oleh itu kesan yang paling baik ialah sesuatu yang mendatangkan akibat yang dihajati dan disukai oleh individu tersebut. Pendirian aliran egoisme ini jelas mengenepikan kepentingan kesan kepada pihak lain tetapi sebaliknya terlalu menumpukan kepada kesan terhadap dirinya sendiri.

Aliran utilitarianisme pula berpegang kepada prinsip iaitu seseorang individu itu harus melakukan sesuatu tindakan yang boleh memberikan kebahagiaan atau kesan yang baik kepada bilangan orang yang paling maksimum dan tidak terhad kepada diri individu itu sendiri. Dua orang sarjana yang sering dikaitkan dengan aliran utilitarianisme ini ialah Jeremy Bentham (1748-1832) dan John Stuart Mill (1806-1873). Bentham membangunkan teorinya berdasarkan kepada reaksinya terhadap masalah yang wujud kesan daripada revolusi industri di Eropah. Revolusi industri ini telah menyebabkan ketidakadilan dan penderitaan masyarakat Eropah pada abad ke-18 dan ke-19. Pada zaman sebelum Bentham membangunkan teori ini, penulisan mengenai sifat-sifat baik seseorang manusia biasa amat sedikit diberikan penekanan oleh sarjana Eropah. Masyarakat Eropah terbentuk secara hirarki dan diperintah serta dikuasai oleh golongan istana dan gereja. Walau bagaimana pun, perindustrian telah mewujudkan golongan kelas pertengahan yang dianggap sebagai ancaman kepada struktur masyarakat feudal sedia ada. Masyarakat mula mencari makna etika dan moral selain daripada definisi yang berpaksikan kepada pengertian doktrin agama.

Walaupun Bentham telah mempelopori Teori Utilitarian, sarjana berikutnya iaitu John Stuart Mill menerusi karyanya ‘Utilitarianism’ (1861) telah mengangkat teori ini ke satu tahap yang lebih tinggi dan disebar dengan lebih meluas. Utilitarianisme selalunya dikaitkan dengan konsep memaksimakan kebaikan dan kebahagiaan kepada

seramai mungkin bilangan manusia. Namun, terdapat dua aliran pemikiran aliran utilitarianisme ini iaitu yang pertama berpaksikan kepada nilai kebaikan itu sendiri (sesuatu tindakan diukur kepada sejauh mana nilai kebaikan yang berhasil) dan aliran kedua ialah memberi fokus kepada nilai impak kebaikan (semakin ramai yang menerima kesan kebaikan daripada sesuatu tindakan maka semakin baik tindakan tersebut).

Kajian sarjana berikutnya selain daripada Bentham dan Mill juga menemui dua aliran pemikiran tambahan terhadap utilitarianisme ini iaitu utilitarianisme tindakan dan utilitarianisme peraturan. Aliran pemikiran utilitarianisme tindakan menyatakan jika sesuatu tindakan menghasilkan kesan baik lebih besar daripada kesan buruk, maka tindakan tersebut dibenarkan. Contohnya, seorang individu yang bersimpati dengan nasib seorang pengemis yang kehilangan anggota tangan dan kaki dan datang merayu kepadanya supaya diberikan makanan kerana pengemis tersebut telah tidak makan selama hampir seminggu. Masalahnya ialah, individu yang simpati dengan pengemis tersebut tidak mempunyai wang yang mencukupi untuk membelikannya makanan. Oleh kerana nilai kemanusiaan individu tersebut adalah tinggi, beliau sanggup mencuri sebuku roti dari kedai berhampiran untuk diberikan kepada pengemis berkenaan. Individu tersebut sanggup mengambil risiko ditangkap dan dipenjarakan jika sabit kesalahan mencuri roti berbanding membiarkan pengemis berkenaan mati kelaparan. Di antara kehilangan kebebasan kerana dipenjarakan berbanding kehilangan nyawa, maka tindakan individu yang mencuri roti tersebut untuk diberikan kepada pengemis yang sedang kelaparan berdasarkan kepada aliran utilitarianisme tindakan ini adalah dibenarkan.

Aliran berikutnya ialah utilitarianisme peraturan. Menurut aliran ini, sesuatu tindakan itu haruslah tidak bercanggah dengan peraturan yang sedia ada dalam sesebuah masyarakat atau negara tanpa melihat kesan baik lebih besar daripada kesan buruk. Contohnya mengambil rasuah sebanyak RM50 adalah sama kesan buruknya dengan mengambil rasuah RM50 juta kerana rasuah tetap satu kesalahan yang boleh menyebabkan institusi sesebuah masyarakat atau negara runtuh kerana amalan tersebut merosakkan sistem nilai kehidupan tanpa perlu melihat berapakah nilai rasuah yang dilakukan. Aliran utilitarianisme peraturan ini akhirnya berkembang menjadi Teori Deontologi.

### 2.3 TEORI ETIKA MODEN

Teori-teori etika moden yang akan dibincangkan dalam bahagian ini ialah Teori Deontologi, Teori Keadilan dan Teori Hak Asasi.

### 2.3.1 Teori Deontologi

Teori Deontologi ialah teori yang berkaitan dengan tugas atau kewajipan. Perkataan deontologi berasal daripada Bahasa Greek ‘*deontos*’ yang bermaksud ‘wajib’. Immanuel Kant, seorang ahli falsafah Jerman pada abad ke-18 ialah seorang sarjana yang menghuraikan dengan terperinci Teori Deontologi ini dan menjadi rujukan kepada ramai sarjana berikutnya. Sebagai seorang yang berfahaman aliran utilitarianisme, Kant telah menghuraikan etika daripada perspektif bukan agama dan berdasarkan kepada nilai dan justifikasi yang rasional. Beliau juga menolak fahaman utilitarian yang melihat kelakuan seseorang itu daripada sudut kesan sesuatu tindakan. Pada anggapan Kant, adalah tidak logik melihat konsep kewujudan kebahagiaan sebagai kesan kepada tingkahlaku manusia kerana konsep kebahagiaan ini sering berubah mengikut persepsi seseorang individu. Oleh yang demikian, Teori Deontologi ini tidak melihat kepada kesan sesuatu perbuatan sebaliknya menekankan lebih kepada tanggungjawab atau kewajipan yang harus dilakukan oleh seseorang individu. Kant dan pendukung fahaman Deontologi ini beranggapan sesetengah tindakan adalah wajar bagi seseorang sementara kepada pihak lain pula ada yang menganggapnya sebagai tidak wajar untuk dilakukan tetapi apa yang paling penting ialah tindakan itu diambil berdasarkan kepada motif seseorang dalam memenuhi tanggungjawab yang perlu dilakukannya.

Menurut Kant, matlamat utama Deontologi ialah mewujudkan masyarakat yang menyantuni semua orang dengan penuh rasa hormat dan bermaruah. Untuk mencapai matlamat tersebut, beliau mencadangkan keperluan memberikan keutamaan terhadap sesuatu perkara sehingga membolehkan tindakan seseorang individu itu selaras dengan undang-undang sejagat. Prinsip ini penting menjadi asas kepada etika yang diterima pakai merentasi sesebuah negara. Contohnya ialah prinsip ‘janji seharusnya ditepati’. Prinsip ini diterima di mana-mana sahaja di dunia ini. Kant berpendapat jika seseorang itu hanya menepati janjinya disebabkan oleh sama ada individu itu akan mendapat kebaikan atau keburukan jika menepati janji tersebut atau sebaliknya, maka tindakan membuat dan menuaikan janji tersebut menjadi tidak signifikan dan relevan.

Walau bagaimana pun, Teori Deontologi ini juga mempunyai beberapa kelemahan. Salah satu daripada kelemahan tersebut ialah ianya tidak menyediakan satu sempadan yang jelas di manakah sesuatu prinsip kebaikan sejagat itu harus dilaksanakan? Teori ini hanya menyatakan bahawa prinsip berkenaan wujud. Tiada garis

panduan yang jelas untuk menentukan keperluan memberikan keutamaan terhadap sesuatu perkara dan bagaimana untuk melaksanakannya. Teori ini juga agak kurang jelas dalam menentukan tindakan yang manakah dianggap sebagai bermoral atau tidak bermoral. Kelemahan yang lain daripada Teori Deontologi ini ialah kurangnya panduan dalam menangani konflik di antara prinsip dan tanggungjawab. Oleh kerana itu, apabila sesuatu tindakan diambil, terdapat konflik di mana dalam satu aspek ianya dianggap sebagai melaksanakan satu prinsip etika tetapi dalam masa yang sama melanggar prinsip etika yang lain dan akhirnya Teori Deontologi ini gagal mencari jalan penyelesaian terhadap konflik tersebut. Sebagai contoh, seorang individu yang cuba berhenti daripada amalan diet sesuatu jenis makanan untuk menjaga kesihatannya walaupun makanan itu sedap dan dimasak oleh ibunya. Individu ini perlu memilih di antara prinsip kualiti kehidupan atau perlindungan kehidupan. Teori Deontologi tidak memberikan panduan yang jelas bagaimana individu berkenaan boleh membuat keputusan yang tepat di antara dua pilihan tersebut.

### 2.3.2 Teori Keadilan

Karya John Rawls, Teori Keadilan (1971) menerangkan konsep sistem keadilan sosial di mana beliau mentakrifkan keadilan itu sebagai kesaksamaan. Teori ini mempunyai pengaruh Teori Utilitarian dan juga Teori Deontologi yang diasaskan oleh Kant. Menurut Rawls, institusi sosial seharusnya dibangunkan dengan cara yang tidak meminggirkan kepentingan masyarakat hanya kerana menjaga kepentingan sekelompok individu. Untuk mencapai matlamat keadilan ini, beliau mencadangkan supaya seseorang individu itu membayangkan sedang berada dalam keadaan dirinya yang asal. Maksud dalam keadaan yang asal itu ialah situasi di mana suatu keadaan belum wujud atau tiada kerajaan dan individu tersebut harus memilih prinsip-prinsip asas yang seharusnya dilakukan oleh sesebuah kerajaan. Dalam keadaan ini, individu tersebut membayangkan dirinya berada dalam ‘dunia yang penuh kejahilan’. Dunia yang penuh kejahilan ini menghalang manusia daripada mengetahui kelas sosial, *gender*, budaya, kewarganegaraan atau bakat dan kebolehan semulajadi mereka. Pengetahuan yang ada pada manusia dalam keadaan sebegini ialah mereka hanya tahu terdapatnya perbezaan bagi setiap individu dalam sesebuah masyarakat. Lantaran itu, Rawls percaya bahawa manusia akan memilih prinsip-prinsip asas yang selamat untuk membentuk sesebuah kerajaan iaitu prinsip yang hanya membenarkan nilai-nilai keadilan berdasarkan kepada standard yang paling minimum untuk diamalkan oleh sesebuah masyarakat.

Untuk memahami konsep keadilan Rawls ini ialah contohnya terdapat situasi di mana ada sebiji kek yang harus dibahagikan kepada beberapa orang yang mahukan pembahagian tersebut dibuat secara adil. Individu yang memotong kek ini harus menerima bahagian kek yang paling akhir. Oleh kerana individu ini diberikan tanggungjawab memotong kek berkenaan, maka akan terdapat dorongan motivasi kepada dirinya untuk memotong kek tersebut dengan ukuran yang sama kerana beliau akan memastikan dirinya mendapat saiz potongan kek yang sama seperti orang-orang yang sebelumnya dapat. Begitu juga dalam masyarakat, sesiapa yang cuba mengenalpasti sesuatu prinsip asas keadilan sama ada daripada ‘keadaan asal’ atau ‘dunia yang penuh kejahilan’ akan terdorong untuk mewujudkan sebuah kerajaan yang menyediakan prinsip-prinsip asas kebaikan berdasarkan kepada nilai-nilai standard yang paling minimum bagi sesebuah masyarakat dengan sebaiknya. Menurut Rawls, manusia yang rasional yang menitikberatkan prinsip asas yang paling minimum ini akan mengamalkan dua prinsip asas kepada masyarakat. Prinsip pertama ialah prinsip yang membenarkan setiap orang mendapat keadilan sebanyak yang mungkin. Di peringkat amalannya, prinsip ini akan menghalang penindasan, tekanan politik dan diskriminasi. Prinsip kedua ialah prinsip ketidakadilan sosial dan ekonomi hanya dibenarkan kepada tahap di mana ianya hanya menguntungkan sebilangan kecil sahaja manusia. Oleh yang demikian, jika prinsip ketidakadilan yang akan dibentuk akan menguntungkan pihak yang sudah sedia kala mendapat kelebihan dan keuntungan daripada sistem yang sedia ada, maka tindakan ini adalah tidak dibenarkan sama sekali.

### 2.3.3 Teori Hak Asasi

John Locke (1632 - 1704) ialah seorang lagi ahli falsafah barat yang terkemuka dengan konsep etika hak asasi manusia. Locke percaya kepada hak asasi manusia untuk hidup, memiliki kebebasan, dan harta benda. Idea etika hak asasi beliau ini amat mempengaruhi masyarakat barat sehingga dikatakan telah menyebabkan kebangkitan rakyat yang mempengaruhi Perang Revolusi Amerika (sepanjang abad ke-18). Menurut Loke, terdapat tiga teras hak asasi manusia iaitu kehidupan (setiap manusia berhak untuk hidup), kebebasan (semua manusia berhak melakukan apa sahaja selagi tidak melanggar teras pertama iaitu kehidupan) dan harta (setiap manusia berhak memiliki harta dan kekayaan selagi tidak bertentangan dengan dua teras sebelumnya iaitu kehidupan dan kebebasan).

Menerusi falsafah moral berdasarkan kepada hak asasi ini, Locke percaya bahawa kerajaan sepatutnya menyediakan asas dan hak yang sepatutnya kepada rakyat. Ini termasuklah hak untuk hidup, kebebasan dan memiliki harta. Pada dasarnya beliau berpendapat kerajaan yang ideal ialah sebuah kerajaan yang akan memberikan ketiga-tiga hak ini kepada setiap rakyatnya. Kerajaan seharusnya menyediakan hak-hak ini kepada rakyat, melindungi mereka daripada sebarang bentuk kezaliman dan penyalahgunaan kuasa di samping memberikan kuasa yang dimiliki oleh sesebuah kerajaan kepada rakyatnya. Idea Locke ini bukan setakat mempengaruhi konsep demokrasi moden, malah telah membuka idea hak asasi dan kebebasan ini kepada semua. Beliau faham tentang kepelbagaiannya dalam masyarakat dan beliau percaya perbezaan itu bukanlah alasan untuk tidak memberikan hak dan kebebasan kepada rakyat yang pelbagai ini.

Pemikiran Locke mengenai etika berdasarkan kepada hak asasi ini banyak mempengaruhi budaya dan cara hidup di kebanyakan negara yang mengamalkan sistem demokrasi pada hari ini. Bermula dengan gerakan hak asasi manusia dan kemudian hak wanita adalah contoh pengaruh teori Locke yang diamalkan oleh sesebuah kerajaan. Idea Locke ini kebiasaannya dilihat sebagai asas kepada demokrasi moden, namun ianya bukak setakat menyumbang kepada penyebaran idea demokrasi di Amerika malah menjadi tapak yang kukuh kepada pemahaman dan penyebaran idea kesamarataan di kalangan manusia tanpa mengira warna kulit, bangsa, agama, budaya, bahasa dan menjadi amat popular serta diterima sejagat. Slogan kesamarataan ini diterapkan ke dalam sistem pentadbiran di kebanyakan negara dengan prinsip setiap rakyat harus dilayan sama rata dalam semua bidang dan tiada yang rasa dipinggirkan serta dianiaya oleh pemerintah.

Walaupun idea Locke ini diterima ramai dalam negara yang mengamalkan sistem demokrasi, namun terdapat juga kritikan ke atas konsep etika berdasarkan kepada Teori Hak Asasi ini. Di antaranya ialah pengkritik yang menyatakan Teori Hak Asasi Locke ini disandarkan kepada andaian setiap individu mempunyai hak asasi yang mengatasi semua hak-hak yang lain. Andaian ini dianggap belum terbukti benar. Jika manusia tidak mempunyai hak ke atas kebebasan dan harta maka kuasa pasaran yang akan menentukan hak tersebut dan sekiranya ini terjadi maka ianya tidak dianggap sebagai hak asasi sebenar individu berkenaan. Kritikan kedua ialah konflik di

antara hak asasi dengan hak positif dan hak negatif. Hak positif ialah hak yang dikaitkan dengan tindakan orang atau kumpulan lain contohnya kerajaan menyediakan skim perlindungan insuran kepada rakyatnya sementara hak negatif pula ialah hak yang tidak dikaitkan dengan tindakan orang atau kumpulan lain contohnya ialah hak untuk seseorang itu hidup secara bersendirian dan tidak diganggu. Berdasarkan kepada Teori Hak Asasi Locke ini, pengkritik bertanya, mengapa harus berlaku keadaan di mana hak negatif mengatasi hak positif?

Kritikan ketiga ialah konflik di antara hak asasi dengan keadilan. Pasaran bebas dikatakan telah mewujudkan ketidakadilan dalam masyarakat. Manusia bebas memiliki harta dan kekayaan, namun kebebasan yang tidak terkawal boleh mewujudkan jurang di antara yang kaya dan miskin dan secara langsung menafikan prinsip keadilan contohnya dalam konteks agihan kekayaan yang tidak sama rata ini. Kritikan keempat ialah manusia yang bersikap individualistik dan konflik mereka terhadap etika keprihatinan. Locke dikatakan beranggapan manusia akan mementingkan sikap individualistik terlebih dahulu dan tidak bergantung kepada komunitinya. Tetapi, tanpa sikap keprihatinan terhadap manusia yang lain, seseorang individu jarang boleh bertahan apabila hidup dalam sesebuah masyarakat.

## **2.4 KEGUNAAN TEORI-TEORI ETIKA DALAM KEHIDUPAN MANUSIA**

Teori-teori etika yang dibincangkan sebelum ini boleh digunakan dan diaplikasikan dalam kehidupan sehari-hari manusia. Di antara kegunaan teori-teori etika ialah:

### **2.4.1 Menyelesaikan dilema etika**

Dalam sesetengah keadaan dan masa, manusia berada di suatu persimpangan. Bukan semua manusia dilahirkan dengan kebolehan atau keupayaan untuk menentukan sesuatu perbuatan itu boleh mendatangkan kesan baik atau buruk. Mungkin apa yang dirasakan sebagai baik oleh sesetengah individu tetapi dianggap pula sebagai buruk oleh kumpulan individu yang lain. Keadaan sebegini dipanggil sebagai dilema etika.

Dilema etika ialah keadaan di mana seseorang itu berhadapan dengan pelbagai persoalan mengenai tindakan yang boleh diambil atau sebaliknya. Oleh kerana manusia itu berubah daripada kecil sehingga mereka dewasa, maka faktor persekitaran banyak mempengaruhi gaya mereka berfikir dan bertindak. Proses perubahan ini menyebabkan mereka mengalami pelbagai situasi yang memerlukan mereka membuat pilihan. Kadangkala pilihan yang dibuat itu adalah sesuai dan betul, mungkin juga pilihan yang dibuat itu silap dan mendatangkan kesan buruk kepada diri sendiri dan pihak lain.

Berdasarkan kepada dilema etika yang sering dihadapi oleh manusia, maka teori-teori etika yang dibangunkan sejak zaman dahulu sehingga kini banyak membantu manusia dalam membuat pilihan terhadap kelakuan atau tindakan yang harus diambil. Manusia yang mempunyai pelbagai latarbelakang budaya, agama dan kepercayaan akan berkelakuan berdasarkan kepada kebiasaan amalan yang diterima oleh masyarakat di mana mereka berada. Di sinilah letaknya kepentingan teori-teori etika yang dibangunkan oleh sarjana terdahulu untuk menjadi garis panduan kepada pilihan tindakan yang akan diambil oleh individu tersebut. Teori-teori etika yang dibangunkan ini mencadangkan kelakuan manusia yang bermoral dan nilai etika yang dikemukakan sesuai serta boleh dipraktikkan merentasi kepelbagaiannya kaum, agama, budaya, kumpulan umur, masa dan keadaan.

#### **2.4.2 Membantu dalam proses membuat sesuatu keputusan**

Pada setiap masa, manusia perlu membuat keputusan dalam kehidupan sehari-hari mereka. Sama ada mereka berada dalam keluarga, masyarakat atau di tempat kerja, manusia sentiasa perlu membuat keputusan. Misalnya persoalan pada hari ini, kita mahu makan apa atau kita mahu makan di mana? Satu keputusan perlu dibuat walaupun dalam rutin yang berkaitan dengan membuat keputusan mengenai menu makanan dan pilihan lokasi tempat makan. Walaupun persoalan ini nampak mudah, namun jika tersalah pilihan makanan berkenaan mungkin menyebabkan penyakit kencing manis, darah tinggi, gout atau alahan makanan.

Teori-teori etika yang ada menjadi panduan kepada kita untuk membuat keputusan, daripada perkara rutin sehinggalah kepada keputusan yang sukar dan amat penting seperti siapakah pilihan pasangan hidup kita untuk dijadikan calon suami atau isteri? Dengan adanya teori etika, satu keputusan yang mengambil kira semua asas pertimbangan yang sewajarnya dapat dilakukan sebelum suatu keputusan yang muktamad itu dibuat.

Kebanyakan manusia tidak mempunyai ilmu pengetahuan atau kemahiran dalam semua perkara. Ada yang mahir dalam bidang ekonomi, perubatan, kejuruteraan, pembinaan dan sebagainya. Oleh kerana manusia secara amnya tidak dianugerahkan dengan pengetahuan, kebolehan dan kemahiran yang luar biasa maka mereka memerlukan satu panduan yang khusus untuk melakukan sesuatu perkara dengan betul dan membuat keputusan yang tepat. Contohnya seorang peguam memerlukan khidmat nasihat seorang arkitek mengenai kesesuaian rekabentuk rumah yang mahu dibina supaya rumah itu bukan setakat cantik dan menarik tetapi juga selamat untuk diduduki. Teori-teori etika yang sedia ada akan membantu peguam berkenaan membuat keputusan yang betul mengenai cadangan daripada arkitek tentang pilihan rumah dan bentuk senibina yang bersesuaian dengan citarasa peguam tersebut.

#### **2.4.3. Mengenalpasti tanggungjawab etika**

Kepelbagaian manusia mewujudkan kepelbagaian peranan. Daripada rakyat biasa, kakitangan awam, tentera dan pemimpin negara, semuanya memainkan peranan dan mempunyai tanggungjawab yang berbeza. Mungkin rakyat biasa mempunyai tanggungjawab yang tidak sebesar tanggungjawab seorang pemimpin negara. Begitu juga dengan peranan seorang kakitangan kerajaan biasa tidak sama dengan peranan dan tanggungjawab tentera yang menjaga keselamatan negara daripada ancaman perang negara jirannya yang sedang bergolak dan berperang.

Kepelbagaian tanggungjawab ini mewujudkan kepelbagaian etika yang perlu dipatuhi dan dilaksanakan oleh setiap orang yang mempunyai tugas, peranan dan tanggungjawab khusus. Di sinilah kegunaan dan kepentingan teori-teori etika yang ada sebagai panduan yang jelas untuk setiap individu berperanan secara efektif dan efisien dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing. Seorang pemimpin yang bersih, cekap dan amanah akan dapat melaksanakan tanggungjawabnya secara cemerlang, disanjungi dan dihargai oleh rakyat. Pemimpin sedemikian boleh menggunakan teori-teori etika yang ada untuk membuat pilihan amalan pentadbiran yang bersesuaian sama ada secara demokratik, autokratik atau ‘laissez faire’. Tanggungjawab yang dilaksanakan oleh pemimpin berkenaan akan menjadi lebih mudah kerana ada garis panduan yang jelas berdasarkan kepada kod etika, peraturan atau undang-undang yang ada untuk membantunya menjadi pemimpin yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang berkualiti dan berintegriti.

## 2.5 PENGHAYATAN NILAI

Berdasarkan kepada teori-teori etika klasik dan moden ini, beberapa pengajaran yang boleh diperolehi ialah:

1. Teori-teori etika yang dibangunkan sejak dahulu sehingga sekarang adalah sebagai panduan kepada manusia untuk memilih nilai-nilai yang sewajarnya untuk diaplikasikan ke dalam aktiviti kehidupan sehari-hari misalnya Teori Kebaikan. Dalam Teori Kebaikan ini, kita boleh mengenalpasti jenis-jenis kebaikan moral seperti kebijaksanaan, kawalan kendiri, keberanian dan keadilan. Dari pada teori ini, manusia boleh mengawal tingkah laku mereka untuk sentiasa berkelakuan secara baik dan diterima oleh masyarakat selaras dengan norma-norma yang dibentuk merentasi masa, tempat dan situasi.
2. Setiap tindakan kita adalah terikat dengan peraturan dan panduan etika yang jelas sama ada secara langsung atau tidak langsung. Teori-teori yang dibangunkan ini adalah panduan secara umum bagaimana kita seharusnya berfikir, bercakap dan bertindak dalam pelbagai aspek kehidupan sama ada dalam organisasi kerja atau semasa berada dalam masyarakat.
3. Sama ada kita adalah rakyat atau pemimpin, teori-teori etika ini menjadi panduan kepada manusia bagaimana mereka seharusnya berperanan secara yang sewajarnya demi menjaga kepentingan semua pihak termasuk alam sekitar dan boleh disesuaikan kepada sesuatu tempat, masa dan keadaan tanpa mengeneplikan nilai-nilai etika yang berkaitan dengannya.
4. Terdapat pelbagai kaum, agama dan kepercayaan di dunia ini, namun teori-teori etika yang dibina ini menggunakan prinsip dan nilai yang merentasi semua elemen-elemen tersebut. Ini adalah satu kekuatan dalam usaha kita mencari titik persamaan dalam kepelbagaian agar satu persetujuan bersama diperolehi dengan menjadikan teori-teori etika ini sebagai satu bentuk penyelesaian kepada perbezaan pendapat dan pandangan berasaskan kaum, budaya, agama dan kepercayaan. Satu nilai yang diterima umum dan bersifat universal mampu menjadi panduan kepada manusia di pelbagai tempat, masa dan keadaan dalam sebarang bentuk pertikaian yang berlaku.
5. Semua manusia adalah terikat dengan etika dan nilai yang ada dalam sesuatu tamadun, masyarakat dan organisasi. Teori-teori etika ini membantu membentuk perwatakan dan kualiti seseorang manusia sama ada kita sebagai individu atau sebagai sebuah masyarakat. Mengetahui dan memahami teori-teori etika ini menjadikan kita sebagai manusia yang berfungsi dan bertindak balas terhadap keperluan dan perubahan persekitaran. Manusia bersifat dinamik, maka mereka memerlukan satu panduan etika yang jelas dan sesuai diamalkan dalam menguruskan kehidupan yang turut bersifat dinamik.

## 2.6 KESIMPULAN

Perbincangan mengenai teori-teori etika klasik yang utama iaitu Teori Kebaikan dan Teori Teleologi, teori etika moden iaitu Teori Deontologi, Teori Keadilan dan Teori Hak Asasi di samping perbincangan mengenai kegunaan teori-teori etika ini dalam konteks melaksanakan peranan dan tanggungjawab seseorang individu semasa menjalani kehidupan sehari-hari membantu kita dalam memahami dengan lebih jelas beberapa teori etika utama dunia dan huraian mengenainya menjadi panduan yang amat penting dan bermakna apabila kita berhadapan dengan beberapa dilema etika dan amat membantu kita semasa proses membuat sesuatu keputusan secara beretika.

## RUJUKAN

- Ashcraft, R. (1986). *Revolutionary Politics & Locke's Two Treatises of Government*. Princeton: Princeton University Press.
- Bostock, D. (2000). *Aristotle's Ethics*. New York: Oxford University Press.
- Broadie, S. and Rowe, C. (2002). *Aristotle Nicomachean Ethics: Translation, Introduction, and Commentary*. Oxford: Oxford University Press.
- Fitzpatrick, J. R. (2006). *John Stuart Mill's Political Philosophy. Continuum Studies in British Philosophy*. Bloomsbury Publishing.
- Hale, J. L., Householder, B. J. dan Greene, K. L. (2002). *The Theory of Reasoned Action in J. P. Dillard & M. W. Pfau (eds.)*. The Persuasion Handbook: Developments in Theory And Practice. Thousand Oaks, CA: Sage. Pp. 259-286.
- Kircher, P., Luding, S. dan Sandroni, A. (2009). *Fairness: A Critique to the Utilitarian Approach*. Unpublished Working Paper. Northwestern University: Evanston, IL.
- Mackinnon, B. (2009). *Ethics Theory and Contemporary Issues*. 6th ed. Belmont, CA: Wadsworth.

- Plinio, A. J., Young, J. M. dan Lavery, L. M. (2010). The State of Ethics in Our Society: A ClearCall for Action. *International Journal of Disclosure and Governance*. 7: 172-197.
- Rawls, J. (1971). *A theory of justice*. Cambridge, MT: Belknap Press.
- Schofield, P. (2006). *Utility and Democracy: The Political Thought of Jeremy Bentham*. Oxford: Oxford University Press.
- Sheppard, B. H., Hartwick, J. dan Warshaw, P. R. (1988). The Theory of Reasoned Action: A Meta-Analysis of Past Research With Recommendations for Modifications and Future Research. *Journal of Consumer Research*. 15(3): 325-343.
- Thiroux, J. (1998). *Ethics: Theory and practice (6th ed.)*. Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.
- Thiroux, J. P. (2001) Ethics Theory and Practice, Seventh Edition. New Jersey: Prentice-Hall, Inc. Pp. 1-2.
- Uleman, J. (2010). *An Introduction to Kant's Moral Philosophy*. [Cambridge University Press](#).
- Velasquez, M. dan Rostankowski, C. (1985). Ethics: Theory and Practice. Englewood Cliffs, NJ. Prentice-Hall, Inc.
- Weber, M. (1947). *The Theory of Social and Economic Organization*. Edited By T. Parsons. Glencoe, III: Free Press.
- Weymark, J. A. (2005). Measurement Theory and the Foundations of Utilitarianism. *Social Choice and Welfare*. 25: 527-555.
- Wong-Mcdonald, A. dan Gorsuch, R. L. (2004). A Multivariate Theory of God Concept, Religious Motivation, Locus of Control, Coping, and Spiritual Wellbeing. *Journal of Psychology and Theology*. 32(4): 318-334.
- Yolton, J.W. (1969). *John Locke: Problems and Perspectives*. Cambridge Uniniversity Press.

**Soalan Perbincangan**

1. Berdasarkan kepada Teori Teleologi, bincangkan tindakan-tindakan yang boleh diambil dalam menangani masalah etika di tempat kerja.
2. Berdasarkan kepada Teori Deontologi, bincangkan bagaimana anda seharusnya membuat sesuatu keputusan semasa menjalankan tugas di tempat kerja.
3. Bincangkan kepentingan teori-teori etika yang anda pelajari dan terangkan bagaimana untuk mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian.

## BAB 3

# ETIKA DAN PERADABAN DALAM KEPELBAGAIAN TAMADUN: ISLAM DAN MELAYU

Faizah Mohd Fakhruddin  
Muhammed Fauzi Othman

### Objektif Pengajaran

Di akhir bab ini, pelajar akan dapat;

1. Memahami tentang hubungan citra semesta (*worldview*) dengan etika di dalam tamadun Islam dan Melayu.
2. Mengetahui tentang isu-isu etika dan peradaban dalam tamadun Islam dan Melayu.
3. Menghayati nilai-nilai murni dalam tamadun Islam dan Melayu.

### 3.0 PENGENALAN

Sejarah telah membuktikan bahawa tamadun Islam merupakan salah satu tamadun yang gah serta berpengaruh kerana keunikannya yang bersifat *syumul* (menyeluruh), terbuka serta seimbang dalam aspek duniawi dan *ukhrawi* (akhirat). Disebabkan ciri-ciri inilah yang membolehkan tamadun Islam dikategorikan sebagai salah satu tamadun yang terbesar dan terkuat di dunia. Maka, tidak hairanlah

pengaruhnya meresap hingga ke tanah jajahan asing yang mana masyarakatnya bukan daripada masyarakat Arab sendiri. Tamadun Melayu merupakan salah satu contoh tamadun yang banyak dipengaruhi oleh ciri-ciri tamadun Islam ini. Malah, segala aspek pembangunan jasmani serta rohani dipraktikkan mengikut acuan tamadun Islam yang nyata menyumbang kepada kemajuan holistik yang pernah dialami oleh tamadun Melayu berabad lamanya.

### 3.1 TAMADUN ISLAM

Tamadun Islam bermula pada kurun ketujuh masihi di semenanjung Tanah Arab iaitu sejak kerajaan di bawah pemerintahan nabi Muhammad s.a.w di kota Madinah. Tampuk pimpinan seterusnya diambil alih oleh para sahabat serta penguasa-penguasa Islam yang hebat seperti tokoh-tokoh di zaman khulafa' al-rashidin, bani Umayyah, Abbasiyah serta Turki Uthmaniyyah. Ia seterusnya berkembang dengan meluas dari Barat ke Asia Timur.

Tidak dapat dinafikan bahawa tamadun Islam melakar sejarah yang unggul dalam pelbagai bidang seperti ekonomi, politik, sosial serta sahsiah. Ini termasuklah penerapan etika yang dilihat berkembang selari dengan kemajuan berbentuk kebendaan. Secara umumnya, etika merupakan panduan yang menggariskan tentang nilai-nilai murni, tanggungjawab serta tingkah laku yang bersesuaian dengan citra semesta, pegangan hidup, budaya serta tradisi sesuatu masyarakat (Abdurezak A. Hashi, 2011). Etika Islam adalah dikaitkan dengan istilah '*akhlaq*' atau jamak daripada *khuluq* di dalam bahasa Arab. Daripada sudut bahasa, ia bermaksud sikap, tabiat, budi pekerti, perangai dan tingkah laku (Mohd Liki Hamid & Rosnaaini Hamid, 2002: 108). Dari sudut istilahnya pula, ia dapat dimaksudkan sebagai tingkah laku semulajadi atau kebiasaan individu yang dipancarkan hasil daripada keadaan jiwa seseorang individu tersebut serta tanpa pertimbangan pemikiran terlebih dahulu (Abul A'la al-Maududi, 1967: 20).

Pengertian *akhlaq* di sini dapat dibahagikan kepada dua kategori iaitu yang pertama, *akhlaq* merupakan ilmu atau sains yang memperincikan tentang standard perlakuan manusia sama ada baik/benar atau jahat/batil untuk memastikan agar mereka memahami serta mendalami tentang isu moral tersebut (Abdurezak A. Hashi, 2011; Ahmad Amin, 1973). Manakala yang kedua pula menyatakan bahawa *akhlaq* itu adalah *al-akhlaq al-fadilah* yang bermaksud perlakuan mulia. Pengertian kedua ini menggariskan bahawa *akhlaq* itu merupakan garis panduan bagi menggalakkan sikap-sikap mulia ataupun amal soleh seperti yang disebut di dalam al-Quran serta dipancarkan daripada kehidupan nabi Muhammad s.a.w. serta menjauhi segala sikap-sikap tidak bermoral yang dibenci

oleh Islam. Perbezaan antara kedua-dua pengertian tersebut adalah, yang pertama lebih memfokuskan tentang falsafah serta latar belakang teori-teori berkaitan tentang sistem etika tersebut dan ianya juga menerangkan serta memberikan hujah mengapa sesuatu nilai itu bersesuaian atau tidak untuk diperlakukan oleh seseorang individu di dalam masyarakat. Manakala pengertian kedua pula lebih menekankan secara spesifik tentang nilai-nilai yang positif serta mulia yang seharusnya diamalkan oleh seseorang individu.

Dalam perihal penciptaan manusia, Allah s.w.t menjelaskan dalam al-Quran tentang tujuan penciptaan manusia iaitu sebagai *khalfah fil ardh* (khalifah di muka bumi). Ini termasuk usaha dalam mengurus dan membangun serta menggunakan atau memanipulasi sumber alam ini daripada haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Hal ini dapat kita lihat dengan jelas dalam ayat 30, surah al-Baqarah seperti di bawah:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً  
قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَن يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَتَحْنُّ نُسُبَيْخُ  
بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾

*Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi". Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): "Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?". Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya".*

Tanggungjawab memakmurkan alam ini terletak di atas bahu manusia kerana manusia telah sanggup menerima walaupun unsur-unsur lain seperti gunung-ganang dan bukit-bukau yang lebih gagah tidak sanggup menerima tanggungjawab tersebut. Ini dirakamkan oleh Allah swt dalam surah al Ahzab, ayat 72:

إِنَّا عَرَضْنَا الْأُمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَابْيَنْ أَنَّ  
يَحْمِلُنَّا وَأَشْفَقُنَّا مِنْهَا وَجَلَّهَا إِلَيْنَاهُ كَانَ ظَلَمًا جَهُولًا  
٧٢

“Sesungguhnya Kami telah mengemukakan amanat kepada langit, bumi dan gunung-gunung, maka semuanya enggan untuk memikul amanat itu dan mereka khuatir akan mengkhianatinya, dan dipikullah amanat itu oleh manusia. Sesungguhnya manusia itu amat zalim dan amat bodoh,”

Potensi manusia yang menjadikan mereka mampu melaksanakan tugas ini ialah dengan ilmu pengetahuan. Manusia digelar oleh Syeikh Hamza Yusuf (2012) sebagai “*the learning creature*”. Potensi memperolehi ilmu secara formal dan informal ini menjadikan manusia mampu untuk membawa kemajuan kepada hidupnya dan mencipta alat dan teknologi baharu yang akhirnya meledakkan tamadun. Tamadun yang terawal di lembah Tigris dan Euprates telah menunjukkan pelbagai penciptaan dan inovasi seperti penciptaan dan penggunaan tulisan berbaji dan roda.

Di samping itu, Allah swt telah merakamkan dalam al-Quran bahawa manusia dicipta untuk berinteraksi. Ini dapat kita rujuk dalam surah al-Hujurat, ayat 13:

يَتَاهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاهُ مِنْ ذَرَّةٍ وَأَنَّى وَجَعَلْنَاهُ شَعُورًا وَبَأَيْلَ  
لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْثَرَهُمْ كُوَّنُوا عِنْدَ اللَّهِ أَنْفَدُكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ حَسِيرٌ ۝ ۱۳

“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu).”

Dalam interaksi inilah, tercermin etika dan integriti. Justeru, etika dan integriti sebenarnya merupakan sebahagian daripada asas kehidupan manusia yang mewarnai interaksinya atau sikap sosialisasinya dengan manusia lain. Dalam kalimah Arab, etika disebut *akhlaq* iaitu perilaku atau budi pekerti seseorang itu. Interaksi sesama manusia akan menyebabkan nilai-nilai keperibadiannya seperti jujur, amanah, menepati janji dan berwibawa dapat diperlihatkan. Bahkan dalam interaksi sesama manusia, kita dapat menilai sama ada seseorang tu dapat dijadikan kawan atau sahabat. Dalam interaksi sesama manusia, nilai integriti dan pematuhan etika atau penghayatan nilai-nilai murnilah yang paling diutamakan. Dalam Islam, ini ditekan dalam beberapa konsep seperti taqwa dan amal soleh.

Seperti yang telah disentuh dalam surah *al-Hujurat* di atas, kejadian manusia yang pelbagai, dengan warna kulit, bangsa, agama dan puak yang berbeza sebenarnya agar kehidupan manusia menjadi dinamik, kenal-mengenal antara satu sama lain dan akan menghasilkan inovasi dan perubahan. Ini dapat dilihat dalam kebanyakan tamadun yang kerap kali menjadi “*melting pot*” atau wadah asimilasi antara pelbagai jenis manusia dan puak. Kerajaan Andalusia menyaksikan kemasukan manusia dari pelbagai arah sama ada Timur mahupun Barat. Dengan interaksi dan perbauran ini berlaku apa yang dinamakan “*fusion*” atau penyebatan budaya, bahasa dan ilmu pengetahuan. Sumber ilmu dari tamadun India, China dan Greko-Roman ini akhirnya menjadikan letusan ilmu pengetahuan gelombang kedua selepas Greek dan lahirnya ramai sarjana agung seperti al-Khawarizmi dan Ibnu Rushd yang dipanggil *The Second Teacher* (Guru Kedua) selepas Aristotle dan Plato.

Namun tidak dilupakan, dalam surah *al-Hujurat* juga, Allah s.w.t telah memperakarkan siapakah atau jenis manusia apakah yang paling terhormat atau paling hampir dengan Rahmat Allah swt. Manusia tersebut dipanggil manusia yang bertaqwa. Konsep taqwa merupakan suatu konsep etika yang menghubungkan manusia dengan Tuhan dan manusia dengan alam persekitarannya. Sebagai contohnya, maksud asas taqwa ialah “takut dengan sebenar-benarnya kepada Allah”. Justeru, kod etika dalam Islam seperti yang telah dibincangkan oleh ulamak-ulamak silam seperti Imam al-Ghazali, Imam al-Mawardi mahupun ulamak kontemporari seperti Dr. Yusuf al-Qardawiy, Dr. Jasser Audah dan Dr. al-Raisuni merupakan kod etika yang berasaskan kepercayaan kepada Tuhan. Manusia akan menjadi manusia yang berakhhlak apabila dapat mematuhi etika dan tatacara yang baik sekiranya manusia tersebut sedar akan kewujudan dan kekuasaan Allah swt. Ia juga dipanggil *God Consciousness* atau martabat *Ihsan*. Ihsan disentuh oleh Nabi Muhammad s.a.w seperti mana sabdanya:

*“Kamu beribadah kepada Allah seolah-olah kamu dapat melihat Allah, tetapi jika kamu tidak dapat melihatNya, yakinlah Dia melihat kamu.”* (An-Nawawi, 2001).

Ini agak berbeza dengan beberapa teori etika Barat seperti Fudiciari, Teleologi mahupun Deontologi yang lebih bersifat pragmatik. Bahkan mengikut Imam al Ghazali (2013), asas kepada ajaran al-Quran adalah memurnikan etika dan integriti umat manusia. Bahkan, asas pengutusan Nabi Muhammad s.a.w ialah untuk menyempurnakan akhlak manusia seperti dalam hadith Nabi s.a.w yang bermaksud;

“Sesungguhnya aku (Nabi Muhammad s.a.w) diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.” (Riwayat al Bukhari)

Justeru dapat dilihat, dalam tamadun Islam, penekanan ke atas pembentukan akhlak yang mulia diberikan penekanan bukan sahaja dalam kalangan pemimpin, bahkan kepada setiap lapisan masyarakat. Seorang kanak-kanak selalunya dididik dengan nilai-nilai murni sejak dari kecil lagi sepertimana yang kita dapati dalam masyarakat Melayu.

Tambahan pula, Allah swt telah memberikan pengiktirafan tentang keindahan dan kemuliaan akhlak dan nilai etika Rasulullah s.a.w. Ini dirakamkan dalam ayat al-Quran surah al-Qalam, ayat 4:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿٤﴾

“Dan sesungguhnya engkau benar-benar berbudi pekerti yang luhur.”

Dan, sebagai Rasul dan pemimpin umat Muslimin, budi pekerti atau akhlak Rasulullah s.a.w yang mulia itu bukan hanya bersifat individu akan tetapi adalah suatu suri tauladan untuk diikuti. Dalam ajaran Islam, kita selalu diajar bahawa segala ajaran adalah termaktub di dalam al-Quran sebagai teori sementara Rasulullah s.a.w ialah individu yang mempraktikkan apa yang diajar dalam al Quran. Kita pula diperintahkan untuk menjadikan Rasulullah s.a.w sebagai tauladan terutamanya dalam urusan etika atau akhlak. Ini dirakamkan dalam surah al-Ahzab, ayat 21:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُوُ اللَّهَ وَالْيَوْمَ  
الْآخِرِ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

“Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)”

Ini juga dapat dirujuk dalam ayat Surah ali Imran, 31:

فَلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحِبِّكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرُ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ  
وَاللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

*"Katakanlah (wahai Muhammad): "Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."*

Ayat ini memberikan pengajaran bahawa dengan mengikut dan menuruti apa yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w, seseorang itu sebenarnya akan mendapat kasih sayang dan pengampunan dari Allah s.w.t. Justeru, kita dapat juga membuat suatu inferens, jika seseorang itu mengikuti dan menghayati akhlak Nabi Muhammad s.a.w yang diakui oleh Allah s.w.t, diakui oleh musuh dan rakan sebagai akhlak termulia, maka individu tersebut sebenarnya amat hampir dengan kasih sayang dan pengampunan Allah. Oleh yang demikian, urusan etika dalam tamadun Islam merupakan urusan *Rabbaniyyah* (ketuhanan) dan adalah asas ajaran al- Quran.

Islam menganjurkan penganutnya agar nilai etika mendasari kehidupan mereka serta keluhuran budi pekerti. Sebagai contohnya, seorang ulamak tersohor Syeikh Abdullah bin Bayyah membahaskan penafian umat Islam dan ajarannya kepada kekerasan dan keganasan. Dalam karya pendeknya berjudul “Keganasan Bukanlah Jalan ke Syurga” (2018), beliau membincangkan tentang etika tahap tinggi iaitu kemuliaan keperibadian ketika berhadapan dengan tribulasi, kezaliman dan musuh. Menurutnya, Islam melalui Nabi Muhammad s.a.w dan para sahabatnya telah menunjukkan contoh yang baik kepada kita dengan menjaga kesabarandan mengekalkan *composure* (ketekalan diri) walaupun umat Islam diseluruh dunia sedang menghadapi kezaliman dalam semua arah. Sekali-kali tidak, Islam membenarkan keganasan sebagai jalan keluar akan tetapi hanya mengizinkan tindakan ketentaraan sebagai langkah mempertahankan diri, bukan memprovokasi. Ini terbukti dalam tamadun Islam yang amat panjang lebih kurang 1300 tahun.

Perkara yang sama dapat kita rujuk dalam *magnum opus* yang mengkaji tamadun Islam seperti karya *Al Bidayah wa al Nihayah* oleh Imam Ibnu Katsir (2006) dan *Kitab al-Ibar* (kitab induk sebenar *al-Mukadimah*) karya Ibnu Khaldun (2001). Kerapkali kita dapati, suatu corak atau hukum alam yang jelas iaitu pematuhan etika sesuatu kitaran tamadun atau kerajaan adalah berkait rapat. Tidak kira jika kita merujuk kepada Kerajaan Umayyah, Abbasiyyah, Uthmaniyyah, Kesultanan Islam India Utara mahupun Kesultanan Melayu Melaka, kita dapat perhatikan bahawa ketika kitaran menaik tamadun tersebut, kita dapat terdapat pemerintah yang mematuhi etika dan menjunjung nilai budiman. Dalam khilafah Umayyah, kita dapati Khalifah Sulaiman bin Abd Malik dan Khalifah Umar bin Abd Aziz yang memegang tumpuk pemerintahan pada kemuncak Khilafah Umayyah. Dalam Khilafah Abbasiyyah pula dapat kita lihat Khalifah Harun al Rashid dan Khalifah al Ma'mun. Dalam Kerajaan Uthmaniyyah pula, kita dapat lihat beberapa khalifah yang mempunyai keperibadian seperti Khalifah Murad II dan anaknya Khalifah Muhammad III atau Sultan Muhammad al Fateh (Beck, 2001). Perkara yang sama dapat dilihat dalam Kesultanan Melayu Melaka. Ketika kemuncaknya kita dapat memerhatikan sultan-sultan yang menjunjung tinggi nilai akhlak dan etika seperti Sultan Mansur Syah dan Sultan Alauddin Riayat Syah.

Sementara itu, disaat-saat kejatuhan sesuatu khilafah, kita dapat terdapat kepimpinan yang lemah dan pematuhan etika yang rendah seperti Khalifah Marwan III bin Muhammad dan Ibrahim bin al Walid (Bani Umayyah), Khalifah al-Mutawakkil II dan III (Bani Abbasiyyah), Abdul Aziz I dan Mehmet V (Bani Othamiyyah) dan Sultan Mahmud Syah (Kesultanan Melaka). Seperkara lagi yang kita lihat adalah dengan tidak mengambil berat pematuhan etika pada diri pemimpin sesuatu kerajaan, ia membawa kepada kemerosotan integriti para pegawai kerajaan dan kelemahan institusi dan jentera kerajaan. Sebagai contoh, diakhir pemerintahan khilafah Umayyah, jentera kerajaan telah mula lemah dan hutang kerajaan dianggarkan bernilai hampir 160 juta lira. Perkara yang sama dapat dilihat dalam Kesultanan Melayu Melaka. Dalam buku Sejarah Melayu, dikisahkan betapa pemerintahan Sultan Mahmud Syah iaitu sultan terakhir kerajaan Melaka didapati sarat dengan salahlaku dan perlanggaran etika yang membawa kepada ketidakpuasan hati rakyat jelata.

Suatu lagi contoh yang paling klasikal ialah kejatuhan Tamadun Umayyah di Andalusia. Suatu tamadun yang penuh dengan warna-warni, mampu menyatukan masyarakat dari pelbagai bangsa, latar bahasa dan agama, akhirnya gugur dan lenyap akibat kemerosotan nilai budiman (Aidil, 2015). Sebenarnya pada pemerintahan Islam di Andalusia telah berjaya menjamin hak-hak asasi kaum lain sehingga mereka boleh membantu dalam usaha meninggikan tamadunnya. Gambaran ini dapat difahami dan menunjukkan bahawa perpaduan antara kaum berasaskan jaminan terhadap hak-hak kaum minoriti sebenarnya mampu mewujudkan kestabilan selagi mana ia tidak bertentangan dengan akhlak Islam. Fenomena ini disebut *la convivencia*, atau amalan hidup bersama dengan aman atau *peaceful co-existency*. Dalam bahasa Arab, ia digelar sebagai *at ta'ayyush*. Oleh sebab itu, kita dapat menyaksikan tamadun Islam Andalusia menguasai dunia dan dihormati kawan dan lawan serta menjadi kebanggaan yang sekaligus meniti di bibir umat manusia. Tetapi, di akhir pemerintahan Andalusia, nilai-nilai ini mula merosot. Sultan-sultan atau khalifah terakhir telah hilang arah nilai murni seperti bersatu padu dan ketamakan telah menguasai mereka. Inilah yang dimaksudkan oleh Ibnu Khaldun sebagai kitaran kejatuhan sesebuah tamadun yang bersifat alami. Daripada sebuah tamadun dan kerajaan yang bersatu padu, kaya dengan nilai budiman, kemajuan teknologi dan ilmu pengetahuan, akhirnya muncul 20 kerajaan yang musuh-memusuhi, berperang sesama mereka sehinggalah kelemahan melanda dan tamadun Andalusia akhirnya jatuh tersembam di kaki Raja Ferdinand

### 3.2 SUMBER ETIKA DALAM ISLAM

Etika di dalam Islam pada dasarnya bertunjangkan dari dua sumber iaitu Al-Quran dan al-Sunnah. Islam melihat bahawa etika itu bukanlah hasil daripada timbangtara, pemikiran atau kebijaksanaan manusia biasa. Hanya Allah s.w.t serta RasulNya sahaja yang mempunyai autoriti terhadap sistem etika ini. Islam mempunyai standard serta prinsipnya sendiri yang disandarkan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Disebabkan oleh ciri unik ini, maka sistem etika Islam adalah bersifat kekal serta tidak akan berubah-ubah dan tidak ditelan zaman kerana ia bersesuaian dengan fitrah manusia seiring dengan peredaran masa.

Al-Quran berperanan menggariskan tentang dasar-dasar serta asas-asas konsep dan standard etika di dalam Islam. Manakala al-

Sunnah pula merupakan praktis sebenar atau cerminan daripada konsep-konsep yang disebut di dalam al-Quran. Ini amatlah bertepatan dengan misi perutusan nabi Muhammad s.a.w. yang diutuskan oleh Allah s.w.t sebagai rasul yang terakhir serta berperanan sebagai *uswatun hasanah* (model/contoh terbaik) untuk diikuti sebagai nabi akhir zaman yang mulia akhlaknya. Di dalam al-Quran ada menyatakan bahawa:

*Dan bahawa sesungguhnya engkau (Muhammad) mempunyai akhlak yang amat mulia ([Al-Qalam 68:4](#)).*

Ini juga diperakui oleh nabi Muhammad s.a.w sendiri apabila baginda bersabda:

*Sesungguhnya aku dibangkitkan (diutus) untuk menyempurnakan akhlak yang mulia* (Riwayat Albani. Al-Silsilah As-Sahihah, no. hadits: 45).

Maka, dapatlah dikatakan bahawa sistem etika di dalam Islam merupakan sesuatu yang unik kerana ia di bawah kerangka citra semesta Islam yang bertunjangkan al-Quran dan al-Sunnah yang relevan dijadikan panduan sepanjang zaman. Pada asasnya, citra semesta Islam itu sendiri berteraskan kepada prinsip tauhid yang menggariskan bahawa Allah s.w.t merupakan Pencipta semesta alam dan bahawa Allah s.w.t sahajalah yang wajib disembah oleh semua makhluk. Ini juga bermakna bahawa setiap anjuran dan segala laranganNya wajib ditaati atau dijauhi semata-mata muh mengejar keberkatan daripadaNya serta ganjaran syurgaNya di Akhirat kelak.

Disebabkan oleh faktor yang jitu ini, penggalakkan terhadap nilai-nilai akhlak yang baik dapat diterapkan di dalam Islam kerana ketaatan dan ketakwaan yang kental terhadap Allah s.w.t merupakan satu isbat (sanction) yang efektif dalam melahirkan masyarakat Islam yang beretika dan berakhhlak mulia (Afzalur Rahman, 2003). Ini dapat dibuktikan dengan adanya insentif serta penalti yang dijanjikan oleh Allah s.w.t dalam setiap nilai-nilai akhlak yang disebut di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Insentif seperti keredhaan dan keberkatan hidup, limpahan rezeki, ganjaran syurga serta pahala bagi praktis akhlak yang baik merupakan satu kuasa penggerak yang berkesan agar masyarakat Islam itu berakhhlak dengan akhlak yang mulia. Manakala, penalti seperti janji untuk pengakhiran yang buruk di neraka serta kekacauan hidup di dunia pula dapat menghindarkan masyarakat Islam daripada melakukan amalan-amalan yang negatif yang boleh merosakkan imannya, dirinya serta masyarakatnya.

Keyakinan bahawa Allah s.w.t itu Maha Melihat perkara yang jelas atau yang tersembunyi mengukuhkan lagi isbat tersebut. Maka, seorang individu Islam yang baik seharusnya berusaha agar menjauhi dari melakukan perbuatan yang keji serta tercela baik di hadapan manusia lainnya maupun secara tersorok yang jauh dari pandangan mata manusia kerana dia yakin bahawa setiap perbuatannya di bawah pengawasan Allah s.w.t. Seorang Islam yang beriman adalah seorang yang sentiasa mahukan redha Allah ke atasnya dan bukannya murkaNya.

### **3.3 PRINSIP UTAMA DI DALAM ETIKA ISLAM**

Di dalam Islam, etika mestilah selari dengan empat prinsip utama Islam iaitu, selari dengan fitrah manusia, selari dengan konsep al-din (agama), memperakui dua persona/dimensi sikap manusia serta menyantuni hubungan manusia di dalam konteks personal dan interpersonal (Abdurezak A. Hashi, 2011).

#### **i. Etika mestilah selari dengan fitrah manusia**

Islam mempercayai bahawa fitrah atau sifat semulajadi manusia itu adalah baik serta suci dari noda sejak mereka dilahirkan. Hadis riwayat Abu Hurairah Radhiyallahu'anhu, ia berkata: Rasulullah s.a.w bersabda:

*“Setiap anak itu dilahirkan dalam keadaan fitrah. Kedua orang tuanya yang membuatnya menjadi seorang Yahudi, seorang Nasrani maupun seorang musyrik.” Lalu seorang laki-laki bertanya: “Ya Rasulullah! Bagaimana pendapat engkau kalau anak itu mati sebelum itu?” Beliau menjawab: “Allah lebih tahu tentang apa yang pernah mereka kerjakan.”*

Secara semulajadinya, manusia itu senang dan sukakan akhlak yang baik kerana ia bertepatan dengan fitrah semulajadinya. Maka, akhlak yang baik seperti saling tolong-menolong, bercakap benar, mempunyai integriti, bersikap adil dan saksama amatlah disenangi dan digalakkan oleh Islam. Walaupun pada semulajadinya manusia dilahirkan dengan fitrah yang hanya sukakan kebaikan, namun mereka juga terdedah kepada perkara-perkara *sayyiat* (sikap-sikap jelik) disebabkan persekitaran serta agen-agen sosial yang mempengaruhi mereka seperti ibu bapa, keluarga serta masyarakat.

Islam memandang bahawa seharusnya manusia akan merasa malu serta jelik dengan perbuatan-perbuatan yang berlawanan dengan fitrah mereka seperti sikap hasad (dengki), berdusta, mengamalkan korupsi dan zalim terhadap sesama manusia. Ini dapat dibuktikan oleh hadith Rasulullah s.a.w. Daripada an-Nawas bin Sam ‘an RA daripada Nabi SAW sabdanya:

*“Kebajikan itu ialah berakhhlak dengan akhlak yang baik, dan dosa itu ialah perasaan yang bimbang dalam hati dan engkau tidak mahu perbuatan itu diketahui orang lain.” (Hadith Riwayat Muslim)*

Maka, berdasarkan hadith tersebut, ia menggariskan tentang kayu ukur atau penanda aras bagi sempadan antara akhlak yang baik serta perlakuan yang jelik. Akhlak yang baik dikatakan sesuatu perlakuan yang menenangkan jiwa manakala perlakuan yang jelik menimbulkan perasaan tidak keruan di dalam hati serta merasakan bahawa ianya suatu aib (kelemahan/kecelaan) yang sebolehnya mahu disembunyikan daripada pengetahuan orang lain. Maka, dapatlah disimpulkan bahawa etika Islam itu selari dengan fitrah manusia melainkan fitrah itu sendiri telah tercemar.

## **ii. Etika mestilah selari dengan *al-din* (agama)**

Dalam sebuah hadits diterangkan seorang lelaki pernah bertanya kepada Rasulullah s.a.w:

*Maka telah berkata: Wahai Rasulullah, apakah din itu? Ar-Rasul Sallallahu’alaihiwasallam menjawab: Akhlak yang baik* (Riwayat al-Iraqi Takhrij al-Ihya’, no. hadits dan juzu’: 3/61).

Di dalam Islam, orang yang mempraktikkan etika atau akhlak yang mulia dilihat sebagai orang yang berjaya mempamerkan iman serta agamanya. Manakala orang yang melakukan perbuatan yang keji dianggap sebagai orang yang lemah iman serta agamanya. Ini bertepatan dengan hadith yang dirawiyatkan oleh al-Tabrani daripada Rasulullah s.a.w:

*Seorang lelaki bertanya: orang mu’mín yang manakah yang paling sempurna? Baginda menjawab: Orang yang akhlaknya paling baik* (Riwayat al-Tabrani. Al-Mu’jam Al-Aushot, no. hadits dan juzu’: 8/110).

**iii. Etika mestalah membincarakan tentang dua dimensi sikap manusia**

Etika di dalam Islam juga perlulah menggariskan tentang dua dimensi sikap manusia iaitu dimensi sikap positif serta dimensi sikap negatif. Dimensi positif yang disebut di dalam al-Quran adalah seperti *al-ilm* (ilmu pengetahuan), *al-bayan* (wacana intelektual) dan *al-taqwim al-hasan* (karakter semulajadi yang baik) selalu dikaitkan dengan fitrah semulajadi manusia yang suci. Manakala, dimensi negatif pula menyebut tentang sikap-sikap jelik seperti *zalum* (zalim), *'ajul* (terburu-buru), *jadal* (berbalah) dan *al-ya'us* (berputus asa) sebagai sikap-sikap yang bertentangan dengan fitrah manusia serta terbit hasil daripada nafsu jahat manusia. Maka, amatlah jelas sekali bahawa Islam hanya memperakui serta menggalakkan etika yang dikategorikan di dalam dimensi positif serta mencela etika di dalam dimensi negatif.

**iv. Etika mestalah menyantuni hubungan manusia secara personal dan interpersonal**

Etika di dalam Islam adalah merupakan satu garis panduan bagi manusia untuk bersikap dengan sikap-sikap yang mulia tidak kira untuk hubungannya dengan diri sendiri (*personal*) ataupun hubungannya dengan manusia lainnya (*interpersonal*). Bagi hubungannya dengan diri sendiri atau bersifat *personal*, ianya melibatkan proses *tazkiyatun nafs* (penyucian diri) iaitu satu proses yang mana melibatkan penampaikan intelek serta kerohanian jiwa yang berterusan. Proses ini amat penting agar dapat memastikan jiwa manusia itu sentiasa suci dan bersih dari sifat-sifat yang jelik dan tidak disukai dalam Islam.

Hubungan antara manusia sesama manusia (*interpersonal*) pula lebih menekankan tentang sikap-sikap yang patut diamalkan oleh manusia agar hubungannya dengan masyarakat serta makhluk lain juga (haiwan, tumbuhan serta alam) terpelihara agar dapat hidup aman daripada segala keributan. Etika yang menggariskan hubungan interpersonal ini penting kerana ianya dapat memberi panduan agar manusia berakhhlak dengan akhlak-akhhlak yang mulia seperti saling bekerjasama, bersifat pemurah, bertimbang rasa, mempermudahkan urusan orang lain serta mengucapkan kata-kata yang baik sesama manusia. Akhlak sebegini bukan sahaja mampu menaikkan darjat seseorang menjadi lebih dihormati serta dimuliakan, malah ia juga dapat mewujudkan hubungan yang akrab serta muhibbah di dalam masyarakat

### 3.4 NILAI-NILAI ETIKA DI DALAM ISLAM

#### i. Amanah

Dari segi bahasa, amanah bermaksud aman, damai, tenteram, selamat dan harmoni. Secara istilahnya, amanah bermaksud menyerahkan tanggungjawab kepada seseorang yang berhak menerimanya dan dipercayai agar melaksanakan tanggungjawab tersebut dengan jayanya tanpa mengabaikannya (Andi Mohamad, 2015: 2; Azman, 2002: 94). Di dalam Islam, amanah perlulah dilaksanakan di dalam tiga aspek penting iaitu amanah terhadap Allah s.w.t dan nabi Muhammad s.a.w., amanah terhadap diri sendiri dan juga amanah manusia kepada orang lain (Mahdi, 1997). Yang pertama, amanah terhadap Allah dan nabi Muhammad s.a.w. bererti bahawa seseorang individu itu perlulah menjalankan peranannya sebagai seorang hamba yang taat dan patuh kepada segala perintah Allah termasuk menghindari daripada segala laranganNya. Amanah terhadap Allah juga merangkumi peranan manusia sebagai seorang khalifah (wakil) di bumi yang mana amanah tersebut mencakupi tanggungjawabnya untuk memelihara, memakmurkan serta membangunkan bumi agar lebih tenteram serta sejahtera. Di dalam al-Quran telah disebutkan:

*Allah menjanjikan orang-orang yang beriman dan beramal soleh dari kalangan kamu (wahai umat Muhammad) bahawa Ia akan menjadikan mereka khalifah-khalifah yang memegang kuasa pemerintahan di bumi, sebagaimana Ia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka: khalifah-khalifah yang berkuasa; dan Ia akan menguatkan dan mengembangkan agama mereka (agama Islam) yang telah diredhaiNya untuk mereka; dan Ia juga akan menggantikan bagi mereka keamanan setelah mereka mengalami ketakutan (dari ancaman musuh). Mereka terus beribadat kepadaKu dengan tidak mempersekuatkan sesuatu yang lain denganKu. Dan (ingatlah) sesiapa yang kufur ingkar sesudah itu, maka mereka itulah orang-orang yang derhaka (Al-Nuur 24: 55).*

Amanah terhadap Rasulullah s.a.w. pula menyatakan bahawa setiap manusia diamanahkan untuk memelihara, menghargai, mencontohi serta mengamalkan segala sunnah Rasulullah s.a.w. kerana baginda adalah contoh manusia yang sempurna dari segala sudut kehidupan. Sunnah baginda merupakan terjemahan kepada setiap perintah Allah s.w.t yang diinterpretasikan dari sudut perkataan serta perbuatan baginda. Maka, ia bertepatanlah dengan pendapat bahawa pelaksanaan amanah terhadap Rasulullah s.a.w itu merupakan cabang kepada amanah terhadap Allah s.w.t kerana baginda menunjukkan jalan tentang bagaimana ajaran-ajaran Allah s.w.t itu patutnya dilaksanakan. Manusia yang taat kepada ajaran Rasulullah

s.a.w. merupakan manusia yang taat dan patuh kepada Penciptanya. Manakala manusia yang ingkar kepada ajaran RasulNya adalah manusia yang tidak memelihara amanah serta maruah agamanya.

Yang kedua, amanah terhadap diri sendiri pula mengaitkan tanggungjawab manusia agar menjaga anggota pancainderanya. Amanah terhadap diri sendiri ini terbahagi kepada dua pembahagian iaitu, secara lahiriah dan juga secara rohaniah. Secara lahiriahnya, manusia seharusnya menjaga kesihatan, kebersihan dan memberikan hak yang sepatutnya kepada semua anggota pancainderanya. Namun, aspek yang terpenting yang perlu dijaga adalah amanah terhadap pancaindera dari sudut rohaniah. Anggota pancaindera ini perlulah digunakan sebagai alat untuk beribadat kepada Allah s.w.t dan bagi tujuan yang diredhai Allah s.w.t. Ia tidak seharusnya digunakan bagi tujuan yang sia-sia serta dilarang oleh Islam yang mana boleh membuatkan manusia itu terjebak dalam perkara-perkara yang mungkar. Sebagai contoh, lidah seharusnya digunakan untuk memuji kebesaran Allah sw.t, membaca al-Quran dan berkata dengan perkataan-perkataan yang baik dan bukannya digunakan untuk mengucapkan kata-kata umpatan, hasutan serta cacian yang boleh mencetuskan fitnah serta merosakkan hubungan sesama manusia.

Amanah terhadap orang lain menggariskan bahawa manusia itu perlu menjalankan tanggungjawabnya terhadap masyarakat sesuai dengan fitrahnya bahawa manusia itu makhluk yang bermasyarakat dan tidak boleh hidup bersendirian. Manusia sentiasa memerlukan bantuan orang lain dalam memastikan kelangsungan hidupnya. Di dalam Islam, setiap pemilikan individu itu bukanlah miliknya yang mutlak, terdapat sebahagian daripada hartanya adalah hak sebahagian saudaranya yang lain. Maka, setiap manusia itu mestilah menjalankan amanahnya terhadap masyarakatnya sama ada dari sudut perkhidmatan, saling tolong-menolong, bekerjasama, bersikap ihsan, bercakap benar serta mengeluarkan zakat dan bersedekah. Tanggungjawab ini merupakan satu tanggungjawab yang besar terutama kepada para pemimpin tidak kiralah daripada sekecil-kecil institusi ke sebesar-besarnya organisasi seperti institusi kekeluargaan, pendidikan, pekerjaan serta negara. Ini bertepatan dengan satu hadith apabila nabi Muhammad s.a.w bersabda:

*“Setiap kalian adalah pemimpin, dan setiap pemimpin akan diminta pertanggung jawaban atas yang dipimpinnya. Imam adalah pemimpin yang akan diminta pertanggung jawaban atas rakyatnya. Seorang suami adalah pemimpin dan akan diminta pertanggung jawaban atas keluarganya. Seorang isteri adalah pemimpin di dalam urusan rumah tangga suaminya, dan akan diminta pertanggung jawaban atas urusan rumah tangga tersebut. Seorang pembantu adalah pemimpin dalam urusan harta tuannya, dan akan diminta pertanggung jawaban atas urusan tanggung jawabnya tersebut.”*

(HR. Bukhari No. 844)

Maka, jelaslah bahawa bersikap amanah merupakan manifestasi kepada keimanan serta ketakwaan yang tinggi terhadap Allah s.w.t dek kerana beratnya amanah yang perlu digalas oleh seorang Islam itu. Khianat kepada amanah bukan sahaja disamakan seperti orang munafik dan yahudi, malah mendapat celaan di dunia dan di Akhirat serta menempah jalan ke neraka Allah. Ini terbukti di dalam al-Quran apabila Allah s.w.t menyebut:

*Dan tiadalah patut bagi seseorang Nabi itu (disangkakan) berkhanat (menggelapkan harta rampasan perang), dan sesiapa yang berkhanat (menggelapkan sesuatu), ia akan bawa bersama pada hari kiamat kelak apa yang dikhianatinya itu; kemudian tiap-tiap seorang akan disempurnakan (balasan bagi) apa yang telah diusahakannya, sedang mereka tidak akan dikurangkan sedikitpun (balasannya) (Ali Imran 3: 161).*

## **ii. Tolong-menolong**

Tolong-menolong itu adalah satu akhlak yang mulia dan dituntut di dalam Islam. Orang Islam berkewajipan menolong sesama manusia di dalam tiga kategori iaitu, menolong para kerabatnya (keluarga), menolong jiran sesama Islam serta menolong jiran kafir (Azman, 2002). Sikap tolong-menolong ini amat menitikberatkan prinsip agar melakukan perkara-perkara yang mendatangkan manfaat serta diredhai oleh Allah s.w.t dan tidak bertentangan dengan syariat. Sikap ini ditonjolkan secara indahnya di dalam sirah apabila sikap kerjasama dan tolong-menolong antara kaum Ansar dan Muhajirin di zaman Rasulullah s.a.w. Kaum Ansar yang tinggal menetap di Madinah menerima kedatangan kaum Muhajirin yang berhijrah dari Mekah ke kota Madinah dengan hati yang terbuka serta bersedia menolong mereka dari sudut kewangan serta tenaga fizikal dengan ikhlas tanpa mengharapkan apa-apa ganjaran. Akhlak mulia yang diamalkan oleh kaum Ansar ini disebutkan di dalam al-Quran yang berbunyi:

*Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah, dan orang-orang (Ansar) yang memberi tempat kediaman dan pertolongan (kepada orang-orang Islam yang berhijrah itu), mereka semuanya menjadi penyokong dan pembela antara satu dengan yang lain. Dan orang-orang yang beriman yang belum berhijrah, maka kamu tidak bertanggungjawab sedikit pun untuk membela mereka sehingga mereka berhijrah. Dan jika mereka meminta pertolongan kepada kamu dalam perkara (menentang musuh untuk membela) agama, maka wajiblah kamu menolongnya, kecuali terhadap kaum yang ada perjanjian setia di antara kamu dengan mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Melihat akan apa yang kamu lakukan (Al-Anfaal 8: 72).*

Amalan ini memperlihatkan bahawa ia adalah hasil daripada keimanan yang tulus serta hasil tarbiyah Rasulullah s.a.w. yang berpaksikan *aqidah* yang jitu serta keimanan dan ketaqwaan yang terpuji.

### iii. Pemurah

Bersikap pemurah dapatlah diertikan dengan amalan membelanjakan hartanya di dalam hal-hal yang dituntut oleh *syara'* (Azman, 2002: 91). Sikap pemurah adalah sikap berada di tengah-tengah di antara dua sikap ekstrim iaitu kedekut dan boros. Islam mengiktiraf sikap pemurah sebagai salah satu daripada akhlak mulia kerana pada dasarnya ia berkesinambungan serta terbit daripada pengorbanan. Pengorbanan dari sudut membelanjakan serta mewakafkan harta dan menderma di jalan Allah s.w.t. dengan ketulusan hati tanpa mengharapkan apa-apa ganjaran atau pujian amat dipandang tinggi oleh Islam. Ia bukan sahaja dapat membersihkan hati sang pemberi harta daripada segala sifat riak, sompong dan bongkak di atas pemilikan hartanya, namun ia juga dapat menanam sikap saling sayang-menayangi serta prihatin terhadap sesama insan kerana sudah pastilah sang penerima merasakan bahawa terdapat saudaranya yang masih rela berkongsi rezeki serta menolong mereka di dalam meringankan kesusahan hidup. Sikap ini juga dapat membantu agar status ekonomi masyarakat Islam bertambah maju serta jurang kemiskinan dapat dikurangkan antara golongan dhaif dan golongan kaya. Secara tidak langsung, ia dapat membasmikan kadar jenayah yang berpunca daripada kemelaratian hidup malah, ia mampu mengembalikan kestabilan dari sudut ekonomi dan sosial masyarakat Islam. Maka, bersikap pemurah ini merupakan satu akhlak mulia yang dipuji oleh Islam kerana ia merupakan satu wasilah untuk mempertingkatkan iman, memperoleh pahala serta Allah menjanjikan ganjaran yang baik untuk pengamalnya. Ini sangat bertepatan seperti yang disebut di dalam al-Quran:

*Orang-orang yang membelanjakan (mendermakan) hartanya pada waktu malam dan siang, dengan cara sulit atau terbuka, maka mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka, dan tidak ada keimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) terhadap mereka, serta mereka pula tidak akan berduka cita (al-Baqarah, ayat 274).*

#### iv. Sabar

Dari sudut bahasa, sabar dapat diertikan sebagai menahan diri. Secara istilahnya, ia merujuk kepada menahan atau menanggung diri daripada melakukan perkara-perkara jelik yang didorong oleh nafsu kepada perkara-perkara yang disukai dan diredhai oleh Allah s.w.t. (Azman Mat Zain, 2002: 93). Sikap sabar dikatakan sebagai syarat mutlak bagi manusia untuk mencapai kejayaan sama ada di dunia dan di Akhirat. Dunia ini dianggap sebagai pentas di mana manusia itu diuji dengan pelbagai rintangan dan pancaroba hidup sama ada dari sudut kewangan, kesihatan dan sebagainya. Sebagai manusia biasa, para rasul serta nabi-nabi juga tidak dapat lari daripada diuji dengan kesulitan yang sedemikian di dalam hidup mereka. Namun, apa yang membezakan akhlak seorang mukmin dengan yang lainnya adalah kekuatan mereka untuk bersabar demi mengharapkan keredhaan Allah s.w.t. Ini adalah amat jelas seperti yang dinyatakan di dalam al-Quran:

*Adakah patut kamu menyangka bahawa kamu akan masuk syurga, padahal belum sampai kepada kamu (ujian dan cubaan) seperti yang telah berlaku kepada orang-orang yang terdahulu daripada kamu? Mereka telah ditimpa kepapaan (kemusnahaan hartabenda) dan serangan penyakit, serta digoncangkan (oleh ancaman bahaya musuh), sehingga berkatalah Rasul dan orang-orang yang beriman yang ada bersamanya: Bilakah (datangnya) pertolongan Allah?" Ketahuilah sesungguhnya pertolongan Allah itu dekat (asalkan kamu bersabar dan berpegang teguh kepada agama Allah) (al-Baqarah, ayat 214)*


Ternyata sebenarnya sikap sabar itu merupakan sesuatu yang amat sukar untuk dipraktikkan. Ia perlulah disemai serta dididik agar jiwa menjadi kuat dan kental dalam menghadapi segala ujian Allah s.w.t di dunia ini. Jika manusia tiada sikap sabar ini, maka runtuhlah akhlak serta terpamerlah segala aib yang mana dapat mengkucarkacirkan kehidupan. Misalnya, orang yang hilang sabarnya acapkali memperlihatkan amarahnya, berputus asa serta menyalahkan takdir di atas kesusahan yang ditimpakan ke atasnya. Ini bukan sahaja memberi kesan terhadap orang di sekelilingnya tetapi terhadap tahap keimanannya juga. Maka, benarlah apa yang dijanjikan Allah s.w.t serta apa yang disabdakan oleh nabi Muhammad s.a.w bahawa ganjaran bagi orang yang bersabar itu amat besar kerana ia adalah satu sikap yang menunjukkan keimanan serta ketakwaan yang tinggi terhadap Penciptanya. Antara ganjaran tersebut adalah berupa nikmat diampunkan dosa, dipermudahkan urusannya di dunia dan di Akhirat serta yang paling besar sekali adalah ganjaran syurga. Ini dapat dibuktikan daripada satu hadith qudsi yang mana berkata Syaddad bin Aus r.a. bahwasanya Nabi s.a.w bersabda maksudnya:

*“Allah telah berfirman: 'Sekiranya Aku uji salah seorang hamba-Ku yang mukmin, lalu ia memuji-Ku seraya bersabar atas (penderitaan) apa yang Aku mengujinya. Maka ia akan bangun dari tempat pembaringannya, bagaikan anak yang baru dilahirkan oleh ibunya, bersih dari dosa. Lantas Tuhan akan memerintahkan malaikat Pencatat Amal: Sesungguhnya Aku telah menahan hamba-Ku ini dan Aku telah mengujinya, maka kini catatkanlah baginya apa yang kamu selalu catatkan sebelum itu dari pahala-pahala amalannya.”*

(Hadis Riwayat Ahmad)

### 3.5 TAMADUN MELAYU

Tamadun Melayu adalah suatu Tamadun Kepulauan (Archipelagic Civilisation) yang tertua. Ia berkembang dalam Gugusan Kepulauan Melayu yang terletak di pelangkahan Khatulistiwa serta berpangkal daripada Semenanjung Tanah Melayu yang melunjur daripada Tanah Besar Benua Asia. Gugusan Kepulauan Melayu ini terdedah kepada iklim tropis, putaran angin bermusim dan arus lautan yang kencang antara pulau, serta kehidupan alam semula jadi dan lautan yang amat kaya. Di sinilah berkembangnya satu rumpun bangsa Melayu, satu keturunan baka (DNA), satu bahasa dan satu ragam budaya. Mereka hidup segar, rukun dan sejahtera, berlandaskan sikap yakin, tabah dan terbuka antara mereka dan alam semesta. Dengan landasan hidup sedemikian, mereka melahirkan suatu Peradaban Kepulauan yang tersendiri dalam susila Peradaban Melayu yang lahir daripada pengalaman dan citra semesta kemanusiaan yang asli. Secara zahir, Alam Melayu adalah gugusan pulau-pulau serta Semenanjung Tanah Melayu yang didiami oleh rumpun bangsa Melayu semenjak zaman berzaman. Kepulauan ini serta lautan dan selat antaranya juga dikenali sebagai NUSANTARA (Nusa-antara-lautan). Inilah juga tanah air bagi rumpun bangsa Melayu yang berkongsi satu baka keturunan, persamaan adat-resam, satu bahasa dan budaya yang dipegang bersama. Peradaban yang tua inilah yang menjadi teras dan tunggak kepada negara-negara moden di Alam Melayu yang ada sekarang.



Peta Alam (Habitat) Melayu

Dalam membicarakan tentang sistem etika dalam peradaban Melayu, ia secara umumnya amatlah berkait rapat dengan istilah adat. Adat dari segi bahasanya adalah bermaksud kebiasaan ataupun sesuatu yang tidak bersifat kebendaan (Soleman, 1987). Dari sudut istilahnya pula, ia dapat ditakrifkan sebagai satu sistem atau panduan tingkah laku yang diterima dan digunakan secara turun-temurun dan diperakui oleh masyarakat akan amalannya sehingga dianggap sebagai satu tradisi yang perlu dilestarikan (Norazit, 1997). Adat dianggap sebagai tiang seri kerana ia berperanan sebagai panduan bagi masyarakat Melayu mengatur perlakunya di dalam pelbagai institusi seperti institusi sosial, politik, ekonomi, undang-undang dan sebagainya. Adat amatlah dititikberatkan oleh masyarakat Melayu kerana ia bermatlamat untuk menjamin dan memelihara keamanan, keharmonian serta kesejahteraan sosial agar kekacauan atau pergolakan dapat dielakkan. Tidak dapat dinafikan bahawa masyarakat Melayu amat sinonim dengan masyarakat yang sangat mementingkan pemuaafakan antara sesama manusia. Oleh itu, tidak hairanlah jika mereka sangat menjunjung tinggi adat yang memperhalusi tentang perlakuan yang berbudi bahasa, adab yang mulia serta beretika untuk diamalkan di dalam kehidupan seharian.

Secara umumnya, konsep adat adalah begitu besar dan menyeluruh. Namun, terdapat beberapa kategori adat yang berkait rapat dengan etika iaitu adat yang diadatkan dan adat resam. Adat yang diadatkan merupakan peraturan, hukum dan undang-undang

yang diwariskan turun-temurun serta dipatuhi oleh masyarakat di dalam menjalani kehidupan sosial mereka (Mohd.Koharuddin, 2005). Adat yang diadatkan ini adalah cerminan kepada pemikiran masyarakatnya yang bijaksana dalam menentukan peraturan berinteraksi sesama manusia yang bermatlamatkan permuaafakatan, kerukunan dan ketenteraman. Disebabkan faktor sebeginilah masyarakat Melayu menyanjung tinggi adat ini agar keadilan dan kedaulatan undang-undang itu terpelihara. Prinsip ini secara jelasnya digambarkan di dalam pepatah adat yang berbunyi:

*'Biar mati anak, jangan mati adat'.*

Manakala, adat resam pula berbentuk lebih spesifik dan mengkhusus seperti kelaziman individu dari sudut perbuatan (Mohd.Koharuddin, 2005). Ini termasuklah segala jenis tingkahlaku yang diamalkan oleh masyarakat Melayu seperti cara berpakaian, cara makan, tata tertib di hadapan orang tua dan sebagainya. Misalnya, masyarakat Melayu berpakaian sopan dan menutup aurat jika ke masjid dan surau atau jika menghadiri majlis-majlis keraian. Mereka juga menggunakan tangan kanan ketika menuapkan makanan. Selain itu, terdapat juga tata tertib yang menggariskan bahawa apabila berinteraksi dengan orang yang lebih tua, perlulah bertegur sapa dan bertutur dengan sopan dan lembut, jika perlu melintas di hadapan mereka, maka perlulah menundukkan atau membongkokkan sedikit badan ke hadapan dengan tangan kanan tegak ke bawah atau ke hadapan sambil meminta izin untuk berjalan di hadapan mereka.

Selain adat, etika alam Melayu selalu juga dikaitkan dengan istilah adab. Dari sudut bahasa, ia dimaksudkan sebagai budi bahasa yang halus dan juga tingkah laku dan tutur kata yang sopan (Kamus Dewan, 1994: 6). Manakala, dari sudut istilahnya pula, ia diertikan sebagai tindakan atau perbuatan yang dipraktikkan secara wajar, tepat dan sesuai hasil daripada jasad, hati serta akal manusia yang terdisiplin (Hashim, 2008: 54).

### 3.6 SUMBER ETIKA PERADABAN MELAYU

Sebelum perbincangan ditumpukan kepada sumber etika bagi citra semesta Melayu, amatlah relevan untuk mengetahui sistem kepercayaan yang mempengaruhi adat Melayu itu sendiri. Ini merupakan hal yang penting kerana sistem kepercayaan inilah yang menjadi teras kepada penginstitusian adat bagi masyarakat Melayu.

Masyarakat Melayu pada asalnya berpegang kepada kepercayaan animisme serta Hindu-Buddha terutamanya sebelum tersebarinya Islam di alam Melayu (Mohd. Koharuddin, 2005). Animisme adalah

satu kepercayaan yang mana meyakini bahawa setiap benda mempunyai roh, memiliki keperibadian tersendiri serta mempunyai kuasa dalam menentukan nasib seseorang individu (Taib Osman, 1977). Manakala, sistem kepercayaan Hindu-Buddha pula berteraskan kepada keyakinan dengan kewujudan dewa-dewa yang berkuasa ke atas kehidupan manusia. Sistem kepercayaan Hindu-Buddha ini kuat mempengaruhi masyarakat Melayu pada zaman dahulu terutama di kalangan golongan istana. Misalnya, raja-raja dipandang mulia kerana mereka dikatakan sebagai jelmaan dewa-dewa. Justeru, mereka berhak diletakkan di kedudukan yang paling tinggi dek kerana statusnya bukan lagi dianggap taraf manusia biasa tetapi status dewa (Mohd. Koharuddin, 2005).

Selain kepercayaan animisme dan Hindu-Buddha, masyarakat Melayu sebenarnya lebih kuat dipengaruhi oleh agama Islam. Kedatangan Islam bukan sahaja mencetuskan revolusi dalam mengubah pandangan masyarakat Melayu tentang keyakinan mereka terhadap kewujudan roh-roh, semangat serta dewa-dewa, bahkan ianya sekaligus mengubah stratifikasi sosial masyarakat Melayu iaitu daripada mempercayai bahawa raja itu adalah jelmaan dewa-dewa kepada khalifah (wakil Tuhan) di muka bumi. Maka, sebagai orang Islam, masyarakat Melayu berpegang kepada konsep *tauhid* iaitu mengesakan Allah s.w.t tanpa menyamakan Dia dengan sesuatu yang lain. Allah s.w.t merupakan satu-satunya Tuhan Pencipta dan selayaknya disembah tanpa meneyekutukannya dengan yang lain. Nabi Muhammad s.a.w pula diimani sebagai nabi terakhir yang diutuskan oleh Allah s.w.t dalam menyampaikan ajaran Islam, iaitu satu-satunya agama yang direhui Allah s.w.t. Al-Quran dan al-Sunnah merupakan dua sumber atau teras dalam setiap aspek kehidupan masyarakat Melayu. Ini termasuklah penyerapan elemen Islam ke dalam aspek etika, sistem nilai serta adat yang berlandaskan syariat Islam (peraturan bersumberkan hukum Islam). Ini amatlah bertepatan dengan pepatah Melayu yang berbunyi:

*'Adat bersendikan hukum,  
Hukum bersendikan syara',  
Syara' bersendikan kitabullah.  
Syara' mengata, adat memakai,  
Ya kata syara', benar kata adat.*

### **3.7 NILAI-NILAI ETIKA/ADAT DI DALAM MASYARAKAT MELAYU**

Masyarakat Melayu amatlah menyanjung tinggi orang yang mulia tingkahlakunya serta bijak menyesuaikan dirinya pada masa dan situasi-situasi tertentu. Orang sebegini dikenali sebagai orang yang budiman, orang yang beradat atau orang yang tahu adat (MohdKoharuddin, 2005; Norazit, 1995). Orang yang budiman ini dikatakan sebagai orang yang mulia sifatnya dari segi tingkah lakunya (sopan, wajar, penyayang dan pemurah), budi bicaranya (tutur kata yang sopan, manis, penuh pengajaran dan bermanfaat untuk pendengarnya) dan akal budinya (bijaksana, berilmu dan hati yang sarat dengan kebaktian) (Hashim, 2008). Manakala, orang yang berperlakuan bertentangan dengan adat itu dianggap kurang adab, kurang ajar, biadab serta bacul. Disebabkan adat-adat ini dianggap amat penting, maka penerapan nilai-nilai adat ini diajarkan kepada ahli masyarakatnya sejak mereka kecil lagi melalui satu proses dinamakan sosialisasi. Ia merupakan satu proses di mana anak-anak dibudayakan dengan adat-adat agar mereka memahami serta mendalamai tingkahlaku yang sesuai mereka amalkan di masa-masa serta di sesuatu situasi tertentu. Berikut adalah nilai-nilai atau adat-adat yang menjadi teras kepada pembentukan masyarakat Melayu yang budiman:

#### **1) Halus budi pekerti dan budi bahasa**

*Kalau hendak tahu orang berbangsa,  
Tengok kepada budi dan bahasanya;  
Dalam berkata berlemah lembut,  
Dalam melangkah berpatut-patut,  
Bila duduk tahu tempatnya,  
Bila tegak tahu adatnya.*

#### **2) Memuliakan ibu bapa dan orang yang lebih tua**

Masyarakat Melayu amat memuliakan ibu bapa serta orang yang lebih tua kerana golongan ini dianggap sebagai golongan yang berpengalaman, berpengetahuan tinggi dan arif tentang kehidupan. Anak-anak hendaklah sentiasa taat dan mengikut segala ajaran ibu bapa mereka selagi ianya tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Adab dengan ibu bapa mestilah dengan sebaik-baik layanan iaitu apabila bertutur, haruslah dengan kata-kata yang lembut,

dengan penuh kasih sayang, tidak meninggikan suara dan tidak pula dengan kata-kata yang boleh menguris hati mereka. Apabila mereka sudah tiada, maka hendaklah anak-anak itu berbuat kebajikan untuk ibu bapanya iaitu mengirimkan bacaan al-Fatihah buat mereka serta bersedekah bagi pihak ibu bapa seperti yang diajarkan oleh Islam. Semua ini wajar dilakukan oleh anak-anak dek kerana besarnya budi ditabur oleh ibu bapa dalam membesarakan anak-anak yang membuatkan mereka layak diberi layanan sedemikian rupa. Ini terbukti apabila pepata Melayu ada menyebut:

*Apa tanda Melayu jati,  
Mentaati ibu bapa sepenuh hati;  
Apa tanda Melayu jati,  
Kepada ibu bapa ia berbakti.*

### **3) Kesetiaan kepada pemimpin**

*Elok kampung ada tuanya, elok negeri ada rajanya,  
Adat hidup orang terhormat, kepada pemimpinnya ia taat.  
Raja adil raja disembah,  
Raja zalim raja disanggah.*

### **4) Mempertahankan serta membela keadilan dan kebenaran**

*Apa tanda Melayu jati,  
Membela kebenaran berani mati,  
Berani kerana benar,  
Berani pada yang hak,  
Berani menegakkan keadilan,  
Berani menghapus arang di kening,  
Berani mati memegang amanah,  
Berani mati membela maruah,  
Berani mati di jalan Allah.*

### **5) Mementingkan maruah serta harga diri**

*Adat hidup orang bertuah,  
Aib dan malu dijadikan amanah,  
Membawa diri tiada menyalah,  
Malu duduk menengah-nengah,  
Malu berdiri sombong dan pongah,  
Berbuat kebaikan tiada gah,  
Bercakap dengan berlembut lidah.*

## 6) Bermuafakat dan tolong-menolong

*Apa tanda hidup beradat:  
Runding selesai dalam muafakat,  
Hak ditakar, kewajipan disukat,  
Mana yang jauh diperdekat,  
Mana yang jarang diperapat,  
Mana yang lupa diberi ingat,  
Kata putus pendapat pun bulat,  
Seia sekata ke laut ke darat.*

## 7) Amanah

*Orang amanah membawa tuah,  
Orang amanah hidup bermaruah,  
Orang amanah dikasih Allah,  
Siapa hidup memegang amanah,  
Dunia akhirat beroleh berkat.*

### 3.8 PENGHAYATAN NILAI

Antara penghayatan nilai yang penting dalam bab ini adalah:

- i. Memahami serta menghalusi nilai-nilai murni yang dianjurkan oleh Islam yang mana dipraktikkan oleh tamadun Islam dan tamadun Melayu agar melahirkan warga yang berfikiran terbuka, bertoleransi serta beretika di dalam negara Malaysia yang berbilang kaum.
- ii. Menghayati kepentingan kemajuan aspek bukan kebendaan (dari sudut etika) yang seharusnya bergerak seiring dengan kemajuan kebendaan agar dapat dijadikan model untuk diteladani oleh masyarakat masa kini.

### 3.9 KESIMPULAN

Adalah dapat disimpulkan bahawa terdapat banyak persamaan di dalam isu-isu etika yang dipraktikkan oleh kedua-dua tamadun Islam dan Melayu. Keduanya bertunjangkan al-Quran dan al-Sunnah yang mendasari sumber etikanya. Walaupun tamadun Melayu pada mulanya menerima pengaruh animism serta Hindu-Buddha, namun ternyata prinsip-prinsip Islam lebih ditekankan dalam adat-adat yang menjadi garis panduan etika bagi masyarakatnya. Ciri-ciri inilah yang melonjakkan kedua-dua tamadun ini mencapai zaman kegemilangan berabad lamanya kerana ia bukan sahaja menekankan kemajuan dalam bentuk kebendaan sahaja, malah kemajuan dari sudut bukan kebendaan juga perlu seiring agar pembangunan dapat dicapai secara holistik.

### RUJUKAN

- Abdurezak A. Hashi (2011). *Islamic Ethics: An outline of its principles and scope*. Revelation and science, volume 1, no. 3.122-130.
- Abul A'la al-Maududi. (1967). *Islamic Way of life*. Karachi: Islamic Research Academy.
- Ahmad Amin. (1973). *Al-akhlaq*. Diterjemahkan oleh K.H. Farid MA'ruf. Jakarta: Bulan Bintang. (Teks asal dalam bahasa Arab).
- Azman Mat Zin. (2002). *Akhlaq Islam: Konsep dan kepentingannya dalam kehidupan masyarakat*. Di dalam *Peradaban Islam: Suatu Sorotan*. Wan Ab. Rahman Khudzri Wan Abdullah, Munif Zariruddin Fikri Nordin & Solahuddin Ismail (eds). Bentong: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Hashim Musa. (2008). *Hati budi Melayu: Pengukuhan menghadapi cabaran abad ke-21*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Liki Hamid & Rosnaaini Hamid. (2002). *Akhlaq dalam peradaban Islam*. Di dalam Pengajian Peradaban Islam: Sejarah, pencapaian dan masa depannya. Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Mohd. Koharuddin Mohd. Balwi (2005). *Peradaban Melayu*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Taib Osman. (1977). *Perbomohan: Satu aspek worldview dalam kebudayaan Melayu*. Di dalam Zainal Kling (ed.). 1977. *Masyarakat Melayu: Antara tradisi dan perubahan*. Kuala Lumpur: Utusan.

### **Soalan Perbincangan**

1. Huraikan prinsip-prinsip utama yang mendasari etika di dalam Islam.
2. Ungkapan ‘Biar mati anak, jangan mati adat’ merupakan satu ungkapan yang menggariskan keutamaan adat di dalam kehidupan masyarakat Melayu. Adakah ungkapan ini masih relevan untuk digunakan oleh masyarakat Melayu pada masa kini? Bincangkan.
3. Bincangkan tentang sumber etika yang menjadi dasar bagi kedua-dua tamadun Islam dan Melayu.

## BAB 4

### **ETIKA DAN PERADABAN DALAM KEPELBAGAIAN TAMADUN: CHINA, INDIA DAN BARAT**

Faizah Mohd Fakhruddin  
Rozeyta Omar  
Muhammed Fauzi Othman  
Ana Haziqah A. Rashid

#### **Objektif Pembelajaran:**

Di akhir bab ini, pelajar akan dapat:

1. Memahami tentang hubungan citra semesta (*worldview*) dengan etika di dalam kepelbagaian peradaban Asia dan Barat.
2. Mengetahui tentang isu-isu etika dan peradaban dalam peradaban Asia dan Barat.
3. Menghayati nilai-nilai murni dalam peradaban Asia dan Barat.

#### **4.0 PENGENALAN**

Nilai-nilai yang terdapat dalam tamadun Asia dan Barat merupakan nilai-nilai yang telah membantu masyarakatnya mencapai kehidupan yang maju. Aspek-aspek etika yang bersifat bukan kebendaan amat dititik beratkan supaya ianya seimbang dengan kemajuan kebendaan masyarakatnya. Sejarah menunjukkan bahawa tamadun-tamadun Asia seperti tamadun Cina dan India serta tamadun Barat memaparkan nilai-nilai tamadun yang sofistikat, unggul, serta mampu bertahan.

#### 4.1 ETIKA DAN PERADABAN DALAM TAMADUN CINA

Masyarakat Cina adalah masyarakat yang amat mengambil berat tentang sejarah dan kebudayaannya. Kesedaran sejarah telah mengeratkan hubungan dengan budayanya dan tahap penganutan terhadap budaya Cina menentukan sejauh mana tahap kecinaan mereka. Budaya Cina asalnya adalah dari budaya dengan peradaban di Sungai Huang Ho atau Sungai Kuning. Budaya Cina dapat mengekalkan keunggulannya kerana China berjaya untuk wujud berdikari dan bebas daripada pengaruh keterlaluan budaya utama dari pusat-pusat peradaban utama yang lain, justeru membolehkannya membina dan mempertahankan keaslian diri dan budaya mereka.

Antara faktor yang membolehkan China menghadapi ancaman daripada budaya dan masyarakat sekitar dalam tempoh yang sangat lama ialah:


- i. Kehidupan yang bertradisikan kampung dengan sistem ekonomi tani menetap yang membolehkan semangat kekitaan yang kukuh, bermula dari unit kampung, seterusnya ke peringkat negeri dan akhirnya negara. Apa yang lebih menarik ialah keluarga-keluarga tani ini dapat digerakkan secara beramai-ramai ke kawasan baru bagi kegiatan penerokaan dan memajukan kawasan-kawasan baru. Secara tidak langsung kerajaan akan membantu memajukan sistem tali air dan saliran dan membolehkan berkembangnya ideologi pemerintah di kawasan baru.
- ii. Sistem kekeluargaan yang berasaskan kepada *extended family* (keluarga kembangan) melahirkan sistem *clan* (ahli keluarga dan kaum kerabat) yang mempunyai tanggungjawab seperti menyediakan khidmat kebajikan pada ahli keluarga, memastikan peraturan peringkat kampung diikuti, menggalakkan kerjasama ekonomi dan memastikan peluang pendidikan untuk ahli keluarga dan kaum kerabat.
- iii. Masyarakatnya dikawal dengan peraturan-peraturan kemasyarakatan yang dibuat secara konsensus.
- iv. Perlaksanaan peraturan-peraturan dalam masyarakat pula dikawal oleh lembaga amalan dan kepimpinan yang kukuh berdasarkan juga kepada adat istiadat yang dapat menyemai rasa bangga terhadap tradisi mereka dan semangat kekitaan yang kukuh yang berlandaskan budaya induk kecinaan.

- v. Penghormatan kepada tradisi dan budaya asal mereka menjadikan masyarakat Cina ini sentiasa melihat semula ke belakang kepada zaman silam mereka dan ini membantu mereka mengekalkan keaslian budaya yang ada ketika proses pertembungan dengan budaya yang datang dari luar.

Tamadun China amat terkenal dengan pelbagai sistem kepercayaannya yang terdiri daripada ajaran Konfucius, Taoisme, Mo-Tzi serta Buddhism yang menjadi pegangan dan anutan pengikutnya. Ini adalah selari dengan gelarannya sebagai tamadun wadah tumpuan atau *melting pot* kepada pelbagai ajaran serta budaya. Namun, sistem etikanya banyak dipengaruhi oleh ajaran Konfucius iaitu ajaran yang diasaskan oleh Kung Fu Tze (551 SM-479 SM) pada zaman pemerintahan Dinasti Chou (1122-256 SM). Beliau adalah seorang ilmuwan yang banyak menyumbang dan menulis tentang falsafah, kesusasteraan, moral dan sejarah.

#### **4.2 ETIKA DI DALAM CITRA SEMESTA MASYARAKAT CINA**

Masyarakat Cina pada umumnya meyakini akan konsep dualisme atau kewujudan dua alam iaitu *tian* (langit/syurga) dan *ti* (bumi). *Tian* merujuk kepada langit atau keadaan seperti di syurga dan dewa *Tian* merupakan dewa yang berkuasa dalam menentukan nasib dalam kehidupan manusia. Kepercayaan dan keyakinan masyarakat Cina tradisional terhadap *tian* juga mempengaruhi pemikiran mereka terhadap asas kepada perubahan dan pergerakan yang berlaku adalah apabila perubahan terjadi pada alam semesta. Mereka percaya bahawa *wu hsing* merupakan faktor pergerakan alam semesta. *Wu hsing* (*wu* = lima, *hsing* = unsur atau elemen) adalah Lima Unsur atau Lima Penggerak utama alam yang terdiri daripada tanah, air, api, logam dan kayu yang setiap satu mempunyai peranan dan kesan terhadap perubahan dan pergerakan alam ini. Masyarakat China percaya setiap apa yang berlaku, misalnya berakhirnya sesuatu wangsa, adalah kerana berakhirnya unsur yang menjadi penaung kepada peribadi pemerintah itu. Jadi, perlu diganti atau dimulakan dengan unsur yang baru. Mana-mana raja yang berjaya menguasai sesuatu pemerintahan akan meletakkan dirinya sebagai seorang *chun-tzu* (*gentleman* atau manusia yang sempurna) dalam masyarakatnya. *Wu Hsing* dalam pemikiran masyarakat Cina merujuk kepada aktiviti kosmik dan kategori yang dibuat secara konseptual tentang alam ini. Semua benda di alam ini diletakkan dalam elemen-elemen yang terdapat pada *Wu Hsing*.



Satu pusingan besar setelah tamat satu pusingan kelima-lima unsur

**Rajah 4.0: Perkaitan Lima Unsur dengan Pusingan Wangsa**

Manakala konsep *ti* pula berkaitan dengan bumi serta berperanan memelihara sekian makhluk di bumi. Selain itu, masyarakat Cina juga percaya kepada konsep *yin* dan *yang* iaitu kuasa positif dan negatif yang perlu disatukan bagi mewujudkan keharmonian. Kung Fu Tze menggunakan konsep *yin yang* ini untuk menginterpretasikan segala yang ada di dunia, seperti katanya,

*“...the back of a human body is yin and the front is yang, ..darkness is yin and brightness is yang...There is not a single thing in this world that lacks the yin and yang”* (Smith, Richard J. 2003. China’s Cultural Heritage: The Ch’ing Dynasty, 1644-1912. Colorado: Westview Press).

Interaksi antara *yin yang* dapat menjelaskan tentang perubahan dan kreativiti kosmik. Masyarakat Cina melihat fenomena terbahagi kepada dua yang tidak sama namun terdiri daripada ciri-ciri yang saling memerlukan. Jadi, *yin yang* ini bukanlah bersifat kebendaan tetapi adalah bagaimana segala yang ada di alam ini dapat disusun dalam kategori hubungan tertentu.

Konsep *zhongyong* pula menggariskan tentang kesederhanaan dan keseimbangan di dalam praktis norma asasi manusia. Ianya memimpin manusia agar membangunkan diri sebagai manusia yang sempurna serta mendidik manusia agar mampu berinteraksi dengan masyarakat lainnya supaya terhasilnya keharmonian.

Konsep *datung* pula memfokuskan agar manusia dapat mengecapi kebahagiaan dan keharmonian sosial yang dapat dikongsi sesama mereka secara adil dan saksama. Akhir sekali, konsep *dao* yang bermaksud jalan merujuk kepada set peraturan etika atau tata tertib moral yang mestilah diamalkan oleh seseorang individu (Rozeyta, Suaibah & Syaharizatul Noorizwan, 2004).

Perbincangan tentang konsep-konsep ini adalah penting memandangkan konsep-konsep tersebut banyak dititikberatkan oleh ajaran Konfucius yang merupakan satu ajaran yang dominan dalam membincangkan isu etika. Ajarannya menggariskan tentang aspek etika atau akhlak yang mulia yang menjamin keharmonian hubungan antara yang wujud di langit dan yang ada di bumi, tentang falsafah serta praktis amal perbuatan yang mulia demi memberi panduan manusia agar berakhhlak mulia, tentang prinsip kesederhanaan tingkah laku, tentang kepentingan kesetiaan terhadap tanah air serta tentang mengingati roh nenek moyang yang telah meninggal dunia (Rozeyta, Suaibah & Syaharizatul Noorizwan, 2004). Kesemua ajaran ini secara jelasnya menekankan segala konsep *tian*, *wu hsing*, *ti*, *dao*, *yin* dan *yang*, *zhongyong* dan *datung* yang menjadi pegangan masyarakat Cina sejak sekian lama.

#### **4.3 NILAI-NILAI ETIKA DI DALAM TAMADUN CINA**

Sistem etika masyarakat Cina terasnya bertunjang kepada Lima Hubungan (*wu lun*) yang dihuraikan secara mendalam oleh Konfucius. Hubungan-hubungan tersebut adalah:

##### **i. Hubungan antara pemimpin dan rakyat**

Kebanyakan ajaran Konfucius menekankan kepada hubungan ini disebabkan ianya menggariskan tentang cara pemimpin memerintah negaranya. Keamanan dan kesejahteraan negara akan terjamin jika rajanya merupakan seorang yang adil, jujur serta berwibawa. Raja sebeginilah yang sepatutnya disanjung tinggi dan diberikan taat setia yang tidak berbelah bahagi oleh rakyatnya. Raja haruslah menjadi contoh yang baik untuk diikuti oleh rakyat kerana raja dianggap sebagai ketua keluarga dan rakyat adalah ahli keluarganya. Selain itu, cara pemerintahan raja juga mencorakkan sikap rakyatnya. Prinsip-prinsip di dalam hubungan ini sentiasa dijadikan rujukan terutama bagi golongan aristokrat kerana kejituhan ajarannya yang disokong oleh nukilan sejarah tentang personaliti-personaliti raja-raja yang agung pada zaman terdahulu.

## **ii. Hubungan antara ibu bapa dan anak**

Masyarakat Cina sangat mementingkan hubungan antara ibu bapa dan anak dengan menanamkan prinsip *filial piety* (ketaatan dan bakti kepada ibu bapa). Sejak kecil lagi anak-anak diasuh agar hormat, patuh, menghargai dan berusaha untuk menggembirakan ibu bapa mereka. Anak-anak juga bertanggungjawab untuk menyembah dan berkorban sembahana roh ibu bapa apabila mereka telah meninggal dunia. Anak-anak dianggap anak yang tidak taat atau derhaka jika mereka mengabaikan tanggungjawab tersebut. Bagi masyarakat Cina, tiada label yang lebih memalukan dan hina daripada derhaka. Perbuatan derhaka serta kebiadaban terhadap ibu bapa kadangkala dihukum dengan kematian (Nevius, 1995).

## **iii. Hubungan antara suami dan isteri**

Konfucius juga menekankan tentang aspek hubungan yang harmoni antara suami dan isteri. Suami menggalas tanggungjawab yang besar iaitu sebagai ketua keluarga. Manakala isteri pula yang mewakili sifat *yin* iaitu lebih pasif bersifat menuruti kata suami serta menghormatinya. Namun, kedua-duanya mestilah saling sayang-menayangi, hormat-menghormati dan saling melengkapi agar keharmonian rumah tangga dapat diwujudkan.

## **iv. Hubungan antara adik-beradik**

Hubungan adik-beradik pula menumpukan terhadap sikap sopan-santun yang perlu diamalkan antara saudara yang muda dengan yang lebih tua. Mereka haruslah bersatu-padu, bermuafakat dan saling tolong-menolong demi keharmonian keluarga.

## **v. Hubungan antara kawan**

Hubungan antara kawan pula menghuraikan tentang adab antara kawan sama ada hubungan rakan sebaya atau dengan yang lebih tua.

Selain daripada Lima Hubungan, Konfucius juga banyak menegaskan tentang kepentingan Lima Sifat Mulia (*wu chang*) iaitu:

### **i. *Ren* (peri kemanusiaan)**

Bagi Konfucius, *ren* merupakan teras bagi akhlak mulia manusia kerana ia tercetus daripada konsep kemanusiaan yang dimiliki oleh

semua makhluk di muka bumi ini. Ianya juga adalah dasar kepada setiap hubungan sesama manusia. Orang yang memiliki *ren* adalah orang yang tidak mementingkan diri sendiri dan menghulurkan bantuan kepada orang lain. Mereka adalah orang yang sanggup berkorban kerana bagi mereka itu menjadikan hidup lebih bermakna.

**ii. *Yi* (kebenaran/keadilan)**

*Yi* merujuk kepada kebolehan individu untuk mengenalpasti antara perkara yang baik dan yang buruk. Ia lebih kepada intuisi manusia untuk melakukan sesuatu yang benar tanpa mempedulikan natijah daripada perbuatan tersebut.

**iii. *Li* (kesopanan/kesusilaan)**

*Li* dapat ditakrifkan sebagai peraturan hubungan sesama manusia yang konkrit serta prinsip-prinsip umum susunan sosial dalam masyarakat. Ia merangkumi aspek ritual atau pelaksanaan upacara-upacara serta set-set nilai yang merupakan panduan untuk tatatertib yang betul. Misalnya, terdapat banyak peraturan yang berkaitan dengan kesusilaan terutama di antara masyarakat yang mempunyai perbezaan kedudukan status sosial. Ini termasuklah peraturan ritual, acara dan keraian yang diamalkan oleh masyarakat Cina dari pelbagai wilayah serta kawasan.

Bagi Konfucius, ilmu pengetahuan akan tidak bermakna apa-apa jika *li* tidak diperlakukan bersama-sama. Dalam erti kata lain, *li* memperlengkapkan personaliti seseorang individu kerana ia mengawal, menghias serta mencantikkan peribadi seseorang itu dengan aturan kesopanan.

**iv. *Chih/Zhi* (kebijaksanaan)**

*Chi* merujuk kepada kebolehan individu membuat keputusan untuk bertindak, bersikap futuristik, mengambil kira kebarangkalian situasi atau impak yang bakal dialaminya daripada tindakannya.

**v. *Hsin/Xin* (layak dipercayai)**

*Xin* merupakan sifat mulia iaitu sifat yang layak dipercayai oleh orang lain. Selain kepada percaya kepada diri sendiri, seseorang individu itu juga perlulah mendapat kepercayaan daripada orang lain kerana ia merupakan teras terpenting dalam kesemua hubungan sesama manusia.

#### **4.4 TAMADUN INDIA**

Tamadun India merupakan antara tamadun tertua dan unik di dunia terutamanya dari segi keagamaan. Para sejarawan mendakwa tamadun India berpusat di Lembah Mohenjo-daro dan Harappa. Masyarakat dalam tamadun India mempunyai beberapa agama utama yang dianuti. Agama utama yang dianuti oleh masyarakat India termasuklah Jain, Buddha, Hindu dan Sikh. Agama yang dianuti oleh masyarakat India ini mempunyai pengaruh di dalam kehidupan seharian masyarakat India. Hal ini demikian kerana setiap agama yang dianuti mempunyai nilai-nilai etika yang diamalkan oleh masyarakat India. Namun begitu, kebanyakan prinsip dan etika dalam masyarakat tamadun India adalah diambil dari konsep yang sama iaitu *Dharma* (hukum alam semesta).

#### **4.5 ETIKA DI DALAM CITRA SEMESTA MASYARAKAT INDIA**

Tamadun India boleh dikategorikan sebagai kompleks dengan kepelbagaian dalam agama dan adat mereka. Terdapat dua elemen penting dalam ajaran tamadun India iaitu nilai-nilai manusia dan Holism. Nilai-nilai manusia merujuk kepada nilai moral, rohani dan etika manakala Holism lebih kepada kesatuan dan perpaduan sesuatu masyarakat. Budaya dalam tamadun India banyak mengajar nilai-nilai dalam kehidupan melalui latihan dan pengalaman serta bertoleransi dengan orang lain. Ajaran dari kitab Veda juga menggalakkan agar masyarakat menjalani kehidupan berasaskan perpaduan dan kedamaian. Selain kitab Veda, terdapat juga beberapa lagi kitab lain yang menjadi sumber rujukan utama dalam masyarakat tamadun India seperti Bhagavad Gita, Manusmriti, Ramayana, Kamasutra, Jataka dan Dhammapadda.

##### **i. Kitab Veda**

Kitab Veda merupakan kitab suci yang utama dan tertua dalam agama Hindu. Ia juga merupakan sumber utama kepada konsep *Dharma* yang merupakan tunjang utama dalam tamadun India. Oleh kerana itu, kitab Veda diangkat sebagai kitab yang mempunyai kuasa yang tertinggi berbanding kitab atau bahan rujukan yang lain. Kitab Veda juga merupakan satu siri teks suci dalam bahasa Sanskrit yang banyak digunakan dalam aktiviti keagamaan. Perkataan Veda berasal dari perkataan ‘*Vid*’ yang membawa maksud pengetahuan. Kitab Veda terdiri daripada beberapa jenis iaitu Rig Veda, Yajur Veda, Sama Veda dan Atharva Veda.

## ii. Bhagavad Gita

Bhagavad Gita merupakan bahan rujukan masyarakat India dalam bahasa Sanskrit yang menceritakan dialog antara Krishna dan anak muridnya, Arjuna. Bhagavad Gita mengandungi 700 ayat-ayat suci yang merupakan sebahagian dari kisah epik Mahabhrata dalam agama Hindu yang memberikan panduan terhadap keinsafan diri. Bhagavad Gita juga terkenal sebagai permata kebijaksanaan rohani masyarakat tamadun India. Ayat-ayat dalam Gita ini menyumbang kepada peningkatan refleksi diri, mempunyai intuitif yang lebih baik dan memperluas perkembangan dalaman diri.

## iii. Manusmriti

Manusmriti adalah satu teks undang-undang yang paling awal dan berwibawa yang dirujuk oleh orang Hindu. Ia dikenali sebagai “Undang-undang Manu”. Manusmriti menyentuh pelbagai aspek kehidupan seperti perkahwinan, kewajipan lelaki dan wanita dalam strata masyarakat dan juga upacara penebusan dosa kerana melanggar kod tatalaku. Undang-undang Manu ini menjadi rujukan piawai bagi orang Hindu sehingga kedatangan zaman moden.

## iv. Ramayana

Ramayana berasal dari bahasa Sanskrit iaitu “Rama” dan “Ayana” yang bermaksud perjalanan Rama. Ia menceritakan bagaimana Rama mengorbankan semua kesenangannya demi kesejahteraan kerajaannya. Penceritaan tersebut memberi pengajaran nilai kemasyarakatan dan nilai kemanusiaan melalui watak-watak yang terlibat seperti Dasharatha, Permaisuri Kaikeyi, Sita, Bharata, Lakshamana dan Ravana. Melalui pelbagai watak ini, nilai sosial dan moral dipaparkan.

## v. Kamasutra

Kamasutra merupakan teks yang menceritakan bagaimana menjaga nafsu, membuang ego, menahan diri, membincangkan sifat cinta, kehidupan keluarga dan beberapa aspek kehidupan dan fitrah manusia yang lain. Buku ini bukanlah manual seks seperti yang digembar-gemburkan. Hanya 20 peratus daripada kandungan buku ini menjelaskan tentang kedudukan seksual.

#### **vi. Jataka**

Jataka merupakan kumpulan kisah dongeng yang mengandungi tidak kurang daripada 547 buah puisi dan ceritera yang mewakili penjelmaan Siddhartha Gautama dalam bentuk haiwan dan manusia. Jataka menyampaikan nilai-nilai seperti pengorbanan diri, moral dan kejujuran. Cerita Jataka ini telah pun menjadi buku cerita yang menghiburkan, memberi pengetahuan dan juga popular.

#### **vii. Dhammapadda**

Dhammapadda adalah koleksi ayat-ayat ajaran agama Budhha. Melalui ayat-ayat ini, dianjurkan seseorang individu memiliki kekuatan dalaman untuk melawan kejahatan nafsu, kebencian dan kejihilan. Ajaran daripada Dhammapadda mengandungi kebenaran (*dharma*) yang merupakan satu nasihat. Dhammapadda juga menekankan kepada kesejahteraan dan kebahagiaan dalam hubungan manusia. Ia juga mengajar manusia untuk menguatkan diri bagi melawan godaan kesenangan duniaawi.

### **4.6 PRINSIP UTAMA DI DALAM ETIKA INDIA**

#### *i. Dharma*

*Dharma* merupakan salah satu prinsip utama dalam masyarakat tamadun India. Konsep *Dharma* dalam masyarakat India menitikberatkan kebahagiaan seluruh hidupan termasuk haiwan dan tumbuhan serta mementingkan keharmonian alam yang juga lebih dikenali sebagai hukum alam semesta. Konsep *Dharma* mengajar bahawa setiap pencapaian kebendaan dan kerohanian melalui kehidupan yang sempurna, tidak melakukan kemungkaran dan kerosakan terhadap makhluk serta persekitaran kerana ia akan mempengaruhi kehidupan masa akan datang.

#### *ii. Satya (kebenaran)*

*Satya* merupakan konsep dalam ajaran Hindu yang menekankan konsep amanah dan kebenaran. Konsep *Satya* yang berlandaskan amanah dan kebenaran dipercayai merupakan prinsip asas yang perlu ada bagi mendasari kehidupan manusia. Berpegang kepada prinsip ini, kehidupan seseorang manusia itu akan menjadi lebih selamat, sejahtera, terhindar dari bencana serta mendapat kebijaksanaan dan kemuliaan. Prinsip ini juga amat mudah diaplikasikan apabila seseorang itu mempunyai keyakinan yang tinggi untuk melakukan kebenaran.

### iii. *Ahimsa* (tiada keganasan)

*Ahimsa* merupakan prinsip yang diamalkan oleh masyarakat tamadun India yang beragama Hindu dan Jain. Prinsip *Ahimsa* menekankan konsep belas kasihan dan tiada keganasan atau kecederaan. Konsep ini bukan sahaja diaplikasikan kepada manusia, malah ianya juga kepada semua makhuk hidup seperti haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Individu terkenal yang sangat mempercayai konsep *Ahimsa* adalah Mahatma Ghandi.

Selain daripada *Dharma*, *Satya* dan *Ahimsa*, kehidupan masyarakat India juga didasari oleh beberapa prinsip lain seperti:

- i. *Artha* - bekerja bagi mencapai kesenangan dan kekayaan dengan mengikuti asas-asas *dharma*; membantu golongan miskin dan memerlukan.
- ii. *Kama* - menyayangi dan kepuasan dalam menikmati harta benda tetapi perlulah digunakan untuk kebaikan.
- iii. *Vidu* - kesempurnaan rohani iaitu membebaskan diri dari duniaawi.

## 4.7 NILAI-NILAI ETIKA DALAM MASYARAKAT INDIA

Tamadun India mempunyai beberapa sumber rujukan yang kukuh dan menjadi rujukan utama kepada prinsip dan etika dalam kehidupan masyarakat India. Beberapa nilai dan etika dari masyarakat tamadun India yang relevan dengan masa kini boleh diambil dan diadaptasikan dalam kehidupan masyarakat kini iaitu:

### i. Mengangkat Darjat Wanita

Salah satu nilai yang diterapkan oleh masyarakat India adalah mengangkat darjat wanita. Masyarakat India amat menekankan konsep menjaga harga diri dan maruah seorang wanita India yang boleh dicapai melalui konsep “*kannitanmai*” iaitu menjaga kedaraan seseorang gadis dan konsep “*karppu*” iaitu kesetiaan kepada suami. Dalam masyarakat India, kaum wanita terutamanya anak gadis haruslah dilindungi oleh ibu bapanya sehingga mereka berkahwin. Masyarakat India mengumpamakan kaum wanita sebagai bunga kerana kecantikan, kelembutan dan nilai keibuan yang ada pada kaum wanita. Oleh itu, kedaraan seorang anak gadis haruslah dijaga sehingga dia berkahwin kerana ianya akan dianggap sebagai

satu penghinaan yang amat teruk kepada keluarga gadis tersebut sekiranya sebaliknya berlaku. Konsep melindungi wanita dalam masyarakat India ini tidak berhenti setelah wanita itu berkahwin malahan ianya akan diteruskan dengan suami harus menjaga kehormatan isterinya. Suami perlulah hanya setia pada satu isteri dan begitu juga isteri perlu setia kepada satu suami yang boleh disamakan dengan konsep “*karrpu*”. Berdasarkan cerita Ramayana, seseorang wanita India juga tidak dibenarkan meminati suami orang dan hukuman dikerat hidung akan dikenakan sekiranya ianya berlaku. Perlindungan terhadap kaum wanita India perlu diberikan sehingga tua. Ketika meningkat usia tua, kaum wanita India perlu dilindungi dan dikasihi oleh anak-anaknya. Konsep melindungi wanita dalam masyarakat India ini bukanlah untuk menyatakan bahawa kaum wanita ini lemah, tetapi ingin menunjukkan penghargaan kaum lelaki India kepada kaum wanitanya.

## **ii. Menghormati Orang tua**

Masyarakat India sangat mementingkan aspek menghormati ibu bapa sehingga tuhan dikatakan bersifat keibuan dan juga wujudnya konsep “Dewi Ibu”. Ibu bapa juga dianggap sebagai tuhan fizikal dalam masyarakat India yang dikenali dengan konsep (*annaiyum tantaiyum munnari Teivam*). Konsep ini menjadi asas kepada pegangan bahawa sekuat mana seseorang itu sembahyang, ia tidak akan membawa sebarang makna sekiranya seseorang itu tidak menghormati ibu bapanya. Dalam masyarakat India, ibu bapa haruslah dihormati oleh anak-anaknya. Sekiranya anak-anak menyakiti dan tidak menghormati ibu bapanya, anak tersebut tidak akan berjaya dalam kehidupan sama ada dari segi kebendaan ataupun kerohanian. Nilai menghormati ibu bapa ini dapat dilihat dalam budaya masyarakat India yang memerlukan anak-anak untuk sujud pada kaki ibu bapa mereka untuk mendapatkan restu setiap hari setelah bangun dari tidur, mendapatkan restu sebelum membuat sesuatu perkara penting atau sekurang-kurangnya pada perayaan, perkahwinan dan hari kebesaran. Sebagai contoh, kaki kanan kedua ibu bapa akan dibersihkan oleh anak mereka yang akan berkahwin dengan mencurahkan air dan susu. Kemudian, bunga ditaburkan kepada kedua ibu bapa sebagai simbolik menghargai jasa sekaligus mendapatkan restu mereka sebelum upacara perkahwinan dijalankan.

Selain itu, orang muda dalam masyarakat India juga menunjukkan hormat kepada orang tua dengan menanti orang tua duduk sebelum dirinya duduk. Orang muda juga tidak dibenarkan duduk menyilang kaki di hadapan orang lebih tua terutamanya ibubapa, guru-guru dan lain-lain. Orang yang lebih tua juga perlu diutamakan semasa makan dengan memberikan makanan kepada mereka dahulu.

### **iii. Meraikan Tetamu**

“*Atithi devo bhava*” merupakan satu konsep penting yang diamalkan oleh masyarakat India. Konsep “*Atithi devo bhava*” ini membawa makna “tetamu itu bersamaan dengan tuhan”. “*Atithi devo bhava*” berasal dari bahasa Sanskrit yang mana kandungannya adalah ayat-ayat yang diambil dari kitab-kitab Hindu dan dijadikan sebagai panduan dalam ‘Tatalaku masyarakat Hindu’. Masyarakat India akan merasa hebat sekiranya ada tetamu yang datang ke rumah mereka. Mereka akan menyambut tetamu dengan penuh hormat dan memberikan sepenuh perhatian kepada tetamu mereka. Walaupun tetamu yang mengunjungi rumah itu adalah musuh, adalah menjadi kewajipan kepada tuan rumah untuk menjemput masuk dan memberi layanan yang terbaik kepada tetamu. Hal ini demikian kerana, dengan menjemput tetamu masuk ke rumah, ia mungkin boleh membuka jalan untuk mencari penyelesaian kepada permasalahan yang berlaku. Adalah lebih baik sekiranya musuh tersebut sudi makan dirumah kita kerana ianya menunjukkan bahawa permusuhan itu telah selesai.

Seterusnya, terdapat juga keutamaan dan etika yang diamalkan oleh masyarakat India ketika menghidangkan makanan kepada tetamu. Contohnya, tetamu akan diberikan *talai vaalai Ilai* iaitu bahagian hujung daun pisang sekiranya makanan dihidangkan dengan menggunakan daun pisang. Hal ini demikian kerana, bahagian hujung daun pisang merupakan simbolik kepada keutamaan dalam masyarakat India dan merupakan usaha murni tuan rumah untuk menjaga hati tetamu. Setelah selesai makan, adalah digalakkan untuk melipatkan daun pisang tersebut ke arah diri tetamu itu. Perbuatan ini merupakan simbolik yang menunjukkan bahawa tetamu itu menerima dan menyukai makanan yang dihidangkan oleh tuan rumah.

### **iv. Hidup bermaruah dan kenal malu**

Salah satu asas dalam kehidupan masyarakat India adalah hidup bermaruah dan menjaga harga diri yang dinyatakan dalam karya agung *Thirukkural*. Mereka sanggup memilih kematian yang terhormat daripada hidup maruah yang tercemar. Masyarakat India juga mengamalkan bahawa lebih baik hidup bersedekah daripada hidup mewah daripada hasil pendapatan yang hina. Mereka juga mempercayai bahawa sesiapa yang menyalahgunakan harta kuil, maka hidupnya akan rosak binasa. Oleh itu, masyarakat India amat mementingkan maruah diri dengan menyara hidupnya sendiri dan tidak menumpang hidup pada kekayaan ataupun wang ringgit orang lain.

Selain itu, masyarakat India juga menjaga maruah dengan mengawal diri mereka dari ego dan godaan dunia. Konsep ini diamalkan oleh masyarakat India dengan berpuasa atau dikenali juga sebagai *Vratsa* atau *Upvas*. Amalan berpuasa ini dilakukan oleh masyarakat India untuk menunjukkan keikhlasan dan mengucapkan terima kasih kepada tuhan atau dewi mereka. Terdapat juga masyarakat India yang berpuasa dengan mengikut adat puasa mereka iaitu semasa acara keagamaan seperti *Maha-Shivratri*, *Diwali*, *Karvachauth* dan sebagainya. Dalam acara keagamaan ini, para isteri berpuasa sebagai simbolik untuk hidup lama dengan suami mereka.

Masyarakat India juga merupakan masyarakat yang merendah diri dengan mengamalkan konsep “*Namaste*”. Konsep merendah diri dan mengenal malu ini ada ditekankan dalam kitab *Veda*. “*Namaste*” merupakan salah satu isyarat yang digunakan oleh masyarakat India untuk menyapa satu sama lain. Mereka mengatakan perkataan “*Namaste*” selari dengan perbuatan simbolik tangan yang bermaksud “*hello*”. Selain itu, kebanyakan orang India mempunyai kebiasaan untuk menggelengkan kepala mereka ketika bercakap. Perbuatan ini hanyalah kebiasaan dan bukannya menunjukkan ketidaksetujuan mereka dalam sesuatu perkara.

#### v. Menjaga kebersihan

Masyarakat India mementingkan nilai kebersihan termasuklah kebersihan luaran dan dalaman. Kepercayaan dalaman masyarakat India adalah setiap kali seseorang itu membersihkan badannya, dia perlu mengingati bahawa jiwanya juga perlu dibersihkan.

Masyarakat India juga mengamalkan makanan *vegetarian* yang juga dikaitkan dengan konsep kebersihan dan mengelakkan penyeksaan kepada sebarang kehidupan. Hal ini kerana masyarakat India menganggap makanan daging dan kehidupan laut sebagai tidak bersih. Nilai kebersihan dalam konsep *vegetarian* ini dipandang tinggi dan orang yang mengamalkan nilai ini turut dihormati.

Sekiranya nilai-nilai etika ini diperlakukan dalam kehidupan, seseorang itu akhirnya akan mencapai martabat bijaksana atau hikmah. Apabila nilai kebenaran dan hikmah dapat dihayati secara keseluruhan dalam masyarakat, sudah tentu, dapat melahirkan masyarakat budiman, berintegriti dan berprestasi tinggi.

#### 4.8 TAMADUN BARAT - ZAMAN GREEK KLASIKAL

Dari segi etimologi, perkataan ‘falsafah’ mula digunakan oleh Pythagoras, iaitu merupakan seorang ahli matematik Greek yang terkenal pada sekitar lima ratus tahun sebelum Masihi. Perkataan ‘falsafah’ berasal dari kata akar ‘*philosophein*’, yang secara literalnya diterjemah kepada ‘mencintai kebijaksanaan’ (*to love wisdom*). Manakala kata nama ‘*philosophia*’ pula sudah tentu memberi konotasi ‘cintakan kebijaksanaan’ (*the love of wisdom*) (Al-Faruqi, 1967). Secara umumnya, Yunani Kuno atau klasik merupakan tempat lahirnya sistem nilai dan etika Barat. Ini termasuk idea-idea ahli falsafah seperti Socrates (470–399 S.M), Plato (427–347 S.M) dan Aristotle (384–322 S.M).

Di dunia Barat, falsafah etika telah wujud dan berkembang dalam kalangan bangsa Greek pada beratus-ratus abad sebelum kelahiran agama Kristian. Falsafah era ini dikenali dengan nama falsafah klasik ataupun antikuiti. Antara tokoh-tokoh Greek yang terkenal pada era antikuiti ini termasuklah Socrates, Plato dan Aristotle.

Selepas kelahiran agama Kristian, falsafah antikuiti terus berkembang ke pusat-pusat pengajian Kristian seperti di Rom, Syria dan Alexanderia. Manakala aliran-aliran pemikiran seperti Stoicisme, Epicureanisme dan Neo-Platonisme pula adalah antara beberapa aliran penting yang wujud selepas era antikuiti yang dikenali dengan era Hellenistik ataupun Roman.

Perkembangan ilmu falsafah pada abad ke-7 S.M itu menyaksikan banyak nilai etika diterapkan dalam nasihat-nasihat Plato, Aristotle, Pythagoras dan juga dalam kisah-kisah rakyat. Pythagoras (580–500 S.M) banyak berfalsafah tentang menghargai nyawa sama ada nyawa manusia mahupun haiwan (Allan, 1970). Ramai sarjana yang mengaitkan beliau dengan amalan *vegetarian* dan larangan menumpahkan darah manusia dan haiwan. Justeru, ini terkais dengan amalan kedamaian dan keharmonian. Ahli falsafah klasik Greek terkemuka seperti Plato dan Aristotle pada dasarnya telah bersetuju dengan takrif falsafah yang diteorikan oleh Pythagoras tersebut. Plato (1987: 269), misalnya, menerima falsafah sebagai tidak lain daripada pengetahuan dan kajian yang mendalam tentang segala benda yang ada, manakala ahli falsafah pula disebut sebagai ‘manusia yang cintakan kebenaran’ (*Those who love to see the truth*). Aristotle pula mentakrifkan falsafah sebagai disiplin ilmu yang menyelidik asas dan sebab kepada semua benda yang wujud di alam fana ini. Jadi bila membicarakan sistem nilai dan etika Barat, ia tidak lari jauh dari bidang falsafah klasik. Falsafah Greek klasik ini kemudiannya mempengaruhi pemikiran para filasuf Islam seperti Ibnu Rushd, al-Khawarizmi dan Ibnu Sina (Goodman, 1971).

Walau bagaimanapun, ianya bukanlah hanya falsafah dan teori sahaja. Selaras dengan itu, tokoh moralis Greek klasik (Aristotle, 1979) mendakwa bahawa matlamat ilmu akhlak bukan setakat untuk mengetahui apakah itu kebaikan dan keburukan sahaja, tetapi apa yang lebih utama adalah untuk seseorang menjadi baik. Kerana teori ataupun ilmu tanpa praktikal akan membawa kepada perbualan yang sia-sia sahaja. Seseorang tidak mungkin akan menjadi dermawan hanya dengan memiliki ilmu yang mendalam tentangnya, tetapi mestilah dengan cara menderma.

Salah satu nilai utama dalam masyarakat Greek ialah nilai kebaikan atau *virtue*. Sebahagian besar penduduk jati peribumi Greek pula mempunyai kesedaran sosial dan politik yang tinggi. Sehingga konsep ‘kebaikan’ (*virtue*) dan individu yang dianggap baik dan terhormat oleh masyarakat Greek pada ketika itu adalah terdiri daripada individu yang mempunyai kemampuan tinggi dalam bidang politik dan sosial. Individu yang mempunyai keperibadian yang baik itu dianggap terhormat dalam masyarakat. Dalam soal agama, masyarakat Greek menganut berbagai-bagai agama dan menyembah banyak tuhan. Antara tuhan mereka yang terkenal adalah seperti Zeus, Dionysus dan lain-lain (Amstrong, 1970).

Jika dilihat daripada perspektif perkaitan antara kepercayaan kepada agama dan kehidupan berakhhlak, kita dapat bahawa sungguhpun orang-orang Greek mempercayai pelbagai agama dan menyembah banyak tuhan, tetapi mereka yakin bahawa kesemua tuhan tersebut menjadi pengawal kepada akhlak dan tindak-tanduk manusia. Masyarakat Greek percaya bahawa tuhan-tuhan mereka berkuasa untuk menghukum orang-orang yang melakukan keburukan dan juga turut memberi ganjaran kepada orang-orang yang membuat kebaikan (Huby, 1967). Secara keseluruhannya, aliran etika Greek terbahagi kepada beberapa tahap iaitu:

- i. **Tahap aliran pemikiran Pythagoras** - diasas oleh Pythagoras sungguhpun lebih menumpukan kepada persoalan-persoalan matematik dan muzik, ia juga turut menyumbang dalam bidang akhlak. Pertamanya ialah konsep keabadian roh. Roh akan terus hidup dan tidak akan mati setelah berpisah dengan jasad (mati), tetapi kembali hidup semula ke dalam jasad yang lain sama ada jasad binatang ataupun manusia. Idea ini berkaitan dengan persoalan akhlak apabila dikaitkan dengan konsep balasan baik dan buruk kepada kejadian lain yang telah dijelmakan oleh roh tadi. Roh yang baik sudah tentu akan hidup semula dalam jasad yang baik, manakala roh yang jahat pula akan menjelma ke dalam jasad yang jahat. Aliran pemikiran ini juga turut

menyatakan bahawa konsep kesederhanaan (*mean*) merupakan titik pertengahan di antara dua perkara yang ekstrim. Di samping itu, aliran ini juga telah mempopularkan Teori Pertentangan (*Theory of Opposites*) di mana had (*limitation*) dan tidak ada had (*non-limitation*) dianggap sebagai pasangan utama. Perkara-perkara yang ada had dianggap baik dan rasional, manakala perkara-perkara yang tidak ada had ataupun tidak ada batas pula dianggap tidak baik dan tidak rasional.

- ii. **Tahap pemikiran Socrates dan Plato** - Socrates dilahirkan di Athens kira-kira pada tahun 470 S.M. Beliau adalah seorang pemikir ulung yang mewarisi pekerjaan bapanya sebagai seorang pengukir. Socrates boleh dianggap sebagai bapa ataupun pengasas kepada ilmu etika atau akhlak Greek. Beliau sendiri dikatakan seorang yang berakhhlak mulia, rajin, bijaksana, berani, sederhana, adil dan baik. Plato pula dilahirkan pada tahun 427 S.M dan beliau merupakan seorang anak murid Socrates yang paling terkemuka. Plato menumpukan sebahagian besar daripada aktiviti akademik dan karya beliau bagi menganalisis teori dan pemikiran Socrates sehingga amat sukar bagi para sarjana pada hari ini untuk membuat perbezaan yang jelas manakah antara teori-teori tersebut dipunyai oleh Socrates dan manakah pula yang dipunyai oleh Plato sendiri. Menurut Socrates, ‘kebaikan adalah ilmu’ (*virtue is knowledge*). Ilmu bermakna pengetahuan tentang konsep sesuatu dalam bentuknya yang objektif dan juga bebas daripada penilaian individu. Socrates mendakwa bahawa banyak orang bercakap tentang ‘kebaikan, keburukan, keadilan, kebahagiaan, kesederhanaan dan lain-lain tetapi tidak arif tentang makna sebenar perkataan tersebut. Socrates menambah, seseorang yang berilmu tidak akan melakukan kesalahan. Semua kesalahan yang dilakukan oleh manusia berpunca daripada kejihilan atau kepincangan daripada intelek mereka. Namun begitu, ilmu berperanan menarik manusia untuk melakukan kebaikan, wujud juga faktor lain yang menjadi penyebab manusia menjadi baik. Dalam realiti kehidupan manusia sehari-hari, banyak sekali bukti yang menunjukkan berlakunya jenayah dalam kalangan golongan yang dianggap berilmu dan perkara ini semakin menjadi-jadi. Oleh itu, banyak faktor lain yang berperanan mempengaruhi akhlak manusia antaranya ialah kebebasan (*freedom*), tanggungjawab (*responsibility*), emosi (*emotion*), nafsu (*passions*), niat, undang-undang, adat, agama dan lain-lain. Plato menguasai hampir keseluruhan pemikiran Greek sebelum dan semasa zaman beliau.

iii. **Tahap pemikiran etika Aristotle** - Aristotle telah dilahirkan pada tahun 384 S.M di Stagirus, iaitu merupakan sebuah pelabuhan yang berada di bawah jajahan kerajaan Greek. Aristotle dikatakan menghasilkan empat ratus buah karya termasuk buku, risalah, artikel, brosur, pamphlet dan sebagainya, tetapi lebih tiga per empat daripada karya-karya tersebut hilang dan tidak sampai kepada kita hari pada hari ini. Walau bagaimanapun, hasil penulisan beliau yang penting dalam bidang etika masih lagi selamat dan sebahagian daripadanya pula kita telah warisi dalam bentuknya yang sempurna (Buxton, 2004). Beliau seorang penulis dan telah terkenal dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan termasuk logik, metafizik, fizik, etika, politik, retorik, astronomi, biologi, zoologi dan lain-lain. *Nicomachean Ethics* dan *Eudemian Ethics* adalah dua buah karya besar dalam bidang ilmu etika yang dihasilkan oleh Aristotle. Menurut Aristotle, etika berasal daripada perkataan *custom* (adat/kebiasaan) kerana ia adalah hasil daripada proses membiasakan diri dalam melakukan sesuatu kebaikan seperti adil, berani dan dermawan sehingga kebaikan tersebut menjadi akhlak ataupun adat kebiasaan kepada seseorang (Peters, 1968). Etika wujud dan terjana dalam jiwa setiap manusia. Jiwa pula terbahagi kepada dua bahagian iaitu jiwa rasional dan jiwa tidak rasional (Baelz, 1977). Dalam jiwa rasional terjana kebijaksanaan, falsafah, kemahuhan untuk belajar, ingatan dan sebagainya manakala dalam jiwa yang tidak rasional pula terdapat pelbagai kebaikan moral seperti kesederhanaan, keadilan, keberanian dan lain-lain akhlak yang mulia. Menurut Aristotle terdapat tiga unsur penting dalam jiwa manusia iaitu perasaan (*feelings*), kudrat (*capacities*) dan keadaan jiwa (*states of character*). Inilah yang mempengaruhi tindak-tanduk dan etika seseorang (Malek Ben Nabi, 1979).

#### 4.9 Zaman Helenistik dan Kristian

Selepas kematian Aristotle pada tahun 322 S.M dan sehingga kepadanya lahirnya falsafah moden mulai kira-kira pada kurun ke-17 M, kegiatan falsafah masih lagi berpusat di Athens tetapi dikenali sebagai falsafah Hellenistik dan falsafah Roman. Walau bagaimanapun, jika diteliti dari segi sumbangan kepada perkembangan ilmu secara global, sebenarnya tiada teori-teori etika baru yang telah disumbangkan oleh tokoh-tokoh moralis zaman ini jika dibandingkan dengan tokoh-tokoh pada era sebelumnya seperti Socrates, Plato dan Aristotle. Antara aliran falsafah yang terkemuka pada era Hellennistik ini adalah seperti aliran-aliran Stoicisme, Epicureanism and Neoplatonism (Amin, 1979).

- i. **Aliran Stoicisme** - telah diasaskan oleh Zeno, dilahirkan pada tahun 342 S.M di bandar Cyprus dan meninggal dunia di Athens pada tahun 270 S.M. Ketika berumur 22 tahun, Zeno telah berhijrah ke Athens dan di sana beliau telah mempelajari ilmu falsafah dan mengasaskan aliran falsafah Stoicisme pada tahun 300 sebelum masihi. Akibat daripada keruntuhan kerajaan Greek, pemikir aliran Stoicism berpendapat bahawa harapan untuk membentuk kembali moral masyarakat Greek adalah sangat sukar. Mereka lebih memfokuskan kepada usaha-usaha untuk mendidik seseorang supaya menjaga kesejahteraan diri masing-masing. Untuk tujuan tersebut, aliran Stoicism mendakwa bahawa kebaikan dan keburukan adalah terletak kepada penilaian seseorang individu. Orang lain boleh berbuat apa sahaja kepada kita, mereka boleh memaki hamun, menghina ataupun memukul kita, tetapi semua perbuatan tersebut tidak akan meninggalkan sebarang kesan buruk kepada kita, andainya kita mengambil sikap tidak peduli (*indifferent*) terhadapnya. Mereka mendakwa bahawa kebaikan (*virtue*) sebenarnya berada di dalam *will* (kehendak/kemahuan) seseorang. Jika seseorang mempunyai *will* yang baik, seseorang itu tidak akan terkesan oleh sebarang faktor luaran. Seseorang itu akan menjadi orang yang bebas (*a free man*) kerana tidak lagi dapat dipengaruhi oleh apa-apa perkara, sama ada baik maupun buruk, yang berlaku di luar dirinya (Gilson, 1955).
- ii. **Aliran Epicureanism** - diasaskan oleh Epicurus di Athens pada sekitar tahun 306 S.M. Masyarakat Athens merupakan masyarakat yang hidup secara tradisional dan miskin pada ketika itu. Roti dan air menjadi makanan utama bagi kebanyakan penduduk di Athens pada waktu itu. Epicurus tidak dapat hidup mewah, justeru beliau mendakwa bahawa "kelazatan adalah kebaikan." Aliran ini menekankan mencari kebahagiaan, kesenangan dan bersuka-ria, mencari kelazatan hidup. Sebab itulah, sekolah Epicurus juga dikenali sebagai sekolah Hedonisme. Ringkasnya, aliran Epicurus meliputi dua dimensi iaitu dimensi yang membenarkan seseorang menikmati kelazatan dan satu lagi yang membolehkan seseorang itu untuk menolak penderitaan.

iii. **Sistem etika Kristian** - Sebenarnya amat sukar untuk membicarakan aspek etika dalam agama Kristian kerana Kristian mempunyai berbagai-bagai aliran dan doktrin yang sangat berbeza. Menurut Bertrand Russell, agama Kristian terbina berdasarkan tiga elemen penting iaitu pertama, kepercayaan falsafah yang diambil kebanyakannya daripada idea-idea Plato, Neoplatonism dan Stoicism. Kedua, konsep-konsep moral dan sejarah yang diwarisi oleh orang-orang Kristian daripada bangsa Yahudi. Ketiga, beberapa teori, terutamanya tentang *salvation* (Jesus Christ sebagai penyelamat individu daripada kejahanatan) (Johnson, 1998). Manakala dari segi sumber etika Kristian, Richard G. Jones menyenaraikan empat sumber utama yang menjadi rujukan autoriti kepada etika Kristian iaitu, Bible, institusi gereja, akal dan pengalaman penganut Kristian sendiri. Bible menjadi sumber rujukan yang utama bagi kebanyakan mazhab Kristian, terutama mazhab Protestan.

Mazhab Katolik pula lebih berpihak kepada tradisi gereja. Institusi gereja dihormati sebagai satu sumber rujukan penting, kerana gereja telah diberi tanggungjawab untuk merangka doktrin agama Kristian, di samping berperanan untuk menentukan sama ada sesuatu kitab Bible itu benar ataupun palsu. Maka autoriti Bible bukan sahaja tidak dapat dipisahkan daripada gereja, malah Bible itu sendiri, dalam banyak hal, adalah produk daripada kewujudan, refleksi, pengajaran dan memori tradisi gereja.

Ringkasnya, etika Kristian bolehlah disimpulkan sebagai suatu kepercayaan bahawa Tuhan telah menetapkan kepada manusia suatu garis panduan dalam bertingkah laku. Antara aspek etika yang diberi perhatian termasuklah isu-isu ritual seperti *baptism* (upacara merenjis/membasahkan seseorang dengan air sebagai tanda dia sudah menjadi ahli gereja Kristian), pedoman-pedoman moral oleh Jesus Christ sebagai nabi yang menyampaikan petunjuk dari Tuhan kepada manusia dan ajaran *the Decalogue* seperti *Ten Commandments* yang menggariskan sepuluh dasar etika iaitu; 1. satu-satunya Tuhan adalah Tuhan kita; 2. jangan menyembah berhala dalam apa bentuk sekalipun; 3. jangan menyalahguna nama Tuhan; 4. hormat dan muliakan hari Sabbath (iaitu satu hari dalam seminggu ketika ahli-ahli dalam sesuatu kumpulan agama terutama orang Yahudi dan Kristian tidak bekerja); 5. hormat kepada ibu bapa; 6. jangan membunuh; 7. jangan berzina; 8. jangan mencuri; 9. jangan memberi keterangan/saksi palsu tentang jiran dan; 10. jangan meminati isteri dan harta jiran.

Namun begitu, selepas abad ke-17 dan sehingga pada era moden dan pasca-moden, peranan falsafah di Barat telah mula berubah wajah. Falsafah mula meminggirkan peranan agama dan menjadi sebatи dengan sains tabii dan ilmu-ilmu empirikal yang lain. Era ini juga telah menyaksikan bahawa falsafah mula mengambil alih peranan wahyu dan dalam sesetengah keadaan, falsafah menjadi musuh kepada teologi dan juga agama. Justeru itu, falsafah Barat moden adalah falsafah yang terbina berteraskan elemen-elemen seperti humanisme, rasionalisme, empiricisme dan sebagainya. Falsafah menjadi bebas daripada petunjuk wahyu dalam tamadun Barat. Akibatnya, falsafah Barat menjadi sekular lantaran ia melihat dunia sebagai suatu realiti yang terpisah daripada tuhan. Bahkan ianya lebih bersifat pragmatik dan utilitarian.

#### **4.8 NILAI ETIKA DALAM TAMADUN BARAT**

Konsep “*arête*” yang bermaksud “*virtue*” kebaikan atau budiman adalah asas kepada kehidupan masyarakat Greek. Bahkan kita dapat bahawa asas-asas perbincangan falsafah oleh Aristotle dan Plato juga membincangkan interaksi manusia dan alam secara tidak langsung menyentuh sifat budiman seseorang insan. Para ahli falsafah seperti Pythagoras dan Demokritus membincangkan tentang kepentingan nilai-nilai murni yang membentuk keperibadian budiman. Pada pendapat mereka, pembinaan keperibadian budiman atau berintegriti merupakan suatu yang amat penting bagi membina kebahagiaan masyarakat dan kejayaan negara.

Sistem nilai murni juga dapat dilihat dalam tamadun Rom yang menjadi asas kepada tamadun Barat hari ini. Secara umumnya, etika difahami dalam masyarakat Rom dari dua perspektif iaitu etika peribadi dan etika awam. Seseorang itu harus memiliki ciri-ciri integriti peribadi jika ingin diterima dalam masyarakat serta dapat berjaya dalam hidup. Antara nilai-nilai keperibadian mulia ialah *dignitas* (*dignity*)- kehormatan diri; *veritas* (*honesty*)- kejujuran; dan *clementia* (*mercy*)- mengasihani. Sementara itu, pemimpin masyarakat perlu menghayati beberapa nilai seperti *aequita* (*firnesss*)- kesaksamaan, *justitia* (*justice*)- keadilan, *libertas* (*freedom*)- kebebasan dan *nobilitas* (*nobility*)- budiman.

Oleh yang demikian, kita dapat bahawa dalam tamadun Barat memberi penekanan terhadap nilai dan etika dalam masyarakatnya. Walau bagaimanapun, kemajuan dan kemerosotan tamadun Barat berkait rapat dengan isu pematuhan nilai etika mereka. Sebagai contoh, di akhir zaman kemerosotan tamadun Greek, nilai kesatuan dan kesetiaan pudar, negara-negara kota berperang sesama sendiri dan ditewaskan oleh musuh-musuh luar (Buckhardt, 1999). Tambahan pula kemewahan hidup telah menyebabkan masyarakat Greek mula meninggalkan nilai-nilai murni.

#### **4.11 PENGHAYATAN NILAI**

1. Terdapat persamaan nilai-nilai etika dalam peradaban tamadun di Asia.
2. Nilai-nilai etika ini perlu dihayati oleh semua lapisan masyarakat bagi mencapai keharmonian dan kesejahteraan hidup.
3. Pemahaman dan penghayatan nilai etika pelbagai tamadun membolehkan masyarakat menghormati dan menanam sikap bertoleransi terhadap masyarakat lain.
4. Tamadun yang mementingkan pencapaian pembangunan yang seimbang antara aspek kebendaan dan bukan kebendaan wajar dijadikan panduan bagi melahirkan warga negara yang maju secara holistik.

#### **4.12 KESIMPULAN**

Sejarah telah memaparkan kepada kita jatuh dan bangun kerajaan dan ketamadunan di seluruh dunia. Antara perkara yang menarik ialah betapa hampirnya dan kuatnya keterikatan di antara kemajuan dan kemunduran manusia dengan penghayatan moral etika dan integriti. Tidak dapat dinafikan bahawa ketamadunan berkait rapat dengan manusia yang membangunkannya. Manusia mencetuskan pemikiran, budaya, ilmu, inovasi dan kemajuan. Oleh yang demikian, manusia yang mematuhi nilai-nilai murni menyumbang kepada kemajuan tamadunnya.

#### **RUJUKAN**

- Chandavarkar G. A (2015). *A Manual of Hindu Ethics*. Rupa Publications India: New Delhi.
- Ci Hang (1986). *Pengenalan Kepada Buddhisme*. Charitable Trust: Petaling Jaya.
- Creel.A, B (1977). *Dharma in Hindu Ethics*. Firma KLM Private Ltd:
- Dhammananda K. Sri (1987). *What Buddhist Believe, Buddhist Missionary Society*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Keene, M. (2006). *Agama-Agama Dunia*. Kanisius Pub: Jogjakarta.
- Maganlal A. Buch (2003). *Hindu ethics*. Bharatiya Kala Prakashan: New Delhi.

Mudji Sutrisno, (ed). (1993). *Buddhisme: Pengaruhnya dalam Abad Modern*. Kanisius Pub: Jogjakarta.

Mujahid Abdul Manaf (1994). *Sejarah Agama-Agama*. Raja Grafindo Persada: Jakarta.

Narada Maha Thera (1980). *The Buddha and His Teachings*. Buddhist Publication Society Kandy: Kuala Lumpur.

Piyadassi Thera (1974). *The Buddha's Ancient Path*. Buddhist Publication Society Kandy: Colombo, Sri Lanka.

Swarnasanti, E. (2007). *Riwayat Hidup Buddha Gautama*. Pustaka Karaniya: Bandung.

Venerable Maha Stharia Sangharakshita (1987). *The Buddha's Noble Eightfold Path*. Manjusuri Publishing Co: Kuala Lumpur Malaysia.

[www.darulkautsar.my](http://www.darulkautsar.my)

### **Soalan Perbincangan**

1. Huraikan nilai-nilai etika yang terdapat dalam tamadun Cina dan India.
2. Pada pendapat anda, adakah sistem etika yang diamalkan oleh tamadun agung terdahulu masih relevan untuk dipraktikkan oleh rakyat Malaysia yang berbilang kaum? Berikan justifikasi anda.
3. Bincangkan aliran falsafah Barat yang menyumbang kepada nilai etika masyarakatnya.



## BAB 5

# PEMANTAPAN KESEPADUAN NASIONAL MELALUI ETIKA DAN PERADABAN

Norhani Bakri  
Rozeyta Omar

### Objektif Pembelajaran

Di akhir bab ini, pelajar akan dapat:

1. memahami konsep kesepaduan sosial dan kesepaduan nasional.
2. menjelaskan proses dan usaha ke arah mencapai kesepaduan nasional.

### 5.1 PENGENALAN

Kesepaduan sosial merupakan elemen penting dalam memastikan sesebuah komuniti atau negara itu berada dalam keadaan aman dan harmoni. Ia merupakan prasyarat kepada keadaan yang stabil dan masyarakat tanpa konflik. Justeru itu, kebanyakan negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Kanada, United Kingdom, Perancis dan Australia telah meletakkan kesepaduan sosial sebagai satu polisi yang penting dalam dasar pembangunan mereka. Ianya berupaya memajukan bangsa dengan adanya semangat kekitaan yang kuat yang dilandasi dengan rasa hormat, tolak ansur dan saling percaya sesama mereka. Oleh yang demikian, kesepaduan sosial merujuk kepada satu proses yang menyatupadukan seluruh masyarakat dan negara supaya setiap anggota masyarakat dapat membentuk satu identiti dan nilai bersama serta memiliki perasaan cinta dan bangga kepada tanah air.

Kepentingan kesepaduan sosial dalam masyarakat telah menarik minat para pengkaji dalam bidang sosiologi sejak dari dahulu lagi. Tokoh-tokoh awal bidang ini seperti Emile Durkheim dan Ibn Khaldun mempunyai pandangan yang sama tentang hubungan kesepaduan sosial atau solidariti ini. Mereka membahagikan perpaduan masyarakat kepada dua jenis iaitu masyarakat simpel dan masyarakat kompleks. Durkheim menamakan kesepaduan masyarakat simpel atau tradisional ini sebagai solidariti mekanikal (*mechanical solidarity*) dan masyarakat kompleks pula dikenali sebagai solidariti organik (*organic solidarity*) (Krause 1982: 69). Ibn Khaldun pula menamakan kesepaduan sebagai *asabiyyah* yang merujuk kepada perpaduan sosial dengan penekanan kepada kesatuan, kesedaran kumpulan, dan kesepaduan sosial. Kedua-dua konsep ini adalah sama kerana ia membawa pengertian *esprit de corps* atau semangat kekitaan (*group feeling*).

Durkheim dan Ibn Khaldun bersetuju bahawa masyarakat sentiasa mengalami perubahan. Menurut Ibn Khaldun, masyarakat beranjak daripada bentuk sederhana kepada bentuk kompleks dalam setiap bidang. Beliau menyebut tentang tahap keinginan, bermula daripada keperluan asas dan kemudian keperluan yang lebih terperinci (Mohd Fauzi Yaacob 2004: 39). Semangat kekitaan akan hilang apabila sesuatu masyarakat atau suku-suku kaum itu sudah mencapai kemewahan dan kemakmuran (Rosenthal & Dawood 1967; A. Mukhti Ali 1976). Mereka akan berubah daripada pelbagai aspek budaya apabila hidup menetap di bandar dengan berinteraksi dengan masyarakat luar dan saling bercampur gaul dalam aktiviti ekonomi, politik dan sosial. Hal ini menyebabkan masyarakat kurang menumpukan pada kepentingan kumpulan tetapi mengutamakan kepentingan individu.

Durkheim pula menganggap bahawa masyarakat berevolusi daripada kesepaduan atau solidariti mekanikal sehingga ke solidariti organik. Masyarakat solidariti mekanikal bersifat tradisional bersaiz kecil, manakala masyarakat solidariti organik merupakan masyarakat bandar atau kapitalisme. Menurut beliau, proses penghususan dalam pekerjaan mempunyai kebaikan iaitu membolehkan pengetahuan teknologi berkembang, manakala keburukannya ialah individu atau kumpulan mesti bergantung dengan yang lain (Krause 1982: 70). Bagaimanapun, kedua-dua ahli sosial percaya bahawa kawalan sosial adalah berkait rapat dengan kepercayaan individu. Dalam masyarakat simpel, masyarakat dikawal oleh sistem kepercayaan dan agama selain daripada adat resam. Semua ini adalah berkenaan dengan kesedaran kolektif. Kesedaran kolektif ialah;

*“The totality of beliefs and sentiments common to the average members of a society forms a determinate system with a life of its own”* (Durkheim 1984: 38).

Hukuman dalam perpaduan mekanikal bersifat *represif* iaitu bersifat menindas dan menghukum kerana komuniti bertindak balas dengan segera jika ahlinya mencabar kewibawaan undang-undang konvensional. Umumnya, undang-undang agama biasanya bersifat represif. Dalam masyarakat kompleks pula, kawalan sosial adalah berbentuk undang-undang *restitutif* dan tidak berkaitan dengan kesedaran kolektif. Ia ditubuhkan secara khas dan diadili oleh orang-orang yang telah dilantik sahaja dan bukannya masyarakat secara amnya (Durkheim 1984).

Mengikut Ibn Khaldun, kawalan sosial dalam masyarakat simpel adalah berdasarkan kepada kepimpinan. Oleh yang demikian, mereka memerlukan pemimpin yang baik yang dapat menggunakan kekuasaan itu untuk kepentingan rakyat atau pengikut bagi mengelakkan daripada berlakunya perpecahan semangat kekitaan kerana semangat ini perlu untuk mempertahankan diri dan suku (Rosenthal & Dawood 1967; A. Mukhti Ali 1976). Selain itu, kepatuhan dalam amalan-amalan agama dan kepercayaan kepada ajaran-ajaran kenabian dan kewalian dapat menghalang sifat-sifat buruk antara mereka seperti iri hati dan sebagainya (Rosenthal & Dawood 1967). Kepatuhan seperti ini dapat mengawal tingkah laku masyarakat dan membolehkan masyarakat saling bertoleransi antara satu sama lain tanpa sebarang prejudis akibat perbezaan sosial.

Di Malaysia, Shamsul Amri Baharuddin (2014) telah mengenangkan konsep kesepaduan sosial sebagai formula penting bagi mengurus masyarakat majmuk berdasarkan kepada konsep dan ciri-ciri kesepaduan. Menurut beliau, kesepaduan sosial ialah suatu keadaan aman, stabil dan makmur sejahtera yang wujud dalam sesebuah masyarakat, khususnya yang berbilang etnik. Kesepakatan sosial (*social bonding*) yang kuat yang terbina untuk sekian lamanya adalah berdasarkan kepada lima pra-syarat:

1. Taraf kebendaan yang berkualiti, seperti mempunyai indeks kualiti hidup yang sederhana ke tinggi.
2. Akses kepada kemudahan yang boleh menjamin dan mempertahankan kualiti hidup dan mobiliti sosial.
3. Aturan sosial yang stabil, aman dan selamat.
4. Interaktif aktif berlandaskan jaringan dan pertukaran hubungan yang positif.
5. Wujudnya usaha positif ke arah penglibatan semua pihak dalam kegiatan arus perdana (Shamsul Amri, 2014).

Ibn Khaldun menegaskan bahawa integrasi dan perpaduan masyarakat majmuk dibina berdasarkan kepercayaan kepada Allah, semangat dakwah, keadilan, akauntabiliti, penghormatan bersama, saling mempercayai, keikhlasan mutlak, rajin, kerjasama,

kecemerlangan, rawatan persaudaraan, kejujuran dan kebenaran, moral, pengetahuan, tingkah laku yang baik, pengorbanan, kemas, dan kebersihan (Rosfazila Abd Rahman & Abdul Razif Zaini, 2017). Kesemua ini merupakan nilai etika yang berupaya membangunkan sesuatu peradaban. 'Etika' yang juga dikenali sebagai falsafah moral merupakan satu cabang falsafah yang membabitkan penyusunan, mempertahankan dan mencadangkan kelakuan yang betul dan salah. Ia merujuk kepada tingkah laku moral manusia dan bagaimana untuk bertindak dalam keadaan tertentu. Etika berasal daripada perkataan Yunani iaitu '*ethos*' yang bermaksud '*watak*'. Etika merupakan piawaian yang berdasarkan betul dan salah terhadap perbuatan atau tingkah laku seseorang dalam melaksanakan kewajipan manusia. Ia berkait rapat dengan nilai-nilai moral yang menjadi pegangan seseorang individu atau kumpulan masyarakat dalam menentukan perbuatan atau tingkah laku masing-masing. Kehidupan yang beretika akan memastikan manusia melaksanakan kewajipan hidup yang memberi faedah kepada diri sendiri dan juga masyarakat. Sebagai contoh, seseorang itu dikatakan beretika apabila bertindak jujur, menunjukkan belas kasihan dan kesetiaan manakala perbuatan seperti menipu, mencuri dan membunuh dianggap perbuatan yang tidak beretika dan seterusnya menggambarkan sifat-sifat manusia kurang bertamadun.

Sebab itulah etika sesebuah bangsa itu boleh menentukan jatuh bangunnya sesebuah peradaban. Kemajuan sesebuah negara itu banyak bergantung kepada sikap, mentaliti dan tingkah laku positif penduduknya yang sentiasa mengejar ilmu pengetahuan bagi melahirkan inovasi-inovasi yang berupaya membangunkan negara berkenaan. Sesebuah negara yang kurang hasil buminya berupaya untuk maju dengan adanya sumber manusia yang berkualiti dengan adanya budaya kerja yang beretika sebagaimana yang berlaku di negara Jepun. Ini menunjukkan bahawa etika dan peradaban yang baik itu adalah penting dalam memajukan negara.

Pembinaan peradaban harus bercirikan keseimbangan antara kemajuan material dengan ketinggian akhlak yang berpaksikan *tauhid*. Kebanyakan sarjana dan pemikir bersepakat bahawa faktor manusia merupakan unsur terpenting dalam memastikan kelangsungan sesebuah peradaban. Manusia sebagai makhluk sosial sepertimana yang diistilahkan oleh Ibn Khaldun, merupakan pelaku utama yang berperanan membentuk dan mencorak peradaban. Sebagai makhluk sosial, manusia tidak boleh hidup secara bersendirian, tetapi memerlukan individu lain untuk dilahirkan, diasuh, dididik dan dibesarkan. Manusia juga memerlukan komuniti untuk membangunkan institusi sosial bagi tujuan memajukan diri. Interaksi dan kerjasama inilah yang akhirnya melahirkan sesebuah peradaban manusia.

Salah satu faktor yang mempengaruhi pembinaan dan kemajuan serta kekujuhan sesuatu peradaban ialah faktor agama. Menurut Mahadi Abu Hassan & Khadijah Mohd Khambali (2013), pengertian peradaban sering kali disamakan dengan pengertian tamadun yang merujuk kepada pencapaian dan kemajuan sesebuah bangsa dan masyarakat meliputi aspek rohani dan jasmani. Antara sarjana Muslim terawal yang mengutarakan konsep peradaban atau tamadun ini ialah Abu Nasir al-Farabi melalui kitabnya *al-Siyasah al-Madaniyyah* yang memperkenalkan istilah *al-Madaniyyah* pada abad ke-11 Masihi. Istilah tersebut kemudiannya dipopularkan oleh sarjana Arab seperti Muhammad Farid Wajdi dan Syeikh Muhammad Abdur (M.A.J. Beg, 1980). Istilah tamadun yang berasal daripada perkataan Arab, ‘*tamaddun*’ yang telah lama diterima pakai dalam perbendaharaan bahasa Melayu ini sebenarnya dipopularkan oleh Jurji Zaydan pada abad ke-19 Masihi. Menurut Naquib al-Attas (1992), istilah tamadun memberikan pengertian kehidupan insan bermasyarakat telah mencapai tahap kehalusan tata susila dan kebudayaan yang luhur. Terminologi lain yang juga merujuk kepada pengertian peradaban ialah ‘*umran*’ dan ‘*al-hadharah*’ yang diperkenalkan oleh Ibn Khaldun pada abad ke-14 Masihi. Kesemua istilah yang dibincangkan merujuk kepada satu tujuan yang sama, iaitu pembangunan kota, kehalusan tata susila dan kebudayaan serta kehidupan berteraskan akidah, *syariah* dan akhlak yang mulia.

## 5.1 KONFLIK KESEPADUAN SOSIAL

Konflik kesepaduan sosial berlaku apabila nilai bersama dalam kalangan mereka tidak dihayati dan dikongsi bersama. Semenjak terjadinya rusuhan etnik pada 13 Mei 1969, Malaysia telah menjadikan ‘perpaduan nasional’ sebagai matlamat utama untuk dicapai khususnya, melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dilancar pada tahun 1971. Bagaimana pun, apabila DEB tamat pada tahun 1990, perpaduan yang diidamkan itu masih belum tercapai.

Pada 1991, rakyat Malaysia diperkenalkan pula oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri ketika itu dengan Wawasan 2020 yang berteraskan konsep Bangsa Malaysia, suatu bentuk perpaduan yang dijangkakan akan dicapai pada tahun 2020. Sehingga tahun 2009, tiada sebarang tanda-tanda jelas di mana perpaduan yang diharapkan itu akan dicapai. Maka diperkenalkan pula konsep 1Malaysia oleh Datuk Seri Najib Tun Razak untuk merangsang masyarakat Malaysia ke arah perpaduan. Biar pun perpaduan yang diimpikan masih belum tercapai dalam tempoh 42 tahun (1969-2011) lalu, namun kita telah mencapai sesuatu yang signifikan yang menjadikan Malaysia negara contoh kepada banyak negara di Asia, Afrika dan Amerika Latin.

Malah laporan yang dihasilkan oleh Institut Ekonomi dan Keamanan Antarabangsa yang berpangkalan di Sydney dan yang bertanggungjawab menghasilkan Global Peace Index 2011 menunjukkan Malaysia menduduki tempat ke 19 daripada 153 negara di dunia yang berjaya mengekal suasana aman dan kestabilan politik. Malah Malaysia didapati jauh lebih baik daripada jiran-jiran di rantau Asia Tenggara, termasuk Singapura.

Apa yang sebenarnya telah dicapai oleh Malaysia dalam tempoh 42 tahun itu ialah suatu 'kesepaduan sosial' (*social cohesion*) yang merupakan prasyarat kepada perpaduan yang kita inginkan. 'Kesepaduan sosial' inilah sebenarnya yang menjadi tiang seri kepada konsep *equilibrium* yang disebut oleh Dato' Seri Najib Tun Razak, sebagai anak kunci masyarakat moderat Malaysia yang diperagakan beliau apabila menganjurkan gagasan *Global Movement of the Moderates* (GMM).

Kemudiannya, Perdana Menteri Malaysia ke tujuh iaitu Tun Dr Mahathir Mohamad telah melancarkan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 5hb September, 2019 bagi memberi suntikan baharu agar kesepaduan dapat dikukuhkan melalui perkongsian ekonomi yang adil. Dasar Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 bermatlamat supaya ekonomi Malaysia melonjak kepada ekonomi berpendapatan tinggi di samping memperkasa kuasa beli rakyat. Ia merupakan hala tuju ekonomi negara bagi tempoh 10 tahun bermula 2021-2030 yang bertujuan merapatkan jurang pendapatan dan pembangunan antara kelas, kaum dan wilayah. WKB 2030 akan memacu pembangunan negara secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif buat semua rakyat Malaysia ketika negara berhadapan dengan ketidaktentuan ekonomi dunia akibat perang perdagangan yang sedang berlaku antara Amerika Syarikat dengan negara China. Ia menjadikan ekonomi Malaysia lebih berdaya tahan serta menyuburkan perpaduan dalam kalangan rakyat serta memantapkan kestabilan Malaysia sebagai sebuah negara demokratik.

## **5.2 DARI KESEPADUAN SOSIAL KE KESEPADUAN NASIONAL**

Kesepaduan nasional dilihat sebagai satu proses dinamik apabila rakyat pelbagai kaum dan etnik dengan sosio budaya, agama, adat resam, bahasa dan wilayah yang berbeza dapat hidup dalam suasana aman damai serta harmoni. Berdasarkan sejarah, ada beberapa isu perbalahan kaum yang agak besar dan rumit pernah berlaku dalam negara kita. Bagaimanapun, ia dapat ditangani dan tidak merebak ke tempat lain.

Kini, isu-isu sensitif melibatkan hubungan kaum kelihatannya makin meningkat apabila berkembangnya media sosial menjadi media utama rakyat menyalurkan perasaan tidak puas hati terhadap orang lain. Penggunaan media sosial yang begitu terbuka telah mengakibatkan ada pihak yang menggunakan kesempatan ini untuk menimbulkan rasa kurang senang serta mencetuskan api perkauman. Masyarakat perlu bijak dalam menerima pakai segala maklumat yang diperolehi di internet agar tidak mudah terpengaruh dengan sentimen dan mainan segelintir pihak untuk menggugat keharmonian dan perpaduan yang sudah dibina sejak sekian lama.

Perbezaan ideologi politik dalam kalangan rakyat sering mencetuskan perbalahan yang boleh membawa kepada konflik perkauman yang serius sekiranya ianya tidak ditangani secara bijak. Setiap pihak perlu mempunyai rasa tanggungjawab untuk memastikan kesepadanuan ini dapat dikekalkan dan menjadi bertambah baik demi masa hadapan generasi yang akan datang. Konflik kesepadanuan sosial di Malaysia akan berlaku dalam keadaan-keadaan berikut:

1. Tidak menghayati dan mengamalkan prinsip Rukun Negara.
2. Perbezaan ideologi politik.
3. Kurangnya interaksi antara kaum disebabkan pemisahan yang berlaku dari segi penempatan tempat tinggal, persekolahan dan pekerjaan.
4. Tidak peka dan kurang berminat memahami budaya kaum-kaum yang lain.
5. Tidak mahu menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa utama untuk berkomunikasi dalam acara formal atau tidak formal.
6. Proses sosialisasi yang dialami sejak kecil dari ibu bapa, sekolah dan rakan sebaya telah menanamkan nilai-nilai negatif yang prejudis terhadap kaum lain.

#### **5.4 PROSES KESEPADUAN SOSIAL**

Dalam kehidupan masyarakat Malaysia yang pelbagai, ahli masyarakatnya mencari jalan untuk mengurus dan menyusun perbezaan-perbezaan yang sedia wujud dalam masyarakat. Perbezaan-perbezaan tersebut wujud dari aspek etnisiti, agama, bahasa, politik, kelas sosial, gender dan antara generasi. Mengapakah perbezaan-perbezaan ini perlu disusun?

Perbezaan-perbezaan ini perlu diatas dan disusun kerana masyarakat perlu mencapai keamanan dan kestabilan serta meneruskan kelangsungan hidup mereka. Keadaan yang wujud dan terus menerus dinikmati oleh sebilangan besar anggota masyarakat majmuk di dunia ialah ‘kesepadan’ iaitu suatu fenomena sosial

yang dipacu oleh idaman mendalam terhadap perpaduan yang seterusnya mempengaruhi anggota masyarakat tersebut untuk mengilhamkan berbagai-bagai ikhtiar dan kegiatan yang dianggap sebagai prasyarat mencapai perpaduan (Shamsul Amri Baharuddin. 2010, 2012).

Setiap ahli dalam masyarakat yang pelbagai bertanggungjawab secara bebas untuk bertindak dan berperilaku ke arah mencapai keamanan dan keharmonian demi *survival* diri, keluarga dan kelompok sosialnya. Itulah sebabnya apabila berlakunya pergaduhan antara kaum, cara yang terbaik ialah segera mencari jalan penyelesaian melalui perundingan agar berhasil persetujuan, kompromi dan tolak ansur. Walaupun kemungkinan konflik tidak dapat diselesaikan keseluruhannya namun konflik atas dasar perbezaan sosial antara kaum dapat diminimumkan.

Dalam sejarah Malaysia, Shamsul Amri (2012) telah membahagikan tahap-tahap hubungan etnik dalam sejarah Malaysia kepada:

- Era konflik (1945 – 1960). Ini berlaku selepas Perang Dunia ke-2.
- Era Stabil tetapi Tegang (1961-1970).
- Era Kesepaduan Sosial (1971-2011).
- Era kestabilan ekonomi dan kestabilan politik bagi mendukung kemakmuran (proses simbiosis) (sekarang).

Isu etnisiti atau perkauman adalah isu penting dalam masyarakat Malaysia. Jika diselidiki, isu ini telah diinstitusikan dalam era penjajahan British, dan diwarisi seterusnya oleh kerajaan Malaysia sehingga kini. Setiap kumpulan etnik bergerak dan menjalani kehidupan mereka berlandaskan norma, nilai dan budaya yang berbeza-beza. Dalam satu jangkauan, Malaysia berjaya mencapai keamanan hasil daripada perbincangan, rundingan, dan pelbagai proses tolak ansur bagi mencari titik pertemuan antara perbezaan dan persamaan yang wujud dalam masyarakat. Namun isu kaum dan etnisiti masih menjadi cabaran ke arah pembinaan satu negara bangsa.

## Negara Bangsa

Secara faktanya Malaysia ialah sebuah negara yang bercirikan kepelbagaian kaum, bahasa, agama dan budaya, namun semua ahli masyarakatnya mahu dilihat sebagai sebuah masyarakat yang bersatu di bawah bendera yang sama dan dalam masa yang sama tetap meraikan kepelbagaian yang ada. Justeru kepelbagaian yang ada tidak boleh dianggap sebagai penghalang kepada membina sebuah

bangsa Malaysia. Namun, jika perpaduan sejati ingin dicapai, *mental thought* masyarakat Malaysia mesti berubah terutama dalam mengikis prasangka yang ada dan lebih bersifat bertoleransi antara satu sama lain. Pembinaan bangsa Malaysia masih beransur perjalannya. Hari ini ia disulitkan dengan arus globalisasi, dasar ekonomi yang mengutamakan pasaran, dasar bahasa dan pendidikan yang masih perlu diperkuatkan, isu agama Islam serta lain-lain isu yang meresahkan semua rakyat.

Membina negara bangsa menuntut kesedaran yang tinggi terhadap memahami ideologi negara bangsa, justeru ia penting dalam memperkuatkan negara bangsa yang bersatu padu dan terus stabil. Mansor Md Nor menjelaskan bahawa naratif negara bangsa Malaysia adalah sebuah negara etno berpasakkan anak watan dalam masyarakat kepelbagaian dengan Perlembagaan Persekutuan sebagai sumber dan landasan utama dalam proses integrasi tersebut (Mansor, Naratif Bangsa Malaysia: Ilmu, Kewatanan dan Negara Bangsa dalam Masyarakat Kepelbagaian, Bangi: KITA, UKM, 2018).

Tun Mahathir pada tahun 1991 pernah menjelaskan sebuah negara bangsa dalam konteks Malaysia sebagai “*...membentuk sebuah negara yang bersatu padu serta menyambung masa hadapan yang dikongsi bersama. Bangsa itu mestilah sejahtera, berintegrasi wilayah-wilayah dan kelompok-kelompoknya, menikmati kehidupan bersama yang sepenuhnya berasaskan persamaan hak dan keadilan, membentuk sebuah Bangsa Malaysia dengan rasa taat setia dan pengabadian yang tidak berbelah bagi terhadap bangsa tersebut*” (Tun Mahathir Mohamad, “Melangkah Ke Hadapan”, 1991). Jelas bahawa ada tiga perkara yang menjadi asas kepada pembinaan negara bangsa, iaitu identiti, integrasi dan pembangunan.

### **Proses-proses ke arah Kesepaduan Sosial**

Sejarah masyarakat Malaysia memperlihatkan bagaimana segala bentuk konflik, perbalahan, dan perbezaan boleh diselesaikan dengan cara melakukan kesatuan (*alliance*) dan inovasi sosial (*innovation*). Cara ini bagi membolehkan mereka yang terlibat dalam politik, dalam organisasi dan masyarakat sivil dapat membantu dalam mencari strategi-strategi tindak balas yang lebih baik bagi membolehkan penglibatan ahli masyarakat dalam memperbaiki, mencari kedudukan atau paksi yang betul (*alignment*) dan mengukuhkan hubungan antara satu sama lain berdasarkan rasa yang dikongsi bersama, minat yang sama atau pengalaman yang dikongsi bersama (*bonding*). Ini penting bagi menghasilkan konsensus, kompromi dan kebersamaan (*convergence*). Selain daripada itu dalam senario yang lebih luas, proses-proses akomodasi, akulturasi, asimilasi dan amalgamasi menyumbang kepada keseluruhan proses kesepaduan sosial dan seterusnya perpaduan nasional.

## Akomodasi

Akomodasi merupakan satu proses yang memerlukan kerjasama dua atau lebih pihak yang mempunyai matlamat yang berbeza untuk membentuk satu matlamat yang dapat memuaskan hati kedua-dua pihak tersebut. Akomodasi juga dikenali sebagai situasi menang-menang apabila kedua-dua pihak yang bertentangan pendapat atau matlamat memperolehi faedah daripada satu matlamat baru yang telah dibina secara bersama dan kolektif. Contohnya, di Malaysia, meskipun Bahasa Melayu diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan, namun bahasa-bahasa lain masih boleh diguna pakai selagi ia tidak bertentangan dengan prinsip perlombagaan.

## Akulturasi

Akulturasi adalah proses penerimaan unsur budaya daripada satu kelompok masyarakat kepada satu kelompok yang lain. Tahap penerimaan bergantung kepada sejauh mana kebudayaan asing tersebut mampu memberikan kelebihan dan manfaat kepada sesebuah kelompok itu. Lazimnya budaya berunsur positif yang diterima dalam masyarakat. Budaya yang berunsur negatif biasanya ditolak terutama jika ia merosakkan kebudayaan asal masyarakat tersebut. Walau bagaimanapun, masih terdapat segelintir kelompok masyarakat yang mungkin terpengaruh dengan unsur budaya negatif dari kebudayaan asing tadi.

## Asimilasi

Asimilasi merujuk kepada satu proses penggabungan kebudayaan masyarakat yang berbeza-beza untuk membentuk satu kebudayaan serta identiti masyarakat yang baru. Asimilasi boleh mendatangkan dua jenis kesan yang berbeza. Pertama, kelompok masyarakat yang diasimilasikan berubah menjadi satu kelompok baru dengan menghilangkan budaya serta identiti asalnya. Kedua, kelompok yang diasimilasikan mengamalkan kebudayaan baru yang dicipta hasil daripada percantuman budaya antara kelompok dengan kebudayaan asalnya. Proses asimilasi boleh berlaku apabila golongan minoriti bersedia untuk menyerap budaya golongan majoriti dan golongan majoriti bersedia menerima golongan minoriti tersebut.

## Amalgamasi

Amalgamasi merupakan suatu tahap asimilasi yang paling tinggi. Ia merupakan suatu proses yang terjadi apabila budaya atau ras bercampur untuk membentuk jenis budaya dan ras yang baru.

Proses perkahwinan campur antara etnik merupakan suatu contoh proses amalgamasi. Melalui perkahwinan campur ini satu generasi baru atau budaya baru dilahirkan.

Langkah-langkah bagi mewujudkan kesepaduan sosial antara kaum di Malaysia:

- Menghapuskan prasangka negatif.
- Mewujudkan suasana saling memahami.
- Mewujudkan semangat perpaduan.
- Mencari jalan menyelesakan masalah yang membabitkan isu perkuaman.
- Sentiasa mencari jalan mewujudkan kehidupan sejagat yang harmoni, aman dan sejahtera.
- Menganjurkan program yang melibatkan semua kaum.
- Melibatkan badan-badan agama dan sosial untuk anjurkan program-program yang melibatkan semua kaum.

## **5.5 KAEDAH PEMANTAPAN KESEPADUAN SOSIAL DI MALAYSIA**

### **1. Menjadikan Rukun Negara sebagai teras budaya**

Pengabaian terhadap Rukun Negara telah menzahirkan implikasi yang negatif terhadap tatacara kehidupan bermasyarakat di Malaysia. Pelbagai tingkah laku negatif dan kebejatan sosial berlaku kerana kita tidak berpegang teguh kepada ideologi yang dicipta khas untuk rakyat Malaysia ini. Rukun Negara telah membantu memulihkan perpaduan rakyat Malaysia selepas keharmonian kaum tergugat akibat tragedi 13 Mei 1969. Rukun Negara dirangka bukan sekadar untuk hiasan atau dihafal tetapi dihayati dan diamalkan dalam kehidupan seharian setiap rakyat di negara ini. Rukun Negara telah diisytiharkan pada 31 Ogos 1970 sempena ulang tahun kemerdekaan Malaysia yang ke-13 oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almarhum Tuanku Ismail Nasiruddin Shah Ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin, Yang di-Pertuan Agong IV. Rukun Negara diperkenalkan berikutan peristiwa 13 Mei 1969 yang melemahkan perpaduan antara kaum di Malaysia. Rukun Negara dibentuk dengan tujuan utama iaitu membentuk perpaduan yang kukuh. Prinsip-prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara jelas merupakan kunci kepada keharmonian dan perpaduan kaum demi kejayaan dan kestabilan Malaysia.

Matlamat Rukun Negara adalah untuk membentuk masyarakat Malaysia yang:

- i. Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakat.
- ii. Memelihara satu cara hidup demokratik.
- iii. Mencipta satu masyarakat yang adil apabila kemakmuran negara dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama.
- iv. Membentuk satu sikap yang liberal terhadap tradisi kebudayaan yang kaya dan berbagai-bagai corak.
- v. Membina sebuah masyarakat progresif yang menggunakan sains dan teknologi moden (Jabatan Penerangan Malaysia, 2017).

Lima Prinsip Rukun Negara yang digariskan adalah seperti berikut:

### **i. Rukun Negara pertama: Kepercayaan Kepada Tuhan**

Bangsa dan negara ini diwujudkan atas kepercayaan yang kukuh kepada Tuhan. Prinsip pertama ini harus ada pada setiap warganegara kerana kepercayaan beragama yang positif dapat mewujudkan keharmonian antara agama dan kaum. Meskipun Perlembagaan memperuntukkan Islam sebagai agama rasmi Persekutuan, agama dan kepercayaan lain boleh diamalkan dengan aman dan tenteram. Setiap pengguna perlu mengawal kata-kata dan tingkah laku supaya tidak terlalu radikal dan ekstrem sehingga menghina agama lain menerusi komen-komen, terutamanya di media sosial yang merupakan saluran yang paling mudah di akses oleh pembaca. Tindakan seperti itu boleh mengundang perbalahan antara agama seterusnya menggugat keamanan negara.

### **ii. Rukun Negara kedua: Kesetiaan kepada Raja dan Negara**

Malaysia mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan dengan Yang di-Pertuan Agong diangkat sebagai Ketua Negara. Institusi raja haruslah dihormati kerana ia merupakan lambang dan payung kedaulatan negara. Namun, apa yang berlaku pada hari ini, perbuatan memperlekeh dan menghina raja seperti menjadi satu gejala di media sosial. Dalam konteks di negara ini, raja dan rakyat tidak boleh dipisahkan kerana raja umpama pohon dan rakyat itu adalah akarnya. Sehubungan itu, wajar untuk rakyat melihat kembali sejarah tentang hubungan antara rakyat dan raja-raja serta peranan yang dimainkan institusi itu. Selain institusi raja, sistem dalam negara juga perlu dihormati termasuk kerajaan yang memerintah. Sekiranya tidak bersetuju dengan dasar-dasar kerajaan, tidaklah perlu sampai menyebar fitnah sehingga boleh menggugat keselamatan negara.

### **iii. Rukun Negara ketiga: Keluhuran Perlembagaan**

Prinsip ini menekankan perlunya rakyat menerima, mematuhi dan mempertahankan keluhuran atau kemuliaan Perlembagaan Persekutuan yang merupakan sumber perundangan tertinggi negara. Rakyat perlu memahami sejarah Perlembagaan negara supaya tidak mudah terpedaya apabila terdapat pihak cuba memutarbelitkannya. Semua yang terkandung dalam Perlembagaan termasuk soal hak-hak istimewa orang Melayu dan Bumiputera, kedudukan raja, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan Islam sebagai agama Persekutuan adalah satu kontrak sosial berdasarkan kompromi antara kaum. Tindakan individu dan pihak tertentu mempersoalkan perkara-perkara tersebut khususnya di media sosial tidak membawa sebarang kebaikan, melainkan hanya merosakkan keharmonian kaum dan agama.

### **iv. Rukun Negara keempat: Kedaulatan Undang-undang**

Negara memerlukan undang-undang untuk mengawal dan mewujudkan satu masyarakat yang aman, stabil dan makmur. Kewujudan undang-undang menjamin kehidupan anggota masyarakat bergerak dengan licin dan teratur tanpa sebarang kekacauan, dengan semua anggota masyarakat merasa selamat. Hak-hak semua rakyat boleh diamalkan dengan bebas termasuk kebebasan bersuara asalkan tidak melanggar undang-undang serta perkara-perkara yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Ini termasuklah tidak menjadikan internet atau media sosial sebagai medium untuk menyebarkan fitnah, hasutan dan penghinaan yang boleh mengancam keselamatan negara serta masyarakat. Jika undang-undang tidak didaulatkan, maka janganlah berharap untuk melihat negara ini berada dalam keadaan aman dan stabil.

### **v. Rukun Negara kelima: Kesopanan dan Kesusilaan**

Sifat individu yang bersopan santun dan bersusila sangat penting dalam konteks perhubungan antara satu sama lain terutama dalam masyarakat berbilang kaum di negara ini. Sekiranya mempunyai nilai-nilai baik tersebut, sudah tentu semua orang lebih beretika ketika melayari internet. Melontarkan kata-kata kesat, memaki-hamun, melakukan buli siber dan menyebar berita palsu hanya melambangkan kerendahan moral sesuatu bangsa. Kesopanan dan kesusilaan perlu diamalkan dan disemat dalam diri setiap orang bagi membentuk individu yang berdisiplin serta berakhhlak tinggi seterusnya mewujudkan sebuah masyarakat yang harmoni. Pengamalan etika yang baik dalam kalangan rakyat mencerminkan tahap peradaban tinggi yang telah dicapai oleh negara ini.

## 2. Mematuhi dan mengormati Perlembagaan Persekutuan

Konsep dan ciri-ciri Perlembagaan Malaysia membawa makna yang besar kepada rakyat Malaysia. Perlembagaan merupakan elemen penting dalam amalan sistem politik demokrasi. Ia adalah satu kumpulan peraturan atau undang-undang yang menentukan organisasi kerajaan, pembahagian hak dan kuasa, prosedur, panduan kepada kerajaan dan rakyat. Ia adalah undang-undang tertinggi dalam sesebuah negara. Ia berbentuk bertulis yang didokumentasikan dan juga tidak bertulis iaitu undang-undang yang diluluskan oleh parlimen dan juga keputusan mahkamah.

Sistem pemerintahan dan pentadbiran negara Malaysia selepas merdeka berdasarkan kepada sistem pemerintahan demokrasi berparlimen apabila sistem Kerajaan Persekutuan iaitu kuasa pentadbiran diagihkan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri. Negara kita juga memiliki banyak lambang atau simbol kebangsaan seperti lagu kebangsaan, bendera kebangsaan dan jata negara. Perlembagaan Malaysia adalah dokumen rasmi dan di dalamnya terdapat segala peraturan dan prinsip sebagai panduan kepada kerajaan untuk melaksanakan kuasanya dalam mentadbir negara. Seterusnya, ia juga untuk mewujudkan perpaduan antara kaum dan kehidupan yang sepakat dalam pelbagai kaum di Malaysia.

Tujuan Perlembagaan:

### i. Menjamin Keutuhan dan Kedaulatan Negara

Perlembagaan boleh menjamin keutuhan dan kedaulatan sesebuah negara. Ia merupakan undang-undang tertinggi yang perlu dipatuhi dalam menentukan hala tuju sesebuah negara. Tanpa perlembagaan, rakyat sesebuah negara tidak dapat menumpukan sepenuh perhatian dan taat setia mereka dalam mendirikan sebuah negara yang makmur dan utuh. Semangat nasionalisme tidak wujud di kalangan rakyat yang tidak memikirkan dan mencintai negara mereka. Apabila semangat ini tidak terdapat di dalam diri seseorang rakyat, maka tidak akan wujud semangat patriotisme di dalam jiwa mereka sebagai satu syarat untuk menyumbangkan tenaga mereka terhadap negara. Justeru itu, negara menjadi lemah. Apabila sesebuah negara tidak mempunyai kekuasaan yang utuh atau pemerintahan yang kuat, musuh dengan mudah mengambil alih kerajaan atau tumpuk pemerintahan negara. Jadi dengan adanya perlembagaan negara, rakyat dapat berpegang kepada satu undang-undang yang diamalkan dan dihormati bersama untuk memastikan kewujudan sebuah negara yang berdaulat.

## **ii. Sebagai Rujukan**

Dengan adanya perlembagaan sebagai undang-undang tertinggi negara, pihak-pihak yang bertentangan antara satu sama lain boleh menjadikannya sebagai sumber rujukan untuk menyelesaikan masalah yang timbul. Keadaan tegang akibat daripada perasaan tidak puas hati dapat dielakkan jika rakyat diwajibkan menurut dan menghormati apa yang tercatat di dalam perlembagaan. Masalah ketidakfahaman boleh diselesaikan dengan tenang berdasarkan undang-undang yang telah sedia ada di dalam perlembagaan. Apabila semua pihak yang bertentangan duduk membincangkan masalah mereka secara bersama, maka masalah yang mungkin timbul tidaklah begitu sukar diselesaikan. Justeru itu, dengan adanya perlembagaan sebagai sumber rujukan utama dari segi perundangan ia dapat menyesuaikan konflik yang berlaku di dalam sesebuah negara dengan lebih mudah.

## **iii. Mewujudkan Kestabilan Negara**

Walaupun pada dasarnya perlembagaan boleh dipinda, namun ia tidak boleh dilakukan dengan sewenang-wenangnya. Sebarang pindaan perlembagaan yang dilakukan dalam mana-mana negara, mestilah berdasarkan perlembagaan juga. Jika pindaan boleh dilakukan dengan mudah dan mengikut kehendak pemimpin-pemimpin (penggubal), maka ini akan menghasilkan satu keadaan kucar-kacir apabila pemimpin itu mungkin bertindak sesuka hatinya dan mengabaikan kemahuan rakyat. Oleh itu, jelas betapa perlunya perlembagaan bagi mengekalkan keamanan dalam sesebuah negara.

## **iv. Mengawal Perjalanan Kerajaan**

Dengan adanya perlembagaan, segala tindakan para pemimpin dapat diketahui atau dipastikan. Ini kerana segala tindak-tanduk mereka mestilah berdasarkan kepada perlembagaan yang telah dicatatkan, bukan bertindak sesuka hati. Oleh itu, pihak pemerintah tidak dapat melakukan sebarang perbuatan yang boleh menyeleweng daripada perlembagaan. Ini bererti perlembagaan dapat menjamin agar pihak pemerintah tidak berlaku curang atau menyalah guna kuasa yang diperuntukkan kepada mereka.

## **vi. Mengekalkan Keamanan**

Perubahan pucuk pimpinan yang berlaku selepas proses pilihan raya tidak akan menyebabkan sebarang kesan ke atas negara mahupun corak pemerintahan. Ini kerana setiap pemimpin dari parti politik

yang menang mestilah mempunyai cita-cita atau konsep yang sama dalam mengendalikan negaranya. Mereka sepatutnya memerintah negara dengan tujuan yang sama sebagaimana pemimpin-pemimpin terdahulu yang memerintah. Oleh itu, walaupun terdapat pertukaran pemimpin, tujuan pemerintahan tidak akan terkeluar daripada maksud berusaha memenuhi kehendak dan aspirasi rakyat.

### **vii. Perlembagaan Menjamin Keamanan Sesebuah Negara**

Dengan adanya perlembagaan, rakyat mendapat jaminan undang-undang bahawa tidak akan ada unsur-unsur diskriminasi di kalangan mereka. Pembahagian kuasa dinyatakan secara jelas dalam perlembagaan antara rakyat dengan pemerintah serta badan perundungan telah memisahkan antara satu sama lain daripada melakukan penindasan dan salah guna kuasa. Tidak ada pihak mendapat keistimewaan dari segi undang-undang, sebaliknya semua orang harus menghormati dan mematuhi perlembagaan negara. Sikap ini boleh membantu mewujudkan perpaduan di kalangan rakyat sebagai syarat untuk membolehkan mereka hidup aman damai.

### **3. Menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pertuturan bersama**

Malaysia memilih untuk menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa perhubungan utama sesuai dengan sejarah, demografi dan budaya negara ini. Selepas pembentukan Malaysia pada tahun 1963, satu daripada cabaran negara adalah untuk memastikan wujudnya integrasi nasional antara Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung Malaysia. Pada awal penubuhan Malaysia, terdapat sedikit masalah dalam hubungan Sabah dan Sarawak dengan kerajaan persekutuan. Ketegangan politik berlaku sehingga menyebabkan ada pemimpin yang mengancam untuk keluar daripada Malaysia, hal ini secara langsung menjelaskan pembinaan sebuah negara bangsa. 'Bahasa Jiwa Bangsa' yang bermaksud bahawa bahasa sebagai milik mutlak sesuatu bangsa yang menjadi identiti kebangsaan. Penggunaan dan penguasaan bahasa itu menunjukkan jati diri sesuatu bangsa. Bahasa juga melambangkan bagaimana sesuatu bangsa itu menggunakan bahasa sebagai alat komunikasi, perpaduan untuk saling memahami antara satu sama lain. Kekuatan bahasa itu juga menunjukkan secara tidak langsung betapa kuatnya sesuatu bangsa itu.

Ketika berucap dalam perhimpunan rakyat melafazkan Ikrar Bahasa Kebangsaan, pada 22 Julai 1961, Perdana Menteri pertama, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra telah memberikan komitmen berikut:

*"... Saya bagi pihak Kerajaan Perikatan suka mengambil peluang ini membuat pengakuan bahawa selagi kami, memegang kuasa pemerintahan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, maka kami tidak akan undur setapak pun untuk mempertahankan bahasa kebangsaan yang tunggal bagi negeri ini dan untuk melaksanakan pemakaianya dengan sepenuh-penuhnya, manakala sampai tempoh yang telah ditentukan oleh Perlembagaan."*

Perdana Menteri kedua kita, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein semasa berucap pada pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan di Kelang pada 1966, juga memberi jaminan bahawa bahasa kebangsaan akan menjadi bahasa rasmi yang tunggal di negara ini.

Walaupun Perlembagaan Persekutuan 1957 di bawah Perkara 152 telah menjamin kedaulatan dan autoritatif bahasa kebangsaan, kewujudan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967 (Akta 32) bertujuan memastikan bahasa kebangsaan diaplikasi dan diimplementasi secara holistik dalam struktur kehidupan rakyat dan pemerintahan negara. Adalah menjadi tanggungjawab setiap warganegara Malaysia untuk menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, lebih-lebih lagi penjawat awam yang juga barisan hadapan kerajaan untuk berkomunikasi dengan masyarakat.

Bahasa kebangsaan negara tidak wajar dijadikan sekadar hiasan, ia wajib disuntik dengan nilai, diberi nyawa dan diberi tempat yang selayaknya. Maruah sesuatu bangsa itu terletak pada bahasanya. Seseorang yang menamakan dirinya warga Malaysia mesti secara ikhlas dan jujur menyanjung tinggi penghormatannya kepada bahasa Malaysia kerana di sinilah bumi dipijak. Oleh itu setiap rakyat Malaysia mesti menguasai bahasa kebangsaan kerana bahasa itu membawa bersama sifat kepunyaan dalam diri setiap warganya.

## **5.6 CABARAN KEARAH MENCAPAI KESEPADUAN NASIONAL**

Sejak awal penubuhannya, selain isu integrasi nasional, isu kesepaduan sosial turut mendapat perhatian pemimpin. Peristiwa rusuhan kaum yang tragik pada 1969 menyebabkan isu kesepaduan etnik atau kesepaduan sosial bertambah mendesak. Bagi Malaysia, pembinaan negara bangsa merujuk kepada pembinaan sebuah negara yang bersatu padu dari segi politik, ekonomi, budaya, sosial dan wilayah dengan jati dirinya yang jelas. Dasar perpaduan nasional di negara ini adalah berdasarkan integrasi iaitu kesepaduan sosial dan integrasi nasional. Kesepaduan sosial merujuk kepada kesatuan dan kepaduan hubungan dalam kalangan pelbagai etnik di negara ini sehingga wujudnya keharmonian dan keamanan. Integrasi

nasional bermaksud usaha yang dilakukan dengan penuh sedar, melalui perekayaan sosial iaitu melalui pelbagai dasar seperti bahasa dan budaya kebangsaan untuk melahirkan masyarakat yang bersatu padu dengan identiti nasional dalam sebuah negara persekutuan.

Menyatukan pelbagai negeri dengan latar belakang demografi yang rencam dan berbeza, ditambahkan lagi dengan faktor geografi yang berbukit-bukau dan Laut China Selatan, bukan tugas yang mudah. Bagi sebuah negara pelbagai etnik, budaya dan agama, soal kesepaduan kaum amat penting bagi menjamin kestabilan sosiopolitik. Perpaduan etnik sentiasa menjadi keutamaan dan perhatian kerajaan. Kerjasama erat antara kerajaan pusat dengan kerajaan negeri, serta perhubungan rapat dan harmoni antara penduduk di pelbagai wilayah atau negeri penting untuk menjamin wujudnya kesepaduan sosial dan integrasi nasional.

## 5.7 PENGHAYATAN NILAI

- i. Masyarakat Malaysia perlu terus menyumbang kepada pembangunan tamadun bangsa Malaysia.
- ii. Menghormati set nilai yang mendasari masyarakat Malaysia dan masyarakat serantau seperti nilai hormat menghormati, menjalin keharmonian, menjaga maruah sesama kaum, mengiktiraf simbol dan ekspresi setiap ahli masyarakat.
- iii. Masyarakat perlu memahami bahawa sistem nilai yang wujud dalam masyarakat dapat menyumbang kepada tercapainya kemajuan dan pembangunan ekonomi negara.

## 5.8 KESIMPULAN

Dalam usaha kita untuk menjadi sebuah negara bangsa, pelbagai strategi, pendekatan dan dasar telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk menjadikan negara ini bukan sahaja makmur dan maju dalam semua bidang, tetapi juga mempunyai hubungan etnik yang harmoni dan bersatu padu, serta mencapai integrasi nasional di bawah sistem persekutuan. Malaysia yang kita impikan ialah sebuah negara yang menyaksikan rakyat berbilang kaum, budaya dan agama dapat hidup dalam keadaan aman dan damai. Rakyatnya memiliki kesatuan dan perpaduan yang utuh, sementara hubungan kerajaan negeri dengan kerajaan persekutuan berada dalam keadaan harmoni sesuai dengan tuntutan perlembagaan. Perpaduan kaum dan integrasi nasional merupakan tunjang kestabilan sosiopolitik di negara ini yang dapat menjamin kemajuan dan keutuhan bangsa.

## RUJUKAN

- Mukti Ali. (1976). *Filsafat Islam Tentang Sejarah: Pilihan Dari Muqqadimah Karangan Ibn Khaldun (1332-1406)*. Indonesia: Tutamas.
- Asley D & Orenstein M.D. (2005). *Sociological Theory: Classical Statements 6<sup>th</sup> Edition*. Boston: Pearson Education Inc.
- Durkheim E. (1984). *Division of Labour in Society*. New York: The Free Press
- Krause E.A., (1982). *Division of Labour: A Political Perspective*. Greenwood Press: London.
- Mahadi Abu Hassan & Khadijah Mohd Khambali. (2013)." Pengislaman Sains dan Pengaruhnya dalam Peradaban: Respons Ilmuwan Muslim Terpilih". *Journal of Human Capital Development*. Vol.6. No. 1. Hlm. 133- 150.
- Mahathir Mohamad. (1991). *Malaysia Melangkah ke Hadapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Malaysia 2017 (Jabatan Penerangan Negara)  
<https://www.malaysia.gov.my/portal/content/30110?language=malay>
- Mohd Fauzi Yaacob (penterj). (2004). *Sosiologi* . Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Ritzer G, (1996). *Sociological Theory 4<sup>th</sup> Edition*. Singapore: Mc Graw Hill International Education.
- Rosfazila Abd Rahman (2018). "Kesepadan Sosiobudaya Dalam Kepelbagaian Masyarakat Majmuk", *JAUHAR*: Jilid 3: Bil. I: Mac 2019 Hal: 44-50.
- Rosenthal F & Dawood J.J, (1967). *The Muqadimah: An Introduction to History*. London: Bollingen Foundation.
- Shamsul Amri Baharuddin (2010). *Unity in Diversity: The Malaysian Experience*. Siri Kertas Kajian Etnik UKM Bil 13. Bangi: Institut Kajian Etnik.
- Shamsul Amri Baharuddin (ed.) (2012). *Modul Hubungan Etnik, Edisi ke-2*. Bangi: Institut Kajian Etnik.

Shamsul Amri Baharuddin (2014), “Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan: Satu Negara, Satu Kata Akar, Tiga Konsep Keramat”, Ucaptama untuk ‘Persidangan Pemantapan Citra Kenegaraan: Perkongsian Pengalaman,’ anjuran bersama Institut Kajian Etnik (KITA), UKM, JPT, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), 19-21 Januari, 2014.

### **Soalan Perbincangan**

1. Jelaskan kepentingan dalam mencapai kesepaduan sosial dalam masyarakat pelbagai kaum.
2. Jelaskan strategi bagi mencapai kesepaduan sosial dalam masyarakat di Malaysia.
3. Apakah prinsip-prinsip asas kepada sebuah negara yang bersatu padu?
4. Apakah asas kepada pembinaan sebuah negara bangsa?

## BAB 6

# PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TIANG SERI ETIKA DAN PERADABAN DI MALAYSIA

Fadilah Zaini

### Objektif Pembelajaran:

Di akhir bab ini, pelajar akan dapat:

1. memahami sejarah, definisi dan konsep yang berkaitan dengan perlembagaan dan peranan perlembagaan Malaysia.
2. memahami etos nasional dalam Perlembagaan Persekutuan.

### 6.0 PENGENALAN

Perlembagaan atau undang-undang merupakan salah satu daripada lima syarat sesebuah negara itu dipanggil “negara” selain daripada perlu adanya penduduk, kerajaan, wilayah dan kedaulatan. Boleh dikatakan semua negara merdeka di dunia mempunyai perlembagaan sama ada perlembagaan bertulis atau tidak bertulis. Perlembagaan bertulis ialah seperti Perlembagaan Malaysia manakala perlembagaan

tidak bertulis seperti perlembagaan Great Britain. Perlembagaan negara Malaysia dibentuk berdasarkan sejarah yang sangat panjang berteraskan perjuangan rakyat serta kerjasama pelbagai etnik dalam menghadapi ujian getir penjajahan British. Perlembagaan Malaya dan Malaysia telah cuba sedaya upaya untuk memberi peluang kepada setiap rakyat supaya mendapat hak dalam kerukunan hidup bernegara dengan menjawai perjanjian yang mengambil kira hak dan peranan semua golongan yang bergelar pemerintah dan yang diperintah.

## **6.1 DEFINISI DAN KONSEP PERLEMBAGAAN**

Perlembagaan Malaysia merupakan undang-undang tertinggi dan ia mengandungi perkara yang menjadi asas perundangan kepada negara kita. Perlembagaan merupakan satu dokumen undang-undang bertulis yang telah dihasilkan berpandukan kepada Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 dan Perlembagaan Tanah Melayu 1957. Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu telah digubal berdasarkan tinjauan Suruhanjaya Reid melalui perbincangan dengan pelbagai kaum pada tahun 1956. Perlembagaan berkenaan berkuatkuasa pada 31 Ogos 1957, iaitu semasa kemerdekaan Tanah Melayu. Seterusnya, pada 16 September 1963 (Hari Malaysia), perlembagaan ini telah diberi nama Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Hakikatnya, tidak ada institusi awam maupun swasta yang boleh mengatasi ketertinggian Perlembagaan Malaysia. Malah, jika terdapat undang-undang persekutuan atau negeri yang bercanggah dengan perlembagaan persekutuan, ia boleh diisyiharkan tidak sah oleh mahkamah. Badan kerajaan iaitu badan-badan kerajaan Perundangan, Kehakiman, Eksekutif serta Yang di-Pertuan Agong juga tertakluk kepada Perlembagaan Malaysia. Kenyataan ini adalah berdasarkan Perkara 4 (1) dalam Perlembagaan Persekutuan yang menegaskan bahawa Perlembagaan merupakan undang-undang utama persekutuan dan segala undang-undang yang bercanggah dengan perlembagaan akan terbatal setakat mana yang berlawanan. Malah, kuasa perundangan dan kehakiman mahkamah juga tertakluk kepada sekatan yang dikenakan oleh Perlembagaan Persekutuan.

## **6.2 SEJARAH PEMBENTUKAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN**

Sejarah pembentukan Perlembagaan Persekutuan memiliki sejarah yang panjang kerana Tanah Melayu telah memiliki bentuk undang-undang yang mantap seperti Hukum Kanun Melaka, Undang-Undang Laut Melaka, dan Prasasti Terengganu yang berhubung dengan

jenayah, pentadbiran, dan urusan perniagaan. Perlembagaan bertulis yang paling awal dihasilkan di Tanah Melayu adalah pada tahun 1895, iaitu Undang-Undang Tubuh Negeri Johor diikuti dengan Perlembagaan Terengganu 1911. Perlembagaan bagi Negeri Johor sebagai contoh merupakan perlembagaan kerajaan Melayu yang lengkap. Perlembagaan tersebut memperuntukkan bahawa seorang raja hendaklah berbangsa Melayu, berdarah raja, seorang berketurunan raja-raja Johor, lelaki dan menganut agama Islam. Malah menteri-menteri juga mesti berbangsa Melayu, rakyat sultan dan menganut agama Islam. Sementara itu, dalam perkara VII pula diperuntukkan bahawa agama negeri bagi negeri Johor ialah agama Islam. Agama Islam hendaklah secara terus-menerus dan selamanya menjadi agama negeri Johor. Peruntukan ini kekal termaktub dalam Undang-Undang Tubuh Negeri-Negeri yang beraja sehingga kini dan hal ini menunjukkan negeri-negeri di Tanah Melayu telah memiliki perlembagaan yang mantap dalam proses pemerintahan negeri masing-masing.

Hakikatnya, prinsip undang-undang negeri-negeri Melayu ini tidak boleh disamakan dengan prinsip-prinsip perlembagaan moden disebabkan nilai dan struktur masyarakat pada masa dahulu berbeza dengan situasi masa kini. Maka, perlembagaan di Tanah Melayu telah bermula sejak kewujudan Hukum Kanun Melaka lagi kerana bukti ini jelas menunjukkan Tanah Melayu telah mempunyai sistem perlembagaan sebelum penjajahan kuasa Eropah ke atas Tanah Melayu.

### **6.2.1 Malayan Union**

Penjajahan British ke atas Tanah Melayu telah mengubah perlembagaan negeri-negeri di Tanah Melayu dari sebuah wilayah bebas berdaulat kepada negara yang dijajah. Bagi mengekalkan kekuasaannya di Tanah Melayu, British telah memperkenalkan perlembagaan Malayan Union. Perlembagaan ini menetapkan bahawa pentadbiran Malayan Union diketuai oleh Gabenor bagi memastikan penyelarasan dasar dan pentadbiran antara Tanah Melayu, Singapura, Brunei, Sabah dan Sarawak. Sultan-sultan cuma menjadi raja kehormat sahaja. Manakala, majlis yang membincangkan hal ehwal agama Islam akan dianggotai oleh sultan-sultan tetapi Gabenor yang menjadi pengurusinya. Perlembagaan Malayan Union juga cuba memberikan hak kerakyatan kepada golongan bukan Melayu menerusi prinsip *jus soli* yang bermaksud jika seseorang itu dilahirkan di Tanah Melayu selepas Malayan Union, seseorang itu berhak menerima kerakyatan dengan mudah. Dari segi pentadbiran, Gabenor memerintah bersama-sama dengan Majlis Penasihat sehingga dua badan tetap, iaitu Majlis Perundangan dan Majlis Mesyuarat Kerajaan dapat ditubuhkan.

Seterusnya, setelah memperoleh bidang kuasa ke atas negeri-negeri Melayu, kerajaan British melalui Perintah Malayan Union dalam Majlis 1946 dan Arahan Diraja pada 27 Mac 1946, telah mengisytiharkan Malayan Union pada 1 April 1946. Hakikatnya, Malayan Union tidak dapat bertahan lama dan menjelang Februari 1948, ia telah dibubarkan kerana mendapat tentangan yang hebat daripada orang Melayu.

Faktor-faktor yang membangkitkan penentangan masyarakat Melayu ialah:

- i. Kuasa Raja-raja Melayu dikenakan dalam urusan pentadbiran negeri dan hanya berkuasa dalam hal ehwal agama Islam, adat istiadat Melayu dan mengetuai Majlis Penasihat Melayu.
- ii. Pemberian hak kerakyatan yang sama pada kaum-kaum lain melalui prinsip *jus soli*.
- iii. Hak sama rata kepada semua warganegara tanpa mengira bangsa iaitu penduduk peribumi tidak memiliki apa-apa keistimewaan.
- iv. Cara Harold MacMichael mendapatkan tandatangan Raja-raja Melayu yang menggunakan cara paksaan dan ugutan.

Orang Melayu mula mengadakan beberapa rapat umum dan tunjuk perasaan menentang Malayan Union. Keberhasilan orang Melayu membubarkan Malayan Union memperlihatkan kejayaan orang Melayu mengembalikan semula kuasa dan martabat Raja-raja Melayu serta kedudukan istimewa orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

### **6.2.2 Persekutuan Tanah Melayu 1948**

Perlembagaan Malayan Union telah diganti dengan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948. Perlembagaan persekutuan ini memperuntukkan kerajaan pusat berkuasa dalam semua perkara yang penting secara menyeluruh tetapi pada masa yang sama ia mengekalkan autonomi negeri-negeri serta menghormati kebesaran, martabat dan bidang kuasa Raja-raja dalam hal ehwal Islam dan adat istiadat Melayu. Persekutuan Tanah Melayu telah diisytiharkan pada 1 Februari 1948 di bawah Perintah Majlis Persekutuan Tanah Melayu 1948 meliputi sembilan negeri Melayu dan dua daripada tiga Negeri-negeri Selat, iaitu Pulau Pinang dan Melaka. Singapura terpisah sebagai sebuah Tanah Jajahan Mahkota di luar Persekutuan.

Perlembagaan Persekutuan ini telah memenuhi kehendak pihak yang terlibat dalam pertikaian tentang idea penubuhan Malayan Union. Kedaulatan Raja-raja Melayu telah dikembalikan, begitu juga dengan kedudukan istimewa orang Melayu serta prinsip *jus soli* telah

digugurkan. Pembentukan persekutuan merupakan satu kejayaan kepada orang Melayu kerana mengiktiraf kedaulatan dan hak negeri-negeri yang dahulunya telah dihapuskan dalam Malayan Union. Seterusnya, Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948 telah menjadi asas bagi Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.

### **6.2.3 Kemerdekaan Merintis Kerjasama Antara Etnik**

Persekutuan Tanah Melayu telah mengeratkan kerjasama di antara etnik Melayu dan bukan Melayu. Hal ini dapat dibuktikan melalui Pilihanraya Umum 1955 yang memperlihatkan Parti Perikatan yang diterajui oleh UMNO telah mengamalkan perkongsian kuasa melalui pembahagian kerusi dalam pilihanraya ini.

Pilihanraya Umum 1955 telah membuktikan penolakan sikap perkauman dalam kalangan orang Melayu, kerana sekiranya orang Melayu mengamalkan sikap perkauman, sudah tentu mereka hanya menubuhkan kerajaan Melayu dan menggubal satu perlembagaan untuk Tanah Melayu yang merdeka bagi menjamin kekuasaan orang Melayu dengan cara yang berterusan. Namun, melalui Parti Perikatan kerjasama erat antara tiga kaum terbesar iaitu Melayu, Cina, dan India melalui UMNO, MCA, dan MIC telah menubuhkan Jawatankuasa Kerja Majlis Sementara Perikatan untuk menghadapi Pilihan Persekutuan 1955 untuk berbincang berkenaan pembahagian kerusi dan kedudukan calon mengikut parti. Hakikatnya, orang Melayu merupakan pengundi terbesar, namun UMNO telah memperuntukkan 15 kerusi untuk MCA dan 2 kerusi untuk MIC. Barisan kepimpinan UMNO telah menggesa orang Melayu agar membuang sifat perkauman dan bersedia bertolak ansur demi mencapai kemerdekaan. Oleh itu, semangat toleransi antara etnik yang tinggi telah mendorong kemenangan Parti Perikatan yang memenangi 51 kerusi daripada 52 kerusi yang dipertandingkan.

Kemenangan dalam pilihanraya ini telah merintis jalan ke arah kemerdekaan, malah usaha kemerdekaan melewati batas perkauman dan ini telah berjaya mewujudkan masyarakat yang bekerjasama dan bersatu padu. Keadaan ini telah memperlihatkan kejayaan masyarakat di Tanah Melayu menolak pandangan sempit perkauman dan bekerja keras bersama-sama ke arah menuntut kemerdekaan daripada penjajah. Kemenangan Parti Perikatan ini telah membuka jalan penubuhan satu jemaah menteri dan Tunku Abdul Rahman selaku Yang Dipertua UMNO dan Penggerusi Parti Perikatan telah dilantik sebagai Ketua Menteri Tanah Melayu yang pertama dan turut menyandang jawatan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan dibantu sepuluh menteri lain iaitu enam orang dari UMNO, tiga dari MCA, dan seorang dari MIC. Pemilihan wakil tiga etnik terbesar ini dalam kabinet menunjukkan satu kerjasama yang baik serta memberi keseimbangan etnik dalam usaha ke arah kemerdekaan yang sebenar.

#### **6.2.4 Peranan Suruhanjaya Reid dalam Penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.**

Satu Suruhanjaya telah dibentuk pada bulan Mac 1956 bagi menggubal Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Suruhanjaya ini dinamakan Suruhanjaya Reid bersempena nama pengerusinya iaitu Reid Lord dari Britain manakala ahlinya ialah Sir Ivor Jennings juga dari Britain, Sir William Mckell dari Australia, B. Malik dari India dan Hakim Abdul Malik dari Pakistan. Keahlian Suruhanjaya ini telah dipersetujui oleh Parti Perikatan dengan anggota Suruhanjaya telah dipilih oleh Penajah British tanpa melibatkan rakyat Tanah Melayu bertujuan untuk menentukan dan bertanggungjawab merangka perlembagaan yang lebih telus. Suruhanjaya ini diamanahkan untuk menggubal perlembagaan bagi Tanah Melayu yang memegang asas pemerintahan demokrasi berparlimen. Malah, suruhanjaya ini disarankan menggubal perlembagaan dengan menepati faktor berikut:

- i. Pembentukan sebuah persekutuan dengan kerajaan pusat yang kuat.
- ii. Pemeliharaan kedudukan, keistimewaan, kehormatan dan hak Raja-raja Melayu.
- iii. Pewujudan jawatan ketua negara yang bergelar Yang di-Pertuan Agong.
- iv. Pemeliharaan hak-hak istimewa orang Melayu serta hak-hak yang sah milik kaum-kaum lain.
- v. Pembentukan sebuah sistem kewarganegaraan yang seragam untuk seluruh Persekutuan Tanah Melayu.

Suruhanjaya ini juga harus mengikuti dua objektif berikut:

- i. Mestilah ada peluang sepenuhnya untuk pertumbuhan sebuah negara yang bersatu padu, bebas dan demokratik.
- ii. Mestilah ada kemudahan lengkap untuk membangunkan sumber negara dan mengekalkan serta meningkatkan taraf hidup rakyat.

Justeru, Suruhanjaya Reid telah berusaha mendapatkan pandangan pelbagai pihak dalam usaha menggubal perlembagaan. Suruhanjaya ini menerima 131 memorandum bertulis dari pelbagai pihak seperti parti-parti politik, raja-raja Melayu, persatuan-persatuan dan orang perseorangan. Memorandum yang diterima telah digunakan untuk merangka perlembagaan Tanah Melayu bagi memastikan kelancaran sistem pentadbiran. Memorandum paling penting yang digunakan oleh Suruhanjaya ini ialah memorandum dari Parti Perikatan yang

menggambarkan sikap tolak ansur yang dicapai tiga kaum terbesar untuk membentuk sistem pemerintahan Tanah Melayu. Pakatan ini dikenali sebagai Pakatan Murni iaitu tolak ansur berkaitan hal kerakyatan, agama Islam, bahasa Melayu, kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera serta kedudukan Raja-raja Melayu.

### **6.2.5 Jawatankuasa Kerja dan Perisyiharan Perlembagaan**

Satu jawatankuasa telah ditubuhkan yang dianggotai Parti Perikatan, Raja-raja Melayu dan Penjajah British meneliti cadangan Suruhanjaya Reid yang seterusnya menyediakan Kertas Putih. Laporan ini telah mengumpulkan semua semakan serta penelitian terhadap laporan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Reid. Kertas Putih yang mengandungi beberapa pindaan tersebut telah diserahkan kepada Ratu British dan Raja-raja Melayu pada bulan Februari 1957. Satu jawatankuasa kerja telah ditubuhkan yang dianggotai oleh MacGillivray berserta wakil dari Perikatan iaitu Tunku Abdul Rahman (UMNO), Datuk Abdul Razak (UMNO), Ong Yoke Lin (MCA) dan V.T Sambathan (MIC) manakala, ahli lain wakil Raja-raja Melayu ialah Mustapha Albakri (Penyimpan Mohor Besar Raja-raja), Shamsudin Nain, Tunku Ismail Tunku Yahya dan Neil Lawson. Manakala, ahli lain ialah Ketua Setiausaha Kerajaan, Sir David Watherston, Peguam Negara, T.V.A Brodie dan E.O Laird (Setiausaha). Seterusnya Draf Perlembagaan Persekutuan diisytiharkan sebagai Perlembagaan Persekutuan.

## **6.3 KANDUNGAN PERLEMBAGAAN**

Perjumpaan yang diadakan untuk mewujudkan draf perlembagaan adalah sebanyak 18 kali di Kuala Lumpur dan 13 kali di tempat lain. Draf terakhir perlembagaan disemak selama dua hari dan tidak ada perbahasan mengenainya dibuat dalam Majlis Undangan Persekutuan. Apabila Malaysia dalam peringkat rancangan, Suruhanjaya Cobold telah mengesyorkan supaya Perlembagaan Tanah Melayu dijadikan asas tetapi beberapa panduan perlu dibuat untuk disesuaikan dengan kemasukan Singapura, Sarawak dan Sabah. Bagi menyelesaikan masalah ini, Jawatankuasa Antara Kerajaan (IGC) dibentuk mengandungi jawatankuasa kecil perlembagaan, kewangan, perundangan, perkhidmatan awam dan pengurusan jabatan. Apabila pindaan dibuat, ia tidak hanya berkait dengan kedudukan negeri Borneo sahaja tetapi dibuat melibatkan negeri lain. Perlembagaan Malaysia dibahagikan kepada beberapa susunan perkara, iaitu:

BAHAGIAN 1: mempunyai empat perkara (a) nama negeri dan persekutuan (b) kemasukan wilayah baru dalam persekutuan (c) agama persekutuan dan (d) undang-undang persekutuan.

BAHAGIAN 2: kebebasan hak asasi

BAHAGIAN 3: mempunyai tiga bab tentang kewarganegaraan secara kuatkuasa undang-undang dan pendaftaran (perkara 14-22 walaupun ada yang dimansuhkan).

BAHAGIAN 4: persekutuan mengandungi Bab 1. Ketua Negara, Bab 2. Majlis raja-raja, Bab 3. pemerintah, Bab 4. Badan perundangan persekutuan.

BAHAGIAN 5: negeri-negeri ( raja, gabenor, jaminan persekutuan dan dewan negeri)

BAHAGIAN 6: perhubungan antara persekutuan dan negeri

BAHAGIAN 7: peruntukan kewangan

BAHAGIAN 8: pilihanraya

BAHAGIAN 9: kehakiman

BAHAGIAN 10: perkhidmatan awam

BAHAGIAN 11: kuasa darurat

BAHAGIAN 12: am dan pelbagai meliputi bahasa kebangsaan, ibu kota persekutuan dan perizinan kouta mengenai perkhidmatan, permit dan sebagainya untuk orang Melayu.

BAHAGIAN 12A: perlindungan tambahan kepada negeri Borneo

BAHAGIAN 13: peruntukan sementara dan perkara berkaitan dengan pewarisan harta, perjanjian antarabangsa dan sebagainya.

BAHAGIAN 14: perkecualian bagi kedudukan raja.

### **6.3.1 Hubungan Persekutuan Dan Negeri: Isu Federalisme**

Satu isu penting berhubung dengan perlembagaan Malaysia ialah hubungan antara kerajaan persekutuan dan negeri. Malaysia adalah negara tunggal di Asia Tenggara yang mempunyai sistem politik persekutuan. Oleh itu, satu isu yang penting berhubung dengan Perlembagaan Malaysia ialah hubungan persekutuan dengan negeri atau federalisme. Dalam perlembagaan Persekutuan, kuasa kerajaan negeri dalam senarai negeri manakala satu lagi senarai iaitu senarai bersama. Senarai kuasa persekutuan ialah dalam Bahagian 4, senarai kuasa negeri pada Bahagian 5 dan senarai pusat dan negeri pada Bahagian 6.

Bagi sebuah negara persekutuan, biasanya terdapat dua tahap kuasa iaitu kuasa negeri lebih kuat dari kuasa pusat atau kuasa pusat lebih kuat dari negeri. Dalam kes Malaysia, perlembagaan telah meletakkan kuasa pusat lebih kuat daripada kuasa negeri, dalam soal kewangan misalnya negeri biasanya bergantung kepada geran kerajaan pusat. Negeri yang lebih maju dan banyak sumber asli biasanya mendapat geran yang lebih.

Dari segi politik, negeri-negeri tidak mempunyai kuasa yang kuat ke atas persekutuan kerana kuasa tertentu seperti hal ehwal luar dan pertahanan dikuasai oleh Pusat. Oleh itu, walaupun negeri dikuasai oleh pembangkang, krisis atau konflik tidak membolehkannya sampai ke peringkat keluar dari persekutuan kecuali sekiranya dikehendaki oleh majoriti anggota parliment seperti yang berlaku ke atas Singapura ekoran timbulnya konflik mengenai pasaran bersama, pembahagian hasil, cukai import, dan konflik antara PAP-Perikatan dari segi undang-undang. PERKARA 4 (11) menyebutkan perlombagaan persekutuan sebagai undang-undang utama persekutuan manakala PERKARA 75 menyebutkan undang-undang negeri, jika berlawanan dengan persekutuan akan terbatal. Selain daripada itu, Yang di-Pertuan Agong juga mempunyai kuasa mengisyiharkan darurat sekiranya terdapat kuasa negeri yang mungkin menentang kuasa pusat dan dianggap mewujudkan keadaan tidak tenteram.

Dalam Jadual 6.1 terdapat tiga senarai dalam perlombagaan yang menunjukkan bidang kuasa kerajaan pusat dan kerajaan negeri. Kerajaan Pusat misalnya berkuasa ke atas hal ehwal luar negeri, pertahanan, kewangan dan pendidikan manakala kerajaan negeri berkuasa ke atas tanah, undang-undang Islam, pertanian, dan perhutanan. Selain daripada itu, terdapat bidang kuasa melibatkan negeri dan pusat seperti kebijakan sosial dan biasiswa.

Dari segi pemerintahan negeri, sultan dan Yang di-Pertuan Negeri adalah ketua kerajaan negeri. Selain daripada mempunyai ketua kerajaan, negeri juga mempunyai perlombagaannya sendiri. Kerajaan negeri juga mempunyai kuasa eksekutif biasanya dikenali sebagai exco yang bertanggungjawab ke atas pentadbiran awam negeri. Beberapa negeri di Malaysia mempunyai pegawai tadbir negerinya sendiri tanpa melibatkan pelantikan oleh pentadbiran awam kerajaan pusat. Kuasa membuat dasar dan undang-undang di peringkat negeri pula dibuat melalui Majlis Undangan Negeri. Sistem ini memungkinkan sebuah kerajaan negeri dikuasai oleh sebuah parti politik yang berbeza dari kerajaan pusat. Bagaimanapun, terdapat saling hubung kait antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri.

**Jadual 6.1:** Senarai Kuasa Pusat dan Negeri

No.	PERSEKUTUAN	NEGERI	BERSAMA
1	Hal ehwal luar negeri	Undang-undang Islam	Kebajikan sosial
2	Pertahanan	Tanah	Biasiswa
3	Keselamatan dalam negeri	Pertanian dan perhutanan	Taman Negara
4	Pentadbiran keadilan	Kerajaan tempatan	Perancangan Bandar dan Negara
5	Kerakyatan Negara	Perkhidmatan tempatan	Penjagaan haiwan
6	Pilihanraya Negara	Kerajaan negeri	Kesihatan dan kebersihan awam
7	Kewangan	Hari cuti negeri	Parit dan tali air
8	Perniagaan, perdagangan dan perusahaan	Undang-undang negeri dan lain-lain	Pemulihan
9	Perkapalan,pelayaran dan perikanan	Kastam tempatan	Perkapalan
10	Perhubungan dan pengangkutan	Pelabuhan	Air dan elektrik
11	Kerja raya dan tenaga pusat	Jabatan ukur tanah	Derma
12	Jabatan ukur, penyelidikan dan lain-lain	Perpustakaan, muzium dan lain-lain	Hiburan awam
13	Pelajaran	-	-
14	Kesihatan	-	-
15	Keselamatan,buruh dan sosial	-	-
16	Orang asli (kebajikan)	-	-
17	Hal-hal lain termasuk cuti kebangsaan, akhbar dan penapisan, amanah, kemajuan, syarikat kerjasama dll	-	-

Kemasukan Sabah dan Sarawak ke dalam Persekutuan Malaysia melibatkan hubungan antara persekutuan dan negeri. Dibandingkan dengan negeri-negeri asal dalam persekutuan, kedua negeri ini mempunyai kuasa autonomi yang lebih dalam beberapa perkara. Perkara-perkara yang terlibat ialah senarai perundangan (Jadual 9). Dari segi imigrasi, negeri Borneo berhak mengenakan sekatan tertentu, hal ehwal tanah (kuasa pusat berhak ke atas negeri untuk tujuan persekutuan tetapi tidak di Borneo), tanah rizab Melayu (di Borneo tanah rizab bumiputera), majlis tanah Negara (negeri Borneo tidak perlu mematuhi keputusan MTN begitu juga Majlis Negara bagi kerajaan tempatan), rancangan pembangunan (tidak boleh dilaksanakan tanpa persetujuan Yang di-Pertuan Negeri). Perkara-perkara lain ialah berkaitan dengan agama rasmi (agama rasmi Negara ialah Islam tetapi tidak di Borneo), Kehakiman (Borneo mempunyai hakim tingginya sendiri), bahasa kebangsaan (Bahasa Inggeris digunakan selama 10 tahun selepas kemasukan ke dalam persekutuan) dan kedudukan bumiputera (sama seperti perkara 153 bagi kedudukan orang Melayu di semenanjung). Bagaimanapun, dalam hal pindaan perlombagaan Yang di- Pertuan Agong tetap berkuasa di semua negeri dan begitu juga perkhidmatan awam persekutuan.

#### **6.4 FUNGSI PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TIANG SERI ETIKA DAN PERADABAN**

Perlombagaan Malaysia adalah penting kerana ianya sebagai tiang seri kepada etika dan peradaban negara Malaysia. Perjanjian taat setia sebagai kontrak sosial yang menjadi asas kepada perundangan dan keamanan negara.

##### **6.4.1 Mengelakkan penyalahgunaan kuasa oleh mana-mana pihak serta menjamin keadilan, kesepakatan dan kepentingan bersama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.**

Kedaulatan undang-undang adalah falsafah negara yang penting, berada pada kedudukan keempat dalam Rukun Negara Malaysia selepas Kepercayaan kepada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara dan Keluhuran Perlombagaan. Kedaulatan undang-undang membawa prinsip bahawa semua orang dan institusi tertakluk dan bertanggungjawab kepada undang-undang yang sedang berkuatkuasa. Keadilan yang diasaskan atas kedaulatan undang-undang ialah apabila setiap rakyat sama tarafnya di sisi undang-undang negara. Kebebasan asasi terjamin bagi semua warganegara Malaysia dan undang-undang negara berasaskan kepada Perlombagaan. Prinsip utama dalam kedaulatan undang-undang ialah

semua orang perlu mematuhi undang-undang kerana bukan sahaja rakyat terikat dengan undang-undang tetapi juga kerajaan.

Di samping itu, prinsip kedaulatan undang-undang turut menekankan akauntabiliti kerajaan, akses yang sama kepada sistem pengadilan, badan kehakiman yang cekap dan undang-undang yang jelas, undang-undang umum yang stabil dan perlindungan hak asasi manusia. Perlembagaan Persekutuan membahagikan kuasa untuk menggubal undang-undang di antara Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN). Perlembagaan menyatakan jenis undang-undang yang boleh digubal oleh Parlimen dan jenis undang-undang yang boleh digubal oleh DUN. Terdapat tiga senarai dalam Perlembagaan. 'Senarai Persekutuan' menyenaraikan perkara-perkara yang terletak di bawah kuasa Parlimen. 'Senarai Negeri' menyenaraikan perkara-perkara yang terletak di bawah kuasa DUN. 'Senarai Bersama' menyenaraikan perkara-perkara yang Parlimen dan DUN boleh gubal undang-undang. Antara perkara yang tersenarai di bawah Senarai Persekutuan ialah hubungan luar seperti perjanjian antarabangsa, pertahanan, keselamatan dalam negeri, undang-undang dan tatacara sivil dan jenayah termasuk bidang kuasa dan kuasa mahkamah (kecuali Mahkamah Syariah negeri), rahsia rasmi, undang-undang Islam dan peribadi yang lain bagi tujuan undang-undang Persekutuan dan kewarganegaraan Malaysia. Ia juga termasuk perkara seperti kewangan, perdagangan dan perindustrian termasuk import dan eksport, perkapalan termasuk pelabuhan, perhubungan dan pengangkutan, pendidikan, perubatan dan kesihatan, kebijakan orang asli, pelancongan, buruh dan keselamatan sosial.

Bagi Senarai Negeri pula, ia termasuk undang-undang Islam dan undang-undang peribadi dan keluarga bagi individu yang menganut agama Islam, mewujudkan Mahkamah Syariah, tanah, pertanian dan hutan, kerajaan tempatan, pihak berkuasa tempatan, pemilihan kerajaan tempatan, pasar dan pelesenan teater, pawagam dan tempat-tempat hiburan awam, kerja raya negeri dan air (kecuali pembekalan dan perkhidmatan air) serta cuti negeri. Senarai Bersama membenarkan Parlimen dan DUN menggubal undang-undang untuk perkara yang sama. Asalkan undang-undang tersebut tidak berlapik atau bercanggah, ia boleh terus wujud dan beroperasi bersama. Tetapi, sekiranya ada percanggahan bagi perkara bawah senarai tersebut, undang-undang Parlimen menjadi undang-undang yang harus dipatuhi. Senarai Bersama ini termasuk kebijakan awam, biasiswa, perlindungan haiwan liar dan taman-taman negara, perancangan bandar dan luar bandar, kesihatan awam, perparitan dan irigasi, budaya dan sukan serta perumahan dan peruntukan kemudahan perumahan.

Secara amnya, jika sesuatu perkara itu dalam Senarai Negeri, Parlimen tidak boleh gubal undang-undang mengenainya. Tetapi, ada situasi di mana Parlimen boleh gubal undang-undang berkenaan dengan perkara dalam Senarai Negeri. Situasi-situasi tersebut termasuklah sekiranya ada pengisytiharan darurat atau penyelarasan undang-undang negeri. Kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa eksekutif ke atas semua perkara yang Parlimen boleh gubal undang-undang. Kerajaan-kerajaan negeri mempunyai kuasa eksekutif ke atas semua perkara yang DUN boleh gubal undang-undang. Justeru, Perlembagaan adalah penting untuk memastikan kesepakatan dan kepentingan bersama antara kerajaan pusat dan negeri bagi mengelakkan penyelewengan kuasa dan menegakkan keadilan dalam pemerintahan.

**6.4.2 Menjamin keutuhan dan kedaulatan negara kerana dengan adanya perlembagaan negara, rakyat dapat berpegang kepada satu undang-undang yang diamalkan dan dihormati bersama untuk memastikan kewujudan sebuah negara yang berdaulat.**

Perlembagaan boleh menjamin keutuhan dan kedaulatan sesebuah negara. Ia merupakan undang-undang tertinggi yang perlu dipatuhi dalam menentukan hala tuju sesebuah negara. Tanpa perlembagaan rakyat sesebuah negara tidak dapat menumpukan sepenuh perhatian dan taat setia mereka dalam mendirikan sebuah negara yang makmur dan utuh. Semangat nasionalisme tidak akan wujud dalam kalangan rakyat yang tidak memikirkan dan mencintai negara mereka. Apabila semangat ini tidak terdapat dalam diri rakyat, maka tidak akan wujud semangat patriotisme dalam jiwa sebagai satu syarat untuk menyumbangkan tenaga terhadap pembangunan negara. Apabila sesebuah negara tidak mempunyai kekuasaan yang teguh, pemerintahan yang kuat, musuh dengan mudah mengambil alih kerajaan atau tampuk pemerintahan negara. Jadi dengan adanya perlembagaan negara, rakyat dapat berpegang kepada satu undang-undang yang diamalkan dan dihormati bersama untuk memastikan kewujudan sebuah negara yang berdaulat.

**6.4.3 Memberikan jaminan terhadap hak asasi dan kebebasan rakyat dan keadilan sosial untuk semua kaum di negara ini, apabila rakyat mendapat jaminan undang-undang bahawa tidak ada unsur-unsur diskriminasi dalam kalangan mereka.**

Dengan adanya perlembagaan rakyat mendapat jaminan undang-undang bahawa tidak akan ada unsur-unsur diskriminasi di kalangan

mereka. Pembahagian kuasa dinyatakan secara jelas dalam perlembagaan antara rakyat dengan pemerintah serta badan perundangan telah memisahkan antara satu sama lain daripada melakukan penindasan dan salah guna kuasa. Tidak ada pihak mendapat keistimewaan dari segi undang-undang, sebaliknya semua orang harus menghormati dan mematuhi perlembagaan negara. Sikap ini boleh membantu mewujudkan perpaduan di kalangan rakyat sebagai syarat untuk membolehkan mereka hidup aman damai.

**6.4.4 Menjamin kestabilan negara walaupun pada dasarnya perlembagaan boleh dipinda, namun ia tidak boleh dilakukan dengan sewenang-wenangnya.**

Dengan adanya perlembagaan sebagai undang-undang tertinggi negara, pihak-pihak yang bertentangan antara satu sama lain boleh menjadikan ia sebagai sumber rujukan untuk menyelesaikan masalah yang timbul. Keadaan tegang akibat daripada perasaan tidak puas hati dapat dielakkan jika rakyat diwajibkan menurut dan menghormati apa yang tercatat di dalam perlembagaan. Masalah ketidakfahaman boleh diselesaikan dengan tenang berdasarkan undang-undang yang telah sedia ada di dalam perlembagaan. Apabila semua pihak yang bertentangan duduk membincangkan masalah mereka secara bersama, maka masalah yang mungkin timbul tidaklah begitu sukar diselesaikan. Justeru itu, dengan adanya perlembagaan sebagai sumber rujukan utama dari segi perundangan ia dapat menyesuaikan konflik yang berlaku di dalam sesebuah negara dengan lebih mudah.

**6.4.5 Mengkalkan keamanan dalam negara serta memastikan bahawa sebarang perubahan pucuk pimpinan yang berlaku selepas proses pilihanraya tidak akan menyebabkan sebarang kesan ke atas negara mahupun corak pemerintahan.**

Perubahan pucuk pimpinan yang berlaku selepas proses pilihan raya tidak akan menyebabkan sebarang kesan ke atas negara mahupun corak pemerintahan. Ini kerana setiap pemimpin dari parti politik yang menang mestilah mempunyai cita-cita atau konsep yang sama dalam mengendalikan negaranya. Mereka sepatutnya memerintah negara dengan tujuan yang sama sebagaimana pemimpin-pemimpin terdahulu yang memerintah. Oleh itu, walaupun terdapat pertukaran pemimpin, tujuan pemerintahan tidak akan terkeluar daripada maksud berusaha memenuhi kehendak dan aspirasi rakyat serta memastikan negara berada pada landasan yang betul bagi menjadi negara yang

makmur dan maju. Kerajaan yang bertukar tidak akan mengganggu prinsip asas keharmonian dan kemajuan negara. Seharusnya, perubahan pucuk pimpinan membawa perubahan yang lebih positif ke arah membentuk negara yang aman damai dan berjaya serta maju berteraskan acuan sendiri.

## **6.5 ETOS NASIONAL DALAM PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN**

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, etos bermaksud sifat ciri sesuatu bangsa, budaya, era, yang benar-benar mencerminkan aspirasi, falsafah masyarakat dan negara kita. Justeru, unsur-unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan menjadi unsur penting yang dapat menjelaskan tentang keunikan, mencerminkan aspirasi serta falsafah masyarakat negara kita yang berbilang etnik dan berlainan agama dan kepercayaan. Unsur-unsur tradisi dalam konteks perlembagaan membawa maksud sistem tradisi merujuk kepada sistem yang wujud sebelum kedatangan zaman moden, iaitu sebuah sistem yang kesahannya bergantung kepada agama dan nilai-nilai asal lainnya.

Unsur-unsur tradisi telah wujud dalam kerajaan awal di Tanah Melayu sebelum kewujudan Perlembagaan Persekutuan 1957. Hakikatnya, unsur-unsur tradisi ini memainkan peranan menstabilkan sistem politik negara. Malah, laporan yang dibuat oleh Suruhanjaya Reid menekankan betapa pentingnya perlembagaan turut memberi penekanan terhadap faktor-faktor sejarah, tradisi, ekonomi dan sosial yang wujud sebelum tahun 1957. Kepentingan unsur-unsur tradisi ini dilindungi dan dianggap sensitif serta dilarang menjadikan isu perbincangan awam. Justeru, rakyat Malaysia beranggapan bahawa, unsur-unsur ini penting kerana perkara ini menjadi identiti dan mengekalkan kestabilan negara.

Hakikatnya, unsur-unsur tradisi ini menjadi etos nasional serta menjadi syarat kepada permuafakatan etnik Melayu dan bukan Melayu yang membawa maksud bahawa hak istimewa orang Melayu, Islam sebagai agama persekutuan dan bahasa Melayu diterima sebagai bahasa kebangsaan. Hal ini menjadi syarat pemberian hak kewarganegaraan kepada etnik bukan Melayu untuk menjadi seorang warganegara. Oleh itu, keadaan ini menunjukkan pemimpin pada zaman kemerdekaan telah menemui satu formula untuk menyelesaikan isu perlembagaan tanpa mewujudkan konflik etnik.

### 6.5.1 Pemerintahan Beraja

Kesultanan Melayu telah menjadi unsur paling penting dalam sistem politik ekonomi dan sosial rantau ini. Sistem beraja yang diamalkan memperuntukkan raja memiliki kuasa mutlak serta dibantu oleh para pembesar yang dilantik. Namun, setelah kedatangan penjajah British kuasa sultan mulai tergugat apabila sultan perlu menerima nasihat dari Presiden dan Penasihat British. Namun, setelah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan 1957 pemerintahan beraja disesuaikan dengan konsep demokrasi berparlimen dan Raja Berperlembagaan. Raja Berperlembagaan bermaksud raja-raja menerima nasihat dari menteri-menteri iaitu di peringkat pusat Yang di-Pertuan Agong melaksanakan tugas dengan nasihat kabinet manakala raja atau sultan di peringkat negeri melaksanakan tugas dengan nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan. Hakikatnya, Yang di-Pertuan Agong bagi Malaysia dipilih dari sembilan raja-raja Negeri Melayu berdasarkan konsep Raja Berperlembagaan yang merupakan pemerintah persekutuan dan Ketua Angkatan Tentera Persekutuan.

Perlembagaan Malaysia melindungi institusi beraja ini melalui Perkara 38 (4) yang memperuntukkan tiada pindaan boleh dibuat terhadap peruntukan berhubung dengan Majlis Raja-raja, susunan keutamaan dan hak-hak mereka untuk warisan negeri masing-masing tanpa persetujuan Majlis Raja-raja. Hakikatnya, tidak ada undang-undang yang boleh menyentuh keistimewaan, kedudukan, kemuliaan dan kebesaran raja-raja tanpa persetujuan Majlis Raja-raja. Keadaan ini menunjukkan bahawa Perlembagaan Malaysia memelihara kedudukan Raja Berperlembagaan kerana Yang di-Pertuan Agong merupakan lambang perpaduan rakyat Malaysia. Etnik Melayu, Cina, India, bumiputera Sabah dan Sarawak serta bangsa-bangsa lain mesti percaya bahawa baginda sebagai pemelihara kepentingan dan etnik. Keadaan ini kerana perlembagaan telah memperuntukkan bahawa telah menjadi tanggungjawab dan amanah Yang di-Pertuan Agong untuk memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak serta kepentingan sah kaum lain.

Malah, Raja Berperlembagaan bertanggungjawab menjaga agama Islam serta sebarang pindaan yang ingin dibuat terhadap agama Islam perlu mendapat persetujuan majlis raja-raja Melayu. Malah, Yang di-Pertuan Agong juga merupakan lambang keadilan dan kesaksamaan kerana baginda yang melantik semua hakim Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Tinggi atas nasihat Perdana Menteri setelah berunding dengan Majlis Raja-raja. Seterusnya, pelantikan juruaudit Negara, pengurus dan ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya dan

Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Jawatan-jawatan ini penting dalam menjaga hak rakyat dengan sikap berkecuali iaitu tidak memihak kepada individu maupun kerajaan sendiri. Baginda juga boleh dianggap sebagai tonggak kehormatan kerana baginda diberi kuasa untuk mengurniakan penghormatan, pingat dan bintang kepada pihak berkenaan yang telah memberikan khidmat cemerlang kepada negara tanpa mengira batasan etnik.

### **6.5.2 Agama Islam**

Agama Islam dalam perlumbagaan terkandung dalam Perkara 3 dan sewajarnya dibaca bersama-sama dengan Perkara 12, 121, 150 dan kedudukan Yang di-Pertuan Agong dalam hal ehwal agama Islam. Keadaan ini menunjukkan bahawa Agama Islam mempunyai kedudukan istimewa. Walau bagaimanapun, agama-agama lain tetap diberi perlindungan dan boleh diamalkan. Perlumbagaan Persekutuan telah mengiktiraf Malaysia sebagai sebuah negara Islam dan agama Islam berada di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, kebebasan beragama dan undang-undang yang menghalang penyebaran mana-mana kepercayaan dalam kalangan orang Islam. Perlumbagaan telah menjamin keistimewaan agama Islam.

Menjamin keistimewaan Agama Islam seperti berikut:

1. Perkara 160 memberi definisi Melayu sebagai seorang beragama Islam, lazim bercakap bahasa Melayu dan menurut adat istiadat Melayu. Oleh itu, Melayu dan Islam ialah unsur yang saling berkait dan tidak boleh dipisahkan.
2. Yang di-Pertuan Agong dilantik dalam kalangan raja di negeri-negeri Melayu dan dalam setiap perlumbagaan negeri mensyaratkan seorang raja mesti berbangsa Melayu, beragama Islam dan keturunan raja.
3. Yang di-Pertuan Agong semasa sumpah memegang jawatan baginda mengangkat sumpah dengan didahului oleh lafaz Wallahi, Wabillahi, Watallah yang merupakan lafaz sumpah yang dikehendaki dalam agama Islam. Sumpah ini dikaitkan dengan janji baginda untuk memelihara kesucian dan kemuliaan agama Islam.
4. Yang di-Pertuan Agong mengikut peruntukan Perkara 3 (3) ialah ketua agama Islam di negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan juga Wilayah Persekutuan yang tidak mempunyai raja.
5. Raja dan sultan di negeri-negeri yang beraja ialah ketua agama Islam bagi negeri masing-masing yang menjalankan tugas sebagai ketua agama Islam, mereka mempunyai budi bicara dan tidak terikat dengan nasihat Majlis Mesyuarat Negeri (EXCO).

6. Menjadi tanggungjawab Yang di-Pertuan Agong untuk melindungi hak istimewa orang Melayu seperti yang termaktub dalam Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan. Oleh kerana Melayu dan Islam ialah dua entiti yang tidak boleh dipisahkan, maka tugas menjaga hak-hak istimewa orang Melayu juga termasuk menjaga dan melindungi agama Islam.
7. Walaupun dalam keadaan darurat, kedudukan agama Islam tidak boleh dipinda dan perkara ini kekal terjamin.
8. Sah bagi kerajaan, sama ada kerajaan pusat atau negeri memperuntukkan sejumlah wang bagi pembangunan Islam di Malaysia.
9. Peruntukan Islam terjamin dalam keadaan mana sekalipun kerana untuk memindanya memerlukan sokongan majoriti ahli parlimen dan perkenan Yang di-Pertuan Agong.
10. Undang-undang negeri boleh menyekat apa-apa penyebaran dalam kalangan orang Islam mengenai agama selain daripada Islam.
11. Bidang kuasa Mahkamah Syariah terpisah daripada Mahkamah Sivil yang menunjukkan pengiktirafan kepada Mahkamah Syariah.

### **6.5.3 Bahasa Melayu**

Bahasa Melayu telah diperuntukkan sebagai bahasa kebangsaan yang diguna pakai dalam berkomunikasi atau disebut sebagai bahasa pertuturan. Pernyataan ini telah dibincangkan dalam perlembagaan melalui Perkara 152. Walau bagaimanapun, bahasa-bahasa lain tetap dilindungi dan perlembagaan telah memperuntukkan bahawa tiada sesiapa pun yang boleh dilarang atau ditahan sekiranya mempelajari atau mengajar bahasa lain. Peruntukan menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara adalah bertujuan untuk menyatu padukan rakyat pelbagai etnik yang terdapat di Malaysia. Hasil persetujuan dalam perlembagaan, bahasa Melayu diangkat sebagai bahasa kebangsaan seperti yang termaktub dalam perkara 152 Perlembagaan Persekutuan.

Malah, Bahasa Melayu mendapat keistimewaan dalam perlembagaan melalui Peruntukan Perkara 150 (6A) iaitu walaupun dalam keadaan darurat Bahasa Melayu tetap dilindungi martabatnya sebagai bahasa kebangsaan. Seterusnya, perkara 10(4) pula meneguhkan lagi kedaulatan Bahasa Melayu apabila isu kedaulatannya dianggap sebagai perkara sensitif yang dilarang untuk dibahaskan secara terbuka demi memelihara ketenteraman awam dan

menjaga keselamatan. Tambahan lagi, sebarang rombakan tentang kedudukan Bahasa Melayu mesti mendapat sokongan 2/3 dewan dan perkenan Majlis Raja-raja yang termaktub dalam perkara 159 (5) yang bertujuan mengukuhkan dan memelihara martabat Bahasa Melayu.

Akta Bahasa Kebangsaan melalui Seksyen 4 pula menegaskan kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri kecuali bagi tujuan-tujuan hubungan diplomatik dan latihan untuk pakar asing. Justeru, Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan serta keadilan tidak meminggirkan bahasa etnik lain untuk diamalkan bertujuan menyatu paduan pelbagai etnik melalui penggunaan satu bahasa yang sama sebagai bahasa perantaraan bagi memupuk semangat kerjasama dan mencetuskan suasana harmoni di Malaysia.

#### **6.5.4 Kedudukan Istimewa Orang Melayu**

Peruntukan bagi hak keistimewaan orang Melayu dalam perlombagaan bukan sahaja setakat dalam Perkara 153, tetapi juga terangkum dalam Perkara 8(5e), Perkara 89 dan 90 dan Jadual 13. Hakikatnya, jika merujuk takrif Melayu, sangat luas dan dalam pengertian sejarah dan sosiobudaya, Melayu ialah mereka yang mendiami kepulauan Melayu yang terdapat pelbagai suku bangsa, bahasa dan loghat, namun ahli-ahli bahasa dan budaya menganggap Melayu sebagai satu kumpulan yang sama, iaitu keturunan Melayu.

Jika merujuk kepada Perlombagaan Persekutuan, orang Melayu ditakrifkan dalam Perkara 160 (2) sebagai seseorang yang menganut agama Islam, lazimnya bercakap dalam bahasa Melayu, menurut adat istiadat Melayu, dan:

- a. Lahir sebelum Hari Merdeka di Persekutuan atau di Singapura atau ibu atau bapanya telah lahir di Persekutuan atau di Singapura atau pada Hari Merdeka itu ia adalah berdomisil di Persekutuan atau di Singapura atau
- b. Ia adalah keturunan seseorang yang tersebut.

Terdapat beberapa perkara yang boleh dibincangkan dalam peruntukan tersebut:

- i. Untuk menjadi seorang Melayu bagi maksud perlombagaan tidaklah semestinya seseorang itu berketurunan Melayu. Umpamanya, seorang Arab atau India boleh dianggap sebagai Melayu sekiranya ia menganut agama Islam, menjadi kelazimannya bertutur dalam bahasa Melayu dan mengamalkan adat Melayu. Sebaliknya, walaupun dia seorang Melayu jati daripada keturunan Melayu sekalipun, bagi maksud perlombagaan ia bukan Melayu jika bukan beragama Islam.

- ii. Untuk menjadi seorang Melayu bagi maksud perlembagaan, seseorang mestilah mempunyai sedikit sebanyak hubungan dengan Persekutuan Tanah Melayu atau Singapura. Oleh itu, seorang Indonesia yang menganut Islam, kebiasaannya bertutur dalam bahasa Melayu dan mengamalkan adat Melayu, bukanlah seorang Melayu bagi maksud perlembagaan jika dia dilahirkan sebelum Hari Merdeka di Persekutuan atau Singapura atau dia keturunan seseorang yang tersebut.

Peruntukan orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan disentuh dalam perkara berikut:

Pertama, Perkara 153. Perkara ini menjelaskan bahawa adalah menjadi tanggungjawab Yang di-Pertuan Agong untuk menjamin kedudukan istimewa orang Melayu dan juga melindungi hak kaum lain.

Yang di-Pertuan Agong atas nasihat kerajaan boleh memberi peruntukan kepada orang Melayu beberapa bahagian yang difikirkan patut dalam perkara-perkara berikut:

- i. Menentukan suatu kadar bilangan jawatan dalam perkhidmatan awam.
- ii. Menentukan kadar perizaban permit dan lesen bagi menjalankan sebarang perniagaan atau pekerjaan.
- iii. Menentukan kadar perizaban dalam biasiswa, bantuan dan keistimewaan pelajaran dan latihan atau kemudahan khas yang diberikan atau diadakan oleh kerajaan.

Kedua, Perkara 89, yang menyentuh tentang tanah rizab Melayu seperti berikut:

- i. Tanah Rizab Melayu terus menjadi tanah rizab Melayu selepas merdeka.
- ii. Mana-mana tanah yang bukan tanah rizab Melayu boleh diisyiharkan sebagai tanah rizab Melayu mengikut undang-undang.
- iii. Kerajaan negeri boleh mengambil tanah untuk menempatkan orang Melayu dan bukan Melayu.
- iv. Jika tanah tersebut telah dimiliki oleh orang bukan Melayu, maka tanah rizab Melayu tidak boleh diisyiharkan.

Ketiga, Perkara 90 pula menyentuh mengenai pengecualian undang-undang yang ada berkenaan tanah adat di Negeri Sembilan dan Melaka serta undang-undang yang ada di Terengganu mengenai tanah pegangan orang Melayu.

Keempat, Perkara 8 (5) (f) pula menjelaskan bahawa kemasukan untuk perkhidmatan Rejimen Askar Melayu di-Raja hanya diperuntukkan kepada orang Melayu. Namun, kemasukan ke rejimen tentera yang lain adalah terbuka kepada semua etnik di Malaysia dan tiada sekatkan dikenakan.

Kelima, Jadual 13 dalam perlumbagaan pula menjelaskan bahawa empat prinsip yang perlu dipatuhi sebelum penentuan atau penyemakan semula sempadan pilihanraya dibuat. Keempat-empat tersebut ialah:

- i. Sebuah kawasan hendaklah jangan melintasi sempadan negeri dan dipertimbangkan kesukaran yang akan timbul jika kawasan dewan undangan negeri meliputi Dewan Rakyat.
- ii. Perlunya dipertimbangkan segala kemudahan yang ada dalam berkenaan bagi pendaftaran pengundi.
- iii. Ditetapkan juga bahawa jumlah pengundi bagi tiap-tiap kawasan pilihanraya hendaklah sama. Namun, perlumbagaan juga menetapkan bahawa kawasan luar bandar hanya separuh daripada jumlah pengundi bagi sesebuah kawasan pilihanraya di bandar diperlukan.

## 6.6 PENGHAYATAN NILAI

Antara penghayatan dan penerapan etika dalam menghayati Perlembagaan Persekutuan sebagai tiang seri etika dan peradaban di Malaysia adalah seperti berikut:

1. Menghayati sejarah Perlembagaan Persekutuan sebagai perundangan tertinggi negara.
2. Memahami definisi dan konsep Perlembagaan Persekutuan agar lebih menghargai kewujudan dan kepentingan perlembagaan sebagai agen penyatuan.
3. Menghormati dan menjunjung tinggi perjanjian kontrak sosial yang telah dipersetujui agar keharmonian kaum dapat dikekalkan dalam konteks negara maju dengan acuan sendiri.
4. Memahami sejarah dan kangungan perlembagaan supaya sikap bertolak ansur dan bekerjasama dapat dikekalkan demi kemajuan dan keharmonian hidup bermasyarakat dalam konteks negara berbilang kaum.
5. Berbangga menjadi bangsa Malaysia yang menghayati etos nasional yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan dan berusaha mempertahankannya.

## 6.7 KESIMPULAN

Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang ada pada masa kini berasaskan kepada perjanjian dan persefahaman antara pelbagai kaum sejak sebelum negara kita mencapai kemerdekaan lagi. Ianya telah mengambil kira kepentingan pelbagai kaum, termasuklah kepentingan penduduk asal Tanah Melayu iaitu kaum Melayu serta bumiputera Sabah dan Sarawak. Hak-hak mereka perlulah dipertahankan kerana mereka telah pun bertolak ansur dengan kaum-kaum lain dengan memberikan hak kewarganegaraan yang sama rata kepada kaum-kaum lain. Setiap individu haruslah mengenang kembali sejarah negara kita sebelum cuba untuk mempertikaikan perjanjian yang telah dipersetujui oleh nenek moyang kita yang terdahulu. Oleh itu, dengan memahami sejarah, maka kita akan dapat lebih bertolak ansur serta menerima perlembagaan tersebut dengan hati yang terbuka. Keadaan ini akan dapat mengekalkan keamanan dan kestabilan dalam negara Malaysia yang kita cintai. Perlembagaan Persekutuan memperakui dan menerima bentuk pembinaan negara bangsa Malaysia yang dipersetujui oleh negarawan kemerdekaan negara antaranya, Tunku Abdul Rahman, Tun Tan Cheng Loke dan Tun V T Sambanthan. Perlembagaan itu dipegang sebagai etos nasional yang menjadi panduan hidup bernegara dalam aman damai dan bersatu padu.

Sarjana Inggeris, J S Furnival (1948) menyatakan bahawa sebuah negara majmuk seperti Malaysia pasti tidak akan menjadi stabil oleh kerana setiap kumpulan etnik hidup terpisah, terasing dan terputus. Jelas, tesis Furnival ini meleset apabila selepas merdeka, Dasar Ekonomi Baharu (DEB) telah mengubah pemecahan dan pekerjaan mengikut etnik. Pembangunan berlaku dengan pelaksanaan DEB sehingga membawa perubahan sosial dan transformasi masyarakat melalui proses perubahan sektor kerja dari sektor pertanian kepada sektor komersial dan industri. Maka dahulu wujud golongan miskin, sekarang muncul kelas menengah dan negara bersifat kekampungan kini menjadi kosmopolitan.

Perubahan sosial dan transformasi masyarakat telah membina budaya moden dalam kalangan rakyat Malaysia. Walaupun wujudnya kepelbagaiannya bangsa, rakyat masih berbangga dengan identiti etnik masing-masing berteraskan ruang sivik yang semakin melebar dengan mengutamakan kestabilan, kemajuan, keadilan, keterangkuman, kebebasan, hak dan demokrasi. Pendapat awam dimiliki mereka lebih berbentuk persamaan dari perbezaan. Mereka berhubungan bukan dengan mengambil dimensi etnik dan agama yang memisahkan mereka tetapi bersifat mendatar dipengaruhi oleh nilai sivik sepunya. Keadaan ini menggambarkan masyarakat Malaysia hari ini bukan sebuah masyarakat majmuk tetapi sebuah masyarakat yang rencam. Kajian menunjukkan kesepadan sosial dan etos bangsa terbina dengan baik di negara ini. Keharmonian ini telah menstabilkan negara hingga kemajuan negara terjamin. 129

## **RUJUKAN**

Abdul Aziz Bari (2013). *The Monarchy and The Constitution in Malaysia*. Kuala Lumpur : Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS).

Fuziah Shaffie & Ruslan Zainudin (2000). *Sejarah Malaysia*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.

Shamsul Amri Baharuddin (2012). *Modul Hubungan Etnik*. Bangi:Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nazaruddin Mohd Jali, Ma'rof Redzuan, Asnarulkhadi Abu Samah, & Ismail Mohd Rashid (2001). *Pengajian Malaysia: Kenegaraan dan Kewarganegaraan*. Petaling Jaya: Prentice Hall.

Kamus Dewan Edisi Keempat (2005). Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Mansor Mohd Noor, Abdul Rahman Abdul Aziz & Mohamad Ainuddin Iskandar

Lee (2006). *Hubungan Etnik di Malaysia*. Petaling Jaya: Prentice Hall.

### **Soalan Perbincangan:**

1. Bincangkan etos nasional dalam Perlembagaan Persekutuan.
2. Bincangkan peranan kontrak sosial dalam penyatuan masyarakat berbilang kaum di Malaysia.

## BAB 7

# PENERAPAN ETIKA DAN PERADABAN DALAM BUDAYA DAN KOMUNIKASI KONTEMPORARI

Suaibah Abu Bakar

### Objektif Pembelajaran

Di akhir bab ini, pelajar akan dapat:

1. memahami konsep penerapan etika dan peradaban dalam konteks budaya dan komunikasi kontemporari.
2. memahami kepentingan amalan kebebasan bersuara dalam konteks Malaysia.
3. menghuraikan konsep hiburan hedonistik dunia global hari ini.
4. membina kefahaman tentang konsep media massa, elektronik, cetak dan siber.
5. memahami konsep etika dalam penggunaan media komunikasi.

## 7.0 PENGENALAN

Amalan kebebasan bersuara dan hak asasi manusia merupakan asas yang menjadi pegangan dalam sesebuah negara yang mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi termasuk Malaysia. Konsep kebebasan bersuara biasanya berhubung kait dengan sesuatu isu yang berkaitan dengan kehidupan masyarakat yang merangkumi semua aspek kehidupan seperti pemerintahan, keadilan, sosial ekonomi politik dan sebagainya.

Hak kebebasan bersuara merupakan hak seseorang individu untuk memberikan pandangan mereka tanpa dihalang oleh pihak lain (Mohd Azizuddin, 2002). Bagi negara demokrasi hak kebebasan bersuara bukan hanya diberikan jaminan oleh perlembagaan, tetapi juga oleh kerajaan dan negara bagi memberi ruang kepada rakyat untuk memainkan peranan dalam proses pembentukan sesuatu dasar dan undang-undang negara.

## 7.1 DEFINISI KEBEBASAN BERSUARA

Kebebasan bersuara merujuk kepada hak terhadap individu dalam menyampaikan apa yang difikirkan, apa jua pandangannya mengenai sesuatu dan idea sama ada dalam bentuk lisan, tulisan, slogan, lakonan ataupun ekspresi.

Kebebasan bersuara didefinisikan sebagai keupayaan individu untuk bertanya, bertukar pandangan, menegur, mengkritik dan sebagainya tanpa batasan atau memerlukan tapisan dari mana-mana pihak. Ia membawa maksud seseorang individu itu boleh memberikan pandangan dan pendapat tanpa sekatan dari mana-mana pihak termasuk undang-undang (Godwin (2013).

Kebebasan bersuara ialah kebebasan untuk bersuara dan menyatakan pandangan tanpa batas atau penapisan tentang apa yang ingin diperkatakan. Ia juga merujuk kepada kebebasan bersuara yang bukan sahaja berbentuk *verbal* malah terangkum dalam usaha dan tindakan mencari, menerima dan menyebarkan maklumat, idea dan fikiran tanpa mengira medium yang digunakan. Jika dilihat dari sudut negara Barat, hak kebebasan bersuara diberikan kepada rakyat bagi menjamin hak setiap rakyat dalam mengemukakan apa juga pandangan dan kritikan dan sebarang bentuk sekatan dilihat sebagai tindakan dalam menyekat hak asasi mereka.

Hak kebebasan untuk bersuara merupakan salah satu daripada hak asasi yang diiktiraf dunia. Dalam Kandungan Artikel 19 Pernyataan Umum Tentang Hak-Hak Asasi Manusia (Universal Declaration of Human Rights) memperuntukkan secara jelas bahawa “setiap orang berhak kepada kebebasan pendapat dan ekspresi; hak ini termasuk kebebasan untuk mendapatkan pendapat tanpa gangguan dan untuk mencari, menerima dan menyebarkan maklumat dan idea melalui media tanpa mengira sempadan.”

Dalam konteks negara kita Malaysia, hak kebebasan bersuara merupakan hak yang dijamin dan termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Ianya terkandung dalam Perkara 10 (1) (a) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa “Tertakluk kepada Fasal (2), (3) dan (4) – setiap warganegara berhak kepada kebebasan bercakap dan bersuara”. Walau bagaimanapun, hak kebebasan bersuara di Malaysia tidak bersifat mutlak tetapi terbatas kepada peruntukan undang-undang negara dalam Perlembagaan Persekutuan. Hak kebebasan bersuara adalah tertakluk kepada Fasal (2) Perlembagaan Persekutuan di bawah Perkara 10 (1).

Dalam perkara 10 (2) (a) memperuntukkan bahawa “Parlimen mempunyai kuasa dalam menggubal undang-undang untuk menyekat kebebasan bersuara, ianya bertujuan untuk kepentingan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, memelihara hubungan yang baik dengan negara-negara lain, menjaga ketenteraman awam dan sekatan-sekatan dengan tujuan untuk melindungi dan memelihara keistimewaan Parlimen atau mana-mana Dewan Undangan atau membuat peruntukan bagi menentang penghinaan mahkamah, fitnah atau menghasut”.

Hak kebebasan bersuara ini dibatasi oleh beberapa undang-undang yang digubal oleh parlimen bagi memastikan jaminan dari segi keselamatan negara dan ketenteraman awam, melindungi keistimewaan Parlimen atau mana-mana Dewan Negeri selain menjaga hubungan diplomatik dengan negara luar dan bagi mengelakkan penghinaan terhadap mahkamah, fitnah dan perlakuan subversif.

Jika dilihat dari aspek Malaysia yang mempunyai masyarakat berbilang kaum, kebebasan bersuara (terutama kebebasan media) dipantau oleh negara dengan tujuan untuk menjaga keharmonian kaum. Menurut Lee Kuok Tiung & Mohd Safar (2016), hak kebebasan bersuara perlu dikawal atas sebab-sebab tertentu. Antaranya ialah bagi menjamin keharmonian dan kestabilan negara. Selain itu ia juga bertujuan untuk menghalang penyiaran maklumat dan laporan yang boleh memberi kesan kepada imej yang tidak baik terhadap kerajaan.

### **7.1.1 Peraturan kebebasan bersuara dikuatkuasakan bertujuan :**

- a) Bagi menjamin dan menjaga keharmonian dan keamanan negara.
- b) Bagi menjaga perasaan kaum lain.
- c) Bagi menghormati adat resam dan kepercayaan pelbagai kaum untuk mengekalkan kestabilan dan keselamatan negara.

Hak dan kebebasan bersuara seharusnya selari dengan identiti jati diri masyarakat Malaysia yang kaya dengan budi bahasa dan nilai-nilai murni. Sehubungan dengan itu hak kebebasan bersuara seharusnya digunakan dengan sebaiknya dalam usaha mengukuhkan perpaduan dan menghindari wujudnya perasaan syak wasangka sesama masyarakat.

### **7.1.2 Etika Dalam Amalan Kebebasan Bersuara**

1. Tidak mengkritik atau menyentuh perkara-perkara yang bersifat sensitif seperti isu yang melibatkan isu agama dan sensitiviti kaum.
2. Tidak menyentuh mana-mana isu yang boleh menganggu-gugat keamanan dan keharmonian negara.
3. Menghormati budaya, adat resam dan cara hidup kaum lain di Malaysia dalam mengekalkan kestabilan negara. Ini bermaksud konsep kebebasan bersuara tidak seharusnya ditafsirkan mengikut interpretasi umum atau universal tetapi perlu disesuaikan dengan mengambil kira aspek sensitiviti tempatan.
4. Menyuarkan pendapat melalui saluran yang sepatutnya.
5. Hak dan kebebasan bersuara dan media perlu disertai dengan sifat tanggungjawab.
6. Kebebasan bersuara haruslah berlandaskan kepada kebenaran dan perlu difahami sebelum sesuatu berita atau maklumat disiarkan atau dikongsi.

Kebebasan hak dalam bersuara seharusnya merujuk kepada prinsip-prinsip yang dinyatakan bagi memelihara kestabilan negara, isu keselamatan dan ketenteraman awam.

## 7.2 HIBURAN HEDONISTIK

Malaysia merupakan sebuah negara membangun yang sedang mengalami proses pembangunan dan pemodenan yang pesat. Selaras dengan pembangunan yang berlaku, negara kita juga menerima kesan perubahan yang sangat besar melalui perkembangan teknologi telekomunikasi yang melanda dunia global hari ini. Antaranya ialah wujudnya perubahan budaya yang memberi kesan drastik terhadap perkembangan dan pembentukan tingkah laku terutama generasi muda hari ini.

Kemajuan teknologi komunikasi pada hari ini menyebabkan berlaku perubahan yang drastik dari segi kehidupan masyarakat pada hari ini yang jauh berbeza dengan zaman dahulu. Penyebaran budaya hedonisme yang disebarluaskan melalui teknologi telah membawa pengaruh yang sangat besar terhadap ketamadunan di Malaysia. Generasi muda juga menerima kesan penularan budaya hedonisme ini secara tidak langsung. Ini berikutan wujudnya kajian menunjukkan wujudnya amalan tingkah laku hedonistik yang mempengaruhi kehidupan generasi muda hari ini (Thorpe, 2012; Andersson, 2011). Sikap ini mendorong generasi muda untuk mengutamakan keseronokan dan cenderung kepada aktiviti yang menjurus kepada keseronokan berlebihan yang akhirnya menjurus kepada keruntuhan akhlak, moral dan tingkah laku yang negatif (Feldman, 2008; Waterman, 1993).

### 7.2.1 Definisi Hedonisme

Hedonisme didefinisikan sebagai rasa kepuasan dan kenikmatan yang menjadi ukuran tingkah laku sesuatu perbuatan yang baik. Perkataan hedonisme boleh disimpulkan sebagai suatu pandangan hidup yang mementingkan kesenangan hidup atau keseronokan. Definisi hedonisme Menurut *Oxford English Dictionary* merujuk kepada satu pegangan atau teori etika yang menjelaskan bahawa keseronokan menjadi tahap kebaikan yang tertinggi atau matlamat atau tujuan akhir setiap sesuatu tindakan. Budaya Hedonisme menilai kebaikan berdasarkan keseronokan semata-mata.

### 7.3 HIBURAN HEDONISME

Hedonisme merujuk kepada sistem nilai yang pada peringkat awalnya berkembang pesat di Barat. Budaya ini menampilkan keseronokan yang berlebihan dalam kehidupan (Weijers, 2011; Veenhoven 2003; Mustafa Kamil, 1994). Kesan daripada budaya hedonisme, ini maka lahirlah gejala sosiobudaya yang meruntuhkan adab dan tata susila serta mengagung-agungkan gaya hidup kontemporari yang berlandaskan nafsu semata-mata. Amalan budaya hedonisme mendorong golongan ini terlibat dalam aktiviti budaya hiburan yang berlebihan seperti diskò, perjudian, dadah, eksplotasi wajah dan tubuh wanita yang berleluasa dan filem yang tidak bersesuaian dalam konteks masyarakat di Malaysia pada hari ini. Tidak ketinggalan juga budaya pemakaian barang mewah dan berjenama bagi melambangkan status, kedudukan dan kelas sosial, keruntuhan institusi keluarga serta sikap individualistik dan mementingkan diri semakin meningkat dan merupakan amalan biasa bagi masyarakat hari ini (Weijers, 2011).

Gaya hidup dan tingkah laku hedonistik menyeret masyarakat pada hari ini untuk terlibat dengan pelbagai aktiviti negatif dan membimbangkan seperti penagihan dadah, salah laku seksual dan minum arak (Cole, Stanton, Deveaux, Harris, Lunn, Cottrell, Li, Marshall & Baines, 2007). Kajian juga menunjukkan golongan muda berpotensi untuk terlibat dengan aktiviti lain yang boleh memberi keseronokan dalam kehidupan mereka yang merangkumi nilai-nilai universalisme, kepuasan diri dalam memenuhi keperluan kehendak sosial.

Di Jerman, para pengkaji tingkah laku (psikologi) telah mengaitkan hedonisme dengan gaya hidup dan disenaraikan sebagai salah satu daripada cabang atau cara hidup masyarakat di Jerman. Budaya Hedonisme dikaitkan dengan pengaruh kuasa dalam kehidupan, usaha dan keinginan dalam memenuhi tuntutan dan keperluan kehidupan, mencapai taraf hidup yang tinggi di samping mencapai dan menikmati keseronokan dalam kehidupan. Ini membuktikan masyarakat moden hari ini lebih mengutamakan kemajuan dari aspek materialistik yang dijadikan ukuran kejayaan dan pencapaian bagi setiap individu (Abdul Munir & Mohamad Haidar, 2010). Situasi yang sama juga berlaku di London apabila amalan gaya hidup hedonisme menjadi satu budaya yang dikatakan memberi ancaman kepada perpaduan sosial dalam masyarakat (Goodwin, Willson & Gaines, 2005).

### **7.3.1 Faktor Penularan Hiburan Hedonisme**

Budaya hedonisme berjaya mengubah perspektif pemikiran generasi muda pada masa kini. Pelbagai medium yang menjadi punca penularan budaya hedonisme di Malaysia. Antaranya adalah:

#### **i. Kewujudan teknologi melalui penggunaan internet**

Penggunaan Internet telah menjadi medium utama untuk masyarakat dunia berkomunikasi pada hari ini. Pelayaran internet yang digunakan secara meluas menyumbang kepada penularan budaya hedonisme dalam kalangan pengguna internet di Malaysia.

#### **ii. Perkembangan media massa**

Umum mengetahui, media berperanan besar dalam menyebarluaskan maklumat dengan cepat dan menjadi bahan rujukan termurah, maklumat terkini dan mudah diakses. Perkembangan teknologi media massa mendorong kepada penyebaran budaya hedonisme tersebar dengan cepat dan meluas memandangkan golongan muda pada hari ini sentiasa mempunyai perasaan ingin tahu, sentiasa mahu mencuba dan mengikuti secara dekat setiap perkembangan yang berlaku. Fenomena ini akan menyebabkan berlakunya keruntuhan moral terutama bagi mereka yang kurang mendapat didikan agama dan menjadikan media massa sebagai rujukan utama dalam kehidupan mereka bagi menggantikan ibu bapa (Gonzales & Dodge, 2009).

#### **iii. Kesan Pengaruh Globalisasi**

Perkembangan dan kesan globalisasi dikatakan menjadi penyumbang yang besar dalam memperluaskan pengaruh budaya hedonisme sebagai satu amalan dan gaya hidup yang semakin mendapat tempat dihati terutama golongan muda di serata dunia.

#### **iv. Perubahan Gaya Hidup Yang Mementingkan Keseronokan dan Hiburan**

Perubahan gaya hidup masyarakat pada hari ini berkembang selari dengan pengenalan dunia global hari ini yang mengutamakan keseronokan dan hiburan. Industri hiburan pada masa kini berkembang dengan begitu pesat disebabkan oleh fitrah manusia yang

suka kepada hiburan. Program yang ditonjolkan oleh media seperti Maharaja Lawak, Mentor Milenia, Gegar Vaganza telah memberi pengaruh yang sangat luar biasa dalam kalangan semua peringkat masyarakat. Program seumpama ini telah menyumbang kepada tersebarnya budaya hedonistik melaui saluran hiburan di Malaysia. Pengaruh yang lebih besar dikhuatiri menular kepada golongan muda yang sedang mencari identiti diri ke arah membina personaliti dalam kehidupan mereka. Sehubungan itu, wujudnya tanggapan penyanyi yang dianggap seperti idola, diagung-agungkan dan dijadikan model utama sebagai rujukan dalam usaha memenuhi selera dan kehendak golongan muda ini. Fokus golongan ini bukan lagi untuk mengejar dan mencapai cita-cita yang sepatutnya dalam kehidupan tetapi mempunyai impian untuk menjadi glamor dan popular dalam dunia hiburan yang sinonim dengan budaya hedonisme yang mengagungkan keseronokan.

### 7.3.2 Kesan Hiburan Hedonisme

Antara kesan hiburan hendoristik adalah seperti berikut:

- i. Pengaruh hedonisme menjadikan keseronokan hidup sebagai asas penting dalam kehidupan. Konsep hedonisme ini berpegang kepada falsafah hidup yang mengutamakan kebebasan kehidupan manusia yang berpaksikan hiburan. Konsep ini juga mengutamakan kemewahan dan keduniaan di samping bersikap mementingkan diri, individualistik dan materialistik.
- ii. Budaya hedonisme boleh mendorong manusia untuk bersifat sompong. Kemewahan yang dimiliki menjadikan mereka sompong, takbur dan bersifat kasar.
- iii. Menjadikan seseorang bersikap materialistik melalui penerapan elemen materialistik yang mementingkan kebendaan semata-mata.
- iv. Menjurus kepada keinginan dan dorongan ke arah hidup mewah dan bermegah-megah. Manusia sering cenderung tertarik dengan kemewahan, kekayaan dan kesenangan terutama golongan muda. Ianya merupakan antara faktor yang boleh mempengaruhi seseorang individu terbabit dengan jenayah terutamanya rasuah yang sudah pasti memberikan kesan negatif kepada masyarakat, individu dan negara.
- v. Pengaruh budaya hedonisme akan mendorong manusia untuk melakukan kejahatan. Golongan yang terpengaruh dengan elemen materialisme sudah tentu akan mempengaruhi individu dan masyarakat agar mengutamakan dunia dan menjadikan dunia ini sebagai matlamat utama dalam kehidupan.

Hedonisme merupakan konsep yang menjurus kepada keseronokan yang menjadi tunggak kepada kehidupan yang berasaskan kepada materialistik dan mementingkan keseronokan duniaawi.

Konsep budaya hedonisme yang pada peringkat permulaannya diperkenalkan di Yunani kemudianya diperluaskan di Eropah akhirnya disebarluaskan di seluruh dunia berteraskan ideologi dan falsafah pemikiran barat. Elemen yang diterapkan merangkumi keseronokan dalam kehidupan, mementingkan dunia dan hiburan semata-mata selain cenderung melakukan pelbagai perkara yang dilarang oleh budaya dan agama. Kesan jangka panjang boleh menjurus kepada kepada keruntuhan budaya, moral dan akhlak masyarakat terutama generasi muda.

Konsep keseronokan, bersenang-senang, berfoya-foya, menghabiskan masa di tempat-tempat hiburan selain cenderung melakukan pelbagai perkara yang dilarang oleh budaya dan agama mula menular dan berjaya mempengaruhi masyarakat hari ini. Pengaruh hiburan hedonisme ini secara tidak langsung telah diterapkan dan menjadi ikutan golongan masyarakat terutama generasi muda.

#### **7.4 MEDIA MASSA**

Perkembangan teknologi maklumat pada hari ini menjadikan media massa mempunyai peranan yang sangat penting dalam penyebaran maklumat dan informasi secara cepat dan mudah kepada masyarakat. Teknologi maklumat seperti media massa, internet dan siber merupakan satu medium saluran maklumat yang pantas dalam menyalurkan segala maklumat yang boleh dikongsi oleh seluruh masyarakat dunia yang bersifat global pada hari ini. Era globalisasi menjadikan media massa berperanan penting sebagai bahan rujukan kepada masyarakat dalam mendapatkan pelbagai maklumat yang diperlukan. Kesan globalisasi yang berlaku dari segi teknologi komunikasi secara tidak langsung memberikan kesan kepada tingkah laku, budaya, peradaban masyarakat dan bangsa. Contohnya, apa sahaja maklumat yang ingin dicari dapat diperoleh dengan cepat hanya menggunakan hujung jari dengan melayari internet bagi mendapatkan informasi berkaitan. Maklumat yang disebarluaskan secara cepat dan pantas merentasi dunia global hari ini amat mempengaruhi cara hidup, cara berfikir dan menganalisis sesuatu isu malah boleh memberi kesan kepada keutuhan budaya sesuatu bangsa.

Media massa terbahagi kepada dua iaitu:

- i. Media Elektronik.
- ii. Media Cetak.

#### **7.4.1 Media Elektronik**

Media elektronik menjadi saluran yang paling banyak digunakan untuk menyampai atau menerima sesuatu berita atau maklumat. Ini memandangkan media elektronik seperti internet dapat menyalurkan maklumat yang lebih cepat dan pantas. Contohnya televisyen, radio dan internet. Dalam masa yang sama media elektronik pada hari ini juga menjadi pencetus minda masyarakat untuk menjadi lebih kreatif dan kritis. Perkembangan media elektronik seperti aplikasi media sosial contohnya Facebook, Twitter, Instagram, Whatsapp dan sebagainya telah digunakan secara meluas dalam pelbagai bidang seperti perniagaan, ekonomi, politik, sosial dan pendidikan dan bidang-bidang yang lain. (Kubiszewski, Noordewier & Costanza, 2011). Internet merupakan medium utama bagi dunia digital, komunikasi dan penyaluran maklumat yang berlaku pada hari ini secara *online*. Ia merupakan sumber kuasa besar yang memberi pengaruh dalam menyalurkan maklumat yang cepat dan pantas merentasi sempadan masa dan negara.

#### **7.4.2 Media Cetak**

Media cetak merupakan bahan bertulis yang dicetak seperti akhbar, majalah buku, bahan bercetak dan sebagainya. Media massa elektronik dan bercetak pada hari ini mampu memberikan pengaruh dan kesan yang berbeza-beza terhadap setiap individu dan masyarakat. Ini berikutan wujudnya perbezaan terhadap cara seseorang itu berfikir, menginterpretasi dan menilai sesuatu maklumat yang diterima dan boleh memberi kesan kepada perubahan sikap dan hubungan sosial sesama masyarakat.

### **7.5 MEDIA MASSA DAN ISU ETIKA MASA KINI**

Kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi hari ini telah mengubah cara dan pemikiran manusia pada hari ini. Perkembangan dunia digital termasuk pengenalan dan penggunaan internet kelihatan banyak memberi faedah kepada masyarakat dunia hari ini (Muhammad Asyraf, Khairul Azhar dan Rushdi, 2013).

Walaupun media massa menjadi alat telekomunikasi yang amat penting pada hari ini, namun ia juga boleh menimbulkan pelbagai masalah sosial, keruntuhan moral, ketidakstabilan politik dan ekonomi malah mampu menggugat kestabilan sesebuah negara. Segala bentuk jenis komunikasi melalui media elektronik sebegini memungkinkan penyebaran maklumat yang sama dengan meluas kepada penerima dan pembaca dari seluruh pelosok dunia. Contohnya, pendedahan masyarakat terutama golongan muda terhadap rancangan media massa yang dipaparkan di siaran-siaran televisyen tanpa tapisan menjadi salah satu penyebab punca menularnya keruntuhan akhlak remaja masa kini.

Walau bagaimanapun, perlu diingat bahawa perkembangan dan kemajuan penggunaan internet tanpa dikawal boleh memberi kesan di luar jangkaan pemikiran manusia. Keperluan dalam menggunakan internet pada hari ini tidak lagi boleh dikekang. Walau bagaimanapun kesan negatif penggunaannya boleh dibendung dan dikawal melalui kesedaran dan pemupukan nilai etika dan profesional semasa melayari internet. Impak pelayaran internet masa kini yang banyak memaparkan dan mendedahkan pengguna kepada gejala sosial menyebabkan kita perlu membuat keputusan berlandaskan etika semasa melayari sesuatu laman web. Ini selari dengan definisi etika yang membezakan tindakan yang betul dan salah dan nilai yang baik dan buruk.

Persoalan Lain Berkaitan Etika Internet adalah :

- i. Penyalahgunaan internet.
- ii. Pencerobohan dan pemilikan harta intelek.

Harta intelek merujuk kepada hasil ciptaan di mana penciptanya mempunyai kuasa yang eksklusif terhadap ciptaan tersebut. Ianya merangkumi hak cipta, paten, cap dagang (trademark), rekabentuk dan hak-hak lain yang berkaitan.

- i. **Hak cipta (copyright)** - Hak cipta merujuk kepada memuat turun segala bentuk perisian atau dokumen tanpa mendapat apa-apa kebenaran dan ianya merupakan satu kesalahan dari segi undang-undang hak cipta. Seseorang itu perlu memohon dan mendapatkan kebenaran daripada pemilik sebelum memuat turun atau menggunakan perisian atau dokumen tersebut.
- ii. **Paten** - Kuasa dan hak eksklusif yang diberi kepada sesuatu ciptaan yang bertujuan supaya tidak ada mana-mana pihak yang boleh meniru atau mengeksplorasi ciptaan tersebut.
- iii. **Tanda perdagangan (trademark)** - Ia merujuk kepada perkataan, simbol atau pengenalan identiti sesuatu produk yang digunakan oleh organisasi bagi memasarkan dan membezakan produk keluaran mereka dengan produk orang lain.

- iv. **Reka bentuk (design)** - Reka bentuk merujuk kepada bentuk fizikal luaran sesuatu produk atau barang.
- v. **Isu kerahsiaan maklumat dan privasi data** - Contohnya percubaan memecah kata laluan. Ia akan menyumbang kepada penggodaman laman sesawang.
- vi. **Keganasan melalui internet (cracker)** yang menceroboh sistem bagi meraih keuntungan contohnya menceroboh masuk ke dalam sistem komputer dan merosakkan sistem yang ada dengan tujuan tertentu.
- vii. **Jenayah Digital/siber** - Jenayah siber merujuk kepada penipuan, pelanggaran hak cipta, kecurian dan serangan siber.

Sabtu hari kita didedahkan dengan penyalahgunaan sistem komputer yang dikaitkan dengan penggodam. Ia secara tidak langsung berpunca daripada kurangnya pengetahuan tentang etika dan profesionalisme penggunaan internet. Penggunaan teknologi media elektronik tanpa disertai dengan pengetahuan etika yang sesuai boleh mengundang bencana dan mengancam kesejahteraan masyarakat. Masyarakat yang beretika dan bermoral adalah masyarakat yang mempunyai nilai spiritual dan keagamaan yang tinggi selaras dengan ketentuan piawaian dan kod perlakuan etika yang tinggi. Pengaruh globalisasi yang sering dikaitkan dengan komunikasi bersifat global menghasilkan pelbagai fenomena masalah moral dalam bentuk baru. Oleh itu prinsip etika dan moral boleh menjadi panduan dalam penggunaan teknologi dalam meningkatkan kesejahteraan kehidupan masyarakat. Etika mempunyai perkaitan dengan dua perkara iaitu peraturan sosial dan akhlak individu yang akan membatasi tingkah laku seseorang.

## 7.6 ADAB DAN ETIKA PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL

Media sosial memainkan peranan penting sebagai saluran komunikasi dalam talian bagi membolehkan masyarakat berhubung dan berinteraksi dengan cepat dan mudah. Ia merangkumi perkongsian dan perbincangan sesuatu isu dan pertukaran maklumat melalui penggunaan media elektronik seperti gambar, teks, video mahupun audio melalui penggunaan Facebook, Twitter, Instagram, Youtube, Skype dan sebagainya. Kemajuan teknologi menjadikan masyarakat semakin mudah mengakses dan menggunakan aplikasi ini melalui penggunaan telefon mudah alih dan peranti yang semakin banyak dan murah di pasaran dan digunakan oleh segenap lapisan masyarakat tanpa mengira had umur. Penggunaan media sosial secara meluas merentasi batasan umur malah maklumat kini boleh diakses dengan mudah oleh masyarakat di luar bandar. Kesannya memungkinkan berlaku penularan berita yang diragui kesahihannya

yang boleh memberikan kesan-kesan tertentu kepada individu, masyarakat malah negara secara keseluruhannya.

Menyedari hakikat ini, wujudnya keperluan bagi memastikan penggunaan media sosial ini digunakan secara beretika dan berhemah kepada seluruh masyarakat di Malaysia. Pada masa sekarang wujudnya Tata Etika penggunaan media sosial di pejabat-pejabat dalam sektor Awam bagi memastikan media sosial ini digunakan secara berhemah dan integriti. Ini termasuk garis panduan bagi memastikan pekerja organisasi tidak menyalahgunakan penggunaan media sosial dan elektronik teutama untuk kepentingan individu.

Walaupun pelbagai bentuk dokumen dan garis panduan bagi Tata Etika peraturan penggunaan media sosial dan elektronik dilaksanakan, namun nilai moral dan etika setiap inividu itu sendiri yang akan menentukan pilihan mereka dalam membuat sebarang keputusan sama ada baik atau buruk semasa menggunakan media sosial.

Etika semasa menggunakan media sosial menjadi satu keperluan bagi memastikan maklumat yang disebarluaskan kepada orang lain melalui media sosial tidak memberikan kesan buruk kepada mana-mana individu. Justeru terdapat etika yang perlu dipatuhi semasa menggunakan media sosial dalam berkomunikasi.

## 7.7 PENGHAYATAN NILAI

Antara penghayatan dan penerapan etika dalam penggunaan media komunikasi kontemporari adalah seperti berikut:

1. Menggunakan media massa dalam komunikasi secara profesional.
2. Penggunaan bahasa yang sopan. Etika komunikasi sangat mementingkan sikap kesopanan semasa berkomunikasi.
3. Berhati-hati semasa menyampaikan sesuatu maklumat.
4. Menghormati privasi orang lain.
5. Tidak menyebarkan kandungan yang berunsur lucah.
6. Tidak menyebarkan maklumat palsu untuk kepentingan sendiri.
7. Menghindari dari menggunakan maklumat butiran diri yang palsu.
8. Menghindari dari menyebarkan berita yang menyentuh isu dan sensitiviti mana-mana individu, kaum dan agama.

## 7.8 KESIMPULAN

Penggunaan teknologi dalam komunikasi hari ini menjadi satu keperluan dan memberikan pengaruh yang besar dalam kehidupan masyarakat pada hari ini. Sebagai masyarakat Malaysia, kita seharusnya melengkapkan diri dengan standard etika yang tinggi semasa menggunakan media komunikasi digital yang penuh dengan cabaran.

## RUJUKAN

- Abdul Munir Ismail & Mohamad Haidar (2010). Laporan Kajian R & D: Serapan ideologi dan pemikiran asing. Shah Alam: Jabatan Agama Islam Selangor.
- Andersson, J. (2011). Vauxhall's Post-industrial Pleasure Gardens: 'Death Wish' and Hedonism In 21st-Century London. *Urban Studies*. 48: 85–100. doi:10.1177/0042098009360238.
- Cole, M., Stanton, B., Deveaux, L., Harris, C., Lunn, S., Cottrell, L., Clemens, R., Marshall, S., & Baine, R., M. (2007). Latent class analysis of risk behaviors among Bahamian young adolescents: Relationship between values prioritization and latent class. *Social Behavior and Personality*, 35(8), 1061-1076.
- Cole, M., Stanton, B., Deveaux, L., Harris, C., Lunn, S., Cottrell, L., Clemens, R., Marshall, S., & Baine, R., M. (2007). Latent class analysis of risk behaviors among Bahamian young adolescents: Relationship between values prioritization and latent class. *Social Behavior and Personality*, 35(8), 1061-1076.
- Muhamad Asyraf, Khairul Azhar dan Rushdi Ramli. 15-16 Mei 2013. Dakwah Siber: Etika dan Akhlak. Prosiding Seminar Antarabangsa Dakwah dan Pembangunan Insan: Isu-isu Dakwah Semasa. 455-485.
- Feldman, F. (2008). "Whole Life Satisfaction Concepts of Happiness". *Theoria*. 74(3): 219–238.
- Godwin, M. (2013). *Cyber rights: defending free speech in the digital age*. 2<sup>nd</sup> edition. Massachussets: MT Press.

- Gonzales, N. & Dodge, K. A. (2009). *Family and peer influences on adolescent behavior and risk-taking. Paper presented at the Workshop on Social and Environmental Influences and Adolescent Risk Behavior.* Washington, DC: National Academies.
- Goodwin R, Willson M, & Gaines S Jr. (2005). "Terror threat perception and its consequences in contemporary Britain". *Br J Psychol.* 96(4). 389-406.
- Itafarida, S. (2008). "The Impact of Sociocultural Changes on the Youth's Achievement Orientation in Fitzgerald's The Beautiful and Damned". *k@ta.* 10(2): 146–153. Muat turun 12 Ogos 2012 [http://www.citeulike.org/user/d\\_van\\_h/author/Itafarida](http://www.citeulike.org/user/d_van_h/author/Itafarida)
- Kubiszewski, I., Noordewier, T., & Costanza, R. 2011. "Perceived Credibility of Internet" *Encyclopedias. Computers & Education,* 56 (3): 659-667.
- Lee Kuok Tiung & Mohd Safar (2016). "Artikulasi isu-isu sejarah dalam media massa di Malaysia". *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 43(1):1-18.
- Mahrt, M. (2010). "Values of German media used vs research". Retrieved 13 August 2012 from Springer, <http://books.google.com.my/books?id=99JBWWX JoUgC&printsec>.
- Mohd Azizuddin Mohd Sani (2002). *Hak Asasi Manusia menurut pandangan Islam dan Barat.* Bentong. PTS Publication.
- Mustafa Kamil Ayub (1994). *Menangani Cabaran Membina Kecemerlangan Tamadun Ummah.* Petaling Jaya: Budaya Ilmu Sdn. Bhd.
- Thorpe, H. (2012). "Sex, Drugs and Snowboarding: Legitimate Definitions of Taste and Lifestyle in a Physical Youth Culture". *Leisure Studies.* 31(1): 33–51. doi:10.1080/02614367.2011.596556.
- Veenhoven, R. (2003). "Hedonism and Happiness". *Journal of Happiness Studies.* 4(4): 437–457. Waterman, A. S. (1993). "Two Conceptions of Happiness: Contrasts of Personal Expressiveness (Eudaimonia) and Hedonic Enjoyment". *Journal of Personality and Social Psychology.* 64(4): 678–691.

Weijers, D. (2011). “Hedonisme, internet encyclopedia of philosophy”. Available from <http://www.iep.utm.edu/hedonisme/>.

**Soalan Perbincangan:**

1. Jelaskan kepentingan amalan kebebasan bersuara dalam konteks masyarakat di Malaysia.
2. Bincangkan nilai dan amalan etika dalam menggunakan media komunikasi.
3. Huraikan sejauh mana hiburan hedonistik boleh meruntuhkan budaya dan nilai etika sesuatu bangsa.



## BAB 8

# PERANAN ETIKA DAN PERADABAN MENDOKONG TANGGUNGJAWAB SOSIAL

Mohd Koharuddin Mohd Balwi

### Objektif Pembelajaran:

Di akhir bab ini, pelajar akan dapat;

1. mengetahui dan menghayati kepentingan etika dalam menjalani kehidupan sehari-hari sama ada sebagai pelajar atau pekerja.
2. memahami dan menghayati kepentingan mereka untuk berperanan aktif dalam menjalankan tanggungjawab sosial bagimendokongusaha mewujudkan masyarakat yang sejahtera, adil dan selamat.
3. mampu memahami, menghayati dan mempraktikkan nilai-nilai keadilan sosial yang menjadi teras kewujudan sebuah masyarakat yang harmonis.
4. menyedari tentang pentingnya usahamengkang amalan tidak beretika seperti rasuah, salah guna kuasa, dan sentiasa menjaga alam sekitar dari pencemaran sebagai faktor penting bagi mewujudkan negara yang sejahtera, selamat dan bahagia.

## 8.0 PENGENALAN

Bab ini membincangkan peranan individu sebagai ahli masyarakat, organisasi atau rakyat dalam menjadi seorang yang bertanggungjawab terhadap kesejahteraan persekitaran sosialnya. Persekutuan sosial termasuklah kawasan tempat tinggal kejiranannya, kampus, persekitaran sosial di tempat kerja, dan persekitaran sosial di peringkat negara serta dunia. Kepekaan dan tindak balasnya disumbangkan oleh kesedaran ilmu ketamadunan dan etika yang dipelajari selama ini yang membentuknya menjadi individu yang bertanggungjawab dan berintegriti tinggi.

Sejarah kejayaan sesuatu masyarakat dengan memiliki tamadun yang tinggi dan hebat seringkali diiringi oleh kejatuhan dan keruntuhan akibat merosotnya nilai-nilai kebertanggungjawapan sosial yang dimiliki warga peradaban tersebut. Tokoh sejarah, peradaban dan sosiologi, Ibnu Khaldun mengaitkan kemunculan dan kejatuhan sesuatu tamadun dengan faktor etika (Akbar Ahmed, 2003). Ibnu Khaldun (1332-1406) misalnya telah menganalisa dengan mendalam dalam karyanya '*Muqaddimah*' yang menjelaskan bagaimana tamadun yang besar dan kuat kemudiannya menjadi lemah dan mudah dikalahkan oleh kuasa lain akibat hilangnya nilai etika dalam masyarakat tersebut. Dalam *Muqaddimah*, telah dijelaskan bagaimana terbentuknya sebuah model tiga tahap perkembangan kerajaan atau organisasi sosial yang dikenali sebagai Teori Kitaran Ibnu Khaldun. Kitaran Tamadun dibahagi tiga iaitu pertama, tahap awal atau kelahiran yang dicirikan oleh perasaan kekitaan atau asabiyah yang dimiliki penduduk yang menjaga tanggungjawab sosial masyarakatnya dengan memastikan pemenuhan keperluan asas rakyat. Kedua, tahap kehidupan menetap atau bertamadun yang dicirikan oleh kelahiran sistem berkerjaan yang melahirkan golongan pemerintah yang berbeza kehidupan mereka daripada rakyat jelata, kemudiannya disusuli oleh pertumbuhan bandar. Pada peringkat awal masyarakat bandar ini memiliki nilai etika dan tanggungjawab sosial yang tinggi. Walau bagaimanapun, kelas pemerintah akan dibuai kemewahan dan nilai beretika dalam kalangan rakyatnya menjadi lemah, dan tahap ketiga atau tahap lemah atau kejatuhan yang disebabkan oleh peningkatan kemewahan dan kelunturan nilai beretika dengan masing-masing berlumba mengejar kekayaan dan mula melupai nilai-nilai mulia seperti tanggungjawab sosial dalam menjaga keadilan masyarakat. Pada tahap ini, mereka terdedah untuk ditawan oleh bangsa lain pula yang masih memiliki semangat kekitaan dan bertanggungjawab yang kuat sebagaimana mereka dahulu menawan bandar tersebut. Inilah yang dikatakan kitaran kepada sesebuah ketamadunan yang banyak bergantung kepada kekuatan sifat perjuangan warganya (Siti Nor Azhani, 2012).

Pada dunia moden hari ini, sejarah kemunculan prinsip tanggungjawab sosial banyak dikaitkan dengan sejarah revolusi industri di barat yang kemudiannya berkembang menjadi isu kritikal yang berhubung kait dengan isu-isu ekonomi, perniagaan dan pertembungan ideologi kapitalis dengan sosialisme pada abad-abad seterusnya. Ketamakan para kapitalis dalam mengejar keuntungan menyebabkan timbulnya isu penindasan ke atas golongan pekerja, disamping barang yang dihasilkan tidak menitik beratkan soal kualiti. Keadaan ini misalnya telah menimbulkan isu keadilan sosial yang diperjuangkan oleh golongan sosialis ketika itu. Pihak peniaga ketika itu hanya mengutamakan keuntungan dari perniagaan yang diusahakan dan sebaliknya mengabaikan kebaikan pekerja dan pelanggan mereka. Dalam masa yang sama pada abad ke-20, syarikat-syarikat perniagaan besar mula menyedari mereka kehilangan produktiviti akibat masalah penurunan kesihatan pekerja, kemalangan di tempat kerja, dan isu-isu peribadi. Apabila syarikat mula memberikan tumpuan kepada keperluan pekerja, permintaan yang lebih besar kemudiannya dituntut daripada syarikat-syarikat ini untuk juga memberi tumpuan kepada kebaikan para pelanggan mereka, seperti membantu masyarakat secara keseluruhan. Secara perlahan-lahan kesedaran tanggungjawab sosial mula menjelma dalam kalangan peniaga dan masyarakat umum. Kemudian, pada tahun 1950-an, berlakunya kelahiran syarikat-syarikat perniagaan yang sangat besar, seperti General Motors, Chrysler, A.S. Steel, Amoco, dan Firestone yang menjadikan organisasi perniagaan perlu diuruskan dengan lebih cekap dan mampan. Pada masa yang sama, ketika itu Amerika Syarikat menghadapi masalah kemiskinan, pengangguran, dan pencemaran yang sangat buruk yang menyebabkan kesedaran ke atas tanggungjawab sosial meningkat dalam kalangan masyarakat dan pentadbiran negara. Sebenarnya sebelum tahun 1950 lagi telah terdapat beberapa organisasi yang menyediakan kerja amal dan sumbangan, tetapi idea tanggungjawab sosial belum benar-benar terbentuk. Pada hari ini tanggungjawab sosial tidak lagi terhad kepada isu-isu ekonomi dan perniagaan sebaliknya meresapi pelbagai bidang seperti pembangunan sumber manusia, kenegaraan dan teknologi serta alam sekitar. Pada asasnya tanggungjawab sosial adalah satu usaha manusia menggunakan pelbagai sumber untuk membantu menyelesaikan masalah sosial dan mencapai tujuan sosial (Scott Krohn, 2018).

## 8.1 DEFINISI TANGGUNGJAWAB SOSIAL

Pada asasnya, bertanggungjawab secara sosial bermakna mengakui bahawa pilihan atau pembuatan keputusan dan tingkah laku seseorang memberi kesan kepada alam persekitaran dimana ia

tinggal. Keputusan yang diambil sebagai individu, pekerja, majikan, rakyat, profesional bahkan ahli politik memberi impak kepada persekitaran di sekeliling mereka, sama ada persekitaran sosial atau persekitaran fizikal. Tanggungjawab sosial adalah kerangka etika dan ketamadunan yang meletakkan semua pihak, baik organisasi atau individu, mempunyai kewajiban untuk bertindak bagi kepentingan masyarakat secara keseluruhan. Sehubungan itu, tanggungjawab sosial adalah kewajiban setiap individu untuk memelihara keseimbangan antara pekerjaan, ekonomi dan ekosistem.

Tanggungjawab sosial adalah sebahagian daripada etika kerana individu bertanggungjawab untuk memenuhi tugas kewarganegaraan mereka iaitu setiap pemikiran dan tindakan individu mesti memberi manfaat kepada seluruh masyarakat di negara tersebut. Individu sebagai warga yang bertanggungjawab sentiasa mengutamakan kepentingan masyarakatnya atau negaranya. Secara global, manusia juga mempunyai tanggungjawab ke atas kesejahteraan sosial bagi seluruh penduduk dunia. Hanya dengan cara ini, wujudnya keseimbangan antara peranan warga dan peranan negara dalam memastikan keharmonian dan kesejahteraan sosial dapat dikenalkan. Keseimbangan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, pemeliharaan kebajikan masyarakat yang adil dan pemeliharaan alam sekitar yang mampan. Jika keseimbangan ini dikenalkan, maka tanggungjawab sosial akan dicapai. Dalam peradaban Islam, tanggungjawab sosial boleh dikaitkan kepada konsep *Ihsan* atau kebaikan. *Ihsan* menggabungkan semua kebaikan antara *muraqabah* iaitu merasa diawasi seseorang hamba daripada Tuhanaya atau ekspresi penghambaan terhadap Allah dan berbuat baik sesama manusia (Mahmud Al-Misri, 2014). Kewajiban bersikap *ihsan* mencakupi semua keadaan dan dimensi kehidupan. *Ihsan* dapat dibahagi dua iaitu pertama, membantu dan mensejahterakan orang lain dan kedua, memperbaiki perbuatan dan amalan. Amalan *ihsan* ini perlulah dimulai dengan diri sendiri, kemudian barulah kepada orang lain. Pada asasnya seseorang itu memulai bersikap *ihsan* kepada diri sendiri, kemudian kepada keluarganya, jirannya dan masyarakat umum. Bahkan seseorang diperintahkan juga bersikap *ihsan* kepada tumbuh-tumbuhan, binatang dan benda-benda (Mahmud Al-Misri, 2014). Islam menganjurkan setiap umatnya berbuat *ihsan* kepada sesiapa pun dan apapun selaras dengan sabda Rasulullah s.a.w:

*'Sesungguhnya Allah mewajibkan kepada kamu untuk berbuat baik pada setiap perkara...' (HR Muslim).*

### **8.1.1 Tanggungjawab Sosial Dapat Dibahagikan Kepada:**

- i. Tanggungjawab sosial dan rakyat (ahli masyarakat)
- ii. Tanggungjawab sosial dan profesional (pekerja)
- iii. Tanggungjawab sosial dan organisasi atau korporat (perniagaan dan ekonomi)
- iv. Tanggungjawab sosial dan alam sekitar

#### **i. Tanggungjawab Sosial Sebagai Rakyat (Ahli Masyarakat)**

Tanggungjawab sosial dan rakyat dapat dibahagikan kepada dua tanggungjawab iaitu tanggungjawab terhadap diri sendiri dan tanggungjawab kepada orang lain.

#### **Tanggungjawab Sosial Terhadap Diri Sendiri (Agen Moral)**

Peradaban Islam menekankan tentang *ihsan* atau kebaikan kepada diri sendiri dengan memiliki kesedaran tentang siapa mereka dan apakah tanggungjawab mereka kepada orang lain. Tanggungjawab manusia sebagai individu yang pertama adalah menjadi hamba yang wajib mentaati segala perintah Allah s.w.t. Firman Allah s.w.t yang bermaksud:

*"Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk menyembah dan beribadat kepadaKu." (al-Dhariyat, 51: 56)*

Seseorang dapat bersikap *ihsan* kepada diri sendiri apabila seseorang hamba mampu mengendalikan dirinya dan mengarahkannya untuk taat kepada Allah serta mengikuti jejak Rasullullah s.a.w maka dia telah berbuat *ihsan* kepada dirinya (Mahmud al-Misri, 2014). Sebagaimana firman Allah dalam Surah Al-Isra':7,

*'Jika kamu berbuat baik (bererti) kamu berbuat baik untuk diri sendiri'*

Setiap manusia adalah "Khalifa" (khalifah) yang memikul tanggungjawab sebagai wakil daripada PenciptaNya. Tanggungjawab ini ialah memenuhi amanah (kepercayaan) daripada Allah untuk memakmurkan dunia. Salah satu tindakan memakmurkan dunia ialah manusia beriman melaksanakan amanah dengan menjaga kebenaran berteraskan hidup bersyariah atau berperaturan. Manusia yang tanggungjawab dan amanah ialah individu yang mampu mengawal tindakannya dan tidak melanggar undang-undang negara, etika kerja dan berakhhlak mulia (Nor 'Azzah Kamri, 2004: Lokman Ab Rahman, 1997).

"Dan (ingatlah) ketika Tuhan berfirman kepada malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi." (al-Baqarah, 2: 30)

Sentiasa *muhasabah* tentang apakah segala tindakan yang dilakukan membawa kesan kepada diri, masyarakat serta alam. Mereka seharusnya sentiasa melakukan pemeriksaan diri (*muraqabah*) dan penghitungan diri (*muhasabah*). Inilah misi utama dalam hidup ini iaitu kita diciptakan untuk memakmurkan bumi dengan menyedari objektif atau tugas kita di bumi untuk berusaha menjadi manusia yang memiliki watak yang baik (*husn al-khuluq*) (Ahmed Raba M., 2001).

Lantaran itu manusia perlu memahami diri mereka sendiri: siapa mereka, dari mana mereka datang, ke mana mereka pergi dan apa tujuannya kewujudan mereka di dunia. Memahami asal usul dan sifat-sifat manusia adalah landasan membentuk cara hidup manusia yang bertamadun yang melaluinya seseorang manusia memahami kehidupannya di dunia bukan sesuatu yang sia-sia sebaliknya sebagai makhluk ciptaan yang dituntut untuk memenuhi tuntutan Penciptanya. Pemahaman inilah yang menentukan pertimbangan-pertimbangan etika dan moral yang berlaku dalam mindanya yang dipandu oleh hati dalam sanubarinya setiap hari apabila ia bangun untuk bekerja, membuat keputusan dan berinteraksi dengan ketua, rakan sejawat, orang bawahan dan masyarakat.

Mereka menjadi agen moral yang memastikan setiap tindakan yang dilakukan adalah mengikut etika yang baik yang dilakukan tanpa penguatkuasaan kuasa luaran seperti hukuman atau tekanan masyarakat di sekeliling. Sebaliknya individu itu sendiri dapat membentuk diri mereka sebagai subjek perilaku moral yang berkaitan dengan keupayaan setiap individu ini untuk melakukan kesedaran dalaman, pemahaman diri, pemeriksaan dalaman dan pengkayaan dalaman bagi pengukuhan etika diri sendiri. Pengukuhan etika diri ini dijelaskan dengan mendalam sebagai akhlak dapat difahami melalui karya-karya Imam al-Ghazali dalam wacananya tentang Etika Kehidupan di Ihya 'Ulum al Din (kebangkitan Ilmu Agama) (M. Kamal Hassan, 1996: 178-179). Menurut Sidek Baba (2008), orang yang beriman dan beramal soleh sentiasa menjadikan nilai dan hukum dari Allah sebagai pedoman dalam menguruskan sesuatu. Mereka sentiasa menghubungkan amalan duniawi dengan natijah ukhrawi atau balasan kehidupan akhirat iaitu apa sahaja tindakan di dunia yang dilakukan akan memiliki natijah ukhrawi.

## Tanggungjawab Sosial Terhadap Manusia Lain

Seorang individu itu tidak hanya perlu melakukan kebaikan kepada diri sendiri tetapi juga kepada orang lain. Konsep kebaikan ini menjadi objektif utama ilmu etika atau akhlak. Kebaikan itu perlu dizahirkan dalam kehidupan melalui perbuatan dan aktiviti hidup manusia. Kebaikan ini hanya boleh diperolehi apabila seseorang individu hidup dan berinteraksi dengan orang lain dalam masyarakat. Manusia memerlukan pelbagai jenis bantuan orang lain yang tidak mungkin dapat direalisasikan kecuali dengan membentuk komuniti umat manusia dan membina tamadun. Justeru, bagi memenuhi pelbagai tuntutan hidup, manusia terpaksa bekerjasama antara satu dengan lain, yang dengannya terbentuklah komuniti yang kemudiannya dipanggil tamadun apabila wujudnya sistem bermasyarakat atau komuniti yang sistematik dan kompleks (memiliki sistem peraturan, undang-undang, sistem budaya, organisasi sosial, politik dan ekonomi yang kompleks), manakala tempat berdirinya tamadun tersebut dipanggil *madinah* (bandar atau kota). Manusia memerlukan orang lain untuk memenuhi pelbagai keperluan hidupnya, dan begitu jugalah keperluan orang lain kepadanya. Seorang petani memerlukan pakaian daripada pekilang baju, sementara pekilang baju memerlukan bahan makanan daripada petani. Mereka saling memerlukan dan bantu-membantu serta saling melengkapinya antara satu dengan lain. Begitu juga para pelanggan atau pengguna memerlukan khidmat daripada profesional dan dalam masa yang sama profesional juga memerlukan pelbagai keperluan daripada pelanggan dan masyarakat untuk keperluan perniagaan dan kehidupannya.

Keadaan di atas menjelaskan bagaimana sebenarnya manusia secara tabii bersifat sosial (Mohd Nasir, 2013). Setiap manusia dibekalkan dengan kualiti persahabatan dan cenderung ke arah kualiti tersebut secara tabii (Mohd Nasir, 2013). Mengikut Miskawayh (1945) (dalam Mohd Nasir, 2013), perkataan ‘manusia’ atau insan itu berasal daripada akar kata ‘uns’ (persahabatan). Dalam peradaban Islam kepentingan kebaikan kepada persahabatan dijelaskan melalui ayat al-Quran surah 49:13 yang menganjurkan pengembangan persahabatan dengan menggesa umat manusia dari pelbagai latar belakang sejarah, bangsa dan budaya supaya berkenalan-kenalan antara satu dengan lain. Dalam konteks inilah, kerjasama dan permuafakatan dalam masyarakat diperlukan. Firman Allah s.w.t lagi yang bermaksud:

*"Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. (al-Ma''idah, 5: 2)*

Lantaran itulah individu dan para profesional perlu memiliki kualiti persahabatan dan nilai kebaikan lain untuk menuaikan tanggungjawab sosial terhadap manusia lain dengan memastikan dirinya dapat membawa manfaat dan membantu masyarakat. Di antara nilai itu ialah peranan sebagai orang yang menjunjung *amar maaruf nahi mungkar*. Menjunjung kebenaran dan menyokong serta membantu masyarakat ke arah kebaikan. Masyarakat dan negara adalah autoriti utama bagi manusia untuk menempah etika yang tinggi, menjalankan reformasi politik dan kerjasama sosial bagi mewujudkan suatu keadaan yang dapat membentuk manusia yang bermoral yang seterusnya melahirkan negara yang berintegriti tinggi. Menurut Ahmad Ibrahim (1997) dalam bukunya 'Pengurusan dalam Islam', masyarakat mempunyai peranan sebagai pengawal atau pemerhati. Sehubungan itu mereka seharusnya membantu negara untuk melaporkan kegiatan tidak beretika kepada pihak yang berwajib di antaranya seperti SPRM, Polis dan Lembaga Audit Negara. Mereka juga digalakkan menjadi orang yang bekerjasama dalam usaha mencegah kemungkaran atau perkara buruk dengan melakukan teguran atau melaporkan kepada pihak yang bertanggungjawab dengan menjadi peniup wisel atau pemberi maklumat.

Peniupan wisel ialah pendedahan salahlaku dan perbuatan tidak beretika yang berlaku dalam sesebuah organisasi atau kelompok masyarakat (Janid Johari, 2001). Pendedahan dibuat kepada umum seperti wartawan, ahli politik, persatuan pengguna atau juga secara tertutup iaitu hanya kepada pengurusan atasan syarikat. Seringkali peniup wisel juga menjadi pemberi maklumat kepada pihak berkuasa. Di negara ini telah digubal Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711] yang digubal bagi memperuntukkan perlindungan terhadap peniup wisel atau Pemberi Maklumat yang telah mendedahkan sesuatu kelakuan tidak wajar. Sebagai contoh, sekiranya seseorang pemberi maklumat itu mendedahkan kesalahan rasuah majikan atau rakan mereka sendiri di tempat kerjanya, beliau berhak untuk mendapatkan perlindungan di bawah akta ini. Aduan juga boleh disalurkan ke Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) bagi berkaitan salahlaku terhadap anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Ombudsman Malaysia yang menggantikan Biro Pengaduan Awam untuk aduan kepada organisasi awam lain.

Di samping peka kepada isu-isu salah guna, pecah amanah dan rasuah, satu sifat terpuji dalam mempraktiskan tanggungjawab sosial kepada masyarakat ialah adanya sifat suka menderma atau pemilikan nilai kedermawanan. Dalam hal ini, derma ini boleh berikan kepada yang layak termasuk usaha penegakkan hak asasi manusia, bantuan bencana kebangsaan, air bersih dan program pendidikan di negara-

negara kurang membangun. Sebagai contoh, pengasas bersama Microsoft, Bill Gates telah menyumbangkan berbilion ringgit kepada Yayasan Bill dan Melinda Gates (the Bill and Melinda Gates Foundation) yang menyokong pelbagai usaha dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, pembasmian malaria dan pembangunan pertanian. Pada tahun 2014, Bill Gates merupakan pemderma tunggal terbesar di dunia, menderma \$ 1.5 bilion dalam stok Microsoft kepada Yayasan Bill dan Melinda Gates.

Dalam peradaban Islam terkenal dengan kisah para sahabat Rasulullah s.a.w yang sanggup menderma untuk kebajikan dan manfaat masyarakat serta perjuangan Islam. Saidina Abu Bakar merupakan di antara sahabat Rasulullah s.a.w yang banyak menderma. Beliau juga merupakan orang yang banyak membantu baginda dari segala sudut sehingga baginda menjadikannya teman setia serta saudara baginda. Sahabat nabi yang lain sangat dermawan di antaranya Abdur Rahmân bin Auf yang terkenal dengan sifat dermawan dan pemurah hingga pernah menjual tanahnya berharga 40 ribu dinar, kemudian membahagikan wang tersebut kepada para fakir miskin, malah pernah menyedekahkan separuh daripada hartanya. Terdapat nama lain yang dermawan seperti Zubair bin Awwam, Uthman bin Affan, Thalhah bin ‘Ubaydillah, dan Sa’ad bin Abi Waqqash. Kelebihan bersedekah sangat digalakkan dalam tamadun Islam, hingga ramai rakyat dan pembesar berlumba-lumba untuk melakukannya sebagaimana dinyatakan dalam al-Quran tentang kelebihan bersedekah ini. Surah al-Baqarah ayat 265 mahfumnya:

*“Dan perumpamaan orang yang membelanjakan hartanya kerana mencari keredhaan Allah dan untuk keteguhan jiwa mereka seperti sebuah kebun yang terletak di dataran tinggi yang disiram oleh hujan lebat, maka kebun itu menghasilkan buahnya dua kali ganda. Jika hujan lebat tidak menyiraminya, maka hujan gerimis (pun memadai). Dan Allah Maha melihat apa yang kamu lakukan.”*  
(Surah Al-Baqarah ayat : 265.)

## **ii. Tanggungjawab Sosial Terhadap Profesional (Pekerja)**

Tanggungjawab sosial pekerja atau profesional juga merujuk kepada tanggungjawabnya kepada organisasi ia bekerja. Pekerja dan profesional mempunyai tanggungjawab memiliki nilai-nilai mulia sebagai pekerja yang beretika. Etika Kerja dalam peradaban Islam menekankan kerjasama dalam organisasi, pemuafakatan atau *syura* yang dipandang sebagai cara mengatasi masalah dan pengukuhan organisasi. Hubungan sosial di tempat kerja digalakkan untuk

memenuhi keperluan seseorang dan membentuk keseimbangan dalam kehidupan individu dan sosial. Di antara nilai-nilai etika kerja Islam yang penting ialah meletakkan nilai dan norma organisasi yang selari dengan nilai dan norma yang dianjurkan Islam seperti nilai kesungguhan, ketekunan, ketelitian (*Itqan*), kekeluargaan, kasih sayang, muafakat, dan kebijakan yang diamalkan dalam kerangka ketakwaan kepada Allah. Etika Kerja Islam dibina berteraskan empat konsep utama iaitu usaha, persaingan, ketelusan dan moral perilaku bertanggungjawab. Islam menyeru penganutnya supaya sentiasa bersungguh-sungguh dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan kerana Allah sentiasa melihat setiap pekerjaan yang dilakukan sebagaimana firmanNya dalam surah At-Taubah (9:105), yang bermaksud:

*“Dan katakanlah (Wahai Muhammad): beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan RasulNya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) yang mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian ia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan”.*

Di samping itu, nilai kasih sayang jika diamalkan akan menimbulkan keseronokan bekerja kerana wujudnya suasana kekeluargaan, kasih sayang kerana adanya rakan-rakan yang sering memberi bimbingan, nasihat dan teguran sama ada berkaitan kerja atau kehidupan peribadi. Sehubungan itu sebuah organisasi yang baik berteraskan etika kerja Islam ialah organisasi yang menyuburkan nilai-nilai kerjasama, kesabaran, dan hubungan sesama pekerja seperti sebuah keluarga, menggalakkan kerjasama berkumpulan dan saling mendukung dalam organisasi yang dipandu dalam kerangka mendapat keredhaan Allah dengan menyuburkan rasa ketakwaan di kalangan ahli organisasi.

Seterusnya setiap pekerja dan profesional juga mempunyai tanggungjawab sosial kepada profesi, pelanggan dan pihak ketiga atau masyarakat umum. Tanggungjawab sosial yang paling utama ialah memberikan perkhidmatan yang sama kepada semua tanpa mengira agama, warna kulit, jantina, fahaman politik dan status sosio-ekonomi (Janid Johari, 2001). Profesional adalah sebahagian daripada ahli masyarakat, tentunya memerlukan ahli masyarakat yang lain bagi memenuhi keperluan hidupnya. Tidak semua ahli masyarakat yang lain berpeluang memiliki kedudukan istimewa seperti golongan profesional kerana hambatan ekonomi, peluang dan faktor-faktor lain. Profesional dengan mudah dapat memonopoli sesuatu bidang pekerjaan kerana untuk memasuki pekerjaan tersebut memerlukan latihan yang panjang dan keizinan lembaga atau badan tertentu yang

menjaga keprofesionalan bidang masing-masing. Sebaliknya masyarakat terdiri dari pelbagai lapisan yang berbeza taraf sosio-ekonomi yang dengan mudah menghalang mereka mendapat perkhidmatan sekiranya terdapat profesional mengenakan bayaran yang tinggi dan diluar kemampuan masyarakat. Lantaran itu prinsip kesamaan peluang mendapatkan perkhidmatan perlu dipegang oleh semua pekerja yang berkhidmat sebagai profesional.

Profesional juga mempunyai tanggungjawab sosial kepada pelanggan mereka atau pemegang taruh. Di antara prinsip penting yang perlu fahami dan dipegang ialah prinsip tanggungjawab fidusiari seorang pekerja dengan majikan atau pemegang saham. Seseorang yang menjadi pekerja sebenarnya menjadi fidusiari kepada entiti yang lain. Entiti tersebut boleh terdiri daripada seorang individu yang lain, syarikat, persatuan, kelab, kerajaan, negara atau apa jua entiti yang lain. Seorang pekerja menjadi fidusiari apabila dia bersetuju untuk melakukan sesuatu perkara untuk entiti yang lain tadi. Ia menjadi fidusiari apabila perhubungannya dengan entiti tersebut memerlukan entiti itu menaruh sepenuh kepercayaan dan keyakinan kepadanya. Dalam bahasa yang lebih mudah, perhubungan fidusiari boleh berlaku dalam keadaan seseorang menerima amanah untuk melakukan sesuatu perkara bagi pihak yang lain. Sehubungan itu setiap pekerja atau profesional perlu bertanggungjawab bersikap amanah untuk memenuhi fungsi tentang apa yang dikehendaki oleh kebanyakan orang lain. Terdapat enam sifat amanah yang perlu dipegang iaitu jujur, berterus terang, cekap, tekun atau teliti, setia dan menyimpan rahsia (Janid Johari, 2001).

Perhubungan fidusiari menuntut kesetiaan yang tidak berbelah bahagi oleh fidusiari tersebut terhadap tuannya. Oleh itu, seorang fidusiari hendaklah sentiasa bertindak bagi pihak tuannya dengan jujur. Dia tidak boleh mempergunakan kedudukannya untuk mendapatkan keuntungan peribadi untuk dirinya sendiri atau keluarga dan kawan-kawan. Tidak boleh meletakkan dirinya dalam keadaan tanggungjawabnya sebagai fidusiari kepada tuannya bercanggah dengan kepentingan dirinya. Dia juga tidak boleh mendapatkan imbuhan peribadi daripada pihak ketiga disebabkan kedudukannya atau tindakannya sebagai fidusiari tanpa pengetahuan dan kebenaran tuannya. Andai dia engkar, maka dia dikatakan melanggar tanggungjawab fidusiari. Contoh yang melibatkan perhubungan fidusiari ialah perhubungan antara seorang pengarah syarikat dengan syarikat tersebut. Pengarah tersebut ialah fidusiari kepada pemegang taruh untuk syarikat dia bekerja sebagai pengarah. Terdapat juga perhubungan fidusiari yang lain seperti antara pegawai atau ketua jabatan dengan jabatannya, Perdana Menteri dengan kerajaan dan negara, presiden dengan parti politiknya, Pengerusi dengan kelabnya dan lain-lain.

Kisah kejatuhan syarikat perakaunan yang terkenal iaitu Arthur Andersen, Enron dan WorldCom boleh dijadikan bukti kepada kesan kegagalan mendokong sifat beretika dalam organisasi. Syarikat ini terlibat dengan skandal pemalsuan penyata kewangan dengan beberapa syarikat besar di Amerika Syarikat. Akibatnya Syarikat firma perakaunan ini yang berpangkalan di Chicago terpaksa menutup operasinya pada tahun 2002, selepas 90 tahun menjalankan perniagaan. Kegagalan pegawai atasan di syarikat tenaga Enron di Amerika Syarikat melaksanakan tanggungjawab fudisiari dengan melakukan penipuan kepada pemegang taruh dan pekerja bawahan menyebabkan syarikat dan pemegang saham mengalami kerugian yang besar hingga para pekerjanya yang telah mencarum wang persaraan dalam saham syarikat tersebut telah hilang wang persaraan masing-masing akibat keruntuhan syarikat tersebut. Syarikat ini terbabit dengan skandal kewangan dengan syarikat Syarikat Arthur Andersen dan WorldCom yang melibatkan kes kebangkrutan berprofil tinggi di Amerika Syarikat. Kesannya menyebabkan kerugian para pelabur lebih US dollar \$ 300 bilion dan menyebabkan kehilangan pekerjaan untuk beratus-ratus pekerja.

Selain prinsip menjaga tanggungjawab kepada pelanggan atau pemegang taruh, seorang pekerja atau profesional memiliki tanggungjawab sosial kepada masyarakat umum, yang juga dipanggil sebagai pihak ketiga. Konflik tanggungjawab boleh berlaku kerana secara asasnya tanggungjawab utama profesional ialah kepada pelanggannya. Sebaliknya tanggungjawab kepada masyarakat lebih berbentuk secara tidak langsung. Sungguhpun demikian terdapat profesional tertentu yang menjadikan masyarakat sebagai pelanggan utamanya terutamanya sebagai penjawat awam dan juga peraturan yang telah ditetapkan oleh kerajaan untuk dipatuhi bagi menjaga kepentingan awam. Di antara prinsip penting menjaga tanggungjawab sosial kepada masyarakat ialah prinsip tidak mencederakan orang lain (Janid Johari, 2001). Dalam profesional perubatan misalnya tanggungjawab doktor ialah melindungi orang lain daripada pesakit yang menghidap penyakit berjangkit yang sangat merbahaya dan mudah berjangkit kepada orang lain. Profesional kedoktoran atau perubatan mempunyai etika profesional yang telah ditetapkan dan sentiasa dipantau oleh Majlis Perubatan Malaysia (MMC) dan segala kesalahan etika dirujuk kepada majlis ini. Persatuan Perubatan Dunia telah menjadikan Deklarasi Geneva pada tahun 1947 sebagai etika dalam bidang perubatan. Di antara kandungan deklarasi tersebut menyatakan bahawa:

*“berikrar dengan sesungguhnya untuk mendedikasikan hidupnya untuk perkhidmatan kemanusiaan; akan melaksanakan professionnya dengan ikhlas dan berintegrasi; Kesihatan pesakit adalah keutamaan; memelihara rahsia yang diamanahkan; mengekalkan sedaya upaya dalam kekuasaan integriti dan tradisi professional perubatan; tidak akan membenarkan pertimbangan agama, kerakyatan, keturunan, parti politik atau kedudukan sosial mempengaruhi tanggungjawab terhadap pesakit; mengekalkan integriti kehidupan manusia sejak awal walaupun di bawah ancaman dan tidak akan menggunakan pengetahuan perubatan bertentangan dengan undang-undang kemanusian; melakukan janji ini dengan penuh ikhlas, bebas dan integriti”.*

Begitu juga dalam bidang kejuruteraan, prinsip tidak mencederakan orang lain penting kerana semua hasil kepakaran profesional dalam mendirikan bangunan, jambatan, rumah, dan binaan yang lain walaupun disediakan untuk pelanggan yang membayar mereka, pengguna atau masyarakat juga yang menjadi penghuni bangunan tersebut akhirnya. Dalam keadaan inilah Kod etika kejuruteraan terdiri daripada prinsip-prinsip tanggungjawab yang mengutamakan kebaikan awam. Kod etika bagi seorang jurutera telah digariskan oleh *Board of Engineers Malaysia* (BEM) dan ini menjadi penanda aras bagi seseorang jurutera dalam segala tindak tanduknya (Nooraini Sulaiman, 2017). Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (semakan 2015) memperuntukkan bahawa:

*“Perkhidmatan kejuruteraan profesional bermaksud perkhidmatan kejuruteraan dan nasihat dalam perhubungan dengan mana-mana kajian kebolehlaksanaan, merancang, membuat tinjauan, mereka bentuk, pembinaan, pentaulahan, operasi, penyelenggaraan dan pengurusan kerja-kerja kejuruteraan atau projek-projek dan termasuk perkhidmatan kejuruteraan yang lain yang dibenarkan oleh lembaga”.*

Prinsip-prinsip dalam kod etika kejuruteraan adalah seperti berikut:

1. Seorang jurutera berdaftar perlulah mengutamakan keselamatan, kesihatan dan kebajikan masyarakat sekeliling. Dalam erti kata lain, seorang jurutera haruslah mengelakkan pembaziran sumber tabii, kerosakan alam sekitar dan kerosakan atau kebinasaan yang membazirkan kemahiran manusia atau industri. Mereka juga tidak boleh mendedahkan sebarang kerja atau dokumen kepada umum tanpa izin klien ataupun pihak atasan kecuali dengan arahan mahkamah sahaja.

2. Seorang jurutera berdaftar hanya boleh mengambil tugas mengikut kepakaran dan kelulusan bidangnya sahaja. Mereka hendaklah menerima tanggungjawab peribadi semua kerja yang dilakukan olehnya atau kerja yang di bawah penyeliaannya atau arahannya, dan hendaklah mengambil semua langkah yang munasabah untuk memastikan orang yang bekerja dibawahnya adalah layak menjalankan kerja yang diberikan kepada mereka.
3. Seorang jurutera berdaftar boleh memberi pendapat mengenai sesuatu isu teknikal yang diketahuinya dalam bentuk objektif dan menjaga adabnya sebagai seorang professional.
4. Seorang jurutera berdaftar mestilah berkhidmat sebagai agen yang boleh dipercayai dan setia kepada majikan serta klien. Seorang jurutera tidak boleh meminta atau menerima kewangan atau lain-lain yang berharga pertimbangan, secara langsung atau tidak langsung, daripada ejen luar yang berkaitan dengan kerja yang mana beliau bertanggungjawab.
5. Seorang jurutera berdaftar perlulah menjaga etika, moral dan mematuhi segala peraturan demi menjaga nama baik profesi ini. Mereka tidak boleh menawarkan, memberi, meminta atau menerima, sama ada secara langsung atau secara tidak langsung, apa-apa sumbangan untuk mempengaruhi pemberian kontrak. Dia tidak boleh menawarkan sebarang hadiah atau balasan berharga lain untuk menjaga kepentingan kerja.

Dalam bidang kejuruteraan perkomputeran juga isu etika sangat berkait rapat dengan tanggungjawab sosial kepada masyarakat. Isu etika seperti penggodaman, pencerobohan yang melibatkan penyalahgunaan internet, penyebaran virus, isu hakcipta dan perisian cetak rompak menjadi masalah dunia hari ini. Kurangnya kesedaran tanggungjawab sosial melahirkan manusia yang memiliki kemahiran perkomputeran untuk menyebarkan virus bagi tujuan merosakkan sistem, data perisian, dan melumpuhkan rangkaian komputer. Sebagai contoh, seluruh dunia pernah digemparkan dengan serangan virus WannaCry ransomware dan pelbagai virus lain silih berganti. Virus-virus ini mengganggu data-data yang penting seperti data pesakit di hospital, gangguan sistem pengangkutan awam dan pencerobohan sistem kerajaan dan agensi penguatkuasa seperti fail-fail di jabatan polis. Sehubungan itu para pengguna komputer khususnya profesional yang terlibat dengan dunia perkomputeran disarankan sentiasa memegang prinsip yang ditetapkan oleh Institut Etika Komputer seperti:

1. Tidak menggunakan komputer yang boleh membahayakan orang lain.
2. Tidak mengganggu kerja komputer orang lain.
3. Tidak menceroboh masuk fail komputer lain.
4. Tidak menggunakan komputer untuk mencuri seperti *scammer*.
5. Tidak menggunakan komputer untuk menipu.
6. Tidak menggunakan atau menyalin perisian yang tidak dibeli secara sah.
7. Tidak menggunakan sumber komputer orang lain tanpa kebenaran.
8. Tidak mengambil atau meniru hasil intelektual orang lain untuk kegunaan diri sendiri.
9. Memikirkan kesan sosial program atau sistem yang dirangka.
10. Menggunakan komputer dengan perasaan bertimbang rasa dan hormat kepada orang lain.

## **ii. Tanggungjawab Sosial Terhadap Organisasi atau Korporat.**

Penggunaan frasa "tanggungjawab sosial organisasi korporat" sering disingkat kepada CSR atau "Corporate social responsibility". Tanggungjawab sosial korporat bermaksud kewajipan pengurusan sesebuah organisasi untuk membuat keputusan dan mengambil tindakan yang akan membantu dalam kebijakan dan kebaikan kepada masyarakat dan juga organisasi. Tanggungjawab sosial korporat (CSR) secara umumnya bermaksud komitmen syarikat dan organisasi korporat terhadap keperluan sosial yang meliputi hak-hak masyarakat, penjagaan alam sekitar, kebijakan para pekerja, hak-hak pengguna dan sebagainya.

Tarikan terhadap tanggungjawab sosial korporat dalam dunia perniagaan bermula di Barat sejak 1950-an. Bagaimanapun, sejak berlaku krisis kewangan pada 2007, teori CSR ini mula mendapat perhatian semula dalam dunia perniagaan. Tanggungjawab Sosial Korporat juga membawa maksud sebarang komitmen atau penyertaan oleh sesebuah syarikat korporat mengikut pertimbangan peniagaan dan sumbangan dari sumber korporat dalam masyarakat atau komuniti yang bertujuan ke arah meningkatkan kesejahteraan masyarakat di sekitar perniagaan atau perusahaan. Antara pihak yang berkepentingan dalam pelaksanaan CSR oleh sesebuah organisasi adalah organisasi atau syarikat itu sendiri, pemegang saham, masyarakat, kerajaan, pekerja dan alam sekitar. Antara tanggungjawab sosial yang perlu dijalankan termasuklah menitikberatkan permasalahan tempat kerja, pekerja, pasaran, alam sekitar dan komuniti. Tanggungjawab sosial korporat juga mengenai aktiviti syarikat-syarikat yang memainkan peranan mereka yang

bertanggungjawab dalam masyarakat iaitu melalui pemberian semula keuntungan yang diperolehi dengan mengembalikan keuntungan itu dalam bentuk dana, bantuan, hadiah dan lain-lain cara. Sebahagian besarnya adalah pengumpulan dana untuk sebab-sebab yang baik terutama bagi membantu masyarakat yang memerlukan. Dalam usaha ini syarikat, pelanggan dan komuniti harus saling bekerjasama serta bantu-membantu dalam usaha sosial mereka bagi memastikan matlamat sosial mereka tercapai.

Tanggungjawab sosial korporat juga dikenali dengan singkatannya 3P "*People, Planet, and Profit.*" Mereka percaya bahawa dalam mengejar keuntungan mereka tidak merosakkan bumi dan juga tidak mengeksploitasi manusia. Organisasi mendapat keuntungan, dalam masa yang sama juga dapat memelihara dan melindungi bumi dan manusia.

Tanggungjawab Sosial Korporat juga berkaitan dengan menjaga kesejahteraan pekerja dan pengguna melalui amalan nilai-nilai akauntabiliti dan ketelusan (Scott Krohn, 2018). Tumpuan utama ke atas etika adalah untuk menyediakan amalan buruh yang adil dan saksama untuk para pekerja dalam organisasi perniagaan serta para pekerja yang bekerja dengan pembekal mereka. Amalan perniagaan yang adil bagi pekerja termasuk bayaran yang sama untuk inisiatif pampasan gaji dan upah yang sama. Amalan beretika untuk pembekal termasuk penggunaan produk yang telah disahkan sebagai memenuhi piawaian perdagangan yang selamat untuk pelanggan mereka. Sebagai contoh, syarikat *Ben and Jerry's Ice* menggunakan bahan-bahan mentah yang diakui selamat seperti gula, koko, vanila, kopi dan pisang.

Tanggungjawab Sosial Korporat juga berfokuskan kepada tanggungjawab ekonomi. Tanggungjawab ekonomi memberi tumpuan kepada amalan yang memudahkan pertumbuhan jangka panjang perniagaan dan dalam masa yang sama ia juga memenuhi standard yang ditetapkan untuk kepentingan etika, alam sekitar dan masyarakat. Tindakan ini dapat menyeimbangkan keputusan ekonomi yang memberi kesan terhadap masyarakat, perniagaan dan alam sekitar apabila boleh menurunkan lagi kos operasi apabila wujudnya amalan perniagaan yang mampan. Satu contoh tanggungjawab ekonomi adalah apabila syarikat mengubah proses pembuatannya dengan memasukkan produk kitar semula, yang boleh memberi manfaat kepada syarikat dengan berpotensi menurunkan kos bahan mentah dan juga memberi manfaat juga kepada masyarakat apabila dapat mengoptimumkan sumber yang telah diguna pakai sebelum ini. Bagi memudahkan tanggungjawab ekonomi dilaksanakan oleh syarikat korporat, ISO 26000-2010 telah mengenal pasti tujuh subjek utama tanggungjawab sosial iaitu:

1. Tadbir urus organisasi
2. Hak asasi manusia
3. Amalan buruh
4. Alam sekitar
5. Amalan operasi yang adil
6. Isu-isu pengguna
7. Penglibatan dan pembangunan masyarakat

Bagi memastikan CSR dapat dilaksanakan dengan berkesan oleh setiap organisasi perniagaan, ISO 26000 meletakkan tujuh prinsip utama tingkah laku tanggungjawab sosial yang perlu diamalkan iaitu:

1. Akauntabiliti
2. Ketelusan
3. Tingkah laku beretika
4. Hormati kepentingan pihak berkepentingan
5. Menghormati kedaulatan undang-undang
6. Hormati norma-norma tingkah laku antarabangsa
7. Hormati hak asasi manusia

Dalam peradaban Islam, beberapa prinsip tanggungjawab sosial telah digariskan untuk diperlakukan oleh para peniaga seperti prinsip tidak memudaratkan, niat yang betul, adil, ihsan, amanah, dan amar makruf nahi mungkar (Mardzelah, 2007). Prinsip tidak memudaratkan ialah menghalang sifat negatif kepada orang lain seperti memastikan para peniaga menghasilkan kualiti barang atau makanan yang selamat digunakan, termasuklah tiada kesan sampingan yang memudaratkan apabila menggunakan atau memakan makanan yang dijual. Mengelakkan sifat pentingkan diri sendiri atau mengelak falsafah matlamat menghalalkan cara. Niat yang betul merujuk kepada semua peniaga perlu memiliki niat yang ikhlas dalam perniagaan supaya mendapat keredhaan Allah. Adil dan ihsan iaitu melakukan tindakan sebagaimana dikehendaki oleh syariat Islam. Amanah dalam perniagaan merujuk kepada memastikan setiap urusan perniagaan dijalankan dengan betul dan adil, iaitu setiap orang sama ada pengguna atau pelanggan, pembekal atau semua yang terlibat dengan perniagaan kita mendapat hak masing-masing. Penipuan dan perselisihan dapat dielakkan sekiranya semua bersifat amanah dan benar. Kita juga disuruh untuk bersedekah, melakukan keadilan, kebijakan, mengelakkan kezaliman dan dilarang melakukan perkara yang keji dan mungkar.

### **iii. Tanggungjawab Sosial Ke Atas Alam Sekitar**

Alam sekitar atau *environment* adalah satu unsur alam tabii ciptaan Allah. Menerusi alam sekitar, manusia mengetahui dan mempergunakan disiplin-disiplin ilmu seperti zoologi, botani, mikrobiologi, fizik, kimia, geologi, hidrolik dan sebagainya. Ekologi pula ialah ilmu yang menerangkan hubungan antara organisme atau fauna iaitu manusia, haiwan dengan tumbuhan atau flora yang berkait juga dengan alam sekitar tempat flora dan fauna itu hidup (Mardzelah, 2007). Sehubungan itu manusia perlu memahami tentang kepentingan memelihara ekosistem sentiasa dalam keadaan seimbang kerana mereka adalah sebahagian daripada ekosistem yang tertakluk kepada hukum ekologi semulajadi. Inilah tanggungjawab sosial yang amat penting untuk dilaksanakan oleh manusia. Allah s.w.t menjelaskan di dalam surah al-Rum ayat 41:

*"Telah timbul berbagai-bagi kerrosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangantangan manusia, timbulnya yang demikian kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)."*

Pelanggaran ke atas hukum-hukum ekosistem semulajadi mengganggu keseimbangan ekosistem keseluruhannya yang mengakibatkan kemerosotan kesihatan masyarakat atau penduduk. Masalah yang sering berlaku ialah pencemaran alam sekitar. Dalam keadaan yang serius ia membawa ancaman yang besar kepada seluruh penduduk. Di negara kita misalnya isu pencemaran masih sukar diatasi kerana kegagalan pelbagai pihak sama ada pengguna, peniaga dan masyarakat awam masih lemah dalam menghayati tanggungjawab sosial dalam menjaga atau memelihara alam sekitar. Pada masa kini misalnya, alam sekitar kita sedang mengalami kemerosotan malahan di sesetengah tempat berada pada tahap yang membimbangkan.

Hakikat bahawa kualiti alam sekitar telah mengalami kemerosotan terbukti apabila munculnya isu-isu pencemaran seperti pencemaran akibat pembuangan sisa-sia kimia termasuklah pencemaran ammonia dan bahan cemar lain dari kilang-kilang ke sungai-sungai. Di antara kawasan yang teruk tercemar yang pernah dilaporkan ialah di kawasan Pasir Gudang iaitu Sungai Kim Kim dan Sungai Johor di Johor. Isu pencemaran Sungai Kim Kim di Pasir Gudang Johor pada 7 Mac 2019 misalnya telah menyebabkan seramai 103 orang pelajar dan penduduk jatuh sakit dan dimasukkan ke hospital akibat terhadu gas beracun. Hasil penyiasatan yang telah dibuat, pihak berkuasa mengenalpasti puncanya ialah daripada bahan

kimia yang dibuang ke dalam Sungai Kim Kim. Pada 11 Mac 2019, gelombang kedua tindakbalas gas beracun daripada bahan kimia di Sungai Kim Kim berlaku pula. Seramai 106 mangsa baru dimasukkan ke hospital dengan jumlah mangsa mencecah 1000 orang beberapa hari kemudian, dan lapan daripadanya dimasukkan ke unit rawatan rapi. Dalam peristiwa ini bahan kimia yang telah tercemar terdiri daripada gas *acrylonitrile*, *xylene*, *metana* dan *toluene* yang boleh menyebabkan sakit kepala, loya, pengsan dan kesukaran bernafas. Gas ini boleh menyerap ke dalam badan manusia melalui saluran pernafasan dan juga kulit. Beberapa gas beracun dihasilkan selepas reaksi air dan udara bersama bahan kimia tersebut. Tragedi Sungai Kim Kim bermula dengan pencemaran air dan diikuti oleh pencemaran udara.

Kes di atas merupakan realiti yang dihadapi oleh ramai penduduk di negara ini apabila pencemaran telah berada pada tahap yang bahaya. Keadaan ini menunjukkan bahawa tahap pencemaran air terutamanya keadaan sungai adalah kritikal di negara ini. Mengikut data yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada 2019, mengenai status pencemaran 120 lembangan sungai utama di Malaysia daripada tahun 2005 hingga 2018 menunjukkan sungai-sungai yang dikategorikan sebagai tercemar tidak banyak berubah semenjak tahun 2005, malahan jumlahnya semakin bertambah.

Menurut Prof. Datuk Dr. Mohd Ekhwan Toriman (2019), akibat kurangnya rasa tanggungjawab untuk menjaga alam sekitar khususnya sungai, dalam melaksanakan pelbagai projek pembangunan yang pesat, kebanyakannya sungai di bandar di negara ini telah kehilangan keupayaan ekosistem untuk membekalkan air bersih, memproses kumbahan dan mengekalkan produktivitinya. Terdapat sungai berada pada tahap nazak dengan dipenuhi sampah-sarap terutamanya plastik, botol-botol, tayar terpakai, malah membentuk pulau kecil menyebabkan air sungai hitam dan mengeluarkan bau busuk. Statistik menunjukkan sungai-sungai yang tercemar semakin meningkat setiap tahun apabila pada tahun 2018 terdapat 63 sungai dikategorikan tercemar berbanding tahun sebelumnya iaitu tahun 2017, sekiranya 52 sungai dan 38 sungai tercemar pada tahun 2016. Secara lebih mendalam terdapat 5 pengelasan sungai yang dicirikan oleh tahap kebersihan dan keselamatan. Kelas 1 boleh dikatakan paling baik dan masih dalam keadaan semulajadi. Kelas 2A pula airnya memerlukan rawatan konvensional manakala Kelas 2B boleh digunakan untuk rekreasi. Kelas 3 memerlukan rawatan air intensif dan kelas 4 hanya untuk tujuan pengairan. Kelas yang paling teruk tercemar dan dinamakan

sungai mati diklasifikasikan sebagai kelas 5. Pada akhir Februari 2019, Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC), Yeo Bee Yin, mendedahkan fakta mengenai 25 sungai mati di Malaysia. Enam belas sungai tersebut berada di Johor, lima di Selangor, tiga di Pulau Pinang dan satu di Melaka. Sungai-sungai ini dikategorikan sebagai Kelas 4 dan 5 iaitu pencemaran teruk dan tiada hidupan akuatik yang boleh hidup di dalamnya.

Selain isu pencemaran sungai, kita juga berdepan isu jerebu apabila saban tahun jerebu melanda negara kita. Walaupun punca jerebu datangnya daripada negara jiran, terdapat juga aktiviti pembakaran tempatan yang memburukkan lagi isu jerebu terutama pada musim kemarau. Beratus sekolah terpaksa ditutup apabila pencemaran jerebu melebihi tahap yang dibenarkan dan pernah beberapa kali mencatatkan bacaan sangat tidak selamat. Data dari website World Health Organization 2019 menunjukkan sebanyak 4.2 juta kematian setiap tahun berlaku di seluruh dunia akibat daripada pendedahan kepada pencemaran udara *ambien* (luar), 3.8 juta kematian setiap tahun akibat pendedahan isi rumah terhadap asap dari dapur dan bahan bakar kotor, 91% penduduk dunia tinggal di tempat di mana kualiti udara melebihi had garis panduan WHO.

Dari sudut peranan kerajaan dalam berdepan dengan isu pencemaran ini, pelbagai dasar dan inisiatif diwujudkan termasuklah dasar mewujudkan alam sekitar yang mampan seperti Dasar Alam Sekitar Negara 2002, Dasar Teknologi Hijau Negara 2009 dan lain-lain lagi. Bagi memastikan setiap pembangunan sentiasa meletakkan kepentingan menjaga alam sekitar, negara ini juga mewajibkan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) dilakukan. Ia merupakan satu pendekatan yang menekankan aspek pengurusan alam sekitar secara menyeluruh bagi mengekalkan keseimbangan antara pembangunan dengan kualiti alam sekitar di bawah aspek pengekalan, pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Menurut Muhammad Rizal R dan Kadir A (2002), EIA juga merupakan satu kajian mengenal pasti dan meramal impak sesuatu pembangunan dan seterusnya mencadangkan langkah mitigasi atau tebatan yang sesuai bagi meminimumkan impak negatif kepada alam sekitar. Dalam penilaian impak pembangunan ini pandangan masyarakat juga diteliti termasuklah impak sosial atas pembangunan yang hendak dijalankan.

Walaupun begitu, kurangnya penguatkuasaan oleh pihak kerajaan dalam menguatkuasakan undang-undang berkaitan alam sekitar dikatakan sebagai di antara faktor penyumbang kepada isu alam sekitar masih berlaku dengan agak ketara di negara ini. Dalam masa yang sama menurut Rasyikah Md Khalid (2019), selagi sungai tidak dianggap sebagai sebuah jasad yang hidup dan memberi kehidupan kepada manusia, selagi itu manusia akan terus mencemarinya. Di sini pentingnya masyarakat diberi kesedaran yang menyeluruh mengenai pencemaran sungai kerana sungai adalah punca utama sumber air dan tanpa air masyarakat tidak dapat meneruskan kehidupannya. Sebab itulah kerjasama dari pihak swasta dan orang awam penting dalam aspek pengurusan alam sekitar kerana tanpa penglibatan aktif mereka, segala usaha kerajaan tidak akan mendatangkan hasil yang diharapkan. Kesedaran tentang alam sekitar perlu disuntik ke syarikat-syarikat swasta dan orang awam agar tidak hanya mementingkan keuntungan material. Setiap perancangan pembangunan yang melibatkan alam sekitar seharusnya mewajibkan penilaian impak kepada alam sekitar perlu disediakan bagi memastikan aktiviti yang dijalankan terkawal dan mempunyai impak yang rendah terhadap alam sekitar. Pihak swasta dan komuniti wajar digalakkan mempunyai biro khusus dalam menjalankan khidmat masyarakat dengan mengadakan aktiviti gotong royong, penanaman pokok dan menggalakkan aktiviti kebun bandar.

Tanggungjawab sosial juga boleh dimainkan peranannya oleh organisasi bukan kerajaan. Mereka ini merupakan badan-badan sukarela yang menjadi mata dan telinga masyarakat bagi memastikan pihak swasta, pengguna dan kerajaan dapat menguruskan alam sekitar dengan baik. Entiti ini penting menjadi barisan semak dan imbang selain menyumbang tenaga dalam mempromosikan kempen-kempen kesedaran. Di Malaysia terdapat banyak organisasi bukan kerajaan yang telah membantu kerajaan secara tidak langsung untuk terus peka terhadap isu alam sekitar seperti Sahabat Alam Malaysia (SAM), Persatuan Aktivis Alam Sekitar (KUASA), Persatuan Pencinta Alam (MNS), Tabung Alam Sedunia (WWF), Persatuan Perlindungan Alam Sekitar, Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) dan banyak lagi.

Selain organisasi bukan kerajaan, pihak media massa sama ada media cetak atau elektronik juga turut boleh menyumbang ke arah peningkatan kesedaran orang awam mengenai alam sekitar. Liputan meluas tentang masalah alam sekitar di Malaysia terutama kejadian pencemaran sungai di Sungai Kim Kim yang berlaku pada Mac 2019 yang lepas memberi kesedaran kepada masyarakat tentang implikasi kesihatan yang besar jika tidak diatasi. Peranan teknologi maklumat

juga boleh membantu usaha kesedaran kepentingan menjaga alam sekitar ini. Misalnya melalui pembangunan teknologi atas talian seperti laman media sosial, laman web dan portal interaktif telah membantu dalam menyebarkan maklumat kepada masyarakat umum. Mereka juga boleh berinteraksi dengan lebih cepat dengan kementerian-kementerian atau jabatan kerajaan melalui media sosial.

Dari sudut peradaban Islam, manusia sebagai khalifah yang ditugaskan untuk memakmurkan bumi terikat dengan amanah kepada Tuhan dengan sentiasa tunduk kepada peraturan Allah bagi menghalang tercetusnya gangguan kepada keseimbangan alam sekitar. Peradaban Islam telah mendaraskan tujuh nilai penting yang perlu menjadi pegangan dalam memelihara alam sekitar ini (Mardzelah Makhsin, 2007). Tujuh nilai itu ialah *tawazun* (keseimbangan), *nasim* (kesegaran, kesuburan, alam yang sihat dan tidak tercemar atau musnah), *jamal* (keindahan atau kecantikan, alam yang sentiasa dipelihara, dijaga dengan baik), *qanaah* (berpada-pada atau tidak berlebihan seperti tidak mengekplotasi alam secara berlebihan), *mahabbah* (sentiasa mengasihi manusia dan makhluk lain), *ihsan* (sentiasa berhati-hati dan berwaspada kerana Allah melihat tindakan kita) dan *taawun* (tolong menolong, iaitu masyarakat yang bersama-sama berusaha menjaga alam sekitar dengan pelbagai aktiviti yang dijalankan bersama).

## 8.2 PENGHAYATAN NILAI

Seseorang yang memiliki kesedaran tinggi tentang tanggungjawab sosial tidak lain ialah seseorang yang memiliki tahap penghayatan dan pengamalan nilai-nilai keadilan sosial yang sentiasa menjadi teras atau fokus utama dalam kehidupannya. Nilai keadilan ini sentiasa menjadi kerangka kepada setiap keputusan yang diambil setiap kali menjalankan tanggungjawabnya di dunia sama ada sebagai manusia, anggota masyarakat, pekerja dan warganegara. Sifat mulia yang sentiasa mementingkan nilai keadilan terjelma dalam penzahiran sifat suka kepada tindakan membantu orang lain dari kesusahan. Keadaan ini menjadikan nilai kesukarelaan menjelma secara semulajadi dalam dirinya. Sifat inilah yang perlu dipupuk, digalakkan dan dibajai kerana masyarakat yang memiliki anggota yang ramai memiliki nilai kesukarelaan. Ia akan menjadi masyarakat yang harmoni dengan wujudnya suasana kasih sayang yang menjadi kunci utama matlamat kehidupan bersosial yang sejahtera.

Sifat yang mementingkan kewujudan suasana keadilan wujud dalam masyarakat, menjadikan seseorang itu akan mudah tersinggung atau marah apabila wujudnya perkara negatif yang sengaja dilakukan oleh seseorang yang telah diberikan amanah tetapi mengkhianati amanahnya. Mereka ini sangat mementingkan nilai amanah, integriti,

ketelusan, kejujuran dan kesungguhan dalam kehidupannya. Jika terdapat rakan-rakan, pemimpin atau anggota masyarakat yang sengaja melanggar nilai-nilai mulia ini, mereka segera memberikan respon sama ada dalam bentuk teguran, saranan, aduan atau laporan kepada pihak yang bertanggungjawab agar pelanggaran itu segera dihentikan. Sifat ini sangat digalakkan dalam Islam dengan konsep *amar maaruf nahi mungkar*. Nilai inilah yang harus dipupuk dan dihayati kerana ia adalah pra syarat untuk menjadi sebuah masyarakat yang bertamadun tinggi dan hebat. Kelangsungan ketinggian sesebuah peradaban atau ketamadunan dapat dicapai kerana wujudnya masyarakat yang memiliki kesedaran dan penghayatan tinggi terhadap nilai etika yang menjadi teras wujudnya kebudayaan yang tinggi.

Mereka yang memiliki nilai tanggungjawab sosial yang tinggi juga sangat peka terhadap sebarang kerosakan, kemusnahan, eksploitasi, pencemaran dan salah guna yang disengajakan ke atas alam persekitarannya. Mereka memahami betapa pentingnya keseimbangan mesti wujud untuk kelangsungan kehidupan manusia di masa-masa mendatang. Pemilikan nilai-nilai ini mendorong mereka mencintai alam semulajadi dan menjadi agen penting kepada usaha-usaha pemeliharaan alam sekitar. Kasih sayang atau rasa cinta kepada alam sekitar dan kesedaran serta penghayatan kepentingan menjaga alam sekitar sahaja yang dapat mengurangkan amalan negatif yang tanpa disedari telah memusnahkan alam semulajadi. Sikap tidak peduli inilah yang banyak menyumbang kepada masalah pencemaran alam sekitar. Sikap tidak peduli dizahirkan kepada sifat suka membuang sampah merata-rata hingga ia tidak sensitif tentang bahan yang dibuangnya di sungai, tasik, laut, hutan dan pelbagai lagi akan membawa mudarat kepada manusia dan alam sekitar lebih-lebih lagi barang atau bahan yang dibuangnya adalah bahan yang beracun dan sangat merbahaya jika terkena kepada manusia.

### 8.3 KESIMPULAN

Keseluruhannya, bab ini telah membincangkan peranan setiap pihak dalam melaksanakan tanggungjawab sosial masing-masing. Dalam peradaban Islam, tanggungjawab sosial telah menjadi asas pembinaan tamadun yang kuat yang dibina oleh ahli masyarakat yang memiliki etika yang mantap. Perwatakan baik ini diasaskan oleh pemilikan keimanan yang kuat terhadap Tuhan. Tanggungjawab setiap insan terbahagi kepada tiga perkara penting

yang perlu benar-benar difahami, dihayati dan amalkan iaitu pertama tanggungjawab kepada Tuhannya, tanggungjawab kepada dirinya sendiri dan tanggungjawab kepada orang lain serta persekitarannya. Tanggungjawab sosial ini hanya akan berjaya direalisasikan jika setiap orang melaksanakan tanggungjawab masing-masing secara bersungguh-sungguh dan ikhlas.

## RUJUKAN

- Abdullah bin Haji Abdul Ghani, Mohamad Zainol Abidin bin Adam (eds.). (2011). *Deon Rossouw, Leon Van Vuuren, Business Ethics*. Kuala Lumpur: Oxford.
- Ahmad Ibrahim. (1997). *Pengurusan dalam Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Akbar Ahmed. (2002). "Ibn Khaldun's Understanding of Civilizations and the Dilemmas of Islam and the West Today", *Middle East Journal* 56 (1), p. 25.
- Haron Din. (2001). *Manusia dan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmud Al-Misri. (2014). *Ensiklopedia Akhlak Muhammad S.A.W*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah.
- Mardzelah Makhsin. (2007). *Sains Pemikiran dan Etika*. Kuala Lumpur: PTS.
- Mohd Nasir Omar. (2013). *Akhlaq dan Pembangunan Insan*. Bangi: Penerbit UKM
- Mohd Janib Johari. (1994). *Moral: Teori aplikasi & permasalahan*. Skudai: Penerbit UTM.
- Mohd Janib Johari. (2001). *Etika Profesional*. Skudai: Penerbit UTM.
- Mohd Ekhwan Toriman (2019). ‘80 peratus sungai di bandar ‘mati’ akibat pencemaran’. *Sinar Harian*. September 23, 2019.
- Rasyikah Md Khalid (2019). ‘Tragedi Sungai Kim Kim: Isu Perundungan Dan Kesedaran Awam’. *Bernama*. 20 Mac 2019.

## Penghayatan Etika dan Peradaban

Siti Nor Azhani Mohd Tohar. (2012). Teori Kitaran Ibnu Khaldun dan Pemerikasaan Bahasa Melayu dalam Masyarakat Multi Etnik. *Regional Conference on Cross Cultural Communication and National Integration 2012* (RECCNI2012) 19-21 June 2012. Kuala Lumpur. ms 141-151.

Sidek Baba. (2009). *Fikir dan Zikir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

<https://study.com/academy/lesson/the-origins-of-social-responsibility.html> 19/10/2019

<https://bizfluent.com/info-8117691-four-types-corporate-social-responsibility.html> 17/10/2019

<https://danielsethics.mgt.unm.edu/pdf/Arthur%20Andersen%20Case.pdf> 7/11/2019

<http://bem.org.my/web/guest/code-of-professional-conduct>. 12 November, 2019

Scott Krohn (2018) <https://asq.org/quality-resources/social-responsibility> 20/10/2019

<https://borgenproject.org/definition-social-responsibility/> 19/10/2019.

## BAB 9

# CABARAN KETERLESTARIAN ETIKA DAN PERADABAN

Mohd Azhar Abd Hamid

### Objektif Pengajaran:

Di akhir bab ini, pelajar akan dapat:

1. memahami konsep keterlestarian etika dan peradaban secara umum.
2. mengenalpasti cabaran-cabaran keterlestarian etika dan peradaban dalam konteks di Malaysia.
3. menganalisis strategi dan langkah ke arah keterlestarian etika dan peradaban dalam konteks Malaysia.

### 9.0 PENGENALAN

“Peradaban besar tidak dibunuh. Mereka mencabut nyawanya sendiri”.  
*Arnold Toynbee dalam A Study of History (Vol.12)*”

Sejarah Malaysia moden pada hari ini adalah suatu kesinambungan sejarah peradaban yang telah bermula seawal sejak sebelum masih lagi sebelum terbentuknya Tanah Melayu dan Malaysia moden, dalam konteks sebuah negara bangsa yang bersifat majmuk. Tanah Melayu adalah sebahagian daripada kawasan yang luas terbentang yang dikenali sebagai *Malay Archipelago*. Sebelum kedatangan penjajah seperti Portugis, Belanda, Jepun dan British pada abad ke-15 hingga 17, kawasan ini telah terbina beberapa empayar besar kuno seperti kerajaan Majapahit, Sriwijaya, Mataram, Sulu, Palembang, Siak, Kelantan, Terengganu, Perlak, Indragiri, Melaka, Johor dan Aceh. Kolonialisasi telah membelah *Malay Archipelago* menjadi wilayah yang terasing dan berbeza dari segi landskap politik, ekonomi dan sosial.

Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka telah bermula pada tarikh 31 Ogos 1957, namun sebagai sebuah peradaban ia telah bermula sejak beratus tahun yang lalu. Akar kepada kemenjadian Malaysia pada hari ini adalah apa yang telah dicorakkan sejak beratus tahun yang lalu oleh watan dan para leluhurnya. Justeru, melupakan kesinambungan sejarah lalu itu adalah suatu kesalahan dan keibaian yang sebenarnya merugikan bangsa Malaysia seperti mana yang berlaku pada negara jiran baru-baru ini. Akhirnya, sejarawan membuktikan bahawa leluhur Singapura adalah berasal daripada Tanah Melayu dan gugusan kepulauan Melayu. Namun, citra yang dibawa oleh Singapura pada hari ini seolah-olah negara kota itu tiada hubungan dan keserasian dengan budaya leluhurnya dahulu.

## **9.1 CABARAN KETERLESTARIAN ETIKA DAN PERADABAN**

Kelestarian atau kemapanan adalah terjemahan dalam bahasa Inggeris iaitu '*sustainability*' (Nik Fuad dan Noraein, 2007). Dalam bahasa latin dikenali '*sustinere*' (daripada bawah) dan '*tenere*' (tahan). Maka, keterlestarian secara umum bermaksud keupayaan mengekalkan sesuatu; memastikan kewujudan; atau '*memanjangkan*'. Perkataan ini sering dikaitkan dengan kehidupan manusia. Kehidupan yang mapan bermaksud penghidupan yang bermakna, produktif dan bertanggungjawab dengan mengimbangi keperluan ekonomi, budaya dan alam sekitar; untuk memenuhi keperluan hari ini tanpa menjelaskan keperluan generasi akan datang (Nik Fuad dan Noraein, 2007). Dalam konteks buku ini, keterlestarian etika dan peradaban bermaksud suatu usaha berkaitan

etika, adab dan nilai-nilai baik yang bersifat lokal dan global oleh masyarakat Malaysia yang dilakukan secara sedar, konsisten dan berterusan. Sungguhpun konsep lestari pada hari ini banyak diguna pakai dalam konteks pembangunan dan alam sekitar, namun konsep kelestarian ini juga yang sesuai dengan maksudnya boleh digunakan merentasi bidang seperti Etika dan Peradaban.

Benarkah Etika dan Peradaban memerlukan keterlestarian? Jawapannya adalah ‘Ya’. Seperti mana yang telah dibincangkan dalam bab-bab sebelum ini, Etika dan Peradaban adalah suatu bentuk karakter penting sesebuah masyarakat dan negara. Jepun yang ada pada hari ini, tidak akan disanjung dan dipuja-puja oleh banyak negara lain termasuk Malaysia jika Etika dan Peradaban yang mereka bangunkan sejak sebelum masihi itu tidak kekal sehingga kini. Tidak ada kemajuan yang dicapai tanpa sesuatu itu bermula dari ‘rebungnya’. Sungguhpun, ninja dan sistem kepahlawanannya telah pupus dan menjadi bahan sejarah, namun nilai-nilai etika dan peradabannya yang ada telah dimanfaatkan oleh rakyat Jepun dalam kehidupan bekerja dan bermasyarakat. Begitu juga dengan negara-negara lain seperti China, India, Mesir Kuno, Greek dan sebagainya (Mohd Azhar dan Esa, 2004). Kejayaan negara bangsa ini termasuklah tamadun Barat dan Islam kerana wujudnya kesinambungan atau pengekalan kepada apa yang telah mereka miliki dan lalui sebelum ini terus diberi nafas baru dan dikekalkan. Malah, dalam konteks Islam, apa saja yang terdapat dalam sumber-sumber hukum iaitu al-Quran dan al-Hadis sentiasa akan kekal sehingga dunia ini mengalami kehancuran (Abdul Rahman, 2002). Justeru, keterlestarian dalam konteks yang lebih tepat bagi maksud bab ini telah pun dijelaskan di awal bab ini. Keterlestarian itu memerlukan penghayatan, keazaman, kesungguhan, kecintaan, pengamalan yang berterusan dan konsisten kerana ia suatu kebaikan yang dapat memaju dan membangunkan pemikiran, jiwa dan tindakan manusia. Maka, keterlestarian memerlukan rencah dan resepi yang mampu menjadikan Etika dan Peradaban bersifat keterlestarian. Apakah rencah dan resepi itu? Perenggan seterusnya, pembaca akan disuakan dengan pelbagai cabaran dan strategi bagaimana Etika dan Peradaban itu akan terus keterlestarian.

Cabaran membangunkan sebuah masyarakat yang beretika dan berperadaban tidak mudah. Apatah lagi masyarakat Malaysia yang begitu rencam dan kompleks sifatnya sentiasa mengalami pasang surut dari segi hubungan dan jalinan perpaduan. Namun setakat ini, formula permuaafakan politik sedikit sebanyak berjaya mengendurkan ketegangan dan konflik yang berlaku. Masa depan Malaysia banyak bergantung kepada kestabilan politik yang disumbangkan oleh perpaduan dan kesepaduan rakyat yang berbilang bangsa, agama dan keturunan

(Shamsul Amri *et al.*, 2003). Justeru, cabaran-cabaran yang dihadapi dalam mewujudkan sebuah masyarakat dan negara idaman yang memiliki Etika dan Peradaban yang lestari sememangnya penuh dengan ranjau dan berliku. Cabaran-cabaran yang wujud dalam pelbagai dimensi dan konteks dan antaranya termasuklah cabaran politik, ekonomi, sosial, psikologi dan pembangunan karakter serta cabaran yang lebih besar iaitu globalisasi. Berikut adalah idea-idea utama beberapa cabaran yang dijangka akan dihadapi dalam usaha keterlestarian etika dan peradaban dalam konteks sebuah negara bangsa iaitu;

### **9.1.1 Cabaran Politik**

Kemenangan Pakatan Harapan pada PRU-14 yang lalu telah mengubah pola dan mentaliti rakyat Malaysia terhadap kelangsungan politik. Sejak 62 tahun yang lalu, terdapat sedikit kepincangan dalam amalan demokrasi di Malaysia khususnya yang berkaitan pilihanraya, kebebasan bersuara, perundangan dan kehakiman, politik wang dan manipulasi kuasa menerusi kronisme dan nepotisme. Naratif Malaysia Baharu menerusi barisan kepimpinan yang baru berusaha untuk menegakkan keadilan dan kesaksamaan. Cabaran politik sangat berkaitan dengan peningkatan etika dan peradaban. Politik bukan hanya boleh menjatuhkan kerajaan yang kuat tetapi mampu melemahkan seluruh struktur dan elemen kuasa dan pentadbiran. Pada hemat saya, berikut adalah cabaran-cabaran besar yang mesti ditangani, iaitu;

- Pembinaan budaya politik dan demokrasi matang.
- Kebebasan bersuara dan pembinaan masyarakat sivil (madani).
- Kerajaan yang telus dan menjaga kepentingan nasional.
- Literasi politik dalam kalangan rakyat.
- Celik sejarah dalam kalangan rakyat.
- Mewujudkan sebuah negara bangsa.
- Semangat cintakan negara dan kurangnya penghayatan dalam aspek kenegaraan.
- Politik berasaskan kaum lawan politik permuafakatan.
- Mengakui hak antara kaum seperti yang termaktub dalam Perlembagaan persekutuan.

### 9.1.2 Cabaran Ekonomi

Cabaran ekonomi juga memberi impak kepada etika dan peradaban manusia. Maslow (1956) menjelaskan bahawa apabila berlaku konflik antara keperluan (*needs*) dan kehendak (*wants*) maka akan ada kos melepasnya kepada pihak lain. Dalam perspektif Maslow dan Kohlberg, pemikiran etika tinggi berlaku apabila seseorang individu itu bebas daripada kepentingan-kepentingan peribadi dan pihak lain. Tindakan dan keputusan etika yang dibuat adalah atas kesedaran diri yang tinggi. Jika dilihat dari perspektif kedua-dua tokoh barat ini, Etika dan Peradaban berkadar terus dengan ekonomi iaitu apabila individu telah dapat memenuhi keperluan dan kehendaknya (asas, keselamatan, estim diri) maka barulah ia mencapai tahap kesempurnaan diri. Namun ia berbeza dalam perspektif Islam, al-Ghazali menyatakan bahawa akhlak (etika) adalah bersifat kerohanian yang diterjemahkan dalam bentuk tingkahlaku yang baik kerana kesedaran terhadap Allah. Bagaimana pun, cabaran etika dan peradaban kepada masyarakat pada hari ini adalah berkaitan dengan keperluan-keperluan memenuhi keperluan (*needs*) dan kehendak (*wants*) yang masih belum dipenuhi. Justeru, antara cabaran ekonomi yang sedang dan akan terus dihadapi oleh pembangunan etika dan peradaban adalah;

- Mengurangkan jurang antara kaya dan miskin yang semakin melebar.
- Mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat dan generasi muda.
- Pendarat asing dan sektor pekerjaan 3D.
- Keseimbangan ekonomi bandar, luar bandar dan wilayah.
- Pemberdayaan ekonomi bumiputera dan kaum-kaum lain.
- Meningkatkan ekonomi pengetahuan, inovasi dan R&D.
- Peningkatan kepada kualiti dan kemampuan hidup.
- Ekonomi pertanian, krisis makanan dan keselamatan.

### 9.1.3 Cabaran Sosial

Apabila membincangkan aspek etika dan peradaban dalam konteks pembangunan sosial, aspek agama tidak boleh dikesampingkan. Dalam perspektif perkembangan tamadun, manusia yang mempunyai kepercayaan beragama mempunyai sumbangan yang besar terhadap tamadun manusia. Bagi negara Malaysia, kebebasan beragama telah dimaktubkan dalam perlembagaan (Abdul Aziz, 2008). Agama Islam telah dijadikan agama rasmi Persekutuan, manakala agama-agama lain bebas untuk diamalkan (Shamsul Amri et al., 2003). Justeru, dalam kehidupan bermasyarakat dan berbudaya, ajaran-ajaran dan nilai-nilai agama dipegang kuat serta diamalkan. Ajaran dan nilai-nilai Islam boleh diringkaskan kepada prinsip umum yang

mengamalkan segala kebaikan dan mencegah dari melakukan kejahanan. Nilai Islam juga boleh difahami menerusi penjelasan konsep-konsep seperti amalan baik dan perbuatan jahat, pahala dan dosa, syurga dan neraka. Konsep-konsep umum yang lahir daripada budaya masyarakat Melayu telah disesuaikan dengan amal kebaikan dalam ajaran Islam. Terdapat juga nilai-nilai dalam ajaran agama-agama lain yang diamalkan dalam kehidupan masyarakat Melayu yang tidak bercanggah dengan agama Islam (A. Aziz, 2001).

Pada masa kini, kehidupan masyarakat masih berpegang kuat kepada nilai-nilai yang sejagat merangkumi pelbagai aspek kehidupan termasuklah hidup berdisiplin, rajin bekerja, semangat kejiraninan, menjaga kebersihan, memupuk budaya ilmu menerusi penyelidikan, penulisan dan rajin membaca, mengembalikan maruah bangsa, berdikari, kepimpinan melalui teladan, Bersih, Cekap dan Amanah dan lain-lain lagi. Elemen tersebut adalah merupakan unsur-unsur penting yang diterapkan ke dalam masyarakat Malaysia untuk dijadikan sebagai garis panduan dalam proses membangunkan satu bangsa Malaysia yang maju dan bermaruah (Mohd Zaidi dan Mohd Sani, 2012). Himpunan daripada semua konsep ini mencerminkan falsafah hidup masyarakat Malaysia moden yang diterajui oleh pemimpin-pemimpin yang berjiwa besar, bercita-cita tinggi dan mempunyai pandangan yang jauh. Para pemimpin sentiasa menyeru rakyat untuk membina satu bangsa Malaysia yang bersatu padu walau apa pun cabaran dan rintangan yang terpaksa dihadapi. Hakikatnya, bangsa Malaysia yang pernah dijajah ratusan tahun dahulu mesti berusaha untuk mewujudkan bangsa Malaysia yang berjiwa merdeka, yakin tentang kemampuan sendiri dan setaraf dengan bangsa-bangsa lain di dunia (Siddiq, 2012).

Sebagaimana yang diketahui, Malaysia adalah sebuah negara demokrasi dan masyarakatnya terdiri daripada pelbagai kaum, agama, bahasa dan budaya. Mengikut perangkaan pada tahun 2000, terdapat tiga kaum terbesar di negara kita. Pecahannya adalah seperti berikut; 65.1 peratus penduduk terdiri daripada kaum Melayu dan bumiputera, 26 peratus kaum Cina, 7.7 peratus kaum India dan selebihnya adalah kaum-kaum lain. Terdapat juga 31 etnik yang diiktiraf sebagai bumiputera di Sabah dan Sarawak. Antara kaum yang terbesar adalah seperti Bajau, Bisayah, Kadazan, Dusun, Murut, Iban, Bidayuh, Kayan, Kelabit, Kenyah dan Melanau (Zaliza dan Norlin, 2008). Daripada statistik tersebut, jelas menunjukkan tahap kepelbagaian budaya yang wujud di Malaysia. Kepelbagaian ini menjadikan Malaysia sebuah negara yang unik kerana rakyatnya yang berbilang bangsa, agama dan kebudayaan boleh hidup dengan aman dan harmoni di bawah satu bumbung pemerintahan (Shamsul Amri et al., 2003). Formula perpaduan ini adalah falsafah pemerintahan negara yang berteraskan integrasi kaum dan pengurusan berwibawa.

- Isu-isu berkaitan integriti di pelbagai sektor awam dan swasta.
- Pengukuhan perpaduan antara etnik dan integrasi nasional.
- Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan pemersatu rakyat.
- Penyebaran budaya barat.
- Masalah sosial (pelbagai isu jenayah dan juvana).
- Kurang penghayatan agama.
- Toleransi dan dialog antara agama.
- Kurang kecintaan terhadap ilmu dan pembelajaran sepanjang hayat.
- Hubungan inter-etnik dan intra-etnik yang lebih baik di pelbagai peringkat.
- Membanteras ekstremisme dalam bentuk perbuatan dan pemikiran termasuklah *cauvinisme* dan perkauman.
- Transformasi pendidikan ke arah pemantapan modal insan, perpaduan dan integrasi nasional.
- Masa depan belia dan Orang Kurang Upaya (OKU).
- Peningkatan kesihatan dan kesejahteraan hidup rakyat.
- Peranan intelektual sebagai pemangkin pencerdasan rakyat dan ummah.
- Penghayatan seni budaya tempatan lawan budaya luar yang bersifat hedonisme.

#### **9.1.4 Cabaran Psikologi dan Pembinaan Karakter**

Masa depan memang bergantung kepada keutuhan jati diri sesebuah bangsa (Shahruddin, 2016). Tanpa jati diri yang kukuh dan ampuh sesuatu bangsa itu akan ketinggalan jauh ke belakang. Keutuhan jati diri adalah nilai-nilai dalaman yang kuat dan kukuh seperti rajin, yakin diri, positif, kreatif, inovatif, gigih, bersih, jujur dan berintegriti yang dapat diterjemahkan menerusi nilai-nilai luaran. Jepun misalnya adalah suatu bangsa yang memiliki jati diri yang sangat kukuh. Nilai-nilai tradisi tertanam kukuh dalam setiap diri masyarakat Jepun tidak kira apa pun kedudukan mereka. Sejak kecil mereka telah diasuh dan dilazimi dengan nilai-nilai diri yang tinggi terhadap diri sendiri, setiakawan, bekerjasama, patriotik, berintegriti dan berkerja kuat. Tidak hairanlah kejayaan Jepun selepas kalah teruk dalam perang dunia kedua itu mampu bangkit manjadi kuasa ekonomi dunia kerana memiliki jati diri yang kuat. Begitu, juga bangsa Korea yang suatu ketika dahulu jauh ketinggalan dengan Malaysia dalam banyak perkara, namun pada hari ini negara Korea dalam beberapa perkara telah pun mengalahkan negara maju lain seperti Jepun, Eropah dan Amerika Syarikat. Malah dalam konteks Islam, Generasi Awal (*As-Sabiqul Awwalun*) adalah antara generasi

awal Islam yang memiliki karakter dan watak yang hebat. Bersama-sama dengan Nabi Muhammad s.a.w, generasi awal ini membangunkan kota Mekah dan menjadikan Madinah sebagai sebuah peradaban yang terhebat di dunia. Kehebatan Madinah sebagai sebuah negara kota yang bertamadun adalah kerana masyarakatnya memiliki akhlak dan karakter yang baik (Raghib, 2011). Namun, inilah antara cabaran yang perlu dihadapi oleh generasi masa kini dengan menjadikan Rasulullah s.a.w sebagai ‘suri teladan’ dalam pembinaan watak dan karakter. Antara isu-isu penting berkaitan cabaran psikologi dan pembinaan karakter adalah seperti berikut;

- Pembinaan jati diri bangsa Malaysia.
- Mengurangkan *stereotype*, prejudis, etnosentrisme dan bias antara kaum.
- Meningkatkan semangat ‘kesatuan dalam kepelbagai’ (budaya dan nilai bersama yang boleh dikongsi).
- Minda kelas pertama lawan minda kelas ketiga.
- Keutuhan moral dan integriti.
- Chauvinis lawan *Rahmatan lil'Alamiin*.
- Kearifan tempatan (*local genius*).

### **9.1.5 Cabaran Globalisasi**

Globalisasi boleh memberi impak positif dan negatif dalam pelbagai aspek kehidupan termasuklah etika dan peradaban manusia. Ramai sarjana telah membahaskan isu-isu berkaitan impak globalisasi kepada manusia sejagat (Lukman, Mohd Yusof dan Nor Azizan, 2000). Impaknya boleh datang dalam pelbagai bentuk yang ketara (*tangible*) dan tidak ketara (*intangible*). Bagaimana pun, dalam konteks etika dan peradaban khususnya pada zaman Revolusi Industri 4.0, kesannya sangat besar akibat daripada penggunaan total teknologi maklumat yang merentasi pelbagai bidang. Antara cabaran-cabaran besar yang akan dihadapi oleh pembangunan etika dan peradaban adalah;

- Data dan maklumat raya yang tidak ditapis dan berlegar-legar dalam ruang terbuka yang sangat mudah diakses oleh pengguna pelbagai golongan.
- Idea-idea negatif seperti sekularisasi, ajaran sesat dan liberalisasi yang mudah disebar luaskan tanpa sekatan.
- Kebebasan bersuara tanpa batas dalam dunia tanpa sempadan menerusi pelbagai platform media sosial.
- Meningkatkan gejala buli dalam ruang siber yang terbuka.

- Penyebaran budaya barat yang lebih meluas (*punk, skinhead, black metal, underground* dan subbudaya seperti *indie* dan *hipster*) dan penguncupan budaya setempat.
- Ketidakadilan perdagangan dan ekonomi global.
- Peningkatan gejala LGBT dan pemikiran ‘underground’.
- Perkongsian pelbagai gejala hendorisme secara terbuka yang boleh diakses dan ditiru.
- Kestabilan politik serantau dan global.
- Krisis ekonomi dan kewangan antarabangsa.
- Pelbagai isu rasis dan Islamofobia.
- Keselamatan siber dan data peribadi.

Dalam konteks globalisasi juga beberapa cabaran besar yang perlu dihadapi dalam keterlestarian etika dan peradaban adalah;

- **Alam sekitar**

Etika dan peradaban juga berkait secara langsung dengan alam sekitar. Alam sekitar yang berdaya huni dan selamat memberi gambaran bahawa manusia di sesuatu kawasan mengambil berat akan menjaga dan pemuliharaan alam sekitar. Manusia yang beradab dan beretika akan sentiasa menjaga persekitaran dan lingkungannya untuk generasi yang akan datang. Tanpa etika dan integriti, alam sekitar tidak akan dapat dipertahankan. Pada hari ini, isu-isu berkaitan alam sekitar menjadi keutamaan dalam pelbagai polisi dan dasar pembangunan. Ia akibat daripada pelbagai isu kesan daripada pembangunan yang tidak seimbang. Justeru, menyebabkan beberapa ketetapan diambil pada peringkat global dan Malaysia dalam usaha menjadikan alam sekitar lebih berdaya huni. Pelbagai isu seperti pencemaran udara, air dan ekosistem menyebabkan ekologi kehidupan manusia berisiko dan tidak selamat. Ia bukan sahaja menyebabkan kesan negatif kepada manusia malah kepada alam seluruhnya termasuk flora dan fauna. Pelbagai kempen dan polisi telah dikeluarkan dan diterjemahkan dalam bentuk tindak di pelbagai peringkat perancangan dan pembangunan fizikal dan bukan fizikal. Namun, kelemahan dan ketamakan nafsu manusia telah menjadikan alam sekitar semakin rosak dan sukar dipulihkan. Justeru, muncul pelbagai NGO dan orang perseorangan berjuang dengan lebih progresif ke arah menjadikan alam sekitar lebih baik untuk kehidupan generasi masa depan. Antara isu dan cabaran dalam konteks alam sekitar adalah;

1. Pencemaran laut, udara dan darat.
2. Eksplorasi sumber-sumber alam sekitar secara tidak terkawal dan haram.
3. Isu-isu biodiversiti.
4. Kepupusan pelbagai spesis fauna dan flora akibat perubahan iklim.
5. Kehidupan flora dan fauna yang terancam akibat pembalakan, pertanian pindah dan pemburuan haram.
6. Konflik antara pembangunan fizikal, pertanian, perikanan dan penternakan.
7. Kekurangan bekalan dan zat makanan.
8. Penggunaan minyak rendah karbon.
9. Penggunaan tenaga alternatif (air, angin dan solar).

- **Sains dan teknologi**

Sains dan teknologi juga memerlukan sentuhan etika dan peradaban seperti mana yang diuraikan oleh Naisbitt (1999) dalam bukunya '*High Tech; High Touch: Technology and our Search For Meaning*'. Menurut Naisbitt (1999), kecanggihan teknologi yang ada pada hari ini berada dalam zon bahaya yang bertoksik. Ia bermaksud, teknologi yang ada pada hari ini sememangnya membawa banyak manfaat kepada manusia, namun terdapat sisi gelap sains dan teknologi yang boleh meruntuhkan kehidupan manusia apabila ia disalahgunakan. Sains dan teknologi adalah sebahagian daripada keperluan penting kehidupan manusia sejak bermulanya zaman revolusi sains. Kemajuan yang dicapai oleh manusia dalam sains dan teknologi pada hari ini amat luar biasa dan mengagumkan. Kemajuan sains dan teknologi selari dengan kemajuan yang dicapai dalam konteks penerokaan pelbagai bidang ilmu sains menerusi penyelidikan dan pembangunan. Dalam konteks global, kemajuan yang dicapai dalam bidang sains dan teknologi merupakan salah satu indikator pembangunan yang dikehendaki dalam sebuah negara. Malah kemajuan sains dan teknologi sekali gus meningkatkan reputasi dan penguasaan sebuah negara dalam bidang ekonomi, politik dan sosial. Kejayaan yang dicapai oleh beberapa buah negara Asia seperti Jepun, Korea Selatan dan China dalam pelbagai bidang sains dan teknologi telah menjadikan negara tersebut setanding dan sangat berdaya saing pada peringkat global. Namun, kemajuan yang dicapai oleh negara-negara Barat sejak revolusi sains telah menjadikan negara-negara seperti Amerika Syarikat, Perancis, Jerman, Britain,

Finland, Belanda dan Denmark mengungguli dalam pelbagai bidang sains dan teknologi dunia seperti teknologi angkasa lepas, militari, pertanian, robotik dan kepintaran buatan, tenaga keterbaharuhan, teknologi nano, pembuatan, petrokimia dan sebagainya. Namun begitu, terdapat isu-isu tidak beretika yang berlaku dalam dunia sains dan teknologi yang jika tidak diperbaiki akan menyebabkan kepada kehancuran peradaban. Antara isu-isu sains dan teknologi yang perlu diberi perhatian adalah;

- Isu-isu etika dan profesionalisme dalam kalangan saintis dan penyelidik.
- Penggunaan drone, satelit dan teknologi militari dalam peperangan massa.
- Penyelidikan dan pembangunan berasaskan kehendak dan bukan keperluan manusia.
- Penggunaan bahan-bahan kimia terlarang dalam pembuatan ubat-ubatan.
- Monopoli syarikat-syarikat besar dalam penjanaankekayaan berkaitan sains dan teknologi.
- Sains dan teknologi yang kehilangan nilai (*value laden*).
- Teknologi (*green technology*) dan produk hijau (*green product*).

## **9.2 MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN (SDG) PBB**

SDG atau Matlamat Pembangunan Mampan merupakan teras agenda 2030 bagi pembangunan mampan yang dipersetujui oleh Ketua-ketua Negara dan masyarakat antarabangsa pada 25 September 2015 di Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). SDG merupakan kesinambungan agenda pembangunan yang diteruskan selepas berakhirnya Millennium Development Goals (MDG) pada 2015. MDGs mempunyai 8 matlamat dan 21 sasaran. Manakala SDG diperluaskan kepada 17 matlamat dan 169 sasaran dengan matlamat bagi meneruskan agenda 2030 mencapai keseimbangan dalam tiga dimensi pembangunan mapan iaitu merangkumi sosial, ekonomi dan alam sekitar. 17 SDG dan 169 sasaran ini berkaitan mengintegrasikan dan mengimbangi tiga dimensi pembangunan mampan dalam perlaksanaannya di pelbagai peringkat pembangunan dalam sesebuah negara. Berikut adalah senarai 17 SDG yang telah dipersetujui oleh pemimpin dan warga global;

- Matlamat 1. Menamatkan kemiskinan dalam semua bentuk di mana-mana.
- Matlamat 2. Akhiri kelaparan, mencapai keselamatan makanan dan meningkatkan nutrisi dan mempromosikan pertanian yang mampan.
- Matlamat 3. Memastikan kehidupan yang sihat dan menggalakkan kesejahteraan untuk semua pada semua peringkat umur.
- Matlamat 4. Memastikan pendidikan berkualiti inklusif dan saksama dan menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua.
- Matlamat 5. Mencapai kesaksamaan gender dan memperkasakan wanita dan kanak-kanak perempuan.
- Matlamat 6. Memastikan ketersediaan dan pengurusan air yang lestari dan sanitasi untuk semua.
- Matlamat 7. Memastikan akses kepada tenaga yang mampu dimiliki, boleh dipercayai, mampan dan moden untuk semua.
- Matlamat 8. Menggalakkan pertumbuhan yang mampan, inklusif dan mampan ekonomi, guna tenaga penuh dan produktif dan kerja yang bersesuaian untuk semua.
- Matlamat 9. Membina infrastruktur berdaya tahan, menggalakkan perindustrian inklusif dan mampan dan menggalakkan inovasi.
- Matlamat 10. Mengurangkan ketidaksamaan dalam kalangan negara-negara.
- Matlamat 11. Menjadikan bandar dan penempatan manusia inklusif, selamat, berdaya tahan dan mampan.
- Matlamat 12. Memastikan penggunaan dan corak pengeluaran mampan.
- Matlamat 13. Mengambil tindakan segera untuk memerangi perubahan iklim dan kesan-kesannya.
- Matlamat 14. Memulihara dan mampan menggunakan lautan, laut dan sumber marin bagi pembangunan lestari.
- Matlamat 15. Melindungi, memulihkan dan menggalakkan penggunaan lestari ekosistem daratan, mampan menguruskan hutan dan menghentikan dan membalikkan kemasuhan tanah dan menghentikan kehilangan biodiversiti.
- Matlamat 16. Menggalakkan masyarakat aman dan inklusif untuk pembangunan mampan, menyediakan akses kepada keadilan untuk semua dan membina institusi berkesan, dapat dipertanggungjawabkan dan inklusif di semua peringkat.
- Matlamat 17. Mengukuhkan cara-cara pelaksanaan.

### **9.3 STRATEGI DAN LANGKAH KETERLESTARIAN ETIKA DAN PERADABAN**

Sebelum terbentuknya Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka, pelbagai kegemilangan telah dikecapi sejak ratusan tahun dahulu. Kerajaan Kedah tua, Kelantan, Terengganu, Melaka dan Johor adalah antara yang boleh dibanggakan sebagai sebuah permata yang menyimpan khazanah bangsa yang amat dikagumi. Kejayaan dan kegemilangan Melaka sebagai sebuah empayar pada abad ke-15 merupakan reputasi yang perlu dikembalikan pada abad ini.

Justeru, sejak Tanah Melayu diisyiharkan sebagai sebuah negara yang merdeka pada 31 Ogos 1957, iaitu 62 tahun yang lalu Malaysia terus bergerak ke hadapan menerusi tujuh kepimpinan Perdana Menteri. Dengan berpaksi negara demokrasi berparlimen yang mengandungi masyarakat pelbagai kaum, ras dan agama. Malaysia telah menjadi sebuah negara moderat yang membangun seperti negara China, Brazil, Thailand dan seumpamanya. Banyak kejayaan telah dikecapi dalam ekonomi, politik dan sosial. Pelbagai dasar dan inisitif telah diperkenal untuk memajukan pembangunan fizikal dan bukan fizikal. Namun begitu, di sepanjang 62 tahun tersebut Malaysia masih memerlukan strategi dan langkah yang lebih lestari dalam membangunkan etika dan membina peradaban yang lebih komprehensif dan sukses. Maka, berikut diuraikan beberapa cadangan membina ke arah melahirkan sebuah negara yang masyarakatnya memiliki etika dan berperadaban.

#### **9.3.1 Membina pemikiran dan sikap yang betul terhadap etika dan peradaban dalam kalangan masyarakat**

Kejayaan negara-negara maju seperti Jepun, Korea, sebahagian besar negara-negara Scandinavia, Amerika Syarikat adalah kerana mereka mengamal dan menjadikan etika sebagai sebahagian daripada cara hidup mereka. Sejarah pada zaman kegelapan menjelaskan kepada kita bagaimana orang-orang Barat pada ketika itu hidup sebagai ‘barbaric’ yang tidak berperaturan, sistem hidup yang tidak tersusun dan teknologi yang masih tidak berkembang maju. Malah pemikiran mereka pada waktu ini masih belum maju dan tertutup (M. Bakri, 2016). Manakala pada masa yang sama tamadun Islam telah mengalami suatu anjakan perubahan yang moden dan maju dalam pelbagai bidang termasuklah sains dan teknologi. Andalus dan Cordoba di kata antara bandaraya yang termaju dan termoden pada abad ke-3 berbanding kota-kota Eropah yang lain (Raghib, 2011). Rahsia kejayaan tamadun Islam adalah kerana faktor agama Islam,

kepimpinan yang berintegriti dan kecintaan masyarakat kepada ilmu pengetahuan begitu tinggi. Kesemua faktor ini membentuk etika dan disiplin masyarakat yang cemerlang sekali gus menjadikan persekitaran yang sangat kondusif melahirkan tamadun yang gemilang. Ia turut berlaku kepada tamadun Melaka pada abad ke-13 hingga akhir abad ke-15.

Pada hari ini, negara-negara seperti Jepun, Korea, Hong Kong dan kebanyakan negara Scandinavia merupakan model negara yang memiliki etika dan peradaban yang tinggi. Ketinggian etika dan peradaban inilah yang menjadikan negara tersebut antara negara yang sangat berjaya di dunia dalam pelbagai bidang termasuk pendidikan, ekonomi, sains dan teknologi, inovasi, kesihatan dan sebagainya. Banyak sekali kisah-kisah teladan rakyat di negara-negara tersebut dipaparkan di media massa, media sosial dan artikel jurnal. Budaya amanah dan menghormati tetamu rakyatnya, pemimpin yang jujur dan beretika, jujur bila bercakap, pegawai-pegawai kerajaan yang jujur dan berintegriti, rakyat awam, para pekerja, para pelajar yang berdisiplin di pelbagai situasi, orang yang lebih muda menghormati orang tua, rajin bekerja, berfikiran kritis, inovatif dan kreatif. Pemimpin yang bertanggungjawab dan berfikiran terbuka, pembangkang yang sama-sama menyokong dan membangunkan dasar-dasar negara (Shahruddin, 2016). Malah kita dapat menyaksikan sendiri bagaimana masyarakat Jepun di Sendai yang menjadi mangsa gempa bumi masih berdisiplin dan beratur mengambil makanan. Mereka sangat endah akan kebersihan alam sekitar, jujur dalam urusan perniagaan, berdisiplin walau di mana jua dan dalam apa jua situasi. Begitulah, sebahagian daripada cerita kejayaan masyarakat yang memiliki etika dan peradaban. Ia bukan lahir dalam masa yang singkat. Ia memerlukan usaha pembudayaan yang bersungguh-sungguh daripada semua pihak. Tanpa kerja keras dan inisiatif yang melibatkan semua pihak, Jepun, Korea Selatan dan negara Scandinavia tidak akan mengecapi apa yang mereka kecapi pada hari ini.

Pelbagai indeks negara-negara ini berkaitan rasuah, inovasi, kelestarian alam, kewangan, pendidikan, kesihatan, kebersihan, kewangan dan kebahagiaan mencatat antara yang terbaik di dunia (Mohd Azhar, 2017). Malah negara Malaysia sehingga kini masih menjadikan Jepun dan Korea Selatan sebagai model ikutan dalam membangunkan negara menerusi Dasar Pandang Ke Timur. Pelbagai idea dan pendekatan seperti kuat bekerja, menepati masa, berdisiplin, patuh arahan, beretika dan beradab yang membawa kepada kejayaan Jepun dan Korea Selatan dimanfaatkan untuk membina pemikiran dan membentuk jati diri rakyat Malaysia ke arah mentaliti kelas pertama.

Dalam konteks di Malaysia, pelbagai langkah dan pendekatan telah diambil ke arah membina pemikiran yang beretika dan beradab di pelbagai peringkat sejak merdeka. Di sekolah misalnya, mata pelajaran sivik, pengajian agama Islam dan moral diperkenalkan. Malah pada peringkat etika, adab dan disiplin antara nilai penting yang diberi penekanan dalam membina ‘*soft skill*’ para pelajar. Beberapa subjektif elektif yang berkaitan etika, integriti dan peradaban diperkenalkan dalam usaha melahirkan modal insan yang mampu membangunkan negara bangsa yang gemilang dan terbilang suatu masa nanti. Bermula era pemerintahan Malaysia baharu, dua lagi subjek wajib pada peringkat pengajian telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu Etika dan Peradaban dan Falsafah dan Isu Semasa. Ia bertujuan untuk melahirkan golongan pelapis masa depan yang boleh berfikir secara kritis, kreatif dan inovatif sekaligus memiliki disiplin dan etika yang tinggi.

Pada peringkat governan dan pemimpin politik pula, usaha yang berterusan perlu dilaksanakan bagi mengurangkan salah guna kuasa, rasuah dan ketidakcekapan dalam penyampaian dasar awam (Mohd Zaidi dan Mohd Sani, 2011). Indeks Transparansi Antarabangsa menunjukkan rating terendah bagi tadbir urus dan indeks rasuah adalah negara-negara mundur dan miskin yang kebanyakannya di Afrika Tengah. Maka tanggungjawab kerajaan khususnya penjawat awam dan pemimpin politik memulihkan imej negara daripada persepsi negatif rakyat dan antarabangsa sebagai sebuah negara kleptokrasi. Sebenarnya sudah terlalu banyak inisiatif dan institusi ditubuhkan seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Institut Integriti Malaysia, pelbagai agensi penguatkuasaan ke arah menjadikan Malaysia negara berhemah dan rahmah. Namun, usaha-usaha ke arah kebaikan ini masih belum benar-benar menunjukkan hasil yang membanggakan. Undang-undang, peraturan dan pelbagai polisi sudah jauh daripada mencukupi (Mohd Zaidi dan Mohd Sani). Namun, semua itu tidak bermakna jika penguatkuasaan tidak dilaksanakan secara serius dan bersungguh-sungguh. Apabila ini berlaku, kes-kes pecah amanah, pencabulan undang-undang, pelbagai penipuan berprofil tinggi, ‘*money laundering*’ dan sebagainya akan menjadikan iklim perniagaan tidak kondusif untuk pelabur-pelabur luar.

### **9.3.2 Menjunjung tinggi budaya ilmu, nilai-nilai moral, akhlak dan integriti**

Manusia hanya dapat membina ‘kemanusiaannya’ menerusi ilmu (Mohd Azhar dan Kassim, 2017). Ilmu menjana insan yang berkualiti. Tanpa ilmu, manusia tidak digelar khalifah mahu pun insan. Dengan

ilmu, martabat manusia diangkat sebagai yang tertinggi daripada sekalian makhluk yang lain (Abdul Rahman, 2002). Justeru, untuk membina manusia yang memiliki nilai-nilai kemanusiaan dan keinsanan itu hanya dengan jalan ilmu (Anwar, 1997). Ilmulah yang akan membentuk individu menjadi seorang ‘*khalifah*’ (pemimpin). Namun begitu, untuk membina sebuah generasi dan tamadun, ia merupakan suatu ‘projek’ yang perlu dijalankan secara komprehensif, sedar, sistematik dan bertujuan. Justeru, untuk melahirkan modal insan dalam perspektif pembangunan negara, bangsa, tanah air dan agama ia memerlukan kekuatan budaya ilmu yang mantap dan kukuh. Budaya ilmu mestilah dibentuk menerusi suatu gerakan dan gelombang kesedaran ‘ilmu untuk berilmu’ (Wan Mohd Nor, 1994). Setiap pihak harus menjalankan tanggungjawab membela dan menjawai ‘watak’ insan yang suka dan cenderung kepada nilai-nilai keilmuan. Semua pihak secara formal maupun tidak formal harus melaksanakan agenda besar ini secara sedar dan sistematik. Model daripada gerakan dan gelombang ini boleh diambil daripada ketamadunan Islam di Andalusia dan Baghdad (Raghib, 2011). Dengan sedikit tokok tambah daripada apa yang terdapat dalam tamadun-tamadun moden di Barat dan di Timur pada hari ini.

Hal ini jika dapat diperaktis, ia akan membawa manfaat yang sangat besar kepada kemakmuran dan kesejahteraan bangsa, agama dan negara. Modal pendahuluannya cukup besar dan begitu juga dengan kos melepas yang lain. Apa yang dimaksudkan adalah bukan sekadar kemampuan kita membina dan memperbanyakkan institusi pendidikan dan latihan atau merombak kurikulum secara besar-besaran. Begitu juga menyediakan prasarana pembelajaran dan latihan. Menyuntik ratusan juta ringgit untuk latihan guru, pensyarah dan teknokrat. Itu penting. Cukup penting! Namun, yang lebih penting adalah ‘perubahan sikap’ terhadap ilmu dan budaya ilmu yang lebih utama. Penting bagi kita melahirkan generasi dan modal insan yang bukan sahaja boleh berfikir dengan kritis, kreatif dan inovatif tetapi juga memiliki akhlak dan adab yang betul (Mohd Azhar dan Kassim, 2017). Suka membaca bahan-bahan bacaan berkualiti dan memiliki nilai ilmu di dalamnya. Penting juga bagi kita melahirkan generasi dan modal insan yang sentiasa ingin mengetahui dan bertanya tentang sesuatu. Malah, lebih penting lagi kita melahirkan generasi yang cenderung kepada aktiviti keilmuan dalam sebarang perbuatan dan tindakan yang dilakukan. Inilah reputasi terpenting manusia sebagai *khalifah* Allah di muka bumi ini.

Ilmu adalah asas kepada melahirkan manusia yang beradab (Wan Mohd Nor, 1994). Tanpa ilmu yang benar, manusia yang beradab iaitu memiliki nilai-nilai moral, akhlak dan integriti tidak akan dapat dilahirkan kerana ilmulah yang membentuk jasmani,

emosi, rohani dan intelektual. Dalam konteks Malaysia, melahirkan manusia yang terdidik ini amat kritikal. Dengan pelbagai kebejatan yang berlaku seperti pecah amanah, rasuah, penipuan, dehumanisasi, krisis moral, krisis kepimpinan, stereotaip antara kaum dan sebagainya amat memerlukan penawar yang mujarab dan ia tentunya ilmu. Manusia yang berilmu adalah manusia yang beradab dan ilmulah yang dapat menuntunnya untuk melakukan kebaikan dan mengelakkan kefasadan seperti yang disebut oleh Siddiq (2012) sebagai "*Hidup Berakal; Mati Beriman*" iaitu manusia yang dapat memenuhi ciri-ciri berguna dan bermanfaat iaitu 'orang budiman' yang mana memiliki akal budi, berbudi pekerti dan berbudi bahasa serta banyak berbudi kepada orang lain.

### **9.3.3 Keazaman Politik (*political will*) dan pemertabatan etika dan peradaban**

Subtopik di atas bukan hanya suatu premis malah telah dibuktikan sebagai benar pada zaman Rasulullah s.a.w, para sahabat dan tabiin. Kepimpinan yang beramanah yang ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w dalam memimpin umat serta apa yang boleh diteladani menerusi pemerintahan pada zaman *khulafa' al-rasyidin* mestilah dipandang serius (Raghib, 2011). Kepimpinan yang tidak beramanah akan mencetuskan ketidakstabilan ekonomi, politik dan sosial. Jika ini berlaku, rakyat akan hilang kepercayaan kepada pemimpin. Pada zaman ini, banyak sekali contoh-contoh aktual yang dapat dijadikan sempadan dan teladan agar ia tidak berlaku kepada kita. Apabila pemimpin tidak amanah dan berlaku zalim maka kestabilan, perpaduan dan keadilan sosial akan hanya tinggal sebagai angan-angan sahaja.

Kestabilan, perpaduan dan keadilan sosial sesebuah negara tidak sahaja bergantung kepada agama yang dianuti oleh rakyat dan pemerintah negara, tetapi bergantung juga pada amanah, keadilan, kewibawaan seseorang pemimpin yang diamalkannya dan inilah etika yang perlu dipertahankan dan dilestarikan sampai bila-bila. Nabi Muhammad s.a.w pernah mengingatkan bahawa kelangsungan sesebuah kerajaan ditentukan oleh sifat-sifat seperti amanah, keadilan, kesederhanaan, keberanian walaupun pemerintahnya tidak beragama Islam. Unsur amanah juga penting dalam membawa kestabilan, perpaduan dan keadilan sosial (Jawiah, Fariza dan Mujahid, 2017). Sehubungan itu, Nabi Muhammad s.a.w berpesan tentang ciri-ciri orang munafik adalah ketiadaan amanah. Ciri-ciri tersebut adalah berbohong dalam percakapan, mungkir dalam perjanjian dan khianat melaksanakan amanah (Wan Mohd Nor, 2005). Justeru itulah, dalam suatu hadis yang diriwayatkan oleh Al-Hakim menyebutkan,

*"Sesungguhnya, aku diutuskan adalah untuk menyempurnakan akhlak yang mulia".*

Justeru, kestabilan, perpaduan dan keadilan sosial sama ada antara kaum maupun antara wilayah akan dapat dinikmati dengan usaha kepimpinan yang “Bersih, Cekap dan Amanah” serta mengamalkan “Kepimpinan Melalui Teladan”. Ciri-ciri kebijaksanaan, kesederhanaan, keberanian dan keadilan bersumberkan ajaran Islam yang dibudayakan oleh pemimpin akan memperkuatkan kepercayaan rakyat terhadap masa depan agama, bangsa dan negara. Pemimpin di peringkat rendah pula akan dipengaruhi oleh budaya pemimpin di peringkat lebih tinggi, yang berpengaruh dan berkuasa dalam setiap aspek kehidupan masyarakat dan negara. Amat sukar untuk menarik pelabur ataupun pelancong atau pelajar antarabangsa jika mereka tidak yakin akan kewibawaan profesional dan akhlak para pekerja rakyat kita dalam syarikat-syarikat mereka. Lebih sukar lagi menarik kepercayaan rakyat, khasnya yang berpendidikan, bermaklumat dan berani untuk terus menyokong pemerintah dan lembaga yang zalim (Wan Mohd Nor, 2005).

Apa yang rakyat mahukan selepas kemunculan konsep Malaysia Baharu selepas 9 Mei 2018 adalah sebuah tadbir urus yang beretika, berintegriti dan berkesan. Inilah konsep yang diwar-warkan oleh governan yang baharu iaitu mengembalikan kepercayaan rakyat terhadap tadbir urus yang lebih beretika dan berintegriti serta membersihkan nama Malaysia sebagai sebuah negara Kleptokrasi. Selepas lebih setahun kerajaan Pakatan harapan memerintah negara sebanyak 17 inisiatif yang telah diperkenalkan yang kesemuanya berkaitan dengan etika dan integriti masyarakat awam, penjawat awam dan ahli politik seperti berikut;

1. Mewujudkan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR) bagi menggantikan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan bagi menggerakkan dasar-dasar kerajaan berkaitan governans, integriti dan antirasuah.
2. Penubuhan Pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah Nasional (GIACC) di mana Tan Sri Abu Kassim Mohamed dilantik sebagai Ketua Pengarah yang pertama.
3. Penambahbaikan terhadap takrifan “Ahli Politik” yang didapat tidak sesuai dilantik sebagai pengurus atau ahli lembaga pengarah sesebuah syarikat atau GLC.
4. Penambahbaikan terhadap dasar perisytiharan harta oleh anggota pentadbiran Kerajaan.
5. Menggubal Akta Pembiayaan Politik bagi meningkatkan integriti sistem politik negara.
6. Penambahbaikan terhadap mekanisme penerimaan hadiah, keraian serta upahan oleh anggota-anggota pentadbiran dan penjawat awam.

7. Menggubal Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP).
8. Anggota Pentadbiran tidak lagi boleh mengeluarkan Surat Sokongan ke atas mana-mana projek atau urusan permohonan. Ketua jabatan-ketua jabatan juga diminta tidak lagi menganggap Surat Sokongan sebagai arahan atau keputusan Anggota Pentadbiran.
9. Merangka satu undang-undang yang membolehkan tindakan punitif diambil terhadap pegawai-pegawai yang sengaja menyebabkan ketirisan, pemborosan atau pembaziran kepada dana Kerajaan.
10. Mewujudkan sebuah agensi khusus yang bertanggungjawab mengintegrasikan agensi-agensi kawalan sempadan supaya pengurusan sempadan lebih berkesan.
11. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan diperkasakan. Mekanisme pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPM yang lebih telus dengan pertimbangan daripada Jawatankuasa Pilihan Parlimen.
12. Mengembalikan Kewibawaan Institusi Parlimen.
13. Memantapkan kebebasan Jabatan Audit Negara (JAN). Memberi autonomi dan meletakkan Jabatan Audit Negara di bawah Parlimen.
14. Penubuhan Central Asset Management Corporation (CAMcorp) yang bertanggungjawab bagi pengurusan aset yang dirampas, disita dan dilucut hak.
15. Inisiatif Memantapkan Integriti dan Memartabatkan Malaysia – “Malaysia dikenali kerana integritinya, bukan kerana rasuah”.
16. GIACC dilantik untuk meneliti menyelaras 223 daripada 256 syor Jawatankuasa Reformasi Institusi (IRC) yang ada kaitan dengan tadbir urus, integriti dan antirasuah.
17. Mengadakan RCI bagi menyiasat isu kewujudan kem pemerdagangan manusia dan kubur di kawasan berbukit Wang Kelian, Perlis.

### **9.3.5 Keterlestarian Etika dan Peradaban menerusi Kebudayaan Kebangsaan**

Etika dan Peradaban adalah entiti penting dalam kebudayaan. Kebudayaan adalah suatu cara hidup yang di dalamnya mengandungi pelbagai elemen ketara (*tangible*) mahu pun tidak ketara (*intangible*). Menurut Sidi Gazalba (1986), kedua-dua entiti dan adab ini tidak boleh dielak bila bercakap tentang kebudayaan. Justeru, dalam konteks Malaysia, terdapat suatu dasar yang menjadi tulang belakang kemakmuran bersama rakyat Malaysia iaitu Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Kebudayaan Kebangsaan adalah ‘pakaian’ yang mampu

untuk menunjukkan nilai, norma, identiti dan wajah nasional seseorang warganegaranya. Kebudayaan Kebangsaan seperti yang telah dibincangkan di atas mampu menjadi pemersatu antara kaum dalam konteks pembangunan sosial. Walau pun sukar pada peringkat awal dasar ini, namun kejayaan penerimaan dan perlaksanaannya telah terbukti berkesan. Kegagalan Singapura sebagai sebuah negara bangsa adalah kerana hilangnya identiti kebudayaan yang ditonjolkannya. Singapura adalah sebuah negara yang tenggelam dalam nilai-nilai globalisasi yang akhirnya tidak mampu menonjolkan asas kebudayaan masyarakatnya. Sebaliknya, Indonesia dan Thailand adalah dua buah negara jiran yang berjaya menonjolkan diri sebagai sebuah negara yang memiliki kebudayaan kebangsaan.

Justeru, sebagai warganegara yang berdaulat dan merdeka, tentulah kebudayaan kebangsaan itu amat penting dalam membina watak dan jati diri Malaysia. Menurut Wan Hashim (2012), satu-satunya elemen yang sering kali ditekankan untuk menjadi asas kepada identiti bersama adalah bahasa Melayu, yang penggunaannya dikuatkuasakan sepenuhnya semasa pemerintahan Majlis Gerakan Negara pada 1969-1970. Dengan memberikan sokongan kepada bahasa Melayu akan memastikan bahasa Melayu akhirnya diterima oleh semua komuniti sekali gus menyatakan pelbagai komuniti di Malaysia. Malangnya, di tengah-tengah gelombang globalisasi ini, segelintir pihak berjuang untuk mengangkat bahasa Inggeris sebagai medium pembelajaran dan pendidikan. Malah, di tengah-tengah kemelut perpaduan pasca Pilihanraya ke-12, kedengaran suara-suara ekstrim dan sumbang menyatakan bahawa “bahasa Inggeris adalah bahasa peradaban dan kemajuan”.

Pandangan sinis terhadap peranan bahasa Melayu dalam membangunkan peradaban ditentang oleh pejuang-pejuang bahasa Melayu. Sehingga kini, krisis keyakinan terhadap bahasa Melayu masih berlaku sedangkan banyak negara lain di dunia telah membuktikan bahawa bahasa kebangsaan bukan sahaja mampu membina perpaduan malah peradaban tinggi – Jepun, Korea Selatan, Perancis dan Jerman telah membuktikannya. Maka, benarlah apa yang diujarkan oleh Pendita Zaaba iaitu “Bahasa Jiwa Bangsa”. Dalam konteks Malaysia, bahasa Melayu adalah jiwa bangsa Malaysia, meminggirkan bahasa Melayu dan memartabatkan kedudukan bahasa Inggeris akan hanya menjarakkan hubungan kaum di Malaysia.

### **9.3.6 Kesepaduan sosial**

Sejarah telah membuktikan bahawa, nenek moyang kita (*ancestors*)

pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, dapat hidup harmoni dengan orang-orang yang bukan Islam. Pelbagai latar belakang dan keturunan pada zaman tersebut yang ‘berkampung’ di Melaka. Penduduk setempat menguasai banyak bahasa yang ditutur oleh para pedagang. Tiada konflik dan perseteruan antara orang tempatan dan orang luar. Semua hidup dalam aman dan sejahtera. Justeru, perpaduan dan keharmonian tersebut seharusnya dipertahankan oleh generasi pada hari ini. Dari sudut sejarah dan ras, memang terdapat banyak perbezaan luar dan dalam antara masyarakat pelbagai kaum, namun itu tidak bermakna kita tidak dapat mengenepikan perbezaan-perbezaan yang ada. Dunia telah banyak berubah dan bersifat terbuka, justeru pemikiran dan watak kita juga seharusnya berubah dan terbuka. Untuk mencapai kesepadan sosial yang ampuh dan jitu sememangnya memerlukan pengorbanan tinggi dan bukan sedikit. Pepatah Melayu mengatakan *‘di mana ada kemahuan; di situ ada jalannya’*.

Cita-cita sesebuah negara adalah untuk membina suatu bangsa dan suatu negara seperti mana pandangan Shamsul Amri (2012) iaitu *unity is uninormity*. Ia suatu perjuangan yang amat sukar dan bersifat utopia apatah lagi dalam konteks Malaysia. Sungguhpun peristiwa 13 Mei 1969 menjadi titik tolak membina sebuah masyarakat yang bersatu padu, namun membina sebuah negara bangsa tidaklah semudah yang disangka. Dengan latar budaya dan ciri etnik yang berbeza menyukarkan penjenamaan sebuah negara bangsa. Tan dalam Mujahid (2009) berpandangan proses perpaduan tidak mungkin tertegak tanpa satu penarafan terhadap gagasan negara bangsa yang menjadi tonggak terbina dari asasnya semua aktiviti budaya, pendidikan, ekonomi dan politik negara. Kesemua aktiviti ini melahirkan sesuatu yang bersifat kebangsaan dan bolehlah ia dianggap sebagai identiti kebangsaan yang mengambil kira keunikan dan kepelbagaian dalam negara kita.

Berlatarkan aset perkembangan sejarah di negara ini, gagasan negara bangsa yang diusahakan tidaklah semudah yang dijangkakan dan ia tidak mudah diterima oleh semua orang. Apa yang perlu disepakati oleh semua kaum di negara ini adalah penghayatan kepada nilai-nilai yang akan mencetuskan *sense of belonging* kepada warganegaranya. Menurut A. Aziz (2002: 119);

“perpaduan kebangsaan adalah perpaduan bangsa Malaysia, merujuk kepada jiwa kita antaranya dengan rasa *state or condition of being oneness, singleness, being united, concord, agreement, harmony, oneness of sentiment, affection* dan sebagainya. Kita harus memberi makna kepada perpaduan berdasarkan unsur kita, menyatukan minda dan perasaan ...”.

Pandangan yang sama turut dikongsi oleh Siddiq (2016) yang menurutnya pembinaan bangsa dalam konteks Malaysia harus berasaskan formula kepelbagaian dalam kesatuan. Kita harus dapat bersikap positif, melihat dan menerima kepelbagaian kaum, agama dan budaya bukan sebagai sumber konflik, sebaliknya sebagai aset kekuatan,kekayaan, kreativiti dan dinamika kemajuan. Bangsa tidak dapat dibina menerusi formula *melting pot* atau kawah besar peleburan. Tidak ada golongan yang rela jati dirinya dilebur. Sentimen, rasa sayang dan kesatuan inilah yang paling utama dalam apa jua usaha yang dijalankan selama ini dan pada masa depan. Namun, nilai ini pun tercabar dan inilah yang perlu disampaikan dengan baik oleh pemimpin negara untuk masa depan perpaduan di Malaysia dalam kemunculan politik merentasi kaum yang sedang laju mengubah landskap politik tanah air (Mujahid, 2002).

Pelbagai usaha telah, sedang dan akan diusahakan di pelbagai peringkat bertujuan untuk membina kesepaduan, integrasi dan perpaduan antara masyarakat. Pada peringkat negara, kerajaan telah menubuhkan jabatan yang berkaitan dengan perpaduan seperti Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN). JPNIN telah menggubal Pelan Tindakan Perpaduan dan Integrasi nasional dengan merancang pelbagai usaha untuk memupuk dan mempertingkatkan lagi perpaduan dan integrasi nasional melalui pelbagai strategi seperti (Shamsul Amri, 2012):

1. Strategi persefahaman politik.
2. Strategi keseimbangan ekonomi.
3. Strategi sistem pendidikan.
4. Strategi penggunaan bahasa kebangsaan.
5. Strategi kepercayaan agama.
6. Strategi kebudayaan.
7. Strategi integrasi wilayah.
8. Strategi keselamatan.
9. Strategi pembangunan kawasan.
10. Strategi penggunaan tenaga manusia.
11. Strategi media massa.
12. Strategi kesukanan.
13. Strategi perpaduan dan pertubuhan sukarela.
14. Strategi penyelidikan dan penerbitan bahan bacaan.
15. Strategi pemantauan isu-isu semasa dan konflik.

Selain itu, kerajaan juga telah menubuhkan Panel Penasihat Perpaduan Negara (PANEL) dan Jawatankuasa Penasihat Perpaduan Peringkat Negeri (JKPPN) yang bertujuan untuk membincangkan isu perpaduan dan integrasi nasional dan memainkan peranan yang lebih

berkesan. Badan-badan ini bertindak sebagai penyelaras kepada agensi lain dan seterusnya bertanggungjawab menasihat, melapor dan mendapatkan persetujuan Jemaah Menteri dan parlimen tentang sebarang isu yang berkaitan dengan perpaduan dan integrasi sosial.

Pelbagai dasar turut diperkenalkan yang antara lain bertujuan untuk mengukuhkan kesepaduan, perpaduan dan integrasi masyarakat Malaysia seperti Dasar Pembangunan Nasional, Dasar Sosial Negara, Dasar Kebudayaan Kebangsaan, Dasar Pendidikan Kebangsaan, Dasar Urbanisasi Negara, Wawasan 2020, Islam Hadhari, Gagasan 1Malaysia, dan Transformasi Nasional 50.

### **9.3.7 Amalan dan Penghayatan Rukun Negara**

Pengumuman bahawa Malaysia akan mempunyai ideologi kebangsaan dibuat oleh Tan Sri Ghazali Shafie pada Julai 1969, dua bulan selepas berlakunya rusuhan Mei 1969. Ini merupakan satu lagi pendekatan oleh kerajaan Malaysia untuk menangani kerenggangan hubungan kaum di Malaysia. Ia merupakan satu amalan pragmatik baharu untuk mencapai integrasi dan perpaduan nasional serta mengukuhkan status quo dan kuasa pihak pemerintah. Lima prinsip Rukun Negara adalah;

- i. Kepercayaan kepada Tuhan.
- ii. Kesetiaan kepada Raja dan Negara.
- iii. Keluhuran Perlembagaan.
- iv. Kedaulatan Undang-undang.
- v. Kesopanan dan kesusilaan.

Pengenalan Rukun Negara merupakan usaha jangka panjang yang diperkenalkan untuk mengembalikan keamanan dan keselamatan. Perkara ini digambarkan sebagai usaha membantu kerajaan dalam menarik masyarakat dan memimpin mereka ke arah perpaduan nasional. Rukun Negara diharapkan akan membantu meredakan pergeseran dalam kalangan pelbagai kaum. Dalam perspektif etika dan peradaban pula, Rukun Negara menjelaskan bahawa kelima-lima rukun ini adalah bersifat pakej dan seharusnya menjadi amalan setiap rakyat Malaysia. Jika setiap rakyat Malaysia memahami dan mengamalkan kelima-lima rukun ini dengan baik, Malaysia akan menjadi sebuah negara beretika dan berperadaban. Rukun Negara menunjukkan bahawa untuk menjadi sebuah negara yang beretika dan berperadaban maka setiap rakyat perlu berhubungan dengan Tuhan dan manusia dengan sebaiknya serta mematuhi kedaulatan undang-undang di mana-mana sahaja. Pelengkap kepadanya adalah kesopanan dan kesusilaan. Inilah karakter yang membezakan antara masyarakat yang beretika dan berperadaban dengan yang sebaliknya.

### **9.3.8 Falsafah Pembangunan Negara**

Falsafah pembangunan negara yang ada pada hari ini amat jelas jika kita merujuk kepada keseluruhan daripada apa yang diwartakan dalam Perlembagaan Persekutuan. Malah falsafah pembangunan negara secara sederhana dapat difahami menerusi apa yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Negara iaitu untuk melahirkan manusia yang seimbang dari segi jasmani, rohani, emosi dan intelektual. Dengan kata lain, manusia yang ingin dilahirkan oleh Malaysia menerusi dasar-dasar pembangunannya seperti pendidikan adalah manusia holistik yang akhirnya mampu memberi kemakmuran kepada dirinya, bangsa, agama dan kepada dunia. Maka falsafah pembangunan Malaysia ini secara operasionalnya dapat diperincikan menerusi pelbagai pelan pembangunan ekonomi, sosial dan pendidikan seperti mana yang terdapat dalam Rancangan-rancangan Malaysia. Menerusi setiap rancangan jangka panjang ini dapat ditelusuri matlamat dan objektif pembangunan jangka pendek, sederhana dan panjang.

Wan Mohd Nor (2005) menyatakan bahawa pembangunan negara yang sebenarnya adalah peningkatan kesedaran insan akan tanggungjawabnya terhadap pelbagai hakikat dan perkara mengikut urutan keutamaan yang sah dan amal perbuatan yang ikhlas, berhikmah, berani, sederhana dan adil. Dengan kata lain, falsafah pembangunan negara bukan hanya sekadar bermatlamatkan pembangunan ekonomi semata-mata iaitu menggunakan petunjuk-petunjuk ekonomi dalam mengukur maju dan mundurnya sesebuah masyarakat. Namun, skop falsafah yang lebih luas mestilah mengambil kira pembangunan jasmani, rohani, emosi dan intelektual. Justeru, menurut Wan Mohd Nor (2005), sesetengah ilmuwan di Barat merumuskan bahawa petunjuk utama pembangunan dan kemajuan manusia harus dilihat dalam empat perkara utama iaitu (i) kebebasan (ii) keadilan (iii) akhlak dan (iv) kebahagiaan. Ini bermaksud, penglahiran keempat-empat perkara utama ini dapat dilahirkan menerusi prinsip dan nilai teras yang benar iaitu Islam.

### **9.3.9 Peranan Agama dan Sistem Kepercayaan**

Apabila membincangkan etika dan peradaban dalam konteks Malaysia, aspek agama tidak boleh dikesampingkan. Dalam perspektif perkembangan peradaban, manusia yang mempunyai kepercayaan beragama mempunyai sumbangan yang besar terhadap peradaban manusia (Jawiah, Fariza dan Mujahid, 2017). Bagi negara Malaysia, kebebasan beragama telah dimaktubkan dalam perlembagaan (Abdul Aziz, 2008). Agama Islam telah dijadikan

agama rasmi Persekutuan, manakala agama-agama lain bebas untuk diamalkan (Shamsul Amri et al., 2003). Justeru, dalam kehidupan bermasyarakat dan berbudaya, ajaran-ajaran dan nilai-nilai agama dipegang kuat serta diamalkan. Ajaran dan nilai-nilai Islam boleh diringkaskan kepada prinsip umum yang mengamalkan segala kebaikan dan mencegah dari melakukan kejahanan. Nilai Islam juga boleh difahami menerusi penjelasan konsep-konsep seperti amalan baik dan perbuatan jahat, pahala dan dosa, syurga dan neraka (Jawiah, Fariza dan Mujahid, 2017). Konsep-konsep umum yang lahir daripada budaya masyarakat Melayu telah disesuaikan dengan amal kebaikan dalam ajaran Islam. Terdapat juga nilai-nilai dalam ajaran agama-agama lain yang diamalkan dalam kehidupan masyarakat Melayu yang tidak bercanggah dengan agama Islam (A. Aziz, 2001).

Pada masa kini, kehidupan masyarakat masih berpegang kuat kepada nilai-nilai yang sejagat merangkumi pelbagai aspek kehidupan termasuklah hidup berdisiplin, rajin bekerja, semangat kejiranian, menjaga kebersihan, memupuk budaya ilmu menerusi penyelidikan, penulisan dan rajin membaca, mengembalikan maruah bangsa, berdikari, kepimpinan melalui teladan, bersih, cekap dan amanah dan lain-lain lagi. Elemen tersebut adalah merupakan unsur-unsur penting yang diterapkan ke dalam masyarakat Malaysia untuk dijadikan sebagai garis panduan dalam proses membangunkan satu bangsa Malaysia yang beretika, beradab dan maju. Himpunan daripada semua konsep ini mencerminkan falsafah hidup masyarakat Malaysia moden yang diterajui oleh pemimpin-pemimpin yang berjiwa besar, bercita-cita tinggi dan mempunyai pandangan yang jauh. Para pemimpin sentiasa menyeru rakyat untuk membina satu bangsa Malaysia yang bersatu padu walau apa pun cabaran dan rintangan yang terpaksa dihadapi. Hakikatnya, bangsa Malaysia yang pernah dijajah ratusan tahun dahulu mesti berusaha untuk mewujudkan bangsa Malaysia yang berjiwa merdeka, yakin tentang kemampuan sendiri dan setaraf dengan bangsa-bangsa lain di dunia (Siddiq, 2012).

Kelestarian etika dan peradaban tidak mampu dipertahankan jika daya tahan masyarakat terhadap agama dan sistem dan kepercayaan longgar dan lemah. Asas sistem etika dan nilai amat jelas dan padu dalam agama dan kepercayaan. Hanya agama dan kepercayaan memberi paduan bagaimana untuk menjadi seorang yang baik dalam pelbagai konteks. Agama dan kepercayaan juga mengajar pengikutnya peranan dan tanggungjawab individu sebagai anak, ibu, bapa, dan pemimpin. Dalam konteks Islam misalnya, akhlak dan adab adalah salah satu daripada elemen penting untuk menjadi seorang manusia yang baik. Tanpa akhlak yang baik, Islam tidak mengiktiraf peranan seseorang sebagai ‘*khalifah*’. Untuk menjadi seorang *khalifah* (pemimpin) salah satu daripada yang perlu dimiliki

adalah akhlak dan adab yang terpuji seperti mana yang ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w semasa baginda memimpin dan mentadbir Madinah. Pada waktu tersebut orang Islam hanyala satu pertiga sahaja berbanding yang bukan Islam, namun atas kekuatan ilmu, iman dan amal serta kekuatan karakter Nabi Muhammad s.a.w, Islam telah menjadi rahmat bagi semua penduduk Madinah. Malah Islam itu sifatnya bukan hanya mendatangkan rahmat kepada Islam tetapi juga seluruh manusia di muka bumi ini (*Rahmatan lil'Alamiin*) (Mujahid, 2009).

### **9.3.10 Pembangunan Modal Insan dan Masyarakat Minda Kelas Pertama**

Pembangunan Modal Insan penting dalam perspektif kelestarian etika dan peradaban. Ramai sarjana dalam bidang sains sosial dan kemanusiaan seperti ekonomi, pengurusan dan pembangunan manusia berpandangan bahawa salah satu daripada sumber asas terpenting pada abad ke-21 ini adalah modal insan yang memiliki Minda Kelas Pertama (Abdul Rahman, 2015). Justeru, menyedari hakikat ini Perdana Menteri Kelima Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi atau dikenali sebagai ‘Pak Lah’ telah melancarkan pelan Pembangunan Modal Insan. Idea pembangunan modal insan ini merupakan asas kepada kecemerlangan generasi masa depan sebagai aset Malaysia yang paling penting dalam merealisasikan sebuah negara bangsa yang maju bukan sahaja dari segi ekonomi dan fizikal bahkan memiliki ketinggian etika dan peradaban yang tinggi. Bagi memenuhi matlamat tersebut, kerajaan berusaha menyediakan modal insan yang berwibawa dengan dilengkapi ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang termasuk sains dan teknologi. Secara spesifiknya, modal insan bermaksud (Ruslan, Mohd Mahdee dan Zaini (2010);

*“... individu yang berilmu, berkeyakinan, mempunyai nilai murni dan moral yang tinggi, beretika, berbudi pekerti, bersopan santun, berdisiplin, dinamik, inovatif, kreatif, sihat, bersemangat patriotik, adil, progresif, cekal dan berdaya saing. Modal insan yang memiliki personaliti unggul ini diharapkan dapat menyumbang dalam menentukan hala tuju negara pada masa depan”.*

Pembangunan modal insan yang dilancarkan ini mengandungi lapan teras dasar iaitu (Zaid *et al.*, 2013);

1. menambahbaik sistem penyampaian dan latihan.
2. memperkasakan sekolah kebangsaan sebagai sekolah pilihan.
3. merapatkan jurang sekolah bandar dan luar bandar.
4. membangunkan universiti yang bertaraf antarabangsa bagi memenuhi keperluan pasaran.

5. meningkatkan peluang pendidikan, latihan dan pembelajaran.
6. membangunkan masyarakat yang kreatif dan inovatif.
7. mengukuhkan perpaduan nasional dan masyarakat.
8. Meluaskan forum perbincangan antara kerajaan, sektor swasta, ibu bapa dan masyarakat.

Sungguhpun, dasar Pembangunan Modal Insan ini menjadi agenda penting pada zaman pentadbiran Tun Abdullah, namun kelapan-lapan dasar yang diperkenalkan ini masih relevan dan signifikan pada masa sekarang. Pelbagai strategi yang telah diperkenalkan sebagai usaha untuk mencapai dasar ini sehingga kini. Selain daripada melahirkan modal insan yang secara spesifik diperlukan sebagai *workforce* pembangunan negara, kerajaan juga berpandangan betapa perlunya melahirkan masyarakat berminda kelas pertama. Kedua-dua entiti iaitu *workforce* dan masyarakat minda kelas pertama sangat penting bagi mewujudkan sebuah masyarakat yang beretika dan berperadaban bagi keperluan semasa dan masa depan. Tun Abdullah sekali lagi menyatakan bahawa masyarakat berminda kelas pertama juga penting sebagai suatu strategi membangun sebuah negara yang progresif dan maju. Beliau menggambarkan masyarakat berminda kelas pertama sebagai;

*“... masyarakat yang berpengetahuan, mampu berdaya saing, berbudaya kerja cemerlang, berintegriti dan memiliki kekuatan moral. Mereka juga tahu menghayati dan menghargai budaya, kesenian dan warisan serta sejarah negara, bangsa dan agamanya. Identiti nasionalnya kekal terserlah melalui pembinaan jati diri yang kukuh dan tidak mudah dihanyutkan oleh arus globalisasi. Prinsip-prinsip Kepercayaan kepada Tuhan dan Kesetiaan kepada Raja dan Negara sentiasa dijunjung.”*

Justeru berdasarkan konsep tersebut, beberapa kata kunci yang boleh diketengahkan dalam memacu sebuah masyarakat Minda Kelas Pertama sekali gus mengukuhkan Etika dan Peradaban adalah seperti (Syed Hussein, 1992; Wan Mohd Nor, 1994; Anwar, 1997; Abdul Rahman, 2002; Mohd Azhar Abd Hamid dan Kassim, 2017);

1. Bijaksana (berhikmah).
2. Berpengetahuan (*learned*).
3. Berdaya saing.
4. Budaya kerja cemerlang.
5. Berintegriti dan bermoral.
6. Menghargai budaya, kesenian dan warisan sejarah negara.
7. Beridentiti nasional.

8. Jati diri kukuh.
9. Budaya wacana kritis.
10. Prinsip kepercayaan kepada Tuhan.
11. Kesetiaan kepada Raja dan Negara.

Justeru, pembangunan modal insan dan masyarakat minda kelas pertama adalah bersifat sembiotik dan saling melengkapi dalam usaha keterlestarian etika dan peradaban. Tanpa pembangunan modal insan yang berpengetahuan, berintegriti dan berdaya saing, agak sukar untuk negara bersaing dalam pelbagai bidang khususnya ekonomi pada peringkat global. Sebaliknya, tanpa sebuah masyarakat berminda kelas pertama negara tidak akan mencapai tahap etika dan keperadaban dan peradaban yang gemilang.

#### **9.4 PENGHAYATAN NILAI**

Antara penghayatan nilai yang penting dalam bab ini adalah;

1. membina pemikiran dan sikap yang betul terhadap etika dan peradaban dalam kalangan masyarakat.
2. menjunjung tinggi budaya ilmu, nilai-nilai moral, akhlak dan integriti dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara.
3. mengukuhkan kejujuran dan keazaman politik (*political will*) dalam memperkuuhkan etika dan peradaban serta menolak nepotisme, kronisme, politik wang dan ketidakadilan.
4. memiliki minda kelas pertama (beretika dan berperadaban) sebagai suatu strategi membangun sebuah negara yang progresif dan berkemajuan.
5. menjadi bangsa Malaysia yang berjiwa merdeka, yakin tentang kemampuan sendiri dan setaraf dengan bangsa-bangsa lain di dunia.
6. memertabat dan menghayati kelima-lima prinsip Rukun Negara sebagai tulang belakang membina sebuah negara beretika dan berperadaban.

#### **9.5 KESIMPULAN**

Keterlestarian Etika dan Peradaban adalah suatu yang penting dan mesti dipertahankan sampai bila pun. Hal ini kerana dalam konteks Malaysia, keterlestarian itu banyak bergantung kepada akar dan tradisi yang telah terbina sejak ratusan tahun yang lalu. Bukan mudah untuk membina dan membangunkan Etika dan Peradaban kerana ia merupakan suatu proses yang panjang. Maka, apa yang disaran digagaskan dalam buku Etika dan Peradaban ini adalah

antara ramuan dan rencah yang selari dan sesuai dalam konteks negara bangsa Malaysia. Tidak mudah untuk mencapai Etika dan Peradaban yang hebat seperti tamadun-tamadun lain di dunia. Namun, percayalah Malaysia memiliki ramuan dan keunikan yang tersendiri ke arah itu. Dengan formula yang betul, kepimpinan yang berintegriti dan rakyat yang bijaksana akan mampu merealisasikan cita-cita dan matlamat murni ini.

## RUJUKAN

- Abdul Aziz Deraman (1975). *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Cahaya Pantai Sdn. Bhd.
- Abdul Aziz Bari (2008). *Perlembagaan Malaysia: Asas-asas dan Masalah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Latif Samian dan Khairul Anwar Mastor (2000). *Perkembangan Sains dan Peradaban Manusia*. Bangi: Penerbit UKM.
- Abdul Rahman Abdullah (2002). *Tradisi dan Falsafah Ilmu*. Kuala Lumpur: Pustaka Ilmi.
- Abdul Rahman Embong (2015). *Negara Bangsa: Proses dan Perubahan*. Bangi: Penerbit UKM.
- Anwar Ibrahim (1997). *Gelombang Kebangkitan Asia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azmah Abdul Manaf (2005). *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hossein Mohammadzadeh (2016). The Causes of Ethnic Conflicts in Multi-Ethnics Societies. *World Scientific News*. 42 (20160. 156 – 166.
- Jawiah Dakir, Fariza Md. Sham dan Mujahid Abu Bakar (2017). *Peradaban Islam*. Bangi: Penerbit UKM.
- Lukman Z. Mohamad, Mohd Yusof Hussain dan Nor Azizan Idris (2000). *Globalisasi: Implikasi dan Cabaran*. Bangi: Penerbit UKM.
- M. Bakri Musa (2016). *Merdeka Minda Melayu*. Kuala Lumpur: ZI Publications Sdn. Bhd.

Maszlee Malik (2014). *Menuju Sejahtera Meraih Bahagia*. Shah Alam: Grup Buku Karangkraf.

Mansor Mohd Nor, Abdul Rahman Abdul Aziz dan Mohamad Ainuddin Iskandar Lee (2006). *Hubungan Etnik di Malaysia*. Petaling Jaya: Pearson Prentice Hall.

Mardiana Hussin (2014). *Pengajian Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford Fajar.

Masitah Mohd Ali, Siti Noryanie Yusoff (2016). *Nilai Masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford Fajar.

Mansor Mohd Noor, Abdul Rahman Abdul Aziz dan Mohamad Ainuddin Iskandar Lee (2006). *Hubungan Etnik Di Malaysia*. Petaling Jaya: Pearson Prentice Hall.

Mahmood Zuhdi Ab. Majid (2009). *Memahami Islam Hadhari*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mujahid Yusof (2009). *Wajah Baru Politik Malaysia*. Gombak, Selangor: AnBakri Publiku Sdn Bhd.

Mohd Azhar Abd Hamid dan Kassim Thukiman (eds.) (2017). *Budaya Ilmu dan Peranan Ilmuan Di Malaysia*. Skudai: Penerbit UTM.

Mohd Azhar Abd Hamid dan Esa Khalid (eds.) (2004). *Beberapa Aspek Tamadun Melayu, India, China dan Jepun*. Skudai: Penerbit UTM.

Mohd zaidi Ismail dan Mohd Sani Badron (2012). *Good Governance: Adab-Oriented Tadbir In Islam*. Kuala Lumpur: IKIM.

Mujahid Yusof (2009). *Wajah Baru Politik Malaysia*. Petaling Jaya: Anbakri Publiku.

Mohd Ashraf Ibrahim (2013). *Hubungan Etnik*. Kuala Lumpur: Oxford Fajar.

Nik Fuad Nik Mohd Kamil dan Noraien Mansor (2007). *Penghidupan Mapan*. Kuala Terengganu: Penerbit UMT.

Naibitt, J. (1999). *High Tech; High Touch: Technology and Search For Meaning*. New York: Random House.

- Raghib As-Sirjani (2011). *Sumbangan Peradaban Islam Pada Dunia*. Jakarta: Pustaka Al-Kaustsar.
- Rohana Yusof (1997). *Asas Sains Sosial Dari Perspektif Sosiologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ruslan Zainuddin, Mohd Mahadee Ismail dan Zaini Othman (2010). *Kenegaraan Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford Fajar.
- Ruslan Zainuddin (2003). *Sejarah Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Shaharuddin Badaruddin (2016). *Masyarakat Madani dan Politik*. Shah Alam: Institu darul Ehsan.
- Shamsul Amri Baharuddin (ed.). (2012). *Modul Hubungan Etnik*. Bangi: Institut Kajian Etnik, UKM.
- Shamsul Amri Baharuddin et al. (Eds) (2003). *Membina Bangsa Malaysia (Jilid 3): Kebudayaan dan Nilai*. Kuala Lumpur: Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.
- Shamsul Amri Baharuddin dan Anis Yusal Yusoff (2014). *Perpaduan, Kesepadan dan Penyatupaduan: Satu Negara, Satu Kata Akar dan Tiga Konsep Keramat*. Kuala Lumpur: ITBM.
- Shamsul Amri Baharuddin (ed.) (2012). *Modul Hubungan Etnik (edisi Kedua)*. Institut Kajian Etnik: Bangi.
- Siddiq Fadzil (2012). *Islam dan Melayu. : Martabat Umat dan Daulat Rakyat*. Selangor: Kolej Darul Hikmah.
- Sivarajan, P. Dan Malar Arasi, S (2012). *Sejarah SosioEkonomi Malaysia Sehingga 1970*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Shamsul Amri Baharuddin et al. (eds.) (2003). *Membina Bangsa Malaysia (Jilid 3): Kebudayaan dan Nilai*. Kuala Lumpur: Jabatan Perpaduan Negara, Kementerian Perpaduan Negara & Pembangunan Masyarakat.
- Syed Hussein al-Attas (1992). *Intelektual Masyarakat Membangun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Siddi Gazalba (1983). *Islam dan Perubahan Sosiobudaya: Kajian Islam Tentang Perubahan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.

Siddiq Fadil (2016). *Pembinaan Bangsa: Kepelbagaian Dalam Bingkai Kesatuan*. Shah Alam: IDE Research Centre.

Wan Mohd Nor Wan Daud (1994). Konsep Ilmu Dalam Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wan Hashim Wan Teh (2014). *Hubungan Etnik Di Malaysia*. Kuala Lumpur: ITBM. (Terjemahan Mohd Daud Mat Din)

Zaliza Mohd Nasir dan Norlin Ahmad (2008). "Pembangunan Sosial Dalam Hubungan Etnik". Dalam Paimah Atoma, Kassim Thukiman dan Hamidah Abdul Rahman. *Modul Pengajaran:Hubungan Etnik Di Malaysia*. Skudai: Cetak Ratu Sdn. Bhd.

Zainal Abidin Abdul Wahid et al. (1996). *Malaysia: warisan dan Perkembangan (edisi Kedua)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zaid Ahmed (ed.) (2013). *Hubungan Etnik Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford Fajar.

### **Soalan Perbincangan**

1. Jelaskan apakah yang anda fahami tentang konsep keterlestarian?
2. Huraikan konsep keterlestarian dalam konteks etika dan peradaban?
3. Bincangkan mengapa keterlestarian sangat penting kepada etika dan peradaban?
4. Mengapa strategi dan langkah diperlukan dalam keterlestarian etika dan peradaban?
5. Bincangkan secara tuntas langkah dan strategi keterlestarian dengan menggunakan pendekatan analisis SWOT (kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman) atau STEEPLE (sosiobudaya, teknologi, ekonomi, ekologi, politik, legal dan etika) dalam konteks di Malaysia?
6. Cadangkan strategi dan langkah yang kreatif dan inovatif ke arah keterlestarian etika dan peradaban di Malaysia.
7. Bincangkan strategi dan langkah berdasarkan matlamat SDG ke arah melahirkan negara Malaysia yang beretika dan berperadaban